

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. PENGENALAN

Pendahuluan ini merupakan pengenalan umum terhadap penulisan disertasi bagi menggambarkan kajian dan penyelidikan yang dilaksanakan oleh penulis secara keseluruhan. Antaranya ialah latar belakang kajian, masalah kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, skop kajian, ulasan penulisan terdahulu dan metodologi kajian.

2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Dewasa ini, masyarakat Islam telah mula mendapat kesedaran untuk mengaplikasikan peraturan yang telah digariskan oleh syariat Islam sebagai panduan dalam kehidupan harian mereka. Hal ini kerana, hasil daripada perjuangan para intelektual Islam serta kesedaran masyarakat Islam mengenai sistem ekonomi Islam, kini sistem ini telah diterima pakai dengan pesatnya dan menjadi alternatif utama dalam sistem kewangan mereka.

Perniagaan merupakan antara bidang yang terpenting dalam kehidupan manusia dari dahulu hinggalah sekarang. Boleh dikatakan bidang perniagaan telah lama wujud sejak adanya manusia di muka bumi ini. Pada awalnya perniagaan berlaku melalui sistem '*barter*' iaitu aktiviti menukarkan sesuatu barang dengan barang yang lain. Setelah itu, bidang perniagaan menjadi semakin berkembang apabila wujudnya mata wang sebagai media pertukaran. Dari hari ke hari, perkembangan bidang perniagaan telah memungkinkan konsepnya menjadi semakin luas dan tidak hanya tertumpu kepada

pembelian barangan sahaja malah meliputi juga bidang pelaburan yang sedang berkembang pesat pada hari ini.

Dari sudut pandangan Islam, perniagaan merupakan bidang yang amat digalakkan untuk diceburi umatnya kerana kebanyakan rezeki datangnya dari bidang tersebut. Perluasan konsep pada hari ini seperti pelaburan juga tidak pernah dilarang oleh Islam, asalkan unsur-unsur larangan di dalam Islam tidak diamalkan sepertimana firman Allah s.w.t :

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Yang bermaksud: *“(Allah) menghalalkan segala kegiatan perniagaan dan mengharamkan apa saja bentuk kegiatan ribÉ”*

SĖrah Al-Baqarah (2) : 275

Oleh itu, konsep perniagaan menurut Islam hendaklah diketengahkan bagi mengatasi masalah ketidakadilan serta isu dalam perniagaan sekarang. Penerangan ini perlu bagi mengukuhkan keyakinan orang ramai terhadap perniagaan menurut Islam yang melarang penggunaan ribÉ. Ini kerana, perniagaan dalam Islam tidak harus hanya berobjektifkan keuntungan semata-mata tetapi juga untuk membantu serta menjaga kebajikan masyarakat Islam itu sendiri.

Menjelang alaf mutakhir ini, bidang pelaburan telah menjadi satu aktiviti utama di dalam ekonomi dunia. Ini adalah kerana pelaburan merupakan satu wasilah yang sihat bagi memperoleh keuntungan dalam usaha untuk membentuk sesebuah negara maju lagi berdaya saing. Tambahan pula, dalam meniti era teknologi tinggi ini,

penglibatan serta sumbangan pelabur-pelabur untuk menggerakkan ekonomi sesuatu negara ke tahap yang lebih tinggi amat perlu.

Bidang pelaburan yang merupakan salah satu daripada cabang perniagaan adalah bidang yang sering dibahaskan dari segi unsur-unsur halal dan haramnya. Lebih-lebih lagi pada masa kini, bentuk-bentuk pelaburan menjadi semakin luas dan kompleks.

Sepertimana yang diketahui, bidang ini kebanyakannya dipelopori oleh orang-orang bukan Islam sehingga mampu meningkatkan taraf ekonomi mereka seperti yang sedang berlaku di kebanyakan negara di seluruh dunia termasuk negara Thailand. Keadaan ini mungkin agak berbeza sekiranya pengamalan ribÉ dan juga unsur-unsur yang dilarang oleh Islam tidak diamalkan serta konsep pelaburan menurut Islam pula diaplikasikan sepenuhnya. Sudah tentu konsep tersebut mampu menarik minat masyarakat Islam untuk bergiat lebih aktif dan serius dalam memajukan bidang perniagaan ini.

Umat Islam di Thailand juga tidak terkecuali, walaupun bidang pelaburan adalah suatu bidang perniagaan yang semakin pesat dan menerima sambutan yang menggalakkan serta mendapat sokongan yang padu daripada pihak kerajaan Thailand sendiri mahupun daripada institusi-institusi kewangan konvensional yang sedia ada. Namun begitu, bagi mereka perkara tersebut tidak dilihat sebagai peluang keemasan yang patut diambil. Ini disebabkan oleh sistem yang diamalkan adalah berdasarkan konsep ribÉ dan mereka merasa selesa dengan apa yang ada. Kewujudan *Islamic Bank Of Thailand* (ISBT) merupakan satu fenomena yang baru, namun masih belum banyak produk dan instrumen yang berkonsepkan syariah Islam yang dilaksanakan oleh ISBT didedahkan kepada orang ramai terutama dikalangan masyarakat Islam di sana.

Permasalahan yang timbul adalah akibat daripada kekaburan fahaman tentang konsep pelaburan menurut Islam dan tiada kerjasama antara satu pihak dengan yang lain serta ketiadaan model yang realistic. Hal ini telah membantutkan penglibatan umat Islam di Thailand dalam bidang pelaburan. Oleh itu, pelbagai langkah patut diambil bagi mengatasi masalah ini.

Dalam kajian ini, penulis akan menumpukan terhadap pelaksanaan instrumen amalan pelaburan yang berteraskan prinsip-prinsip syariah yang dilaksanakan oleh ISBT, melalui kajian kes di pejabat induknya. Di samping itu, penulis juga turut melihat kepada aktiviti-aktiviti dan perkembangan operasi ISBT yang berlandaskan sistem perbankan secara Islam.

Selain daripada cuba memaparkan konsep pelaburan berdasarkan syariah yang diamalkan oleh ISBT, perkara lain yang penting di sini adalah usaha untuk menarik masyarakat Islam untuk melibatkan diri dalam bidang pelaburan yang benar-benar bebas dari unsur-unsur yang ditegah dan di haramkan oleh Islam.

Kajian ini dibuat kerana penulis tertarik dan berminat untuk mengetahui sejauhmana pelaksanaan, keberkesanan serta kejayaan suatu prinsip sistem perbankan Islam yang dijalankan oleh ISBT yang mana masih merupakan sebuah sistem baru yang berbeza bagi masyarakat umum di sana.

Kajian ini dibuat terhadap ISBT kerana ia adalah bank Islam pertama Thailand yang menonjolkan sistem perbankan berdasarkan nilai-nilai suci Islam yang bertentangan dengan sistem yang berasaskan ribá seperti sistem bank konvensional

yang sudah lama menetap, bertapak serta menjadi sebahagian daripada kehidupan dikalangan masyarakat umum Thailand.

Kajian ini penting kerana beberapa instrumen utama pelaburan Islam seperti *wad'ah*, *mu'rabah*, *musyarakah*, *bay' bi-Thaman ÉjÉl (BBA)*, *bay' al-ÑInÉh (BAI)*, *bay' al-dayn*, *mur'abah*, *wakÉlah* dan *kafÉlah* sepertimana yang terdapat dalam penulisan fiqh¹ telah dikemukakan, selain pelaburan merupakan suatu mekanisme penting dalam ekonomi bagi menggerakkan dana untuk menghasilkan keuntungan. Aktiviti pelaburan juga merupakan salah satu daripada penggunaan atau perbelanjaan harta dengan lebih cekap.

3. MASALAH KAJIAN

Secara zahirnya, pihak pemerintah kerajaan Thailand telah meluluskan Akta *Islamic Bank Of Thailand* dan telah memberi peluang khususnya kepada masyarakat Islam di Thailand menikmati perkhidmatan-perkhidmatan bank yang berlandaskan sistem syariah Islam sebagaimana diimpikan oleh masyarakat Islam di Thailand sejak dahulu. Namun demikian, masih ada masalah-masalah dan isu terhadap pelaksanaan instrumen pelaburan Islam di pejabat induk ISBT di daerah Wattana, Bangkok, Thailand yang perlu dibuat penilaian kembali serta kupasan semasa. Antara masalah-masalah yang penulis tertarik untuk mengkajinya ialah :

¹ Lihat al-KÉsÉnÉ (1982), *BadÉ'iÑ al-ØanÉ'iÑ FÉ TartÉb al-SharÉ'iÑ*, j. 6, Beirut: DÉR al-Kitab al-'Arabi, h. 88; al-DardÉR (1989), *al-SharÍ al-SaghÉR 'alÉ Agrab al-MasÉlik ilÉ Madhhab al-ImÉm MÉlik*, j. 2, Emiriyah Arab Bersatu: WizÉrah al-'Adl wa al-ShuÑÉn al-IslÉmiyyah, h. 227.

i. Penulis ingin mengkaji bentuk konsep dan amalan pelaksanaan instrumen pelaburan yang diaplikasikan oleh ISBT sama ada kaedah yang dilaksanakan adalah sama seperti kebanyakan bank-bank Islam di seluruh dunia atau mempunyai keunikannya tersendiri. Oleh kerana majoriti masyarakat Thailand adalah penganut agama Buddha, penulis juga ingin mengetahui sejauh mana keberkesanan produk-produk yang ditawarkan oleh ISBT yang mengikut hukum mu'amalah Islam.

ii. Penulis juga ingin mengkaji sejauh manakah pelaburan sebagai satu cabang sistem perbankan Islam yang dijalankan ISBT ini dapat mengembangkan dirinya dan berdiri kukuh di kalangan bank-bank konvensional di Thailand yang sudah lama mantap melalui sistem ribawinya.

iii. Selain itu penulis ingin mengkaji kemampuan ISBT menjadi institusi pelaburan yang berpotensi pada masa hadapan. Tambahan pula, institusi ini merupakan satu-satunya bank Islam di negara Thailand yang menjalankan operasi perbankan yang berlandaskan syariah Islam secara keseluruhannya.

4. KEPENTINGAN TAJUK KAJIAN

Penulis berpendapat kajian yang dijalankan ini mampu memberi sumbangan dalam usaha untuk memberi kefahaman kepada masyarakat Islam di Thailand terutamanya mengenai pelaburan mengikut perspektif Islam, agar ia boleh menjadi salah satu sumber rujukan kepada individu-individu yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang pelaburan berdasarkan prinsip syariah Islam khususnya yang di jalankan oleh ISBT. Malah sebagai kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat Islam tentang

konsep pelaburan secara Islam yang sememangnya bercanggah dan berbeza secara langsung dari konsep pelaburan konvensional yang sudah terkenal dengan prinsip ribáwinya, yang telah lama bertapak di seluruh dunia dan Thailand juga tidak terkecuali. Selain itu, kajian ini juga turut mampu menarik dan menyeru lebih ramai masyarakat Islam untuk turut menceburkan diri dalam bidang ini.

Pejabat induk ISBT telah dijadikan sebagai subjek kajian agar dapat menerangkan kepada masyarakat tentang urusan perniagaan dan amalan pelaburan yang dijalankan oleh sebuah bank Islam adalah berlandaskan prinsip-prinsip syariah seperti yang telah digariskan oleh Islam.

Selain itu, kajian ini juga secara umumnya ingin menonjolkan kepada semua lapisan masyarakat bahawa Islam mengamalkan cara hidup yang syumul dan sempurna yang merangkumi segala aspek dari segi akhlak, sosial, politik mahupun ekonomi. Bukan itu sahaja, malah penulis juga dapat memahami dan mendalami ilmu ekonomi Islam dengan lebih baik terutama berkenaan bidang pelaburan sebagai instrumen penghasilan dana secara efektif dan berkesan. Ianya juga turut memberi manfaat kepada ISBT dalam usaha mempromosi dan memperkembangkan lagi produk-produk syariah yang sedia ada.

5. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama disertasi ini dihasilkan bertujuan untuk memenuhi keperluan bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Pengajian Islam secara disertasi di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk:

i. Memahami dan mendalami tentang konsep pelaburan dalam Islam mengikut perspektif hukum mu'amalah Islam untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada ISBT serta masyarakat umum.

ii. Memaparkan sejarah penubuhan, latar belakang, struktur organisasi, produk-produk perbankan, amalan urusniaga, kejayaan yang dikecapi, kesan dan permasalahan yang dihadapi di samping melihat prestasi ISBT sebagai satu-satunya bank Islam di Thailand.

iii. Mengkaji dan menganalisis sejauh mana pelaksanaan ISBT di dalam mengaplikasikan prinsip-prinsip syariah sebagai instrumen pelaburannya dan keupayaannya sebagai pelaburan alternatif kepada masyarakat di Thailand serta bank-bank konvensional di sana.

iv. Sebagai pendedahan dan input kepada mana-mana pihak yang ingin menceburkan diri dalam bidang pelaburan supaya mereka dapat mengenal dan menentengahkan instrumen-instrumen pelaburan secara Islam dalam kegiatannya kelak.

6. SKOP KAJIAN

Di dalam disertasi ini, penulis akan membataskan skop kajiannya kepada perkara-perkara berikut :

i. Kajian tentang pelaburan Islam seperti konsep, kepentingan dan sebagainya serta dalil-dalil pengharusannya berdasarkan hukum mu'amalah Islam.

ii. Memapar dan menjelaskan latar belakang, sejarah penubuhan, struktur organisasi serta amalan urusanniaga berdasarkan Islam yang dijalankan oleh pejabat induk ISBT.

iii. Memaparkan prinsip-prinsip syariah menurut hukum muÑÉmalah Islam yang diaplikasi dan diamalkan oleh ISBT.

iv. Mengkaji dan menganalisis perlaksanaan instrumen pelaburan berdasarkan prinsip-prinsip syariah Islam yang diaplikasikan oleh pejabat induk ISBT, menurut hukum muÑÉmalah Islam.

v. Tempat kajian dan penyelidikan ini hanya dikhususkan kepada pejabat induk ISBT di daerah Wattana, Bangkok, Thailand sahaja.

7. ULASAN PENULISAN TERDAHULU

Sepanjang peninjauan dan pembacaan yang telah dibuat oleh penulis terhadap kajian-kajian awal para sarjana, penulis dapati bahawa tiada kajian terperinci mengenai pelaksanaan instrumen pelaburan Islam yang dilaksanakan di ISBT mahupun institusi kewangan Islam lain di Thailand.

Oleh kerana ISBT adalah bank Islam yang terulung dan baru beberapa tahun sahaja di tubuhkan di Thailand, kemajuan instrumen pelaburan yang berdasarkan prinsip-prinsip syariah yang diamalkan masih terhad. Hal ini juga berkait rapat dengan

tahap pemahaman dan pengetahuan mengenai promosi instrumen-instrumen serta produk-produk berdasarkan syariah Islam yang masih belum mampu disebarakan secara meluas di kalangan masyarakat di sana. Namun begitu, terdapat bank-bank konvensional di Thailand yang telah mengaplikasikan instrumen-instrumen syariah Islam sebagai alternatif khususnya untuk menarik pelanggan yang beragama Islam. Mereka pandai menggunakan berbagai-bagai bentuk inisiatif dan nama seperti jendela perkhidmatan muslim (*window muslim*), cawangan *Syariah Banking Service* dan lain-lain secara khusus oleh bank-bank tersebut. Bank-bank konvensional tersebut seperti *Syariah Banking Service*, Krung Thai Bank PCL pada dasarnya sudah berlandaskan system ribá dan mereka telah lama bertapak serta beroperasi di sekitar wilayah Yala, selatan Thailand.

Namun, penulis mendapati ada beberapa kajian yang mengkaji tentang operasi institusi-institusi kewangan Islam di Thailand yang serupa tetapi tiada kaitan dengan tajuk kajian penulis. Kajian-kajian tersebut seperti hasil penulisan disertasi peringkat sarjana (M.A) yang mengkaji tentang pelaksanaan konsep *muÉrabah* yang diamalkan di *Syariah Banking Service*, Krung Thai Bank PCL., yang bertajuk Pelaksanaan MuÉrabah di Krung Thai Bank Public Company Limited, Wilayah Yala, Thailand: Analisis Menurut Perspektif Islam oleh Arphandee Hasan di Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM pada tahun 2006. Kajian tersebut hanya tertumpu kepada pelaksanaan konsep *muÉrabah* yang dilaksanakan di *Syariah Banking Service*, Krung Thai Bank PCL., (Walaupun bagaimanapun, kini *Syariah Banking Service*, Krung Thai Bank PCL., telah diserapkan ke dalam ISBT dalam usaha menggabungkan semua urusanniaga berdasarkan Islam yang terletak dibawah kawalan Kementerian Kewangan Thailand kepada satu kawalan sahaja.) Menurut perspektif Islam. Kajian tersebut bertujuan untuk melihat dari sudut kaca mata Islam serta

mengkaji kesahihan pelaksanaan sistem *muĒrabah* mengikut hukum syarak Islam di *Syariah Banking Service, Krung Thai Bank PCL*.²

Sebuah lagi kajian hasil penulisan disertasi (M.A), yang juga tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan kajian penulis, iaitu kajian mengenai peranan koperasi Islam terhadap pembangunan masyarakat Islam di Thailand. Tajuk kajian tersebut ialah *Koperasi IBN Affan Pattani: Sejarah dan Peranannya Terhadap Pembangunan Masyarakat Islam Selatan Thailand* oleh Shukri Samae di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, UM pada tahun 2006.³

Tidak dapat dinafikan bahawa kajian-kajian di atas sedikit sebanyak membantu penulis dari segi arah tujuan serta inspirasi umum dalam menjalankan kajian ini yang bertajuk *Perlaksanaan Instrumen Perlaburan Islam di ISBT*, dengan melihat pelaksanaan, amalan serta corak urusniaganya.

Namun, selain daripada kajian-kajian di atas, penulis juga mendapati bahawa ada beberapa kajian yang membicarakan tentang teori dan amalan perlaburan Islam yang sedikit sebanyak telah membantu penulis dalam usaha untuk mendalami konsep pelaburan dari kaca mata Islam dengan lebih mendalam lagi. Antaranya ialah:

Kajian berkenaan penglibatan masyarakat Islam dalam aktiviti pelaburan di BIMB, yang bertajuk *Penglibatan Masyarakat Islam Dalam Aktiviti Pelaburan di BIMB: Satu Kajian di Banting, Selangor* oleh Kamsuzilawati Kamin, yang merupakan

² Arphandee Hasan (2006), "Perlaksanaan MuĒrabah di Krung Thai Bank Public Company Limited, Wilayah Yala, Thailand: Analisis Menurut Perspektif Islam" (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian SyarĒh, Akademi Pengajian Islam, UM).

³ Shukri Samae (2006), "Koperasi IBN Affan Pattani: Sejarah dan Peranannya Terhadap Pembangunan Masyarakat Islam Selatan Thailand" (Disertasi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, UM)

disertasi dari Jabatan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM pada tahun 2002. Kajian tersebut mengkaji tentang penglibatan masyarakat Islam dalam aktiviti pelaburan di BIMB, cawangan Banting, Selangor, serta melihat prestasi skim pelaburan yang diamalkan di sana dengan menilai peningkatan penyertaan masyarakat Islam dalam akaun-akaun simpanan dan produk-produk pelaburan yang disediakan oleh BIMB cawangan Banting, dari tahun ke tahun. Kajian ini juga ada menyentuh berkenaan konsep pelaburan dari segi konvensional dan Islam di mana dapat membantu penulis dalam memahami lebih luas tentang konsep pelaburan.⁴

Selain kajian-kajian yang telah penulis sebutkan di atas, penulis juga ada membuat peninjauan terhadap latihan ilmiah yang sememangnya dapat membantu penulis ke arah pencapaian yang lebih baik dalam menjalankan kajian penulis ini. Antaranya seperti yang dibincangkan di bawah.

Latihan ilmiah yang bertajuk Pelaburan: Peranannya Dalam Pertumbuhan Ekonomi Negara, hasil penulisan Mahani binti Mohamad, latihan ilmiah di Jabatan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM pada tahun 2000.⁵ Juga kajian bertajuk Pelaburan dan Tabungan Mengikut Perspektif Islam oleh Fadzilah binti Mat Yaman, latihan ilmiah di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM pada tahun yang sama.⁶ Kedua-dua latihan ilmiah tersebut berkaitan secara tidak langsung dengan kajian penulis berkenaan dengan pelaburan. Namun begitu, kedua-dua kajian tersebut lebih tertumpu kepada teori

⁴ Kamsuzilawati Kamin (2002), "Penglibatan Masyarakat Islam Dalam Aktiviti Pelaburan di BIMB: Satu Kajian di Banting, Selangor" (disertasi, Jabatan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM).

⁵ Mahani binti Mohamad (2000), "Pelaburan: Peranannya Dalam Pertumbuhan Ekonomi Negara" (Latihan ilmiah, Jabatan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM).

⁶ Fadzilah binti Mat Yaman (2000), "Pelaburan dan Tabungan Mengikut Perspektif Islam" (Latihan ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM).

sahaja berbanding dengan kajian penulis yang lebih tertumpu kepada amalan pelaburan di ISBT.

Selain daripada kedua-dua latihan ilmiah di atas, penulis juga turut membuat rujukan daripada latihan ilmiah yang mengkaji tentang amalan pelaburan di beberapa institusi perbankan di Malaysia.

Latihan ilmiah bertajuk *Perlaksanaan Sistem Pelaburan Secara Islam: Tumpuan Kajian di Lembaga Tabung Haji, KL* oleh Nor Ashikin binti Ahmad dari Jabatan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, UM pada tahun 1998. Latihan ilmiah ini tertumpu kepada pelaksanaan pelaburan di LUTH, cawangan KL dalam usaha melihat jenis-jenis pelaburan yang diamalkan dan menilai prestasi serta pencapaian sistem pelaburan yang dijalankan oleh LUTH mengikut perspektif Islam.⁷

Latihan ilmiah bertajuk *Bank Kerjasama Rakyat Sebagai Satu Institusi Pelaburan Islam* oleh Najibah binti Mohammad Zaid dari Jabatan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, UM pada tahun 1999. Latihan ilmiah ini tertumpu kepada aktiviti-aktiviti perbankan khusus kepada skim pelaburan yang ditawarkan oleh Bank Rakyat antara tahun 1994-1997. Kajian adalah bagi melihat keupayaan bank dari segi memberi pulangan dan manfaat kepada umat Islam khususnya bagi meningkatkan taraf hidup mereka.⁸

⁷ Nor Ashikin binti Ahmad (1998), "Perlaksanaan Sistem Pelaburan Secara Islam: Tumpuan Kajian di Lembaga Tabung Haji, KL" (Latihan ilmiah, Jabatan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM).

⁸ Najibah binti Mohammad Zaid (1999), "Bank Kerjasama Rakyat Sebagai Satu Institusi Pelaburan Islam" (Latihan ilmiah, Jabatan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM).

Satu lagi latihan ilmiah yang dapat memberi penulis inspirasi dan petunjuk untuk menuju ke arah pencapaian objektif kajian ini ialah latihan ilmiah yang ditulis di Jabatan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, UM pada tahun 1998 yang bertajuk BIMB: Satu Tinjauan Mengenai Operasi Pelaburan Serta Kesannya Kepada Masyarakat Islam oleh Razali bin Abdul Rahim. Latihan ilmiah ini melihat secara keseluruhan aktiviti pelaburan yang diamalkan oleh BIMB, keberkesanan kaedah pelaburan tersebut terhadap masyarakat Islam dari segi sambutan serta tahap pencapaiannya.⁹

Latihan ilmiah di atas secara tidak langsung menyentuh tentang konsep pelaburan Islam, dan sebahagian daripadanya menyatakan perbandingan antara pelaburan Islam dan konvensional yang mana dapat diambil darinya panduan untuk kajian penulis ini.

Selain daripada kajian-kajian berbentuk disertasi dan latihan ilmiah di atas, terdapat juga kertas-kertas seminar yang berkait secara tidak langsung dengan tajuk kajian penulis yang dapat membantu dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk kajian ini.

Kertas seminar yang bertajuk Prinsip-Prinsip Syariah Di Dalam Pelaburan oleh Abdul Azim Mohd. Zabidi, dalam *Seminar on Syariah Equity Investment and Islamic Indices*, yang berlangsung pada 30 Mac tahun 2002 di Kuala Lumpur. Kertas seminar ini memaparkan tentang prinsip-prinsip syariahnya dalam pelaburan yang dapat penulis rumuskan seperti prinsip pengharaman faedah sebagai riba, tiada kontrak jaminan ke atas setiap pelaburan, penjanaan untung dengan pulangan setimpal (tiada risiko (*iwad*)),

⁹ Razali bin Abdul Rahim (1998), "BIMB: Satu Tinjauan Mengenai Operasi Pelaburan Serta Kesannya Kepada Masyarakat Islam" (Latihan ilmiah, Jabatan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi pengajian Islam, UM).

tiada manfaat (untung), penghapusan ketidakpastian (*gharÉr*) di dalam perjanjian kontrak dan tidak mempunyai penglibatan dalam industri-industri yang tidak halal.¹⁰

Satu lagi kertas seminar bertajuk Prinsip-Prinsip Syariah Dalam Pelaburan Di Pasaran Modal Islam oleh Mohd Daud Bakar dalam Seminar Pelaburan Beretika Menurut Islam: Satu Cabaran, yang berlangsung pada 13 hingga 14 Februari tahun 2001 di Kuala Lumpur. Kertas seminar ini membahaskan tentang prinsip syariah yang diamalkan sebagai instrumen pelaburan di pasaran modal iaitu pasaran saham atau ekuiti dan juga pasaran hutang serta pasaran modal teroka. Kajian ini memberi penekanan kepada kontrak *musyÉrakah* dan *muÉrabah* kerana kedua-duanya termasuk segala derivatifnya¹¹ adalah kontrak pelaburan yang sebenar.¹²

Selain itu satu lagi kertas seminar yang bertajuk Prinsip-Prinsip Syariah Dalam Muamalah Dan Pelaburan Islam Inventasi oleh Haron Din dalam Seminar on Banking Renaissance: Malaysian Aspirations, berlangsung pada 22 Julai tahun 1996 di Johor Baharu. Perkara yang dipaparkan oleh kertas seminar ini lebih menjurus kepada prinsip-prinsip etika Islam dalam kegiatan muÉmalah dan pelaburan Islam seperti prinsip *Rabbani* iaitu semua makhluk adalah kepunyaan Allah swt. Prinsip *Rabbani* ini akan dapat melahirkan para pelabur yang ikhlas, amanah dan benar. Kertas seminar ini tidak memberi sebarang penekanan atau pembahasan tentang mana-mana prinsip syariah dalam aktiviti muÉmalah mahupun pelaburan Islam.¹³

¹⁰ Abdul Azim Mohd. Zabidi (2002), "Prinsip-Prinsip SyarÉnah Di Dalam Pelaburan" (Kertas kerja seminar: SyarÉnah Equity Investment and Islamic Indices, 30 Mac 2002, Kuala Lumpur).

¹¹ Mohd Daud Bakar mengguna istilah '...segala derivatifnya' di sini bermaksud segala yang diperoleh daripada kedua-dua kontrak iaitu *musyÉrakah* dan *muÉrabah* adalah kontrak pelaburan yang sebenar. Untuk keterangan lanjut tentang perkara ini sila lihat Mohd Daud Bakar (2001), "Prinsip-Prinsip SyarÉnah Dalam Pelaburan Di Pasaran Modal Islam" (kertas kerja seminar, Pelaburan Beretika Menurut Islam: Satu Cabaran, 13-14 Februari 2001, Kuala Lumpur), hlm. 5.

¹² Mohd Daud Bakar (2001), *op. cit.*

¹³ Haron Din (1996), "Prinsip-Prinsip SyarÉnah Dalam Muamalah Dan Pelaburan Islam Inventasi" (Kertas kerja seminar, Seminar on Banking Renaissance: Malaysian Aspirations, 22 Julai 1996, Johor Baharu).

Berdasarkan pembacaan penulis daripada hasil kajian dan penulisan terdahulu, kajian tentang Pelaksanaan Instrumen Pelaburan Islam yang dilaksanakan di ISBT, Thailand, secara khusus memang tidak dapati. Walaupun, terdapat kajian tentang amalan pelaburan di beberapa institusi kewangan di Malaysia daripada karya Graduan Sarjana dan Sarjana Muda yang telah penulis paparkan di atas. Namun, kajian tersebut khusus untuk sistem perbankan Islam di Malaysia yang sedang berkembang dengan pesatnya. Kajian ini sememangnya jauh berbeza berbanding suasana sistem perbankan Islam di Thailand yang majoriti masyarakatnya adalah penganut agama Buddha. Selain itu, tidak banyak karya kajian dari peringkat Sarjana mengenai pelaksanaan amalan pelaburan di institusi-institusi kewangan Islam seperti di Malaysia sendiri untuk dirujuk.

Justeru itu, penulis berhasrat untuk membuat kajian khusus tentang pelaksanaan instrumen pelaburan menurut perspektif Islam di ISBT. Di mana, penulis berasa amat sesuai sekali dengan perkembangan ekonomi umat Islam seluruh dunia hari ini yang mula mengamalkan prinsip-prinsip syariah dalam urusan kewangan seharian mereka. Malah, kajian ini juga amat sesuai dengan kemunculan sistem kewangan secara Islam sebagai alternatif baru kepada sistem kewangan konvensional yang sedia ada. Selain itu, penulis berpendapat bahawa bidang pelaburan adalah bidang yang menarik untuk diceburi dengan lebih aktif oleh umat Islam kerana bukan sahaja mampu meningkatkan tahap ekonomi dan taraf hidup mereka, malah dapat meningkatkan martabat umat Islam ketahap yang lebih tinggi lagi berdaya saing. Hal ini amat bersesuaian sekali dengan suasana di Thailand hari ini yang mula mempraktikkan sistem kewangan Islam dalam urusan kewangan seharian mereka. Ia juga akan membuktikan bahawa instrumen yang diaplikasikan daripada prinsip syariah dapat menjadi alternatif kepada sistem ribÉ yang sudah lama bertapak di tengah-tengah masyarakat umum seluruh dunia.

Kesimpulannya, penulis menjadikan hasil-hasil kajian di atas tadi sebagai sumber panduan dan rujukan dalam usaha untuk menghuraikan serta menjelaskan dengan lebih terperinci tentang pelaksanaan instrumen pelaburan secara Islam yang khusus bagi kes di pejabat induk ISBT, Bangkok, Thailand ini.

8. METODOLOGI KAJIAN

Dalam penulisan disertasi, metodologi merupakan satu perkara yang penting untuk menghasilkan sebuah karya yang bersifat ilmiah dan berautoriti. Oleh yang demikian, jika pengkaji bagi suatu kajian menggunakan metodologi yang baik maka akan menghasilkan penulisan yang bagus serta akan mencapai objektif kajian yang dikehendaki dengan cemerlang.

Metodologi penyelidikan atau metodologi ilmiah ialah usaha-usaha untuk mendapatkan kenyataan dan penyelesaian terhadap setiap permasalahan dengan menggunakan kaedah yang sistematik dan disiplin ilmiah. Pengertian sedemikian telah dijelaskan oleh beberapa orang ilmuwan.¹⁴

Oleh yang demikian, bagi memperoleh maklumat dan data yang kukuh maka metodologi penulisan disertasi yang dijalankan oleh penulis ini akan dibahagikan kepada dua metodologi utama.

¹⁴ Koentjaraningrat (1991), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, c. 2, Jakarta: PT.Gramedia, h. 7; Ahmad Mahdzan Ayub (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi, Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5.

8.1 Metodologi Pengumpulan Data

Penyelidikan yang dilaksanakan ini bertujuan untuk mengumpul dan menyusun data-data yang bersangkutan-paut dan kemudian menganalisa data-data tersebut mengikut metode yang tertentu. Tujuan metode ini digunakan ialah untuk memperoleh maklumat-maklumat yang lengkap dan bersifat sahih (*validity*) serta kebolehpercayaan (*Reliability*) yang autentik.¹⁵ Untuk tujuan tersebut, penulis menggabungkan sejumlah metode dengan melakukan beberapa bentuk penyelidikan utama iaitu melalui perpustakaan, lapangan dan juga melayari internet.

8.1.1 Penyelidikan Perpustakaan

Kajian penyelidikan perpustakaan merupakan kajian yang telah dilakukan oleh penulis bagi mendapatkan gambaran awal mengenai kajian ini. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan data mengenai pelaburan Islam yang merangkumi dalil pensyariaan, definisi, konsep dan prinsip, objektif, kepentingan dan sebagainya serta pembahasan ulama'-ulama' klasik dan kontemporari mengenainya. Sementara bagi ISBT, penulis telah menumpu kepada latar belakang, sejarah penubuhan, tujuan dan objektif penubuhan, prinsip-prinsip dan produk-produk syariah yang diaplikasikan, maklumat korporat dan sumber modal, struktur organisasi dan sistem pengurusan, prestasi kewangan serta perkembangannya. Untuk amalan pelaburan, berdasarkan prinsip-prinsip *syariah* yang diaplikasikan oleh ISBT pula penulis memberikan penekanan menurut perspektif hukum mu'amalah Islam. Antara sumber-sumber yang telah dibuat penyelidikan oleh penulis untuk mendapatkan maklumat dan data-data

¹⁵ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Intel Multimedia Publication, h. 51.

adalah buku-buku, tesis-tesis, kertas seminar, latihan ilmiah, kamus, laporan tahunan, laporan ekonomi dan kewangan, akta ISBT serta jurnal-jurnal yang berkaitan dan sebagainya. Sumber-sumber tersebut adalah sama ada dalam bahasa Arab, English, Malaysia dan juga bahasa Thai.

Melalui metode ini penulis telah memanfaatkan beberapa buah perpustakaan untuk memperolehi bahan-bahan tersebut. Antara perpustakaan yang penulis kunjungi adalah :

- Perpustakaan Fakulti Akademi Pengajian Islam, UM, Kuala Lumpur
- Perpustakaan Utama, UM. Kuala Lumpur
- Perpustakaan Peringatan Za'ba, UM. Kuala Lumpur
- Perpustakaan Fakulti Undang-Undang, UM. Kuala Lumpur
- Perpustakaan Pusat Islam, Kuala Lumpur
- Perpustakaan Utama, UIAM. Gombak, Selangor
- Perpustakaan John F Kennedy, Unvisiti Prince of Songkhla Pattani, Pattani, Thailand dan
- Pusat Sumber pejabat induk bank ISBT, Bangkok, Thailand

8.1.2 Penyelidikan Lapangan¹⁶

Penyelidikan lapangan ini adalah penyelidikan secara langsung dan bersifat primari ke atas *sampel* yang dipilih untuk diteliti iaitu ibu pejabat ISBT, Daerah Wattana, Bangkok, Thailand. Bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan data-data yang penting berkaitan dengan operasi pelaburannya. Semasa membuat kajian

¹⁶ Penyelidikan lapangan adalah penyelidikan secara langsung terhadap objek yang dipilih untuk diteliti dan dikaji. Lihat Imam Barnadib (1982), *Erti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP- IKIP, h. 51.

lapangan, penulis juga telah menggunakan beberapa metode yang berlainan bagi memperoleh maklumat yang diperlukan untuk penyelidikan penulis ini.

i. Metode Dokumentasi¹⁷

Metode ini lebih bersifat kajian perpustakaan yang banyak bergantung kepada dokumen-dokumen yang berkaitan dengan objek yang dikaji iaitu dokumen yang mengandungi maklumat-maklumat tentang ISBT seperti laporan tahunan ISBT, laporan ekonomi dan kewangan, majalah, jurnal yang dikeluarkan oleh ISBT, surat pemberitahuan (*handbill*), koleksi akhbar dan sebagainya. Dokumen-dokumen tersebut dapat dimanfaatkan oleh penulis untuk kajian di dalam bab II, III, IV dan juga Penutup.

ii. Metode temubual¹⁸

Temubual adalah satu lagi metode penyelidikan yang dapat memberi penulis maklumat-maklumat yang bersifat langsung dan primari daripada responden yang dipilih dalam usaha untuk mendapatkan keterangan dan maklumat lanjut tentang hal-hal yang berkaitan dengan amalan pelaburan di pejabat induk ISBT.

Pada awalnya, penulis bercadang untuk menemubual seorang pegawai ISBT di Bahagian Pembangunan Produk (*Products Development Department*) dan seorang lagi daripada Bahagian Pemasaran (*Marketing Department*) ISBT. Ini kerana kedua-dua

¹⁷ Metode dokumentasi adalah proses pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang ada kaitan dengan masalah-masalah yang teliti. Lihat Charles Issawi (1962), *Filasafat Islam Tentang Sejarah*, Terj.: Dr. Ali Mukti, Jakarta: Tinta Mas, hlm. 36; Adapun dokumen-dokumen ialah benda-benda tertulis yang pelbagai yang memberi keterangan seperti gambar, kumpulan hukum, peraturan, keputusan penyelidikan dan sebagainya. Lihat Imam Barnadib (1982), *op. cit.*, h. 51.

¹⁸ Metode temubual atau wawancara adalah bertujuan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada responden dengan bercakap-cakap secara berhadapan muka dengan seseorang. Lihat Keontjaningrat (1991), *op. cit.*, hlm. 129.

bahagian tersebut mempunyai kaitan langsung dengan amalan pelaburan yang dijalankan ISBT. Di mana penulis ingin mendapatkan maklumat berkenaan sejarah penubuhan ISBT, maklumat korporat dan awam, prinsip-prinsip syariah yang diaplikasikan ISBT, corak operasi, bentuk pelaksanaan dan perkara-perkara yang berkait secara langsung dan tidak langsung dengan amalan pelaburan di ISBT. Namun begitu, oleh kerana kesulitan yang tidak dapat dielakkan, ISBT telah mewakilkan hanya seorang pegawai daripada Bahagian Pembangunan Produk sebagai wakil umum yang disahkan ISBT bahawa beliau dapat memberi penulis maklumat-maklumat yang merangkumi kedua-dua bahagian ISBT tersebut sebagaimana dikehendaki penulis untuk penulis temubual bagi mengumpul maklumat yang diperlukan sebanyak yang mungkin. Metodologi temubual ini telah dilakukan secara berhadapan bersama-sama pegawai ISBT tersebut pada tarikh 23 hingga 26 Mac 2008.

8.1.3 Melayari Internet

Sewaktu menjalankan penyelidikan, penulis turut menggunakan metode ini untuk mendapatkan data dan maklumat yang terperinci tentang ISBT mengenai bentuk operasinya yang bersifat kemaskini serta penjelasan kepada penulis akan hal-hal yang berkaitan dengan penyelidikan yang sedang dilaksanakan. Laman web yang dilayari ialah:

- Laman web Islamic Bank of Thailand: [http:// www.isbt.co.th](http://www.isbt.co.th)
- Laman web Bank Of Thailand, [http:// www.bot.or.th](http://www.bot.or.th)
- Laman web Office of the National Economic and Social Development Board, [http:// www.nesdb.go.th](http://www.nesdb.go.th)
- Laman web Fiscal Policy Office, [http:// www.fpo.go.th](http://www.fpo.go.th)

- The Office of Industrial Economics, <http://www.oie.go.th>
- Laman web Faculty of Account & Commerce, Chulalongkorn University, <http://www.oknation.net>

8.2 METODOLOGI ANALISIS DATA

Setelah memperolehi segala data dan maklumat yang dikehendaki, penulis telah membuat analisis data dan maklumat tersebut bagi mendapatkan hubungan antara kedua-duanya. Seterusnya, penulis dapat mencari dan memberi pengertian tentang persoalan kajian secara berperingkat :

i. Pada bab pertama, penulis telah cuba memaparkan konsep pelaburan menurut konvensional dan perspektif Islam, yang meliputi maksud pelaburan sebagaimana dinyatakan dalam kamus-kamus, ensiklopedia serta buku-buku fiqh, diikuti dengan ciri-ciri pelaburan, konsep serta objektif pelaburan sepertimana di bincangkan oleh para cendekiawan dan ulama' fiqh berserta dalil-dalilnya daripada, al-Qur'an dan al-Sunnah. Kenyataan mengesahkan bahawa kegiatan pelaburan Islam adalah diharuskan.

ii. Manakala dalam bab kedua penulis akan menjelaskan sedikit sebanyak mengenai latar belakang masyarakat Islam di Thailand, sejarah ke arah penubuhan institusi kewangan dan SPI di Thailand dan situasi ekonomi masyarakat Islam di Thailand. Kemudian, penulis menumpukan perbincangan kepada sejarah, latarbelakang penubuhan ISBT, matlamat penubuhan, keanggotaan, pentadbiran dan prinsip-prinsip keoperasiannya secara umum serta aktiviti- aktiviti yang dijalankan.

iii. Dalam bab yang ketiga pula, penulis akan menumpukan perbincangan kepada instrumen pelaburan berlandaskan prinsip-prinsip syariah yang diaplikasikan pejabat induk ISBT yang merupakan intipati kepada kajian ini. Selain prinsip-prinsip syariah yang diaplikasikan ISBT penulis juga bercadang untuk mengemukakan di dalam bab ini syarat-syarat, rukun-rukun, cara pembahagian keuntungan, kerugian, tempoh masa kontrak, objektif pelaburan, peranan Lembaga Penasihat Agama serta dasar-dasar pelaburannya. Kajian dan penelitian akan dilakukan secara terperinci untuk dijadikan sebagai panduan dalam menganalisis pelaksanaan instrumen pelaburan, prestasi, kesan dan masalah ISBT di dalam bab keempat kelak.

iv. Dalam bab yang keempat, penulis akan menjelaskan berkenaan pelaksanaan instrumen pelaburan menurut perspektif Islam di ISBT. Di sini analisis yang akan ditekankan ialah bentuk pelaksanaan instrumen pelaburan berdasar prinsip-prinsip *syariah* yang diaplikasi dan diamalkan di ISBT menepati dengan konsep pelaburan sepertimana yang dibincangkan para ulama' fiqh dalam bab pertama. Melihat kepada prestasi, keberkesanan pelaksanaan instrumen pelaburan di ISBT dan permasalahan yang dihadapi dalam proses pelaksanaan yang sebahagiannya berpandukan kepada Laporan Tahunan ISBT pada tahun 2004 hingga 2007.

v. Sebagai kesimpulan, penulis memberikan cadangan untuk membuat penilaian terhadap urusanniaga khususnya dalam bidang pelaburan yang dijalankan oleh ISBT dan melihat sejauh manakah peranan yang dimainkan sebagai satu-satunya bank Islam di Thailand. Bagi memantapkan lagi urusanniaga ISBT, penulis akan memberi beberapa saranan yang dapat membantu mengembangkan lagi perkhidmatannya agar kejayaan yang dicapai kini dapat ditingkatkan.

Selain menggunakan metodologi pengumpulan data dan metodologi analisis data, penulis juga telah menggunakan beberapa metode untuk mendapatkan penganalisaan data dengan lebih berkesan iaitu :

i. Metode Deduktif

Metode deduktif adalah cara memproses dan menganalisa data-data dan maklumat-maklumat berdasarkan kepada pemikiran dan ketekunan untuk mencari pembuktian bagi suatu permasalahan dengan berpandukan kepada dalil-dalil yang umum terhadap hal-hal yang bersifat khusus.¹⁹

Dengan menggunakan metode ini, penulis dapat mempraktikkannya di dalam bab pertama, kedua dan ketiga untuk membuat analisis terhadap kesahihan berpandukan dalil-dalil berkenaan pelaburan dan instrumen-instrumen pelaburan yang kemudian dihuraikan dalam bentuk yang lebih khusus.

ii. Metode Komparatif

Metode komparatif ialah kaedah membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan di antara data-data dan fakta-fakta yang diperolehi.²⁰ Penulis menggunakan metode ini untuk merumuskan kesimpulan daripada perbandingan yang dilakukan di antara instrumen-instrumen pelaburan berdasarkan prinsip-prinsip syariah mengikut perspektif hukum mu'amalat Islam dengan prinsip-prinsip syariah yang diaplikasikan sebagai instrumen pelaburan oleh ISBT seperti yang terkandung di dalam bab keempat kelak. Ia juga dapat memberi gambaran jelas mengenai tajuk kajian ini.

¹⁹ Imam Barnadib (1982), *op. cit.*, h. 51.

²⁰ Idris Awang (2001), *op. cit.*, h. 51.

iii. Metode Induktif

Metode induktif yang dimaksudkan ialah merujuk kepada pola pemikiran bagi mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus sampai kepada dalil yang umum.²¹

Penulis menggunakan metode ini dalam membuat penelitian pandangan para fuqahÉ' terdahulu dan kontemporari terhadap pemahaman hukum-hukum yang digunakan meliputi keharusan serta konsep pelaburan dan prinsip-prinsip *syariah* sebagai instrumen pelaburan. Konsep pemahaman terhadap hukum-hukum oleh para ulama' ini akan diambil sebagai bukti dan rujukan untuk membuat analisa terhadap amalan pelaburan yang dilaksanakan oleh ISBT. Hasil daripada penyelidikan ini, akan penulis rumuskan dan paparkan kesimpulan umum di dalam bab terakhir kajian Pelaksanaan Instrumen Pelaburan Islam di ibu pejabat ISBT, Daerah Wattana, Bangkok, Thailand.

Kesimpulan

Demikianlah akhirnya kajian ini dapat diselesaikan dengan penuh tanggungjawab ilmiah. Tanpa izin, pertolongan serta kesabaran yang diberikan Allah S.W.T. mustahil penulisan ini dapat disempurnakan. Namun demikian, sebagai manusia biasa dan seorang hamba Allah S.W.T. yang sememangnya mempunyai sifat lemah yang tidak akan terlepas daripada kekurangan dan kelemahan, sama ada dari segi metodologi atau rumusan hasil kajian yang telah dicapai. Walau bagaimanapun, semoga

²¹ Imam Barnadib (1982), *op. cit.*, hlm. 51-52.

kajian ini dapat memberi manfaat, menambah lagi pengetahuan dan menjadi perintis ke arah kejayaan dunia dan juga hari akhirat kepada penulis dan pembacanya. Mudah-mudahan kajian ini termasuk dalam kategori amal jariyah di sisi Allah S.W.T. *AmÊn YÉ Rabb al-‘ÓlamÊn.*

BAB I

BAB I

PELABURAN DALAM ISLAM

1.1 Pengenalan

Kegiatan ekonomi adalah satu kegiatan yang tidak boleh diabaikan oleh setiap manusia. Islam mewajibkan umatnya melibatkan diri dengan kegiatan ekonomi demi untuk menampung keperluan diri dan ahli keluarganya serta meningkatkan taraf kehidupan masyarakat. Bahkan ia merupakan *fardhu 'ayn* ke atas setiap orang Islam.

Allah swt. berfirman berbunyi:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ
وَأَذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: *Dan kemudian setelah selesai sembahyang, maka bolehlah kamu bertebaran di muka bumi, (untuk menjalankan urusan kamu masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah: dan ingatlah serta sebutlah Allah banyak banyak (dalam segala keadaan kamu): supaya kamu berjaya .”*

SĖrah al-JumuÑah (62): 10

Perniagaan adalah satu bidang terpenting di dalam sektor ekonomi. Boleh dikatakan segala kegiatan ekonomi tidak terlepas dari kegiatan perniagaan. Ia merupakan satu kegiatan yang amat fleksibel dari segi tempat dan suasana. Ini kerana mereka yang tinggal sama ada di padang pasir, pulau terpencil, pergunungan, perkampungan mahupun di bandar boleh menjadikan kegiatan berniaga sebagai sumber

rezeki.²² Berikutian betapa luas dan pentingnya dunia perniagaan di dalam sektor ekonomi, tidak hairanlah di dalam al-Qur'an sendiri terdapat ayat-ayat yang menggalakkan kegiatan perniagaan untuk diceburi sepertimana firman Allah s.w.t:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَأْكُلُوْا اَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبٰطِلِ
اِلَّا اَنْ تَكُوْنَ تِجَارَةً عَن تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara sama suka di antara kamu... .”

SĒrah an-NisĒ' (4): 29

Bahkan dari segi pandangan Islam, kegiatan perniagaan dipandang mulia selagi perjalanan perniagaannya tidak melanggar lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh syarak. Contoh ayat yang menyatakan kepentingan perniagaan di dalam Islam di mana aktiviti perniagaan dibenarkan ketika musim haji sedangkan yang lain pula tidak dibenarkan, sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Qur'an:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ اَنْ تَبْتَغُوْا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ ؕ فَاِذَا اَفْضَيْتُمْ مِّنْ عَرَفَاتٍ
فَاذْكُرُوْا اللّٰهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ ۗ

Maksudnya: “Tidaklah menjadi kesalahan kamu mencari rezeki Tuhan Kamu (dengan perniagaan meskipun di dalam musim haji). Maka apabila kamu bertolak dari Arafat, berzikirlah kepada Allah di Masy'arilharĒm.”

SĒrah al-Baqarah (2): 198

²² Sobri Solomon (1988), *Perniagaan Menurut Islam*, al-Rahmaniah: Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, h. 17.

Justeru Rasulullah s.a.w. menyeru agar umatnya melaksanakan urusan *muñÉmalah* dengan cara yang dibenarkan oleh Islam. Beliau mendidik para sahabat agar mematuhi peraturan yang telah ditetapkan malah Rasulullah s.a.w. sendiri pernah menjalankan aktiviti perniagaan dengan cara *al-muñÉrabah*. Beberapa contoh dan hadith boleh dijadikan bukti kesahihannya. Rasulullah s.a.w. pernah menjalinkan usahasama dengan *ØÉib ibn ShÉrik* di Kota Makkah. Semasa beliau bertemu Rasulullah s.a.w di Madinah, beliau mengingatkan peristiwa itu kembali dan menyebutnya dengan tanda persetujuan. Diriwayatkan Rasulullah s.a.w. bahawa Allah s.w.t. mengizinkan beliau kekal sebagai rakan kongsi ketiga, sehinggalah seorang daripada dua rakan kongsinya pecah amanah.²³ *Abbas ibn Abd al-Mutalib* juga ada terlibat dengan urusan *al-muñÉrabah* dengan syarat tertentu dan apabila Rasulullah s.a.w. memakluminya, baginda menunjukkan persetujuannya.²⁴

Selain daripada itu, sebelum Rasulullah s.a.w. diangkat menjadi Rasul, baginda juga pernah menjalankan aktiviti perniagaan dengan *Saidatina Khadijah*. *AbÈ Naim* pernah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. sebelum diangkat menjadi Rasul pergi ke Syria untuk menjalankan aktiviti perniagaan dengan menjual barang dagangan kepunyaan *Saidatina Khadijah*.²⁵

Tidak dapat dinafikan bahawa ilmu dan kegiatan perniagaan sejak dari dahulu hingga sekarang menjadikan bidang perniagaan itu sendiri berkembang dengan begitu pesat dan meluas sekali. Ia tidak hanya mencakupi bidang jual beli sahaja tetapi juga merangkumi bidang pelaburan yang merupakan bidang perniagaan yang amat penting bertahap global pada masa kini.

²³ Syams al-DÈn al-SarkhasÈ (1986), *al-MabsÈÈ*, j. 2, Beirut: DÈr al-Mañ rifah, h. 151.

²⁴ al-SarkhasÈ (1986), *op. cit.*, j. 22 h. 18.

²⁵ al-KhafÈf, ÑAIÈ (t.t), *al-Shirkah fÈ al-Fiqh al-IslÈmÈ*, Cairo: DÈr al-Nashr li-al-JÈmÈ Ñat al-Miñriyyah, h. 10.

Pelaburan atau *al-istithm*²⁶ sesungguhnya merupakan satu aktiviti yang digalakkan oleh Islam kerana ia adalah nadi kepada kemajuan umat. Pelaburan memberi banyak faedah kepada pengguna dana pelaburan secara khusus dan juga masyarakat secara umum. Di samping itu, ia juga memberi keuntungan kepada para pelabur itu sendiri, sama ada sebagai individu atau organisasi seperti syarikat dan perbadanan. Malah pelaburan merupakan salah satu daripada penggunaan atau perbelanjaan harta dengan lebih cekap di mana Allah s.w.t. mengutuk sekeras-kerasnya pembekuan wang atau harta kerana sumber-sumber kurniaan Allah adalah untuk digunakan bagi faedah diri sendiri dan juga untuk faedah orang lain di dalam lingkungan yang dibenarkan oleh Islam. Tindakan membiarkan sumber-sumber tanpa dimaanfaatkan dengan penggunaan yang betul sama ada melalui pelaksanaan pelaburan-pelaburan berdaya saing adalah dikutuk. Allah s.w.t. mengutuk perbuatan membekuan harta ini melalui firmanNya:

وَالَّذِينَ يَكْتُمُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ
فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: ...dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

SËrah al-Tawbah (9): 34

FirmanNya lagi

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا
أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿٢٥﴾

²⁶ al-ImËm MuËammad ibn AbË Bakr ibn ÑAbd al-QËdir (1992), *MukhtËr al-ØiËË*, Beirut: DËr al-Fikr, h. 119.

Maksudnya: *Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh.*

SËrah al-Munafiqun (63): 10

Begitu juga Rasulullah s.a.w. yang telah menegah tindakan yang membiarkan sumber-sumber yang menyumbang kepada keuntungan berada di dalam keadaan terbiar.

Sabdanya:

مَنْ كَانَتْ لَهُ أَرْضٌ فَالْيَدُ رَعَهَا فَإِنْ لَمْ يَذْرَعَهَا فَالْيَدُ رَعَهَا أَخَاهُ

Yang bermaksud: *“biarlah orang yang memiliki tanah mengusahakannya sendiri, dan jika ia tidak melaksanakan biarlah ia suruh saudaranya mengusahakannya”*²⁷

Boleh dikatakan bahawa tabungan yang tidak dilaburkan tak ubah seperti harta yang tidak berguna dan ini akan memberikan kesan kepada sejumlah dana yang terbiar sehingga dapat mendorong orang untuk melaksanakan kegiatan *tasarruf* (transaksi) kewangan yang tidak berkait dengan sektor ekonomi sebenar seperti spekulasi wang, spekulasi di pasaran mata wang dan pasaran modal. Sementara Islam tidak menyukai adanya tindakan penimbunan harta kerana dari pengamalan pelaburan akan memunculkan peluang untung dan rugi.

²⁷ Muslim Ibn al-×ajjËj al-QushayrË (1994), *ØalËË Muslim bi SyarË al-ImËm MuËyË al-DËn al-NawawË*, Beirut: DËr al-MaÑrifah, h. 438.

Untuk menghindari daripada perkara di atas Islam telah mewajibkan mereka yang mempunyai jumlah harta terkumpul melebihi had nisab membayar zakat tahunan pada kadar 2.5% untuk faedah golongan miskin dan yang memerlukan dalam masyarakat. Malah dengan zakat yang memberikan sumber-sumber kehidupan kepada yang memerlukan dapat membantu meningkat kuasa beli mereka dan seterusnya meningkatkan kegiatan perdagangan, aktiviti perniagaan dan pelaburan masyarakat serta membantu mewujudkan imbalan yang tetap antara pengeluaran dengan penggunaan dalam masyarakat, akhir sekali dengan secara keseluruhan dapat menjaga ekonomi sebuah masyarakat.²⁸ Oleh itu zakat di dalam Islam dapat dikaitkan dengan galakkan pelaburan kerana dengan mengenakan zakat mereka yang mempunyai harta terkumpul melebihi had nisab terutama mereka yang menjadi ahli perniagaan dan para pelabur tidak akan membiarkan hartanya hanya untuk zakat semata-mata.

Dalam Islam kenyataan ini dapat dilihat daripada gesaan *Saidina 'Umar* kepada penjaga amanah harta anak yatim. Kegagalan menggunakan wang anak yatim secara produktif akan menyebabkan harta itu akan berkurang disebabkan pembayaran zakat tahunan. Kemungkinan besar apabila anak yatim mencapai umur yang layak, hartanya sudah banyak berkurangan disebabkan zakat dan juga inflasi.²⁹

Firman Allah s.w.t. bermaksud:

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّمَنْ خَافَ عَذَابَ الْآخِرَةِ ۗ ذَٰلِكَ يَوْمٌ مَّجْمُوعٌ لَّهُ النَّاسُ
وَذَٰلِكَ يَوْمٌ مَّشْهُودٌ

²⁸ Abul A'la Maududi (1978), *Economic Problem of Man and Its Islamic Solution*, Lahore: Islamic Publication Ltd., h. 56.

²⁹ Haron Din (1996), *op. cit.*, h. 14.

Maksudnya: “Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari perangai yang buruk)”.

SËrah al-Tawbah (9): 103.

Firman Allah s.w.t. lagi yang bermaksud:

لَا يَكُونُ دُولَةٌ بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

Maksudnya: ...“Supaya jangan harta itu beredar Antara orang-orang kaya sahaja di antara kamu”...

SËrah al-ashr (59): 7

Islam menjadikan pelaburan sebagai pemenuhan keperluan sosial. Kerana Islam tidak membiarkan harta terbiar pada modal. Setiap manusia dalam sudut ekonomi mempunyai kitaran kemajuan. Ini dimaksudkan susaha setiap individu bukan hanya berbelanja sahaja tetapi harus didorong untuk membuat pelaburan sebagaimana firman Allah s.w.t. SËrah al-Tawbah ayat 34-35.³⁰

Dengan maksud yang sama, RasyÊd RilÊ juga pernah mengatakan tentang pentingnya pelaburan bahawa dirham dan dinar boleh berkembang dengan cara pelaburan kerana ia adalah saranan untuk mengambil manfaatnya dan menggunakannya. Keuntungan hanya boleh diperoleh dengan cara pelaburan. Membiarkan harta bererti

³⁰ Lihat muka surat 32.

menutup manfaatnya. Ini tidak sesuai dengan logik dan bertentangan dengan apa yang digalakkan Islam.³¹

Dari apa yang dipaparkan penulis di atas dapatlah kita menyaksikan bahawa pelaburan itu adalah suatu cabang perniagaan yang sangat penting dan amat di galakkan Islam.

1.2 Definisi Pelaburan

Mengikut Kamus Pelaburan keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka (1997), pelaburan boleh didefinisikan sebagai penggunaan wang atau dana bagi aktiviti tertentu, yang diharapkan akan menghasilkan pulangan yang lebih pada masa hadapan.³² Menurut Kamus Ekonomi pula bermaksud pelaburan adalah perbelanjaan terhadap barangan yang digunakan untuk menghasilkan barang lain. Pelaburan akan merubah stok modal yang sedia ada. Pelaburan kasar merujuk kepada jumlah perbelanjaan untuk barang modal yang baru, manakala Pelaburan Bersih pula merujuk pertambahan barang modal yang dihasilkan melebihi barangan modal yang perlu digantikan.³³

Justeru, dalam konteks ekonomi, pelaburan adalah satu bentuk penggunaan wang untuk membeli sesuatu aset sama ada aset hakiki atau aset kewangan dengan menjangkakan atau mengharapkan bahawa aset yang dibeli itu akan menghasilkan pulangan ataupun pendapatan semasa dan nilainya dijangka akan meningkat dan

³¹ Muġammad RasyĒd RiĒĒ (1999), *TafsĒr al-ManĒr*, j. 10, Beirut: DĒr al-Kutub al-Ēlmiyyah, h. 40.

³² Dewan Bahasa dan Pustaka (1997), *Kamus Pelaburan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 110.

³³ Dewan Bahasa dan Pustaka (1993), *Kamus Ekonomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 3.

memberi keuntungan pada masa hadapan, selepas mengambil kira risiko-risiko yang mungkin dihadapi.³⁴

Pelaburan juga boleh didefinisikan sebagai penangguhan wang sekarang untuk mendapatkan pulangan pada masa hadapan dengan membeli sekuriti yang memberikan pendapatan, pertumbuhan modal atau kedua-duanya sekali.³⁵

Manakala mengikut definisi konvensional menurut Frank K. Reilly (1992) pelaburan boleh ditakrifkan sebagai penyerahan dana yang ada sekarang untuk sesuatu tempoh masa bagi mendapatkan aliran dana masa hadapan yang akan memberi ganjaran kepada unit yang melabur kerana tempoh modal itu digunakan untuk kadar inflasi terjangka dan untuk ketidakpastian aliran dana masa hadapan. Takrifan ini meliputi segala jenis pelaburan sama ada pelaburan oleh syarikat dalam alat jentera, kilang dan peralatan pelaburan oleh kerajaan dalam mengawal banjir, ataupun pelaburan oleh para individu saham, bon barangan ataupun hartanah.³⁶

Menurut Keynes (1960), pula pelaburan sama dengan tabungan kerana kedua-duanya merupakan lebihan pendapatan daripada perbelanjaan. Jumlah nilai antara kuantiti tabungan dan kuantiti pelaburan timbul antara transaksi dua pihak dan keputusan untuk mengguna adalah merupakan pelaburan yang menentukan pendapatan.³⁷

³⁴ Radcliffe, R. C. (1990), *Investment – Concepts, Analysis, Strategy*, United States: University of Florida, Harper Collins Publishers, h. 4.

³⁵ Ismail Ibrahim (1996), *Glosori Pelaburan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 99.

³⁶ Frank K. Reilly (1992), *Investments*, 3rd ed., United State: The Dryden Press, h. 6.

³⁷ John Maynard Keynes (1960), *The General Theory of Employment, Investment and Money*, London: Macmillan & Co. Ltd., 61-64.

Dalam ekonomi makro, pelaburan sering dihubungkan kepada pembelian barang-barang modal seperti alat-alat produksi, bangunan dan pelaburan untuk membeli persediaan bahan mentah dan barang-barang untuk dijual. Pelaburan pada dasarnya berkaitan dengan penanaman dana ke dalam berbagai-bagai alternatif. Istilah pelaburan memiliki dua pengertian, dalam teori ekonomi secara umum diartikan sebagai penanaman dalam bentuk barang modal nyata misalnya pembinaan jalan tol dan pembinaan kilang. Sedangkan istilah pelaburan dalam bidang kewangan dihubungkan dengan penanaman dana dalam bentuk surat berharga atau yang seumpamanya. Oleh itu, pelaburan dapat dilakukan dalam bentuk aset kewangan (*financial asset*) dan aset bukan kewangan (*non financial asset*).³⁸

Bagi definisi pelaburan Islam, kebanyakan ulama' pada masa dahulu hanya membataskan pembentangnya tentang perkara yang dibenar dan tidak dibenar dalam urusan perdagangan dan tidak banyak menyentuh berkenaan pelaburan. Ini kerana, pelaburan lebih menjurus kepada subjek dalam ekonomi moden.³⁹

Dari segi istilah, *al-Istithm* bermakna menggunakan wang bagi jangka masa pendek, sederhana atau panjang dalam apa jua bentuk harta, atau hak milik yang akan berganda secara mendapat keuntungan berkala atau bertambah nilainya pada penghujung tempoh masanya atau bertambahannya itu secara manfaat tidak zahir.⁴⁰

Mengikut Othman al-Habshi pelaburan adalah melalui penyertaan ekuiti atau berkongsi keuntungan yang didasarkan atas prinsip *mu'ārah* dan *musyārah*.⁴¹

³⁸ Dahlan Siamat (1995), *Managemen Lembaga Keuangan*, Jakarta: FEUI, Ed. 2, h. 3-4; Rosalan Hj. Ali (1993), *Pelaburan Penilaian dan Penerapan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.3.

³⁹ Syed Othman Alhabshi (1994), "Islamic Thoughts and Investments" (dalam Seminar on Islamic Investment: An Exploratory Action Research, Kuala Lumpur, 2 August 1994), h. 11-12.

⁴⁰ al-QÉdir (1992), *op. cit.*, h. 119.

⁴¹ Abul Hasan M. Sadeq (1992), *Financing Economic Development and Mainstream Approaches*, Selangor: Longman Malaysia, h, 26.

Sharpe William F. telah mengtakrifkan pelaburan dalam aspek ekonomi Islam sebagai menanamkan harta untuk mewujudkan dividen (keuntungan) ekonomi dan sosial yang sesuai dengan ketentuan-ketentuan syariah Islam. Selain itu Sharpe (1995), ada mengatakan juga bahawa pelaburan ialah merupakan komitmen dana dengan jumlah yang pasti untuk mendapatkan pulangan yang tidak pasti pada masa depan.⁴²

Pelaburan di dalam Islam juga ditakrifkan sebagai satu aktiviti perletakan modal yang digunakan untuk membiayai sesuatu projek atau aktiviti perdagangan di mana pelabur akan berkongsi keuntungan dan juga menanggung kerugian dalam usaha pelaburan tersebut. Ini merupakan kesimpulan umum kepada definisi pelaburan (*istithmÉr*) yang diberikan oleh para ulama' dalam penulisan fiqh mereka. Namun, istilah yang digunakan oleh mereka pada zaman dahulu ialah *istinmÉÑ* atau pun mana-mana perkataan yang berasal daripada 'al-namÉ' iaitu satu aktiviti pengembangan harta dan bukannya *istithmÉr* iaitu pelaburan.⁴³

Malah, ada juga yang berpendapat bahawa pada umumnya pelaburan bermaksud pertukaran aset bebas risiko kepada aset yang berisiko dengan prospek pulangan yang lebih lumayan. Setiap pelaburan mempunyai jumlah risiko tertentu yang berkaitan dengannya. Pelabur boleh mengurangkan risiko tersebut jika memahami ciri-ciri perbezaan yang terdapat pada pelbagai jenis pelaburan.⁴⁴

Daripada definisi-definisi di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pelaburan adalah satu aktiviti yang melibatkan penggunaan wang atau modal pada masa sekarang

⁴² Sharpe William F. (1995), *Risk, Market Sensitivity and Diversification*, Financial Analysis Journal, Jan-Feb, h. 84.

⁴³ Lihat al-KasÉnÉ (1982), *op. cit.*, h. 88; al-DÉrdir (1989), *op. cit.*, h. 227; al-ShÉrÉzÉ (1958), *al-Muhadhdhab*, j. 1, Mesir: MaIbaÑah MuIÍafÉ al-BÉbÉ al-×alÉbÉ, h. 159.

⁴⁴ Mohd. Salleh Majid (2001), "Isu Praktikal mengenai Pelaburan Saham" (dalam Seminar Pelaburan beretika Menurut Islam: satu cabaran, Kuala Lumpur, 13-14 Feb 2001), h. 1.

untuk mendapatkan pulangan yang menguntungkan pada masa hadapan. Iaitu dengan kata lain satu penanaman modal pada hari ini bersama-sama jangkaan dan harapan untuk mendapat pulangan yang positif pada masa akan datang.

1.3 Dalil Pengharusan Pelaburan

Walaupun tidak terdapat dalil yang menyebut secara langsung tentang pelaburan namun terdapat banyak dalil sama ada dari al-Qur'an, hadith Rasulullah s.a.w. mahupun dalil ijma' yang mengharuskan usaha-usaha pelaburan.

1.3.1 Al-Qur'an

Di dalam al-Qur'an, nas-nas yang memberikan galakan kepada *mu'āmalah* kehartaan seperti firman Allah swt. dalam *Surah al-Muzammil* yang berbunyi:

وَأَحْرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

Maksudnya: *Dan orang-orang yang berjalan di muka bumi mencari sebahagian dan kurniaan Allah*"

Sūrah al-Muzammil (73):20

Dalil pengharusan pelaburan juga dapat dikemukakan berdasarkan ayat yang menyebut tentang perbelanjaan harta seperti firman Allah s.w.t. di dalam *Surah al-Halid* yang berbunyi:

ءَامِنُوا بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهِۦ ۚ وَاَنْفِقُوْا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُّسْتَحْلِفِيْنَ فِيْهِ ۗ
 فَالَّذِيْنَ ءَامِنُوْا مِنْكُمْ وَاَنْفَقُوْا لَهُمْ اَجْرٌ كَبِيْرٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: *Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian daripada harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah); mereka tetap peroleh pahala yang besar”*

SĒrah al-HaĪid (57): 7

Allah s.w.t. telah menjadikan manusia (para pemilik harta) sebagai wakil-wakil Allah di bumi untuk menjaga dan membelanjakannya mengikut cara yang digariskan oleh Allah untuk mereka.⁴⁵

Antara objektif pengurusan harta seperti yang dinyatakan oleh Muhammad al-Ūahir ibn ŃAsyĒr di dalam kitabnya ‘*MaqĒsid al-SyĒrĒŃah al-IslĒmiyyah*’ ialah untuk menjamin dan memastikan harta berada dan bergerak cergas di dalam pelbagai sektor kehidupan sehingga memungkinkan pengembangan harta (*al-IstithmĒr*) dan penggunaannya (*al-IstihlĒk*) secara meluas dan menyeluruh mengikut garis panduan *syariah*.⁴⁶

1.3.2 Al-Sunnah

Selain daripada al-Qur’an terdapat beberapa hadith-hadith yang menyebut tentang pelaburan antaranya:

⁴⁵ Nor Mohamed Yakcop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., h. 6.

⁴⁶ MuĪammad al-TĒhir Ibn ŃAsyĒr (t.t), *MaqĒlid al-SyĒrĒŃah al-IslĒmiyyah*, Tunis: t.p., h. 175.

‘Umru ibn Syu‘ayb daripada bapa dan datuknya dia berkata Rasulullah s.a.w.

dalam satu khutbahnya, baginda bersabda:

الْأَمْنُ وَلِيُّ يَتِيمًا لَهُ مَالٌ فَلْيَتَلَجَّرْ لَهُ وَلَا يَتْرُكْهُ تَاءَ كُلِّهِ الزَّكَاةُ⁴⁷

Bermaksud: *Ingatlah sesiapa yang menjaga anak yatim yang memiliki harta hendaklah dia memperniagakannya. Jangan dibiarkan ia dimakan zakat.*

Dalam satu hadith lain Rasul Allah s.w.t. bersabda:

إِبْتَعُوا فِي مَالِ الْيَتِيمِ أَوْ فِي أَمْوَالِ الْيَتَامَى لَا تَذْهَبُهَا أَوْ لَا تَسْتَهْلِكُهَا الصَّدَقَةَ⁴⁸

Bermaksud: *Carilah kelebihan (perniagakanlah) dalam harta anak yatim atau harta anak-anak yatim supaya ia tidak hilang atau dibinasakan oleh sadaqah (zakat).*

Dan juga hadith yang diriwayatkan oleh Ibn MĒjah daripada ShuŅayb r.a bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda :⁴⁹

"ثلاث فيهن البركة : البيع الى اجل والمقارضة وأخلاط البرّ
بالشعير للبيت لا للبيع"

Maksudnya: *“Perkara yang ada keberkatan padanya iaitu jualan dengan harga tangguh, MuqĒradah, dan mencampur gandum dan barli untuk kegunaan di rumah dan bukan untuk dijual”.*

⁴⁷ al-ImĒm Ibn ‘ArabĒ al-MĒlikĒ (1931), *ŒalĒh al-TirmĒdhĒ*, j. 5, Kaherah: al-MatbĒ‘ah al-MiĒrĒyyah bi al-Azhar, h. 136. Dalam *al-MuwaĒĒĒ*, al-ImĒm MĒlik ada vmenyebutkan bahawa ‘Umar ibn al-KhaĒĒb berkata “perniagakanlah harta anak yatim supaya tidak dimakan zakat”. Lihat al-ImĒm MĒlik (t.t), *al-MuwaĒĒĒ*, Riwayat Jamal al-DĒn Abd Rahman al-SuyĒtĒ, DĒr al-ŒfĒq al-JadĒdah, h. 202.

⁴⁸ AbĒ Bakr ‘Abd RazzĒq ibn HammĒm al-Œan‘ĒnĒ (1983), *al-MuĒannaf*, j. 11, al-Majlis al-‘Ilm, h. 67.

⁴⁹ al-San‘ĒnĒ MuĒammad IsmĒ‘il (t.t), *Subul al-SalĒm SyarĒ BulĒgh al-MarĒm*, j. 3, Kaherah: Maktabah ‘AĒif, h. 76.

Dalil dari hadith pertama dan kedua Rasulullah s.a.w. yang menyarankan harta anak yatim diambil untuk diperniagakan membuktikan bahawa perniagaan adalah salah satu cabang pelaburan dan aktiviti yang digalakkan oleh Islam. Manakala, hadith ketiga pula menunjukkan sejenis instrumen pelaburan yang dinamakan *muqÉraàah* (*muÌÉrabah*) turut digalakkan di dalam Islam. Justeru ketiga-tiga dalil hadith ini jelas membuktikan tentang keharusan aktiviti pelaburan di dalam Islam.

1.3.3 Al-IjmÉ‘

Selain daripada al-Qur’an dan al-Sunnah terdapat juga dalil ijmÉ‘ yang mengharuskan amalan pelaburan sebagaimana yang telah diriwayatkan bahawa sekumpulan para sahabat seperti ‘UthmÉn ibn ‘AffÉn, ‘AlÉ, Abd AllÉh ibn Mas‘Éd, ‘Abd AllÉh dan ‘Ubayd ibn ‘Umar serta ÑÓÒisyah yang turut libat dengan mengambil harta anak yatim untuk dilaburkan berdasarkan prinsip *muÌÉrabah*. Ketika itu tiada siapa pun mengingkari perbuatan tersebut.⁵⁰ Oleh itu perbuatan mereka ini dianggap sebagai ijmÉ‘.⁵¹ Demikian nyatalah bahawa telah wujud pegangan secara ijmÉ‘ sejak zaman Rasul Allah s.a.w.

1.4 Mengenali Ciri-ciri Pelaburan

Seperti bidang-bidang lain pelaburan juga mempunyai ciri-ciri yang tersendiri.

⁵⁰ ‘AlÉ al-DÉn AbÉ Bakr ibn Mas‘Éd al-KÉsÉni (t.t), *BadaÉ‘ al-ÓanÉi*, j.8, Kaherah: MaÌba‘ah al-ImÉm, h. 3588.

⁵¹ Wahbah al-ZuhaylÉ (1989), *Fiqh al-IslÉmÉ wa Adillatuh*, j. 4, Damsyik: DÉr al-Fikr, h. 838.

1.4.1 Ciri-ciri pelaburan umum

Apakah itu pelaburan dan bagaimana proses pelaburan itu berlaku? Sebagaimana takrifan pelaburan yang telah paparkan sebelum ini secara umum ia merupakan satu penanaman modal pada hari ini dengan jangkaan dan harapan untuk mendapatkan pulangan yang positif pada masa akan datang. Terdapat beberapa istilah dan ciri-ciri yang terkandung di dalam takrif pelaburan di atas yang perlu dikupas dengan lebih terperinci akan dibincangkan selepas ini.

i. Penanaman modal

Penanaman modal biasanya merujuk kepada wang yang perlu dikeluarkan untuk membeli instrumen pelaburan yang dijadikan asas kepada sesuatu pelaburan yang perlu dikorbankan.⁵² Instrumen pelaburan sebenarnya mempunyai skop yang amat luas meliputi bentuk tunai seperti akaun simpanan, simpanan tetap, mata wang asing, sekuriti pemerintah, insuran, bentuk pelaburan ekuiti seperti saham, saham pinjaman, waran, amanah saham, pelaburan aset hakiki seperti hartanah, emas, batu permata dan bentuk pelaburan hadapan seperti komoditi serta indeks pasaran hadapan.⁵³

Berdasarkan skop yang lebih luas, pelaburan juga turut meliputi bentuk pinjaman seperti pinjaman peribadi, pinjaman kebajikan (*al-Qarḥ al-ḫasan*) dan pinjaman daripada kerajaan. Jika skop yang lebih luas daripada yang dinyatakan tadi, amal jariah dan sumbangan ikhlas juga boleh dikelaskan sebagai satu bentuk pelaburan.

⁵² Shamsheer Mohamad dan Annuar Md. Nassir (2002), *Analisis Pelaburan*, Selangor: UPM, h. 3; Barjoi bin Bardai (2001), "Masalah Implimentasi Dan Kaedah Untuk Menggalakkan Pelaburan Beretika di Malaysia" (dibentangkan dalam Seminar Pelaburan Beretika Menurut Islam: Satu Cabaran, Kuala Lumpur, 13-14 Feb, paper 10), h. 1.

⁵³ Barjoi bin Bardai (2001), *op. cit.*, h. 1. Lihat juga Shamsheer Mohamad dan Annuar Md. Nassir (2002), *op. cit.*, h. 7-9.

Di sini, tenaga kerja dan kepakaran disumbangkan sebagai pelaburan dengan harapan ia akan membuahkan hasil pada masa akan datang.⁵⁴

ii. Perubahan masa

Konsep kedua terpenting di dalam pelaburan ialah perubahan masa iaitu dari hari ini (sekarang) ke masa akan datang (masa hadapan).⁵⁵ Tempoh antara hari ini dan masa akan datang ini dipanggil sebagai tempoh pelaburan. Ia adalah anggaran tempoh pelaburan bagi harta di atas. Tempoh pelaburan ini juga biasanya dikaitkan dengan tahap risiko pelaburan. Lebih panjang tempohnya lebih besarlah anggaran risikonya. Ini berasaskan kepada andaian bahawa lebih lama terpaksa berpisah dengan harta pelaburan maka lebih besarlah kemungkinan harta ini untuk hilang semasa dalam tempoh pelaburan.⁵⁶

iii. Pulangan pelaburan

Aspek ketiga terpenting pula ialah pulangan pelaburan atau dikenali juga sebagai pulangan modal. Ia adalah pendapatan daripada pelaburan dalam bentuk faedah, sewa, kenaikan modal, keuntungan urusaniaga dan lain-lain. Andaian pokoknya ialah harta atau daya usaha yang dilabur pada hari ini akan berkembang untuk mencapai matlamat pelaburan pada masa hadapan atau pada saat sasaran tempoh pelaburan. Tentunya andaian ini menjadi sangat penting kerana tanpa prospek perkembangan harta yang dilabur, mungkin tiada siapa yang akan berminat untuk melabur. Manakala prospek

⁵⁴ *Ibid.*,

⁵⁵ Shamsher Mohamad dan Annuar Md. Nassir (2002), *op. cit.*, h. 3.

⁵⁶ Lihat Lawrence J. Gitman & Michael D. Joehnk (2005), *Fundamentals of Investing*, 9th ed., Boston: Pearson Education, Inc, h. 153; Shamsher Mohamad dan Annuar Md. Nassir (2002), *op. cit.*, h. 3.

keuntungan pelaburan ini bertindak sebagai motivasi untuk pelabur melabur. Lebih tinggi harapan keuntungan maka lebih tinggilah motivasi untuk melabur.⁵⁷

Sesuatu pelaburan biasanya menghasilkan dua jenis pendapatan yang berbeza iaitu pendapatan biasa atau dikenal juga sebagai aliran tunai masuk bersih (*current income*) dan keuntungan modal atau dikenal juga sebagai perubahan nilai pelaburan (*capital gain (or losses)*) yang terhasil daripada pertumbuhan nilai aset.⁵⁸ Perbezaan pendapatan yang diterima dalam aktiviti pelaburan adalah bergantung kepada jenis pelaburan tersebut. Sekiranya pelaburan itu adalah daripada deposit jenis simpanan tetap contohnya, pendapatan yang akan diperolehi ialah pendapatan biasa tanpa melibatkan apa-apa keuntungan modal. Sebaliknya, bagi pelaburan emas dan belian yang dilakukan ianya tidak menghasilkan sebarang pendapatan biasa sebaliknya selalu menjanjikan keuntungan yang tinggi.

iv. Risiko dan ketidakpastian

Risiko merupakan satu lagi aspek yang penting di dalam pelaburan. Risiko biasanya dimaksudkan sebagai ketidakpastian tentang kadar pulangan terjangka sesuatu pelaburan,⁵⁹ ia juga ditakrifkan sebagai kemungkinan pelaburan akan mengalami kerugian di dalam tempoh pelaburan⁶⁰ atau kemungkinan pulangan sebenar hasil pelaburan dibuat akan berbeza dari jangkaannya.⁶¹ Pastiya kemungkinan ini sentiasa ada, namun berapa besar kemungkinan ini biasanya akan bergantung kepada banyak perkara. Secara umumnya, semakin tinggi potensi keuntungan pada masa hadapan

⁵⁷Barjoyai bin Bardai (2001), *op. cit.*, h. 1-2.

⁵⁸ Lawrence J. Gitman & Michael D. Joehnk (2005), *op. cit.*, h. 133; Shamsheer Mohamad dan Annuar Md. Nassir (2002), *op. cit.*, h. 38; "Proses Pelaburan" dalam *Dewan Ekonomi*, April, 1997, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 44.

⁵⁹ Frank K. Reilly (1992), *op. cit.*, h. 7.

⁶⁰ Osman Rani Hassan (1987), *Kamus Istilah Ekonomi*, Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 232; Dewan Bahasa dan Pustaka (1993), *op. cit.*, h. 235-6.

⁶¹ Lawrence J. Gitman & Michael D. Joehnk (2005), *op. cit.*, h. 161.

semakin besarlah risiko yang dihadapi. Pokoknya, kadar pulangan pelaburan yang ditawarkan akan berkadar seturut dengan risiko pelaburan ini.⁶²

Kegiatan pelaburan yang dilakukan juga tidak dipastikan secara tepat dan jelas keadaan sebenar terutamanya pada masa hadapan. Ini disebabkan sesuatu pelaburan itu amat bergantung pada kestabilan dan kekuatan sesebuah syarikat atau organisasi di samping faktor luaran seperti kadar pertumbuhan ekonomi negara. Untuk itu, para pelabur pada kebiasaannya akan membuat penelitian yang terperinci terhadap sesebuah syarikat bagi memastikan ia berkemampuan memberikan keuntungan kepada mereka sebagai pelabur.

Bagi setiap bentuk pelaburan yang dibuat, secara asasnya setiap pelaburan yang berisiko tinggi itu mampu memberikan keuntungan yang tinggi terutamanya terhadap pelaburan aset hakiki. Namun, terdapat juga pelaburan yang memberikan pulangan tetap tetapi berisiko rendah seperti simpanan tetap (*fixed deposit*), sekuriti kerajaan ataupun bon syarikat swasta (*corporate bond*).⁶³

Berdasarkan kepada hukum pelaburan, didapati wujudnya hubungan atau imbalan antara risiko dan pulangan. Ini bermakna sesuatu pelaburan yang mempunyai keuntungan yang tinggi tidak mungkin jika tidak berisiko tinggi.⁶⁴

Bagi mengatasi masalah ketidakpastian ini, keputusan yang dibuat oleh para pelabur adalah bergantung pada andaian-andaian tertentu. Andaian-andaian ini adalah perlu sebagai persiapan bagi menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang tidak

⁶² Barjoyai bin Bardai (2001), *op. cit.*, h. 1-2.

⁶³ Suhaimi Salleh (1994), *Menceburi Bidang Pelaburan, Panduan Unggul Untuk Pelabur Islam*. Singapura : Times Book International, h. 9.

⁶⁴ Lawrence J. Gitman & Michael D. Joehnk (2005), *op. cit.*, h. 133; Dewan Ekonomi (1997), *op. cit.*, h. 58.

dijangka. Sebagai contohnya, keadaan kejatuhan nilai mata wang negara boleh mengakibatkan berlakunya kemerosotan dalam ekonomi. Keadaan seumpama ini juga turut memberi kesan kepada sektor pelaburan. Dan sekiranya keadaan ini berterusan, maka lebih ramai pelabur yang akan berundur diri kerana ketidakyakinan terhadap pelaburan yang ingin dilakukan supaya dapat memberi keuntungan seperti yang dijangkakan.⁶⁵

v. Kecairan

Kecairan ialah ciri-ciri pelaburan dalam sistem pasaran sekarang. Ia adalah kadar kecekapan dalam pertukaran sesuatu aset kepada wang tunai. Sesuatu pelaburan itu dianggap sebagai cair sekiranya ia boleh ditukarkan dalam bentuk wang tunai dengan segera.⁶⁶

Dalam pelaburan, kecairan yang tinggi akan menggalakkan lagi penyertaan golongan pelabur. Ini kerana, kadar kecairan dianggap penentu kepada kecekapan sesuatu aset yang dilaburkan itu dapat ditukar kepada wang tunai dan keuntungan yang diperolehi adalah lebih cepat dengan risiko yang rendah.⁶⁷

Pasaran saham, kontrak hadapan dan opsiyen adalah merupakan jenis pelaburan yang mempunyai kecairan dengan kadar yang tinggi kerana aktiviti urusniaga yang agak aktif dan jumlah (*volume*) niaganya lebih besar di samping sentiasa wujudnya penjual dan pembeli.⁶⁸

⁶⁵ Lawrence J. Gitman & Michael D. Joehnk (2005), *op. cit.*, h. 135-6, 151.

⁶⁶ Ismail Ibrahim (1994), *Pelaburan Dalam Pasaran Sekuriti, Hadapan dan Opsyen*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 6.

⁶⁷ *Ibid.*,

⁶⁸ *Ibid.*,

1.4.2. Ciri-ciri pelaburan menurut kaca mata Islam

Islam memandang pelaburan itu sebagai satu wasilah yang sihat untuk mengembangkan modal, sebagaimana telah dinyatakan sebelum ini Islam menganggap bahawa harta pada asalnya adalah mulia apabila dipelihara daripada percampuran dan penggunaan untuk perkara-perkara yang tidak baik.⁶⁹

Justeru itu dalam Islam, terdapat cara-cara bagaimana harta digunakan iaitu;

Dibelanjakan: Ada yang bersifat wajib iaitu zakat⁷⁰ apabila cukup haul dan nisabnya. Ada juga yang bersifat sunat iaitu *îedekah*⁷¹ kepada kaum kerabat, golongan lemah, golongan memerlu dan juga semua amal kebajikan yang lain.

Dilaburkan: Harta itu dilaburkan dalam kegiatan ekonomi⁷² seperti industri makanan, pakaian dan sebagainya.

Disimpan: Wang itu disimpan untuk kegunaan pada masa akan datang⁷³.

Islam menggalakkan manusia menggunakan modal dan harta kekayaan untuk dilabur dan dikembangkan. Walau bagaimanapun manusia tidak seharusnya lupa bahawa segala kekayaan harta tersebut adalah milik Allah s.w.t. yang abadi. Manusia hanyalah sebagai khalifah yang diamanahkan untuk memelihara dan menggunakan harta tersebut untuk mencapai *al-falah* dan *hayat tayyibah* sahaja.

⁶⁹ Muíammad RawÉs al-QalÑah (1997), *MabÉítí FÊ al-IqtíÉd al-IslÉmÊ Min UÏËlîí al-Fiqhiyyah*, Beirut: DÊr an-Nafa'is, h. 33.

⁷⁰ Lihat al-Qur'an seperti: SÊrah al-Baqarah (2): 43, 83, 177; SÊrah an-Nisaa' (4) : 77. 162.

⁷¹ Lihat al-Qur'an seperti: SÊrah al-Baqarah (2): 3, 197, 263,271; SÊrah at-Taubah (9): 58, 60.

⁷² Lihat al-Qur'an seperti: SÊrah al-Baqarah (2): 198; SÊrah as-Nisaa' (4): 29; Quraisy (106): 2.

⁷³ Lihat al-Qur'an, SÊrah an-Nisaa' (4): 5; SÊrah al-Baqarah (2): 283.

Pada dasarnya, pengembangan modal dan harta kekayaan yang dituntut oleh Islam adalah bertujuan membangunkan ekonomi negara, memberi kebahagiaan kepada umat manusia dan merapatkan jurang perbezaan dalam pengagihan kekayaan.⁷⁴

Kegiatan pelaburan yang dilakukan menurut pandangan Islam dapat menggalakkan lagi aktiviti-aktiviti perniagaan dan mengiktiraf pelaburan sebagai satu aktiviti pengembangan modal dan kekayaan. Ini kerana kekayaan merupakan nikmat daripada Allah s.w.t., Allah berfirman:⁷⁵

وَاللَّهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا تَخْلُقُ مَا يَشَاءُ
وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: “...Dan (ingatlah) bagi Allah juallah kuasa pemerintahan langit dan segala yang ada di antara keduanya..”

SĒrah al-Ma’idah (5): 17

Kekayaan alam yang harus dinikmati oleh manusia adalah satu amanah Allah s.w.t. sebagai khalifah di muka bumi yang mesti dipelihara mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan di dalam syariat-Nya. Firman Allah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”.

SĒrah al-Baqarah(2): 30

⁷⁴ MuĀammad RawĒs al-QalĀnah (1997), *op. cit.* h. 33.

⁷⁵ Lihat juga SĒrah al-Ma’idah (5): 18; SĒrah Taha (20): 6, SĒrah al-Baqarah (2): 284.

Firman Allah lagi:

وَأَنْفِقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُسْتَحْلِفِينَ فِيهِ ۖ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَأَنْفَقُوا
هُم أَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: “...dan belanjakanlah (segala kekayaan yang telah diperolehi pada jalan kebajikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikan untuk kamu menguasainya sebagai wakil-Nya. Maka orang-orang beriman yang membelanjakan (sebahagian hartanya pada jalan Allah) adalah mereka akan beroleh pahala yang besar”.

SĒrah al-HadĒd (57): 7

Umat Islam dituntut untuk mengembangkan kekayaan melalui pelbagai cara yang dibenarkan oleh syarak. Pengembangan kekayaan dalam bentuk pelaburan bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada para pelabur, malah turut dirasai oleh setiap golongan masyarakat.⁷⁶

Kegiatan pembiayaan dan pelaburan yang dilakukan juga dianggap sebagai aktiviti memakmurkan alam ini dengan membelanjakan harta-harta yang ada pada jalan Allah s.w.t. Sumber pengeluaran yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. di bumi ini perlu digunakan dan tidak dibiarkan hanya tersimpan atau sehingga terlepas kepada pihak lain terutamanya musuh Islam.

Sebagaimana Firman Allah swt.:

وَالَّذِينَ يَكْتُمُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا
فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿١٠٤﴾

⁷⁶ Sobri Solomon (1989), *Ekonomi Islam: Pengenalan Sistem Dan Kemungkinan*, Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia: al-Rahmaniah, h. 128.

“...Dan orang-orang menyimpan emas dan perak (pembekuan modal) dan tidak menafkahkan (melaburkan) pada jalan Allah, maka beritahulah mereka bahawa mereka akan mendapat seksa yang pedih”.

SËrah al-Tawbah (9): 34

Dan juga firman Allah swt. yang ber bunyi;

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

“Dan belanjakan (apa yang ada pada kamu) kerana menegakkan agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil): dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihani orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya”.

SËrah al-Baqarah (2):195

Khalifah ÑUmar al-KhaïËEb juga pernah mendesak umat Islam supaya menggunakan modal mereka dengan cara yang produktif sebagaimana katanya:

“Orang yang mempunyai wang dikembangkan /dilaburkan dan orang yang mempunyai tenaga mestilah diusahakan”⁷⁷

Nyatalah bahawa Islam menggalakkan pelaburan namun bukan bermakna kegiatan pelaburan boleh dilaksanakan secara bebas tanpa ada sekatan dan batasan

⁷⁷ Muñammad ×usËn ×aykal (1963), ×ayËt Muñammad, j. 2, Kaherah: Maktabah al-NahËlah al-ÑArabiyyah, h. 229.

tertentu. Para sarjana ekonomi Islam telah menentukan beberapa peraturan asas pelaburan iaitu.⁷⁸

- 1) Sistem sosial Islam menyarankan supaya penggunaan perlu berdasarkan keperluan dan keselesaan hidup. Dasar ini telah dipersetujui oleh semua sarjana Islam dan penggunaan secara mewah adalah dilarang.
- 2) Lebihan pengeluaran dalam penggunaan dari sebarang jenis harta tidak digalakkan kerana ia boleh mewujudkan pembaziran faktor-faktor pengeluaran.
- 3) Pelaburan sebenarnya ialah faedah yang didapati dalam pengeluaran barangan keperluan dan keselesaan hidup. Oleh itu, lebih banyak modal yang diperlukan untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran mengikut masa tertentu dan mengetahui bagaimana cara mengeluarkan, meningkatkan serta mengembangkan.

Sudah nyata Islam mengambil kira tentang penggunaan harta kekayaan iaitu harta mestilah digunakan berdasarkan peraturan yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. Harta bukanlah asas tetapi sebagai wasilah atau penghubung untuk memenuhi keperluan manusia. Harta juga boleh mendatangkan kebaikan kepada manusia sekiranya ia digunakan kepada saluran-saluran yang betul dan diredhai seperti zakat, *îedekah*, hibah dan sebagainya. Tetapi harta juga boleh mendatangkan kerosakan sekiranya ia digunakan untuk tujuan-tujuan kemaksiatan, pembaziran dan sebagainya.

⁷⁸ Masadul Alam Choudhury (1986), *Contributions to Islamic Economic Theory: A Study in Social Economics*, London: Mc Millan Press Ltd., h. 135.

Secara umumnya, perkara-perkara yang perlu diketahui dan diutamakan dalam menjalankan aktiviti perniagaan dan pembiayaan serta pelaburan agar tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip syariah adalah seperti berikut:

i. Pembaziran

Pembaziran ialah lebih dalam membelanjakan harta kepada perkara-perkara yang tidak sewajarnya ataupun pada jalan yang tidak diredhai. Gelagat individu dalam berbelanja harus diawasi kerana sikap boros dan membazir turut memberi kesan negatif kepada perkembangan ekonomi.⁷⁹ Perbuatan boros dan membazir dalam membelanjakan harta dianggap sebagai perbuatan syaitan yang terkutuk sebagaimana firman Allah swt. yang bermaksud:

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ^ط وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا^{٧٩}

“Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan; sedangkan syaitan itu pula adalah terlalu amat kufur terhadap Tuhannya.”

SĒrah al-IsrĒ (17): 27

Oleh kerana Islam berhasrat mewujudkan suasana ekonomi yang harmoni dan adil maka umat Islam mesti menghindari perlakuan yang boleh mendorong manusia melakukan kemerosotan. Perbelanjaan yang dilakukan dengan tujuan untuk menunjukkan dan bermegah-megah menyebabkan bertambah luas jurang perbezaan antara golongan kaya dengan miskin bahkan sikap sombong dan angkuh ini hanya menambahkan kekufuran manusia kepada Allah s.w.t.⁸⁰

⁷⁹ Suhaimi Salleh (1994), *op. cit.*, h. 138;

⁸⁰ Moġammad Umer Chapra (1993), *Towards A Just Monetary System: Discussion of Money, Banking and Monetary Policy in the Light of Islamic Teachings*. Leicester (U.K.): Islamic Foundations, h. 82-83.

ii. Pembekuan modal

Tujuan asas pembentukan modal itu adalah untuk diperkembangkan dan bukan untuk disimpan atau dibekukan. Perkembangan ekonomi banyak bergantung kepada perkembangan modal yang ada. Pembekuan modal menyebabkan kurangnya jumlah modal yang boleh bergerak untuk pelaburan dalam perdagangan, pertanian dan perindustrian yang akan membantutkan pertumbuhan ekonomi masyarakat dan negara. Implikasinya akan membawa kepada bertambahnya kadar kemiskinan. Ini kerana pembekuan modal akan menyekat aktiviti-aktiviti ekonomi daripada menjadi produktif dan seterusnya tidak dapat memberi sebarang faedah kepada pemiliknya.⁸¹

Segala modal wajib dilaburkan dalam bidang yang produktif agar tuan punya modal dapat menikmati hasil pelaburan tersebut, di samping mereka yang mengusahakan modal tersebut mendapat pulangan yang berpatutan. Oleh itu, segala modal yang ada hendaklah dimanfaatkan dan diberikan kepada mereka yang pakar dalam bidang kepakaran atau sektor masing-masing bagi menguruskan dengan sebaiknya. Nyata sebagaimana yang dijelaskan oleh firman Allah s.w.t. dalam al-Qur'an bermaksud:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ
بِالْبَطْلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْتُمُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا
يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٤﴾

⁸¹ Sobri Solomon (1989), *op.cit.*, h. 139.

“Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya ramai di kalangan pendeta dan ahli agama (Yahudi dan Nasrani) yang memakan harta orang ramai dengan cara yang batil, dan mereka menghalangi manusia dari jalan Allah. Dan ada mereka yang menanamkan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah: maka khabar-kanlah kepada mereka dengan balasan azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

SËrah al-Tawbah (9): 34

iii. Lain-lain

Di samping ciri-ciri asas yang dinyatakan di atas, Islam juga telah meletakkan beberapa unsur tertentu yang mesti di jauhi sewaktu menjalankan aktiviti pelaburan ini seperti spekulasi, perjudian, penyorokan, jualan hadapan, pasaran gelap dan amalan yang tidak jujur.⁸² Begitu juga dengan unsur *gharÉr* dan ketidakpastian. Di dalam kegiatan menjual beli, situasi seperti barangan yang tidak pasti kewujudannya, penipuan harga dan sifat jualan serta keraguan harga⁸³ yang akan penulis bantangkan dengan lebih terperinci berkenaan unsur-unsur yang ditegah dalam pelaburan Islam.

Menerusi ciri-ciri yang telah penulis paparkan di atas, dapat dirumuskan bahawa konsep pelaburan Islam itu bukan sahaja dinilai dari keuntungan material semata-mata tetapi penekanan diberikan juga kepada aspek-aspek kebajikan, sosial dan ketaatan pada agama (Pencipta) sebagaimana yang digariskan oleh Islam. Sebarang unsur yang membawa kepada kemudaratan kepada pelabur serta masyarakat sekitar perlu dihindarkan. Dengan ini, kesucian pelaburan yang dijalankan itu akan terjamin sekaligus matlamat pelaburan itu akan dapat dicapai.

⁸² Jomo K.S. (1996), *Alternatif Pelaburan Islam, Prospek Kritis dan Haluan Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 133.

⁸³ Nor Mohamed Yakcop (1996), *op. cit.*, h. 27.

1.5 Unsur-unsur Yang Ditegah Dalam Pelaburan Islam

Bidang pelaburan amat digalakkan oleh Islam. Namun, ia hendaklah terhindar dari unsur-unsur yang tidak dibenarkan oleh Islam. Pelaburan Islam hendaklah terhindar dari 3 elemen-elemen negatif yang berikut:

1.5.1 RibÉ

Kebanyakan ulama' Islam menyatakan bahawa ribÉ bukan hanya bunga dan faedah daripada aktiviti matawang sahaja, malah ia adalah segala perkara tambahan yang diperolehi yang tidak setara dengan perkerjaan mahupun barang perniagaan seseorang.⁸⁴ Dari sini, boleh dikatakan bahawa kebanyakan urusan perniagaan pada hari ini yang direstui oleh undang-undang moden telah bercampur-aduk dengan ribÉ yang diharamkan oleh Islam terutamanya *ribÉ al-faÏl*.⁸⁵

RibÉ yang terbahagi kepada 2 jenis iaitu *ribÉ an-nasÉ'Éh* dan *ribÉ al-faÏl*, telah menimbulkan perbezaan pendapat dikalangan para ulama'. Ibn 'Abbas dan pengikutnya menyatakan ribÉ itu hanya pada urusaniaga tertanggung sahaja. Golongan itu berpendapat bahawa ribÉ yang diharamkan oleh Islam adalah *ribÉ' al-jÉhiliyyah* sahaja iaitu ribÉ

⁸⁴ *RibÉ* mengikut istilah bahasa bermakna meningkat, tambah, mengembang atau pertambahan. Lihat Ibn ManĐËr (1968), *LisÉn al-'Arab*, j. 14, Beirut: DËr ØÉdir li al-ÙabÉ'ah wa al-Nashr, h. 304-307; al-ZubaydË (1306 H/1885), *TËj al-'ArËs*, j. 10, Kaherah: al-MaÏba'ah al-Khairiyyah, h. 142-143; RËghib al-IsfahËnË (1961), *al-MufradËt fi GharËb al-Qur'Ën*, Kaherah: MuÏlafË al-BËbË al-×alabË, h. 186-187. Mengikut Ibn ManĐËr, *ribÉ* dimaksudkan 'premium' (*wang tambahan*) kepada wang pokok yang mesti dibayar balik oleh peminjam kepada pemberi pinjam sebagai satu syarat pinjaman atau kerana melanjutkan tempoh bayar balik pinjaman. Lihat Ibn ManĐËr (1968), *op. cit.* h. 304. Dalam erti kata lain, *ribÉ* mempunyai makna yang sama dan satu tujuan dengan *bunga* seperti mana yang disepakati oleh semua ahli-ahli fiqh tanpa pengecualian. Lihat 'Abd al-RaÏmËn al-JazËrË (t.t), *al-Fiqh 'alË al-MadhËhib al-Arba'ah*, c. 5, j. 2, Kaherah: al-Maktabah al-TijËriyyah al-KubrË, h. 245.

⁸⁵ Lihat huraian *Ibid.*; Lihat tafsir ayat 2:275 di dalam AbË al-FidË' IsmË'il ibn KathËr (t.t), *TafsËr Ibn KathËr*, j. 1, Kaherah: ÑIsË al-BËbË al-×alabË, h. 326.

yang disebutkan dalam al-Qur'an, manakala bentuk-bentuk ribÉ lain hukumnya tidaklah haram. Pendapat ini didasari kepada hadith Usamah yang bermaksud:⁸⁶

“Sesungguhnya ribÉ itu pada tertangguh”.

Hadith ini telah disepakati sahih oleh para ulama' cuma terdapat perselisihan pendapat tentang pengertian dan penyelarasan di antara hadith ini dengan hadith Abu SaÑÊd. Namun begitu, dikatakan golongan yang berpendapat ribÉ hanya pada *ribÉ' al-JÉhiliyyah* telah menarik semula pendapat mereka apabila mengetahui tentang hadith Abu SaÑÊd al-KhudrÊ.⁸⁷

Dari sini, diketahui bahawa *ribÉ' al-faÏl* tergolong dalam ribÉ yang diharamkan walaupun bukan dalam bentuk *ribÉ' al-jÉhiliyyah* kerana ia tidak disebut dengan terang di dalam al-Qur'an. Namun begitu, istilah ribÉ dan pengertiannya memang terkandung di dalam *ribÉ' al-faÏl* kerana al-Sunnah telah menerangkannya di dalam beberapa riwayat. Salah satu riwayat yang bermaksud :⁸⁸

“Pertukaran emas dang emas hendaklah serupa, unjuk-berunjuk dan apa-apa lebihan yang terjadi adalah ribÉ”.

Selain itu, timbul juga isu tentang *ribÉ' AÏaÑafan MuÏÉÑafah* yang diharamkan kerana kadarnya yang berlipat kali ganda. Manakala, ribÉ seperti bunga pinjaman yang mempunyai kadar yang rendah tidak pula dianggap sebagai ribÉ.⁸⁹ Implikasi daripada

⁸⁶ Sila lihat ÑAÏÊ bin ÑAbd al-KÊfi al-SubkÊ (t.t), *Takmilah al-Majmu' SyarÍ al-Muhadhdhab*, j. 10, Beirut: DÊr al-Fikr, h. 50.

⁸⁷ Abdul Mu'min Ab.Ghani (1997), “Peristilahan Riba: Satu Analisis Hukum”, *Jurnal Syariah*, Jil. 5, Bahagian Pengajian Syariah, APIUM. h. 190.

⁸⁸ Syams al-DÊn al-SarkhasÊ (1978), *KitÊb al-MabsÊÏ*, j. 12, Beirut: DÊr al-MaÑrifah, h. 110.

⁸⁹ *Ibid.*, h. 191-3.

dakwaannya ini ialah amalan bank konvensional sekarang yang mengenakan bunga di awal kontrak tidak termasuk dalam pengertian *ribÉ* yang diharamkan oleh al-Qur'an,⁹⁰ sebaliknya lebih kepada *ribÉ al-faÿl* yang tidak memberi kemudharatan besar kepada pihak-pihak terlibat.⁹¹ Namun, pendapat ini ditolak kerana ayat 130 *Surah al-ImrÉn* semata-mata menerangkan keadaan khusus ciri-ciri amalan *ribÉ* yang berlaku dikalangan masyarakat *Arab JÉhiliyyah* sebelum dan semasa turunnya ayat tersebut. Ia tidak bermakna pengharaman itu hanya berkaitan dengan ciri *AÿaÑafan MuÿÉ Ñafah* sahaja. Bahkan perkataan mengharamkan *ribÉ* dalam ayat 275 *Surah al-Baqarah* sebenarnya telah menjelaskan hukum *ribÉ* yang diharamkan mencakupi sedikit atau banyak⁹².

Manakala, isu yang paling penting ialah yang menyentuh tentang pelaburan secara langsung iaitu berkenaan pinjaman penggunaan dan pinjaman produktif. Ini berikutan sesetengah pihak berpendapat, *ribÉ* bermaksud penambahan ke atas modal⁹³. Oleh kerana penambahan ke atas modal tidak ditegah oleh Islam maka sudah pasti terdapat bentuk penambahan tertentu yang digalakkan. Justeru, golongan ini mendakwa bahawa pertamanya, semasa ayat *ribÉ* diturunkan tiada bukti menunjukkan berlakunya pinjaman komersial di kalangan orang-orang Arab sebaliknya segala pembiayaan adalah melalui asas *syÉrkah* dan *muÿÉrabah*. Kedua, semasa turunnya ayat *ribÉ* ini bunga pada kelazimannya adalah untuk pinjaman penggunaan dan kadarnya pula adalah tinggi. Ketiganya, *ribÉ* diharamkan disebabkan *'illahnya* ialah penindasan. Penindasan hanya berlaku dalam pinjaman penggunaan sahaja tetapi tidak dalam pinjaman produktif. Oleh

⁹⁰ al-Sayyid Muÿammad RasyÉd RiÿÉ (1986), *al-RibÉ Wa al-MuÑÉmalat fÉ al-IslÉm*, Beirut: DÉR Ibn ZaydÉn, h. 82, 124.

⁹¹ Abdul Mu'min Abdul Ghani (1997), *op. cit.*, h. 193.

⁹² *Ibid.*, h. 193.

⁹³ Muhammad Akram Khan (1983), *Issue in Islamic Economics*, Lahore: Islamic Publications Ltd., h. 39.

itu, pinjaman produktif yang wujud pada hari ini terkeluar dari maksud ribĒ. Saranan ini telah dilakukan oleh al-DuwĒlibi⁹⁴.

Namun begitu, pendapat ini juga ditolak kerana sekiranya prinsip ini diterima sudah tentu pelbagai jenis jenama arak pada masa kini yang tidak ada pada zaman Rasulullah s.a.w dibolehkan. Bukti sejarah juga menunjukkan masyarakat Arab pada zaman Rasulullah s.a.w dahulu pernah mengadakan hubungan dengan negara Rom, Greek, Syam dan Parsi yang sememangnya berlaku pinjaman secara komersial di negara-negara tersebut. ImĒm Fakh al-RĒzi⁹⁵ sendiri telah berkata ‘Sementara pulangan daripada pelaburan itu belum pasti diperolehi, bayaran bunga telah pun ditentukan dan merupakan satu perkara yang pasti’. Pulangan itu pula jadi positif dan boleh jadi juga negatif. Oleh itu, penentuan bayaran tambahan yang mesti dilakukan bagi sesuatu hasilnya belum pasti adalah merupakan sesuatu bencana dan membawa kemudaran’.

Dari sini, jelaslah bahawa amalan ribĒ adalah sesuatu perkara yang diharamkan dalam perniagaan mahupun dalam pelaburan. Dalam erti kata lain, wang dalam Islam dilihat sebagai alat pertukaran dan alat penilaian mutu serta nilai bagi barangan dan perkhidmatan. Wang bukanlah barang dan komoditi yang boleh diperniagakan atau ditukar dengan wang tanpa terikat dengan peraturan pertukaran yang ketat dalam Islam iaitu persamaan nilai dari penyerahan berlaku dalam majlis kontrak yang sama. Oleh itu, wang hanyalah untuk mendapatkan keuntungan jika ia diikhtiarkan dengan usaha dan tenaga. Ia tidak boleh memberi tambahan nilai atau keuntungan tanpa usaha dan tenaga.⁹⁶

⁹⁴ Abdul Mu’min Abdul Ghani (1997), *op. cit.*, h. 194.

⁹⁵ AbĒ ĒAbd AllĒh Muhammad bin ‘Umar bin ‘usayn Fakh al-RĒzĒ (t.t), *al-Tafsir al-KabĒr*, j. 7, Teheran: DĒr al-Kutub al-IslĒmiyyah, h. 87.

⁹⁶ Mohd Daud Bakar (1997), ‘Aspek-aspek Pembiayaan Projek dalam Amalan Perbankan Islam’, *Jurnal Syariah*, j. 5, Bahagian Pengajian Syariah, APIUM. h. 206.

Perundangan Islam sendiri telah menjelaskan harta hanya dapat dipindahkan dengan dua cara sahaja iaitu:

- 1) Harta yang dipindahkan melalui gabungan usaha dan kreativiti sama ada secara persendirian atau perkongsian.
- 2) Harta yang dipindahkan melalui kontrak pembelian (*Mu'wāḍ'at*) warisan, *wadi'āh* dan perlepasan hak sendiri kepada orang lain.⁹⁷

Pembiayaan kewangan melalui pinjaman kewangan dalam amalan bank konvensional sendiri mempunyai banyak aspek negatif antaranya:

- 1) Pihak bank yang bertindak sebagai pemberi pinjaman tidak mengambil berat sama ada projek itu berfaedah atau tidak. Apa yang penting ialah keuntungan semata-mata. Oleh itu, banyak projek yang dijalankan menyalahi peraturan agama malah memberi kesan terhadap akhlak dan moral masyarakat setempat.
- 2) Memberi kesempatan kepada mereka yang kaya terus menjadi kaya kerana kepercayaan pinjaman diberikan kepada mereka yang mampu membuat pembayaran semula.
- 3) Berlakunya penindasan apabila pihak bank yang memperoleh semula pinjaman bersama lebih tanpa mengira sama ada projek itu untung atau pun tidak.⁹⁸

⁹⁷ Abbas Mirakhor (1995), "Theory of an Islamic Financial System", dalam *Ensiklopedia of Islamic Banking and Insurance*, London, h. 33.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa ribÉ yang diamalkan oleh bank konvensional dalam bidang pelaburan banyak mendatangkan perkara negative, maka amat wajarlah Islam mengharamkannya.

1.5.2 Spekulasi dan perjudian.

Pelaburan tidak dibenarkan yang berunsurkan spekulasi dan perjudian. Spekulasi boleh ditakrifkan sebagai membeli sesuatu dengan harga murah pada suatu ketika dan kemudiannya menjual barang yang sama pada harga mahal di masa depan. Ia merupakan satu kegiatan judi yang beroperasi tanpa pertukaran wang atau barang, yang bertanggungjawab menaikkan atau menurunkan harga stok secara palsu di pasaran tempatan dan antarabangsa.⁹⁹ Ia turut menampakkan ciri-ciri anti sosial. Ini kerana mereka yang kurang arif dengan sifat dan cara-cara merebut peluang atau kurang mendapat maklumat tentang aliran pasaran sudah tentu akan menjadi mangsa para ahli spekulasi yang mahir.¹⁰⁰

Manakala judi pula melibatkan pengagihan harta kekayaan yang berasaskan risiko tanpa sebarang usaha yang produktif.¹⁰¹ Sebagaimana yang disebut di dalam tafsir al-QurġubÊ, perjudian diberikan satu perbandingan, kebaikan dan keburukannya. Kebaikan judi adalah keupayaan untuk mendapatkan sesuatu tanpa perlu berusaha dan berpenat lelah. Manakala keburukannya akan terlihat apabila pemainnya sudah menerima kekalahan dan daripada kekalahan tersebut menyebabkan ia menanggung penderitaan dan kerugian. Seterusnya keadaan ini akan menyebabkan ia berada dalam

⁹⁸ Mohd Daud Bakar (1997), *op. cit.*, h. 207.

⁹⁹ Afzalur Rahlan (1980), *Economic Doctrine of Islam*, j. 3, Islamic Publication Ltd., h. 73.

¹⁰⁰ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1972), *Economic Enterprise in Islam*, Delhi: Markazi Maktaba Islami, h. 58.

¹⁰¹ *Ibid.*, h. 57-59.

keresahan, gelisah, kerisauan dan kehilangan akal.¹⁰² Nejatullah Siddiqi mengatakan ciri utama perjudian ialah kerugian dan keuntungan yang didapati daripadanya tidaklah secocok dengan aspek perkhidmatan ekonomi serta ia dianggap tidak berbentuk memberi perkhidmatan dan tidak cekap. Ia adalah semata-mata suatu perniagaan yang bergantung kepada nasib dan penuh dengan tipu daya.¹⁰³

Kaedah urusniaga sebegini tidak dapat memberikan sumbangan positif kepada masyarakat malahan akan menyebabkan berlakunya turun naik aliran perniagaan secara meluas dan ekstrim dalam pasaran. Ia juga akan menyebabkan wujudnya keadaan pasaran melambung dan menambahkan kemelesetan ekonomi di samping mempercepatkan dan menggalakkan berlakunya keadaan-keadaan tersebut.¹⁰⁴ Di dalam al-Qur'an juga Allah s.w.t. ada menyebut tentang keburukan perjudian :

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ
وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا

Maksudnya : “Mereka bertanya kepada kamu tentang khamar (segala minuman yang memabukkan) dan judi. Katakanlah : Pada keduanya itu terdapat dosa besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaatnya”.

SËrah al-Baqarah, (2): 219

Walau bagaimanapun, beberapa masalah wujud disebabkan terdapatnya aliran spekulasi sekunder dan tertier yang berkembang kemudiannya. Spekulasi golongan tertentu semakin menjadi faktor penentu berbanding dengan pendapat pakar sendiri. Ini

¹⁰² AbË ÑAdËh Muñammad ibn ÑAbbas al-AnîËrË al-Qur'ubË (1936), *JamËÑ al-AíkËm al-Qur' Ën*, j. 3, Kaherah: MatbaÑ ah DËr al-Kutub MiËriyyËh, h. 5.

¹⁰³ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1972), *op. cit.*, h. 57-59.

¹⁰⁴ *Ibid.*

menyebabkan terbentuknya suatu suasana perjudian yang hebat di dalam pasaran. Namun, menurut Nejatullah Siddiqi (1992) juga, selagi terdapatnya ramalan daripada pengetahuan para pakar yang dapat menentukan keuntungan ataupun kerugian, maka perniagaan tersebut tidaklah perlu dianggap sebagai perjudian kerana ciri-ciri ini memang wujud dalam perusahaan.¹⁰⁵

1.5.3 GharÉr/Ketidakpastian

GharÉr pada asalnya bermaksud tidak tahu (*jahl*), penipuan (*al-khidÉÑ*), ketidakpastian atau pertaruhan (*al-khaĪhr*)¹⁰⁶ yang membawa erti kepada sesuatu yang tidak diketahui kepastiannya sama ada benar atau pun tidak. Ia dikatakan sesuatu yang zahirnya kelihatan menarik tetapi di dalamnya belum jelas diketahui.¹⁰⁷

Menurut *SanÑÉni*, jual beli *gharÉr* berlaku sama ada kerana ketidakmampuan untuk menyerahkan barang seperti menjual kuda dan unta liar, atau barang yang tidak ada atau tidak ketahui, atau tidak dimiliki secara sempurna oleh penjual seperti menjual ikan yang belum ditangkap di laut atau di dalam sungai.¹⁰⁸ Al-QarÉfi al-MÉliki pula menyatakan bahawa asal *gharÉr* ialah ketidakpastian untuk memperolehnya seperti burung di udara atau ikan di dalam air.¹⁰⁹ Syeikh As-Sa'di berpendapat bahawa *al-gharÉr* adalah *al-mukhaĪarah* (pertaruhan) dan *al-jahÉlah* (ketidakjelasan). Perihal ini juga termasuk dalam kategori perjudian.¹¹⁰

¹⁰⁵ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1988), *Issue in Islamic Banking*, UK: Islamic Foundation, h. 55.

¹⁰⁶ Ibn ManĐÉr (1968), *op. cit.*, h. 371.

¹⁰⁷ MuĪamad Øaleh MuĪammad ØÉwÉ (1990), *Musykilah al-IshtimÉr fi al-BunÉk al-IslÉmiyyah wa kaifa É Ijuhé al-IslÉm*, DÉR MujtamaÑ wa DÉR WafÉ', hlm. 374; Lihat juga Syams al-DÉN al-SarkhasÉ (1993), *al-MabsÉĪ*, j. 13, Beirut: DÉR al-Kutub al-Ñilmiyyah, h. 194.

¹⁰⁸ Wahbah al-ZuĪaylÉ (1997), *al-Fiqh al-IslÉmÉ wa Adillatuh*, cet. 3, j. 3, Damsyiq: DÉR al-Fikr, hlm. 436.

¹⁰⁹ *Ibid.*

¹¹⁰ 'Abd al-RaĪmÉn bin NashÉr al-SaÑdÉ, (TaĪqÉq) Asyraf 'Abd al-MaqĪÉd (1992), *Bahjah QulÉb al-AbrÉr wa Qurratu UyÉnÉ al-AkhyÉr fi SharĪ JawÉmiÑ al-AkhhÉr*, c. 2, t.t.p.: DÉR al-Jail. h.164

Dari keterangan di atas, dapatlah diambil pengertian bahawa *bayÑ al-gharÉr* adalah jual beli yang tidak pasti hasilnya, mengandung ketidaktejasan, pertaruhan, atau perjudian.¹¹¹

Manakala, dalil pengharaman jual beli *gharÉr* terdapat di dalam sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:¹¹²

Dari *Abu Hurairah (r.a)*:

“Bahawa Nabi s.a.w. telah menegah jual-beli *gharÉr*...”

Syeikh Islam Ibn Taymiyyah menjelaskan, dasar pelarangan jual beli *gharÉr* ini adalah larangan Allah dalam al-Qur’an, iaitu (larangan) memakan harta orang dengan batil.

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَآ إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ
أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

“*Ertinya : Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui*”

SÉrah al-Baqarah (2): 188

¹¹¹ ‘Abd ‘AzÉm BadawÉ (1995), *al-WÉji fÉ Fiqh al-Sunnah wa al-kitÉb al-AzÉz*, c. 1, t.t.p.: DÉr Ibu Rajab, h. 332.

¹¹² al-ImÉm al-HÉfiz Abi DÉwÉd SulÉyman bin Ash‘as (t.t), *Sunan AbÉ DÉwud*, j. 3, Beirut: Muassasah ‘Abd al-×afÉÐ al-BaÍaÍ, h. 672.

Sheikh Islam Ibn Taymiyyah juga menyatakan, semua jual beli *gharÉr*, contohnya seperti menjual burung di udara, unta dan budak yang kabur, buah-buahan sebelum tampak buahnya, serta jual beli *al-hashaah*, seluruhnya termasuk dalam perjudian yang diharamkan Allah s.w.t. seperti yang disebut dalam al-Qur'an.¹¹³

Alasan di sebalik larangan jual beli ini adalah kerana jual beli demikian sering melibatkan ketidakpastian dan kekaburan. Islam sebagai satu prinsip menuntut agar jual beli dibuat secara adil, iaitu barang yang diperdagangkan itu ditentukan terlebih dahulu sama ada akan beroleh keuntungan atau kerugian. Kekurangan maklumat tentang butiran jual beli itu akan mendatangkan sifat ragu dan ketidakpastian dan ini akan menghapuskan sifat adil dalam urusan niaga tersebut.¹¹⁴ Hukum jual beli *gharÉr* terbahagi kepada tiga bahagian¹¹⁵ iaitu:

1) *GharÉr* yang ditegah secara ijmak. Iaitu jual beli *gharÉr* yang banyak dan perlu berhati-hati ke atasnya serta tidak berhajat kepadanya seperti jual beli pakaian dan jual beli tongkat.

2) *GharÉr* yang diharuskan. Iaitu jual beli *gharÉr* yang mudah dan tidak memberi kesan kepada kesahihan akad. Contohnya membeli binatang yang hamil bersama kandungan tersebut sama ada satu atau banyak, jantan atau betina dan sebagainya.

3) Terdapat perselisihan dalam membenarkannya. Contohnya membeli sesuatu sebelum masak atau matang keadaannya.

¹¹³ Ibn Taymiyyah, Taqī al-Dīn Abu 'l Abbās Ahmad ibn 'Abd al-Halīm ibn 'Abd as-Salām Ibn Taymiyyah al-Harrānī, (t.t), *Mukhtaġar al-FatĒwĒ al-Miġriyyah*, Tahqiq ŅAbd al-MajĒd SulaymĒn: DĒr al-Kutub al-Ņilmiyyah, h. 342.

¹¹⁴ Muġammad Nejatullah Siddiqi (1988), *op. cit.*, h. 51.

¹¹⁵ Muġamad Øaleh Muġammad ØĒwĒ (1990), *op. cit.*, h. 414-5.

Dalam urusan niaga ini jika terdapat unsur kekaburan dan ketidakpastian yang berlebihan, maka jual beli itu hendaklah dilarang. Tetapi jika terdapat unsur keraguannya yang lemah, maka akan wujud peluang yang lebih besar bagi jual beli itu diamalkan dalam perusahaan dan perdagangan. Dalam hal ini, AllÉma Ibn Qayyim telah mengatakan pendapatnya secara adil bagi mengelakkan salah faham, “Bahawa larangan penjualan barang yang tidak wujud tidak dinyatakan di mana-mana pun di dalam Kitab Allah, Sunnah Rasulullah s.a.w dan dari perkataan sahabat. Perkara ini tidak dijelaskan secara umum atau universal. Al-Sunnah memang melarang penjualan setengah-setengah barang yang tidak wujud sebagaimana ia melarang setengah-setengah komoditi yang lain yang memang wujud. Perkara yang tidak dibenarkan oleh sunnah ialah jual beli yang tidak menentu dan kabur dan ini bermaksud penjualan barang-barang yang penjual tidak berupaya membekalkannya, sama ada barang itu wujud atau tidak”.¹¹⁶

1.6 Jenis-jenis Pelaburan Konvensional

Hasil tinjauan penulis pada buku-buku pelaburan kontemporari terdapat pada asasnya, jenis-jenis pelaburan yang dilakukan di pasaran sekarang adalah terdiri daripada pelaburan tunai, pelaburan ekuiti, pelaburan aset hakiki, pelaburan mudah tunai rendah dan pelaburan pasaran hadapan.

1.6.1 Pelaburan tunai

Pelaburan tunai ataupun pelaburan hutang pendapat tetap ialah satu

¹¹⁶ MuÍammad Øaleh MuÍammad ØÉwÊ (1990), *op. cit.*, h. 414-5.

bentuk pelaburan dalam bentuk wang tunai seperti akaun simpanan, simpanan tetap, sekuriti kerajaan, bon, saham, pasaran wang antara bank dan sebagainya. Pelaburan jenis ini biasanya pelabur dijanjikan pembayaran tertentu pada masa tertentu.¹¹⁷

1.6.2 Pelaburan ekuiti

Pelaburan ekuiti adalah sebarang pelaburan yang berbentuk saham dan dilaburkan dalam pasaran saham seperti saham (*share*), saham pinjaman (*loan stock*), waran (*warrants*) dan amanah saham (*unit trust*).¹¹⁸

Berbeza dengan pelaburan tunai iaitu para pelabur yang terlibat boleh membuat pilihan sendiri kaedah untuk menggunakan wang sama ada dipinjamkan atau dilaburkan di syarikat-syarikat perbankan, institusi atau kerajaan tanpa disekat oleh mana-mana badan. Bagi pelabur ekuiti pula, pelabur mempunyai pemilikan yang terhad terhadap pelaburannya bergantung kepada jumlah sumbangan modalnya dan mempunyai kepentingan bersama di dalam syarikatnya.¹¹⁹

1.6.3 Pelaburan aset hakiki

Pelaburan aset hakiki dimaksudkan dengan pembelian aset atau harta tetap yang berbahagi kepada dua jenis iaitu aset hakiki melekat yang merupakan aset hakiki yang tidak boleh dialihkan seperti tanah, rumah, rumah kedai, bangunan, kilang dan loji. Manakala jenis yang kedua dipanggil aset hakiki boleh alih seperti jentera, kelengkapan, peralatan, perabot dan kenderaan. Ia boleh dikategorikan sebagai pelaburan yang

¹¹⁷ Frank K. Reilly (1992), *op. cit.*, h. 42-45. Untuk keterangan lanjut lihat juga Shamsher Mohamad dan Annuar Md. Nassir (2002), *op. cit.*, h. 6-14.

¹¹⁸ Suhaimi Salleh (1994), *op. cit.*, h. 10; *Ibid.*, h. 45-47.

¹¹⁹ Lihat Shamsher Mohamad dan Annuar Md. Nassir (2002), *op. cit.*, h. 14-16.

memerlukan modal besar dan berisiko tinggi serta mempunyai kadar kecairan yang rendah seperti hartanah. Pelaburan jenis ini berbahagi kepada dua iaitu pulangan yang dijangkakan sukar diramal memandangkan ia banyak bergantung kepada pasaran dalaman dan keadaan ekonomi sesebuah negara pada masa hadapan.¹²⁰

1.6.4 Pelaburan mudah tunai rendah

Pelaburan mudah tunai rendah adalah jenis pelaburan yang mempunyai kecairan yang rendah, kos urusniaga pelaburan tinggi berbanding bon dan saham dan terdapat juga ketidakpastian yang tinggi. Contoh pelaburan jenis ini ialah pelaburan barangan-barangan seperti baranng antik, lukisan, syiling dan setem serta berlian.¹²¹

1.6.5 Pelaburan pasaran hadapan

Pelaburan pasaran hadapan iaitu kontrak masa hadapan (*future contract*) merupakan satu tanggapan untuk membeli atau menjual sesuatu barangan pada harga yang ditetapkan pada satu tarikh untuk masa hadapan. Kontrak yang boleh diurusniagikan sebagai pelaburan pasaran hadapan adalah saham-saham yang lain tetapi pembelinya terhad kepada anggota bursa komoditi sahaja.¹²²

Perkembangan institusi-institusi bank dan juga pasaran modal seperti pasaran hutang dan pasaran saham serta aktiviti yang berkenaan seperti amanah saham adalah berkaitan dengan keperluan pelaburan dalam sesebuah masyarakat moden. Namun,

¹²⁰ Frank K. Reilly (1992), *op. cit.*, h. 49-50.; Shamsheer Mohamad dan Annuar Md. Nassir (2002), *op. cit.*, h. 16.

¹²¹ *Ibid.*, h. 50-51.

¹²² Lihat Charles J. Woelfel et. al (1994), *Ensiklopedia of Banking and Finance*, V. 2, USA.: Probus Pub. Co. and Toppar Co. (s) Pte. Ltd., h. 792; *Ibid.*, h. 47.; Lawrence J. Gitman & Michael D. Joehnk- (2005), *op. cit.*, h. 686-687; Shamsheer Mohamad dan Annuar Md. Nassir (2002), *op. cit.*, h. 16-18;

sistem kewangan konvensional menyediakan kemudahan pelaburan melalui cara dan skema yang tidak dibenarkan oleh syariah iaitu pinjaman berasaskan riba seperti simpanan tetap (*fixed deposit*), bon dan nota konvensional. Walaupun pasaran saham menyediakan satu pasaran untuk pengaliran wang secara cair untuk kemudahan syarikat awam yang tersenarai di bursa saham, namun tidak semua syarikat yang tersenarai adalah halal dari segi operasinya.¹²³ Justeru itu, instrumen-instrumen pelaburan Islam perlu dibincangkan.

1.7 Instrumen-Instrumen Pelaburan Islam

Pelaburan pada masa dahulu dilaksanakan menerusi konsep penyertaan atau perkongsian untung yang berdasarkan kepada instrumen *mu'ārah* dan *musyārah*.¹²⁴ Iaitu kesemua penulisan fiqh tradisional membuat rujukan khusus kepada kontrak *mu'ārah* sebagai instrumen pelaburan.¹²⁵

Namun, pelaburan Islam tidak semestinya menonjolkan hanya dua dasar instrumen seperti dinyatakan di atas. Pendekatan itu terlalu sempit dan akan membataskan peluang luas yang ada. Ia bagaimanapun seharusnya berdasarkan atas prinsip-prinsip syariah.¹²⁶

Sama seperti di dalam pelaburan konvensional, pelaburan Islam juga mempunyai instrumen-instrumennya yang tersendiri. Dalam kitab-kitab fiqh, para ahli fiqh telah melakukan kajian mengenai bentuk-bentuk media pelaburan yang sesuai dan

¹²³ Haron Din (1996), *op. cit.*, h. 14.

¹²⁴ al-Sarkhasi (1986), *op. cit.*, jil. 2, h. 151; Syed Othman Alhabshi (1994), *op. cit.*, h. 11.

¹²⁵ Syed Othman Alhabshi (1994), *op. cit.*, h. 11.

¹²⁶ *Ibid.*,

selari dengan semangat *Syariah IslÉmiyyah*. Pada asalnya, kajian-kajian itu dibuat paling utama untuk dua tujuan iaitu :

- 1) Mengelakkan daripada unsur-unsur ribÉ.
- 2) Untuk menegakkan keadilan dan memperluaskan kerjasama.

Berasaskan dua tujuan di ataslah, mereka membuat peraturan-peraturan begitu terperinci dan meletakkan syarat-syarat yang begitu konkrit.¹²⁷ Di antara jenis instrumen pelaburan yang diiktiraf dalam Islam yang telah diaplikasikan oleh bank-bank Islam seluruh dunia kebiasaannya menggunakan konsep berkongsi untung-rugi seperti *muÈrabah* dan *musyÉrakah*, konsep jual-beli seperti *bayÑ al-salam*, *murabÉÁah*, konsep sewaan seperti *ijÉrah*, *rÉhn* dan sebagainya.

Dalam bab I ini, penulis akan memaparkan prinsip-prinsip syariah yang diaplikasikan ISBT sebagai instrumen pelaburannya sahaja. Mengenai perlaksanaannya pula kelak dibincangkan di dalam bab III.

1.7.1 Al-WadÉÑah

Dalam tradisi fiqh Islam, prinsip simpanan dikenali sebagai prinsip *al-wadÉÑah*. *Al-wadÉÑah* dapat diertikan sebagai simpanan murni dari satu pihak ke pihak lain, sama ada secara individu mahupun syarikat yang mesti dijaga dan dikembalikan bila apabila penyimpan mengkehendaknya.¹²⁸ Dalam sistem perbankan Islam, *al-wadÉÑah* adalah suatu konsep pemilikan modal (barang atau harta) iaitu

¹²⁷ Muhammad Kamal Azhari (1993), *Bank Islam: Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka Fajar, h. 72.

¹²⁸ AbÉ MuÁammad ‘Abd AllÉh bin AÍmad bin MuÁammad bin QuÍÉmah (1981), *al-MughnÉ*. j. 5, Maktabah al-RiyÉÍ al-×adÉthah, h. 74; ‘Abd al-RaÍmÉn bin al-KamÉl JalÉl al-DÉn al-SuyÉÍÉ (1959), *al-AsybhÉh wa al-NaÐÉ’ir*, j. 2, Kaheerah: Syarikah Maktabah wa MaÍba‘ah MuÁafÉ al-BÉbÉ al-×alÉbÉ wa AwlÉdih, h. 89; Sayyid SÉbiq (1987), *Fiqh al-Sunnah*, c. 8, Beirut: DÉR al-KitÉb al-‘ArabÉ, h. 3.

penyimpanan barangan atau wang untuk dijaga oleh bank. Bank kemudian akan meminta kebenaran daripada pemilik harta untuk menggunakan hartanya. Segala faedah dan akibat dari penggunaan harta tersebut akan ditanggung oleh pihak bank.¹²⁹ Walau bagaimanapun dalam aktiviti ekonomi moden, si penerima seperti bank tidak lagi memegang harta milik pelanggan sahaja tetapi digunakan dalam sektor-sektor ekonomi yang produktif seperti pembiayaan perdagangan, pelaburan dan sebagainya. Amalan melabur wang atau harta milik pelanggan yang diterima secara simpanan (*al-wad'aynah*) mestilah mendapatkan izin pelanggan terlebih dahulu dan menjamin akan mengembalikan modal tersebut secara sempurna. Dengan kata lain, bank bertanggungjawab dan menjamin untuk mengembalikan simpanan yang digunakan pelabur kepada penyimpan atau pemilik simpanan (pelanggan) jika berlaku kerugian dalam pelaburan berkenaan.

Kebiasaannya, bank-bank Islam akan mengaplikasikan prinsip *al-wad'aynah* kepada dua akaun iaitu:

- i. akaun semasa (*current account*) dan¹³⁰
- ii. akaun simpanan (*saving account*)

Al-wad'aynah dibahagikan kepada dua bentuk iaitu:

1.7.1.1 *Wad'aynah yad al-am'nah*

Pada dasarnya, penerima simpanan adalah *yad al-am'nah* tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang terjadi pada simpanan aset

¹²⁹ Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., h. 77; Lihat juga Nor Muhammad Yacob (1996), *op. cit.*, h. 75-76.

¹³⁰ Joni Tamkin bin Borhan, "Falsafah Ekonomi dan Instrumen Muamalah Dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia" dalam, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 13. Jumadil Al-Awwal 1422H/Julai 2001, h. 115-140.

selagi hal ini bukan akibat dari kelalaian yang bersangkutan dalam memelihara barang simpanan.¹³¹

Adapun ciri-ciri simpanan *wad'Ĥnah yad al-amĤnah* adalah seperti berikut iaitu:

(i) merupakan simpanan murni; (ii) barangan yang disimpan tidak dapat digunakan (diambil manfaat) oleh penerima simpanan; (iii) simpanan yang dikembalikan harus dalam keadaan sempurna sama ada dari segi nilai mahupun sifat fizikal barangannya; (iv) jika selama dalam simpanan terjadi kerosakan, maka pihak yang menerima simpanan tidak dibebani tanggungjawab,¹³² sebagai upah atas tanggungjawab pemeliharaan barang simpanan.

1.7.1.2 *Wad'Ĥnah yad al-ĤamĤnah*

Konsep *wad'Ĥnah yad al-ĤamĤnah* merupakan pengembangan dari konsep *wad'Ĥnah yad al-ĤamĤnah* yang disesuaikan dengan aktiviti ekonomi. *Wad'Ĥnah yad al-ĤamĤnah* ini sering dikenali dengan istilah pengamanahan dengan jaminan.¹³³

Dalam hal ini, penerima simpanan diberi izin untuk menggunakan dan mengambil manfaat dari amanah tersebut. Penerima bertanggungjawab terhadap kehilangan dan kerosakan barangan simpanan pelanggan. Semua keuntungan yang diperolehi dari barang simpanan menjadi hak bank. Sebagai imbalan kepada pelanggan,

¹³¹ al-SyawkĤnĤ MuĤammad bin 'AlĤ bin MuĤammad (1978), *Nayl al-AwlĤĤr*, j. 5, Kaherah: Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyyah, h. 296.

¹³² Ibn xajar (1971), *FatĤ al-Jawad bi SyarĤ al-IrsyĤd*, j. 1. Kaherah: SyĤrĤkah Maktabah wa MaĤba'ah MuĤĤafĤ al-BĤbĤ al-xalĤbĤ wa AwĤĤdih, h. 573.; al-SyawkĤnĤ (1978), *op. cit.*, h. 296.

¹³³ Syams al-DĤn MuĤammad bin MuĤammad al-KhalĤb al-SyĤrbĤnĤ (1958), *MughnĤ al-MuĤĤĤj*, j. 2, Kaherah: Syarikah MaktĤbah wa MaĤba'ah MuĤĤafĤ al-BĤbĤ al-xalĤbĤ wa AwĤĤdih, h. 310.

bank dapat memberikan insentif berupa hadiah ataupun bonus yang tidak disyaratkan dalam akad simpanan sebelumnya.¹³⁴

1.7.2 Al- musyÉrakah (perkongsian)

Al-syarÉkah atau *al-syirkah* (*musyÉrakah*) dari segi bahasa bererti

percampuran atau bercampur sekutu atau bercampur harta.¹³⁵ Secara ringkasnya, *al-shirkah* boleh diertikan sebagai akad perkongsian antara dua pihak atau lebih yang sama-sama berkongsi modal dalam melakukan sesuatu aktiviti pelaburan dan sama-sama berkongsi keuntungan dan menanggung kerugian.¹³⁶

Dari sudut istilah *al- musyÉrakah* didefinisikan sebagai akad perkongsian atau percampuran harta di antara pemilik modal sama ada pemilik modal tersebut hanya dua orang atau lebih untuk menjalankan projek perniagaan atau pelaburan. Di samping bersetuju menyumbangkan modal atau keusahawanan mereka serta berkongsi keuntungan dan kerugian mengikut apa yang dipersetujui bersama.¹³⁷

1.7.2.1 Dalil Pensyariatan *al-MusyÉrakah*

Pensyariatan *musyÉrakah* dalam perundangan Islam terbukti melalui al-Qur'an, al-Sunnah dan ijma' para ulama':

¹³⁴ al-SyÉrbÉnÉ (1958), *op. cit.*, h. 311.

¹³⁵ al-KÉsÉnÉ (1906), *op. cit.*, jil. 6, h. 2612.

¹³⁶ Sudin Haron (1996), *op. cit.*, h. 75.

¹³⁷ al-Syeikh MuÉammad al-mÉsÉ (1980), *SyÉrikah al-AsykhÉÉ Bayna al-SyarÉ'ah wa al-QÉnun*, Riyadh:JÉmi'ah al-ImÉm MuÉammad bin Si'Éd al-IslÉmiyyah, h.39.

i. Al-Qur'an

فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الثُّلُثِ

“..maka mereka bersekutu atau berkongsi pada sepertiga..”

SĒrah al-NisĒ' (4): 12

ii. Al-Sunnah

Dalam sebuah hadith *al-qudsĒ al-syarĒf*, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh *AbĒ Hurairah (r.a)* yang bermaksud;¹³⁸

“Aku adalah orang ketiga bagi dua pihak yang bersyarikat selagi salah satu pihak tidak mengkhianati yang lain. Apabila berlaku pengkhianatan, aku keluar daripada persyarikatan tersebut”

Ibn QuĒmah dalam kitabnya, *al-MughnĒ*,¹³⁹ berkata “Kaum muslimin telah sepakat tentang keabsahan akad *musyĒrah* walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam beberapa elemen darinya”.

1.7.2.2 Jenis akad *al-MusyĒrah*

Al- musyĒrah umumnya terbahagi kepada dua kategori besar iaitu:¹⁴⁰

¹³⁸ AbĒ DĒwud (t.t), *op. cit.*, h. 256, hadith no. 3383.

¹³⁹ Ibn QuĒmah (1981), *op. cit.*, j. 5, h. 109.

¹⁴⁰ Sayyid SĒbiq (1987), *op. cit.*, j. 3, h. 310; al-ZuĒlayĒ (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 3877-8.

i. *SyÉrikah al-amlÉk*, iaitu pemilikan oleh dua pihak atau lebih ke atas sesuatu benda tanpa menggunakan kontrak *syÉrikah*.¹⁴¹

ii. *SyÉrikah al-‘uqĒd*, iaitu kontrak yang berlaku di antara dua pihak atau lebih bertujuan melakukan perkongsian ke atas modal atau harta untuk menjalankan perniagaan atau perusahaan dengan sama-sama berkongsi hasil daripada perniagaan tersebut.¹⁴²

Seterusnya, *syÉrikah al-‘uqĒd* ini terbahagi kepada beberapa jenis iaitu: ¹⁴³

(a) *SyÉrikah al-‘inĒn* ialah perkongsian dua orang ke atas harta mereka untuk berniaga dan membahagikan keuntungan sesama mereka.

(b) *SyÉrikah al-mufĒwalaĥ* ialah perkongsian di antara dua orang atau lebih untuk bekerja dengan syarat setiap pemegang saham hendaklah mempunyai modal yang sama banyak, hak yang sama, tanggungjawab yang sama berat, pembahagian untung yang sama dan sama agama. Setiap seorang pemegang saham adalah wakil bagi pemegang-pemegang saham yang lain dalam urusan perniagaan syarikat serta penjamin bagi pemegang saham yang lain mengenai tanggungjawab dalam urusan perniagaan syarikat.

(c) *SyÉrikah al-wujĒh* ialah perkongsian yang tertubuh tanpa modal di mana masing-masing rakan kongsi di dalam syarikat itu membeli barang dengan bayaran harga secara

¹⁴¹ Sayyid SÉbiq (1987), *op. cit.*, j. 3, h 310; al-ZuĀylĒ (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 3877.

¹⁴² Sayyid SÉbiq (1987), *op. cit.*, j. 3, h 310; al-ZuĀylĒ (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 3877.

¹⁴³ Ulama fiqh berbeza pendapat tentang pengkelasan jenis-jenis syarikat dan pentakrifannya bagi setiap jenis tersebut: Menurut fuqahĒ Mazhab ×anafĒ sila lihat KamĒl al-DĒn MuĀammad bin ‘Abd al-WaĀĒd al-ØiwĒĒ al-Ma‘rĒf bi Ibn HumĒm (1970), *SyarĀ FatĀ al-QadĒr*, j. 6, Kaherah: MuĀĀfĒ al-BĒbĒ al-×alabĒ, h. 155; Mazhab ×anbalĒ sila lihat AbĒ MuĀammad ‘Abd AllĒh bin AĀmad bin MuĀammad Ibn QudĒmah (1969), *al-MughnĒ*, j. 5, Cairo: Maktabah al-QĒhirah, j. 5, h. 3, Mazhab MĒlikĒ dan SyĒfĀ sila lihat MaĀy al-DĒn AbĒ ZakariyĒ YaĀyĒ bin Syarf al-NawawĒ (t.t), *RawĀah al-ÙĒlibĒn*, j. 3, Beirut: DĒr al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 507; al-SyarbĒnĒ (t.t), *op. cit.*, j.2, h. 212-213; Ibn Rusyd (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 251; lihat juga al-ZuhayĒ (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 3878-3879.

tanggung kemudian menjual barang itu dan mengumpul keuntungannya untuk dibahagikan sesama mereka.

(d) *SyÉrikah al-abdÉn* ialah perkongsian di antara dua orang atau lebih yang mengumpul hasil keuntungan daripada perkerjaan masing-masing dalam satu tabung kemudian membahagikannya sesama mereka tanpa mengambil kira kadar bahagian masing-masing yang dimasukkan ke dalam tabung tersebut.

1.7.2.3 Hukum akad *al-MusyÉrakah*

Setiap rakan-rakan kongsi dalam akad *al-musyÉrakah* adalah bertindak sebagai wakil¹⁴⁴ dan bukannya penjamin kepada rakan-rakan kongsi yang lain¹⁴⁵ dalam segala urusan yang dilakukan untuk kepentingan bersama dalam syarikat. Sekiranya rakan kongsi memperoleh modal tambahan daripada pihak ketiga yang baru untuk melabur dalam syarikatnya, ia menambahkan lagi bilangan rakan kongsi. Seterusnya, rakan kongsi yang lain boleh menyertai atau menjadi ahli bagi mana-mana syarikat baru.¹⁴⁶ Rakan-rakan kongsi tidak dibenarkan untuk memberi pinjaman modal syarikat kepada pihak lain atau membuat pinjaman untuk menambahkan pelaburan dalam syarikat yang telah mendapat kebenaran daripada rakan kongsi.¹⁴⁷ Manakala, keuntungan hendaklah dibahagikan di antara rakan-rakan kongsi dalam bentuk peratusan tertentu dan bukan dalam nilai yang tetap.¹⁴⁸ Dalam masalah pembahagian keuntungan ini, fuqahÉ' mempunyai beberapa pendapat yang berbeza. Pendapat pertama mengatakan bahawa pengagihan keuntungan hendaklah mengikut kadar peratusan sumbangan modal

¹⁴⁴ Ibn HumÉm (1970), *op. cit.*, j. 6, h. 185; al-KasÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 5, h. 77.

¹⁴⁵ Zayn al-DÉn bin IbrÉhÉm bin Nujaym (t.t), *al-BaÁr al-RÉ'iq SyarÍ Kanz al-DaqÉ'iq*, j. 5, Kaherah: DÉR al-KitÉb al-IslÉmÉ, h. 187.

¹⁴⁶ Lihat al-KasÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 5, h. 82-84.

¹⁴⁷ *Ibid.*, hlm. 95-96.

¹⁴⁸ Ibn HumÉm (1970), *op. cit.*, j. 6, h. 183; al-KasÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 5, h. 77; al-ZuhaylÉ (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 3901.

masing-masing. Sementara pendapat yang kedua membenarkan pengagihan keuntungan mengikut kadar sumbangan modal atau mengikut sumbangan kerja mereka dalam operasi mereka.¹⁴⁹ Ada juga pendapat yang membenarkan pengagihan keuntungan sama rata antara rakan kongsi walaupun sumbangan modal mereka tidak sama atau sebaliknya, ini disebabkan golongan ini mengiktiraf peranan sumbangan kerja dan jaminan tersebut sama dengan peranan modal.¹⁵⁰

Seterusnya, akad *musyÉrakah* ini akan tamat secara automatik disebabkan oleh kematian salah seorang daripada rakan kongsi syarikat tersebut.¹⁵¹ Begitu juga sekiranya berlakunya bankrap oleh salah seorang rakan kongsi syarikat tersebut.¹⁵² Selain itu, setiap rakan kongsi dalam akad *musyÉrakah* ini mempunyai hak untuk menamatkan akad tersebut pada bila-bila masa yang mereka kehendaki.¹⁵³ Ia juga terubur dengan sendirinya apabila kesemua rakan kongsi bersetuju untuk membubarkannya.¹⁵⁴

1.7.3 Al-MuÈrabah

Dari segi bahasa, *muÈrabah* berasal dari kata dasar *Èarb* yang membawa erti memukul atau berjalan. Pengertian memukul atau berjalan ini lebih tepat merujuk kepada proses seseorang yang memukulkan kakinya ke atas tanah untuk mencari rezeki.¹⁵⁵

¹⁴⁹ Zayn al-DÈn bin IbrahÈm bin Nujaym (1968), *al-Asybah wa al-NazÈ'ir 'AlÈ Madhhab AbÈ ×anÈfah al-Nu'mÈn*, Kaherah: Mu'assasah al-×alabÈ wa Syurakah, h. 192.

¹⁵⁰ Ibn HumÈm (1970), *op. cit.*, j. 6, h. 184; Ibn QudÈmah (1969), *op. cit.*, j. 5, h. 28.

¹⁵¹ Ibn HumÈm (1970), *op. cit.*, j. 6, h. 194 -196; Ibn QudÈmah (1969), *op. cit.*, j. 5, h. 24.

¹⁵² 'Abd al-'AzÈz al-KhayyÈ (1988), *al-Syarikat FÈ al-SyarÈ'ah al-IslÈmiyyah*, c. 3, j. 1, Beirut: Mu'assasah al-RisÈlah, h. 351.

¹⁵³ Ibn QudÈmah (1969), *op. cit.*, j. 5, h. 25; al-NawawÈ (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 515.

¹⁵⁴ al-KhayyÈ (1988), *op. cit.*, h. 355.

¹⁵⁵ Ibn ManÈÈr, JamÈl al-DÈn Muhammad bin Mukram al-IfrÈqÈ al-MiÈrÈ (1990), *LisÈn al-'Arab*, j. 1, Beirut: DÈr al-Fikr, h. 544.

Perkataan *mu'Érabah* sama ertinya dengan perkataan *qir'Él* yang berasal daripada kata *qar'É* yang bererti 'potongan' kerana pemilik modal (*rab al-m'Él*) akan memotong sebahagian daripada hartanya dan diserahkan kepada pengusaha (*al-'Émil* atau *al-mu'Érib*). Perkataan *mu'Érabah* adalah perkataan yang sering digunakan oleh penduduk Iraq, sementara perkataan *qir'Él* adalah perkataan yang selalu digunakan oleh penduduk Hijaz.¹⁵⁶ Kedua-dua perkataan ini mempunyai maksud yang sama iaitu memberi modal kepada seseorang untuk diperniagakan dan keuntungannya dibahagikan mengikut persetujuan bersama.¹⁵⁷ Justeru itu, penulis akan menggunakan kalimah *mu'Érabah* memandangkan istilah ini sangat popular di kalangan masyarakat dan selalu diguna pakai oleh bank-bank Islam pada masa sekarang.

Para fuqahÉ' juga telah menghuraikan pengertian *mu'Érabah* dari segi *syara'* dengan berbagai-bagai definisi yang kesemuanya memberikan pengertian yang tidak jauh bezanya.

Ulama' Mazhab *×anafÉ* mentakrifkan *mu'Érabah* sebagai suatu akad atau kontrak perkongsian keuntungan yang dilakukan oleh pemilik modal dan pengusaha.¹⁵⁸ Manakala ulama' Mazhab *MÉlikÉ* dan *SyÉfi'É* mengatakan *mu'Érabah* ialah suatu akad perwakilan yang dilakukan oleh pemilik modal dengan seseorang untuk diniagakan dan keuntungan akan dibahagi mengikut kadar yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.¹⁵⁹ Ulama' Mazhab *×anbalÉ* pula mengatakan bahawa

¹⁵⁶ ManÍEr bin YÉnus bin IdrÉl al-BuhÉtÉ (1982), *KasysyÉf al-QinÉ* 'an Matn al-IqnÉ', j. 3, Beirut: DÉR al-Fikr, h. 507; Mahy al-DÉn bin AbÉ Zakariyé Yahya bin Syaraf al-NawawÉ (1995), *al-MajmÉ* 'SyarÍ al-Muhadhdhad', j. 15, Beirut: DÉR IhyÉ' al-TurÉth al-'ArabÉ, h. 138.

¹⁵⁷ Ibn ManĐEr (1990), *op. cit.*, j. 7, h. 217; IbrÉhÉm Anis, et. al. (t.t), *al-MuŃjam al-WasÉl*, Beirut: DÉR al-Fikr, jil. 1, hlm. 536, j. 2, h. 727.

¹⁵⁸ ManÍEr bin YÉnus bin IdrÉl al-BuhÉtÉ (1982), *op. cit.*, h. 507; al-NawawÉ (1995), *op. cit.*, j. 15, h. 138.

¹⁵⁹ Syams al-DÉn al-Syeikh MuÍammad 'Arfaĥ al-DusÉqÉ (1998), *HÉsyyiah al-DusÉqÉ* 'AlÉ al-Syarĥ al-KabÉr', j. 3, Beirut: DÉR al-Fikr, h. 799; MuÍammad bin AÍmad bin MuÍammad bin Rusyd al-QurÍubÉ (t.t), *BidÉyah Él-Mijtahid Wa NihÉyah al-MuqtaÍid*, j. 2, Beirut: DÉR al-Fikr, h. 178; Syams

muḥārabah adalah pemberian harta atau modal oleh seseorang kepada seseorang yang lain bertujuan untuk diperniagakan, manakala keuntungan akan dibahagikan mengikut perjanjian yang telah disepakati.¹⁶⁰ Ulama' kontemporari menyimpulkan konsep *muḥārabah* yang diamalkan oleh bank Islam pada masa ini sebagai satu elemen dalam pelaburan modal yang berbentuk akad perkongsian antara beberapa orang pemilik modal dengan pengusaha yang berpengalaman.¹⁶¹

Daripada perbincangan di atas, didapati bahawa pengertian *muḥārabah* yang dikemukakan oleh para ulama' tidak mempunyai banyak perbezaan yang begitu ketara. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa *muḥārabah* merupakan segala bentuk transaksi yang melibatkan dua pihak iaitu satu pihak berperanan menyediakan modal dan pihak lain mengusahakan modal tersebut. Keuntungan yang diperolehi dari perusahaan tersebut akan dibahagikan menurut persetujuan yang telah disepakati bersama. Manakala, kerugian akan ditanggung oleh pemilik modal sahaja selagi kerugian itu bukan akibat dari kelalaian dan kecuaiannya. Kerugian pengusaha pula satu bebanan dari aspek tenaga dan masa yang telah dikorbankan. Oleh yang demikian, hal ini dianggap adil bagi kedua-dua belah pihak apabila pemilik modal menanggung segala kerugian modalnya dan pengusaha bertanggungjawab atas kerugian masa dan tenaganya.¹⁶²

1.7.3.1 Dalil pensyariatian *al-Muḥārabah*

al-Dīn Muḥammad bin Abī al-Abbās Aḥmad bin ḥamzah al-Ramlī (1984), *Nihāyah al-Muḥārabah* Ila Syarḥ al-Minhāj, j. 5, Beirut: Dār al-Fikr, h. 220

¹⁶⁰ 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad Ibn Qudāmah (1994), *al-Mughnī*, j. 5, Beirut: Dār al-Fikr, h. 134.

¹⁶¹ Maḥmūd 'Abd al-Karīm Aḥmad Irsyād (2001), *al-Syam'el fi Muḥārabah wa 'Amaliyyat al-Maḥārib al-Islāmiyah*, al-Aurdun: Dār al-Nafīs, h. 41; Muḥammad Uthmān Syib' (1999), *Muḥārabah al-Muḥārib al-Muḥārib* fi Fiqh al-Islām, c. 3, al-Aurdun: Dār al-Nafīs, h. 347.

¹⁶² Aḥmad Irsyād, *op. cit.*, h. 41.

Para fuqahÉ' telah bersepakat atas keharusan akad *muËÉrabah* berdasarkan dalil al-Qur'an, al-Sunnah dan Ijma' para ulama'.

i. Al-Qur'an

Allah s.w.t. telah berfirman :

إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ أَنَّكَ تَقُومُ أَدْنَىٰ مِن ثُلُثِي اللَّيْلِ وَنَصْفَهُ وَثُلُثَهُ وَطَائِفَةٌ مِّنَ الَّذِينَ
وَأَخْرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِن فَضْلِ اللَّهِ

Bermaksud: “*Dan orang-orang yang musafir di bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah (s.a.w.)*”

SËrah al-Muzzammil (73): 20

Selain daripada SËrah al-Muzzammil (73):20 yang dikatakan oleh para ulama' sebagai dalil pengharusan *muËÉrabah*, terdapat juga ayat al-Qur'an daripada SËrah lain seperti SËrah al-Jumu'ah (62): 10 dan SËrah al-Baqarah (2): 198. Daripada ayat-ayat al-Qur'an tersebut, Allah s.w.t. telah menjelaskan bahawa sebahagian daripada hambanya berjalan di muka bumi ini untuk mencari rezeki dengan cara berniaga dan berjual-beli kerana ini merupakan satu keperluan dan kepentingan dalam kehidupan seharian. Berniaga atau berjual-beli merupakan perkara yang diharuskan oleh hukum syarak walaupun pada musim haji sekalipun.¹⁶³ Malah, *muËÉrabah* itu sendiri merupakan salah

¹⁶³ IsmÉ 'il bin KathËr al-QurasyË (1998), *al-Qur'Ën al-'ADËm*, j. 4, Kaherah: DËr al-×adËth, h. 367; Sayyid al-QuËh (1993), *FË ZilËl al-Qur'an*, j. 6, Kaherah: DËr al-SyurËq, h. 3749; Wahbah al-ZuËfayli (1991), *al-TafsËr al-MunËr*, j. 2, Beirut: DËr al-Fikr, h. 213; SyËhab al-DËn MaËmud al-AIËsi (t.t), *Ruh al-Ma 'ËnË Fi TafsËr al-Qur'Ën al-'ADËm Wa al-Sab 'Ë al-MathËnË*, j. 14, Beirut: DËr al-Fikr, h. 103.

satu bentuk dari berbagai-bagai jenis perniagaan yang diaplikasikan dalam masyarakat dewasa ini.

ii. Al-Sunnah

Pensyariatian *mu'Érabah* juga dapat difahami daripada hadith-hadith

Rasulullah s.a.w. antaranya ialah:

"عن صالح بن صهيب عن أبيه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ثلاث فيهن البركة البيع إلى أجل، والمقارضة وأخلاط البر بالشعير للبيت لا للبيع"¹⁶⁴

Maksudnya: "Dari Salih Ibn Øuhayb dari bapanya berkata sabda Rasulullah saw.: tiga hal yang di dalamnya terdapat keberkatan: Jual beli secara tangguh, muqaradah (*mu'Érabah*) dan mencampur gandum dengan tepung untuk keperluan rumah (keluarga) bukan untuk dijual".

Ia juga adalah hadith yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas r.a.¹⁶⁵

iii. Al-IjmaÑ

Para sahabah r.a telah bersepakat bahawa harus hukumnya akad *mu'Érabah* itu dilakukan bahkan mereka sendiri juga turut mengamalkannya.¹⁶⁶ Manakala, daripada *ÉthÉr*, didapati para *fuqahÉ*' telah bersepakat mengatakan bahawa *mu'Érabah* itu adalah suatu amalan yang diharuskan oleh syara'. Ia juga selaras dengan al-Qur'an, al-

¹⁶⁴ Mu'ammad bin YazÉd al-QazwinÉ bin MÉjah (1953), *Sunan Ibn MÉjah*, "KitÉb al-TijÉrah, bab al-Syarikah Wa al-Mu'Érabah", j. 2, Kaherah: IsÉ al-BÉbÉ al-×alabÉ wa AwlÉduh, h. 780; Mu'ammad bin 'AlÉ bin Mu'ammad al-SyawkÉnÉ (t.t), *Nayl al-AwíÉr SyarÍ MuntaqÉ al-AkhhÉr Min al-AÍÉÍith Sayyid al-AkhyÉr*, KitÉb al-SyÉrikah wa al-Mu'Érabah, j. 5, Beirut: DÉr al-Kutub al-Ñilmiyyah, h. 267.

¹⁶⁵ AbÉ Bakr AlÍmad bin al-×usayn bin 'AlÉ al-BayhaqÉ (1344H./1923), *Sunan al-KubrÉ*, "KitÉb al-qirÉÍ", j. 6, India: DÉ' irah al-Ma 'Érif al-NiÐÉmiyah, h. 111; al-SyawkÉnÉ (t.t), *op. cit.*, j. 5, h. 300.

¹⁶⁶ AbÉ 'Abd AllÉh MÉlik bin Anas (1993), *al-MuwatÍÉ*, "KitÉb al-qirÉÍ", no. hadith 2429, c. 2, j. 2, Beirut: Mu'assasah al-RisÉlah, h. 289; al-BayhaqÉ (1992), *op. cit.*, j. 6, h. 110.

Sunnah dan amalan-amalan para sahabat,¹⁶⁷ bahkan ia merupakan keperluan hidup bagi masyarakat masa kini dalam mengembangkan modal untuk menghasilkan keuntungan melalui akad *mu'ārahah*.¹⁶⁸

1.7.3.2 Rukun dan syarat akad *al-Mu'ārahah*

Para ulama' telah berbeza pendapat tentang rukun akad *mu'ārahah*. Ulama' Mazhab *ḥanafī* mengatakan rukun akad *mu'ārahah* mengandungi dua perkara sahaja, iaitu lafaz *al-ġāb* dan lafaz *al-qabġl*.¹⁶⁹ Manakala, ulama' Mazhab *Syāfi'ī* mengatakan terdapat lima perkara di dalam rukun akad *mu'ārahah* iaitu modal (*rab' al-mġl*), perusahaan (*al-'amġl*), keuntungan (*al-ribġl*), lafaz akad (*al-ġġghah*) dan dua orang yang berakad (*al-ġqidġn*).¹⁷⁰ Adapun Jumhur ulama'¹⁷¹ mengatakan rukun *mu'ārahah* mengandungi tiga perkara iaitu dua orang yang berakad (*al-ġqidġn*), perkara-perkara yang diakad (*al-ma' qġd 'alayh*¹⁷²) serta *ġġghah al-ġġb* dan *al-qabġl*. Rukun akad *mu'ārahah* di sisi ulama' Mazhab *Syāfi'ī* dan di sisi Jumhur ulama' adalah sama dan tidak mempunyai perbezaan yang ketara.

1.7.3.3 Jenis-jenis *mu'ārahah*

Akad *mu'ārahah* dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu *mu'ārahah* tidak terhad (*mu'ārahah*) dan *mu'ārahah* terhad (*muqayyadah*).

¹⁶⁷ al-Kġsġnġ (1982), *op. cit.*, j. 6, h. 79; al-Bahġtġ, *op. cit.*, j. 3, h. 507; Ibn Rusyd (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 187; al-Ramlġ (1984), *op. cit.*, j. 5, h. 219; Ibn Qudġmah (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 135.

¹⁶⁸ Ibn Qudġmah (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 135,

¹⁶⁹ al-Kġsġnġ (1982), *op. cit.*, j. 6, h. 79.

¹⁷⁰ Muġammad bin Aġmad al-Khaiġb al-Syġrbġnġ (1958), *op. cit.*, j. 2, h. 310; Sulaymġn bin 'Umar bin Muġammad al-Bujayrimġ (1995), *Bġġrmi 'Alġ al-Khġġb*, j. 3, Beirut: Dġr al-Fikr, h. 190.

¹⁷¹ al-Zuġaylġ (1989), *op. cit.*, c. 3, j. 4, h. 839.

¹⁷² Yang dimaksudkan dengan *al-ma' qġd 'alayh* ialah *ra's al-'amġl* dan *al-ribġl* lihat al-Zuġaylġ, *Ibid.*,

i. Mu'ārahah mu'ālahah

Mu'ārahah mu'ālahah ialah kontrak perniagaan yang dilakukan bersama di antara pemilik modal dengan pengusaha yang tidak terikat dengan tempat, jangka waktu tertentu dan tidak dibatasi oleh segala jenis ikatan. Pengusaha dapat menjalankan segala bentuk perniagaan tanpa sekatan oleh sebarang syarat seperti berniaga dengan orang tertentu dan sebagainya.¹⁷³

ii. Mu'ārahah muqayyadah

Mu'ārahah muqayyadah merupakan kontrak perniagaan atau pelaburan yang dibatasi dengan faktor-faktor seperti jangka masa tertentu, jenis perniagaan yang telah ditetapkan, terikat dengan tempat yang khusus dan perusahaan yang terbatas oleh syarat-syarat yang telah digariskan¹⁷⁴ oleh pihak pemodal.¹⁷⁵

1.7.3.4 Pembatalan akad *mu'ārahah*

Akad *mu'ārahah* merupakan akad yang tidak lazim maka ia boleh dibatalkan dengan beberapa sebab.¹⁷⁶ Antaranya ialah:

¹⁷³ al-Kāshānī (1982), *op. cit.*, j. 6, h. 87; Abū al-Walīd Mu'ammad bin Alīmad Ibn Rusyd (al-Jadd) (t.t), *al-Muqaddimāt*, j. 2, Baghdad: Maktabah al-Muthannī, h. 180; al-Bujairimī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 192.

¹⁷⁴ al-Kāshānī (1982), *op. cit.*, j. 6, h. 87; al-Zu'āyilī (1989), *op. cit.*, j. 4, h. 840; Zayd Muhammad al-Rumīnī (1999), *Majallah al-Syar'īyah Wa al-Dir'asāt al-Islāmiyah*, Kuwait University: Academic Publication Council, no. 37, h. 235-236.

¹⁷⁵ Sila lihat al-Kāshānī (1982), *op. cit.*, j. 6, h. 98; Ibn Qud'āmah (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 62; al-Bujairimī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 193; Ibn Rusyd (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 180; al-Dusūqī (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 526; al-Ramlī (1984), *op. cit.*, j. 5, h. 225.

¹⁷⁶ al-Kāshānī (1982), *op. cit.*, j. 6, h. 112; al-Ramlī (1984), *op. cit.*, j. 5, h. 238; Muhammad Am'ān bin 'Umar al-Syāhī bin Ibn Ōb'Edīn (1994), *Radd al-Mu'tār 'Ala al-Dur al-Mukhtār Syar'ī Tanwīr al-Ab'ār*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, j. 8, h. 442; al-Syarbīnī (1958), *op. cit.*, j. 2, h. 139; al-Bujairimī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 198; Ibn Qud'āmah, (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 179; Abū Mu'ammad 'Alī bin Alīmad bin Sa'ād bin 'azm (t.t), *al-Malallē*, j. 8, Beirut: Dār al-Fikr, h. 249.

i. Fasakh atau pembatalan akad

Para *fuqahÉ'* berpendapat bahawa pemilik modal atau pengusaha berkuasa untuk membatalkan akad *muÈrabah* sama ada sebelum mahupun sesudah melaksanakan urusan perniagannya. Ini kerana, ia hanyalah akad harus dan bukan akad yang lazim. Walaupun tiada persetujuan atau sebaliknya daripada pengusaha, seperti ungkapan pemilik modal terhadap pengusaha “Aku fasakh akad *muÈrabah* tersebut” atau “Aku batalkannya” atau seumpamanya dilafazkan. Dengan ini, akad *muÈrabah* tersebut dianggap terbatal dan pengusaha tidak berhak untuk meneruskan lagi perniagaannya, kecuali jika keadaan modal pelaburan pada waktu itu adalah masih dalam bentuk barang perniagaan (*al-'urÈd*). Hal yang demikian, mesti diteruskan penjualannya supaya dapat mengembalikan modal berbentuk wang tunai dan dapat mengetahui jumlah keuntungan jika ada dan dibahagikannya mengikut persetujuan semasa melaksanakannya. Akhir sekali, semua modal pelaburan dikembalikan kepada pemiliknya.

ii. Meninggal dunia

Apabila salah seorang daripada *mutaÈqidan* iaitu pemilik modal atau pengusaha meninggal dunia, jumhur *fuqahÉ'* berpendapat bahawa kematian pemilik modal atau pengusaha mampu membatalkan akad *muÈrabah* walaupun masih belum diketahui oleh satu pihak kerana *muÈrabah* merupakan akad *al-wakÈlah*. Salah satu antara sebab yang dapat membatalkan akad *al-wakÈlah* adalah kematian salah seorang pihak pewakil atau penerima wakil.

iii. Hilang akal

Perkara yang dimaksudkan dengan hilang akal ialah pemilik modal atau pengusaha menghadapi keadaan hilang akal atau gila. Akad *mu'Érabah* dianggap terbatal sekiranya salah seorang pihak yang terlibat menjadi hilang akal kerana kewarasan akal merupakan salah satu rukun sahnya akad *mu'Érabah*.

iv. Modal pelaburan mengalami kemusnahan

Apabila modal pelaburan yang berada di tangan pengusaha serta masih belum melaksanakan urusan perniagaan tiba-tiba mengalami kebinasaan atau hilang dengan apa-apa cara sekalipun, maka akad *mu'Érabah* itu dianggap terbatal. Ini disebabkan modal pelaburan merupakan salah satu perkara daripada rukun akad *mu'Érabah*. Apabila satu daripada rukun akad *mu'Érabah* cacat bererti tidak sempurna adalah akad tersebut dan menyebabkan terbatalnya akad *mu'Érabah* tersebut.

1.7.4 BayÑ Bithaman Ójil

Konsep pelaksanaan *al-bayÑ bithaman Éjil* ini hampir serupa dengan konsep *al-murÉbahah* iaitu jualan dengan harga tangguh atau secara ansuran. Menerusi sistem ini, penjual menyerahkan barang kepada pembeli dengan serta-merta dan pembeli menangguhkan pembayaran harga barang itu untuk satu tempoh tertentu, atau membuat

bayaran secara ansuran.¹⁷⁷ Pelaburan ini dibenarkan di dalam Islam kerana ia merupakan satu bentuk pertolongan daripada satu pihak kepada pihak yang lain untuk dimiliki atau untuk keperluan.¹⁷⁸

Menurut Siddiq al-Dardir iaitu Pengerusi Lembaga *Syariah Bank Faisal Al-Islami* di Sudan, beliau mengharuskan amalan ini dilaksanakan di bank-bank Islam sebagai salah satu daripada instrumen pelaburan Islam. Namun begitu, beliau telah menyarankan dua perkara untuk kebajikan kepada orang ramai iaitu:

- i. Perbezaan harga yang ditawarkan adalah rendah kerana kebiasaannya pelanggan yang membeli barang tersebut atas tujuan penggunaan dan bukannya untuk perdagangan. Justeru, harga yang rendah itu merupakan satu bentuk perkhidmatan pihak bank kepada orang ramai dan juga sebagai satu bentuk pertolongan kepada golongan yang memerlukan.
- ii. Sekiranya ia melibatkan penggunaan wang yang banyak seperti jual beli rumah atau bangunan perniagaan, bank seharusnya mempunyai dua alternatif iaitu membeli tanah dan membina rumah di atasnya yang kemudian dijual kepada pelanggan dengan harga tangguh atau bank membeli rumah siap dan dijual dengan harga tangguh.¹⁷⁹

¹⁷⁷ Sobri Solomon (1989), *op. cit.*, h. 38; Muhammad Kamal Azhari (1993), *op. cit.*, h. 90; BIRT (1998), *op. cit.*, h. 44; Mahsin bin Haji Mansor (1983), *op. cit.*, h.41; Abdul Halim Ismail (1983), "Bank Islam Malaysia Berhad: Establishment And Operations" (Kertas Kerja International Conference On Islam Technology, Kuala Lumpur: UTM pada Disember 1983).

¹⁷⁸ Kebanyakan fuqahÉ' tidak berselisih pendapat tentang hukum jualan tertangguh ini, rata-rata mereka menegaskan hukumnya adalah harus, Cuma perbezaannya harga antara jualan secara tunai dan jualan secara bertangguh adalah ditegah kerana terdapat hadith yang menegah perbuatan "Dua jualan yang berlaku dalam satu jualan". Hadith ini telah diriwayatkan oleh al-NasÉ'É dan al-TirmidhÉ. AbÉ 'Abd al-RaÍmÉn AÍmad bin 'AlÉ bin Syu'ayb al-NasÉ'É (1986), *Sunan alNasÉ'É Bi SyarÍ al-SuyÉtÉ Wa HÉsyyiah al-SindhÉ*, j. 7. Beirut: DÉR alBasyÉ'ir al-IslÉmiyyah, h. 295-296; al-ThirmidhÉ (t.t), *Sunan al-TirmidhÉ*, j. 2, Beirut: DÉR al-Fikr, h. 350, no. hadith 1249.

¹⁷⁹ Sobri Solomon (1989), *op. cit.*, h. 653.

1.7.4.1 Dalil pengharusan BBA

Dalil pengharusan BBA yang dirujuki daripada al-Qur'an dan juga al-Sunnah adalah seperti berikut:

i. Al-Qur'an

Firman Allah swt. yang bermaksud:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

“Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”

Surah al-Baqarah (2): 275

Pengharusan BBA¹⁸⁰ adalah berpandukan kepada ayat al-Qur'an di atas, iaitu Allah s.w.t. menghalalkan kegiatan jual beli termasuklah BBA. Akad jual beli pada asalnya adalah halal. Begitu juga BBA ini adalah halal dan ianya akan menjadi haram sekiranya terdapat dalil yang mengkhususkan pengharamannya. Selagi tiada dalil yang mengharamkannya, maka hukumnya adalah harus berdasarkan kepada kaedah fiqh *'al-a'Îl fi al-'uqËd al-ibË'ah ÍattË yadul al-dalËl 'alË al-taÍrËm'*.¹⁸¹

¹⁸⁰ Pendapat ini merupakan majoriti di kalangan Mazhab ×anafË, SyËfi'I, Zayd bin 'AÍË dan lain-lain. Sila Lihat al-SyawkËnË (t.t), *op. cit.*, j. 5, h. 172.

¹⁸¹ Lihat JalËl al-DËn 'Abd al-RafmËn al-SuyËËË (1959), *op. cit.*, h. 60.

ii. Al-Sunnah

Terdapat hadits yang menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah membeli makanan daripada seorang Yahudi secara bayaran tangguh¹⁸²

iii. Al-IjmĒñ

Al-ijmĒñ para ulama' juga menegaskan bahawa akad BBA adalah harus di sisi syarak.¹⁸³

1.7.5 BayÑ al-‘Ōnah (BAI)

BayÑ al-‘Ēnah merupakan transaksi jual beli secara tangguh iaitu penjual menjual barangan kepada pembeli dengan harga tertangguh, kemudian si penjual membeli kembali barangan tersebut daripada pembeli secara tunai dengan harga yang kurang daripada harga jualannya.¹⁸⁴ Ia juga boleh berlaku sebaliknya, iaitu penjual menjual barangan tersebut dengan harga tunai dan membelinya semula dengan harga tangguh yang tinggi.¹⁸⁵

¹⁸² Saidatina ‘Ō’isyah r.a mengatakan bahawa Rasulullah saw. telah membeli makanan daripada seorang Yahudi secara tangguh dan menggadaikan baju besi Baginda kepada Yahudi tersebut. Lihat al-BukhĒrĒ (1981), *ŌaĒĒĒ BukhĒrĒĒ*, j. 3, Istanbul: al-Maktabah al-IslĒmiyyah, h. 115.

¹⁸³ al-‘AsqalĒnĒ (1978), *FatĒ BĒrĒ Bi SyarĒ ŌaĒĒĒ al-BukhĒrĒĒ*, j. 9, Kaherah: Maktabah al-KulliyĒt al-Azhariyyah, h. 55.

¹⁸⁴ Wahbah al-ZuĒaylĒ (1998), *Usul al-Fiqh al-Islami*, j. 2, Damsyiq: DĒr al-Fikr, h. 921; Ibn QudĒmah (1969), *op. cit.*, j. 2, h.2; Ibn Rusyd (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 524.

¹⁸⁵ al-NawawĒ (t.t), *op. cit.*, j. 3, hlm. 85-86; KĒmil MĒsĒ (1994), *AlĒkam al-Mu‘Ēmalat*, c. 2. Beirut: Muassasah al-RisĒlah, h. 285.; Amirah ‘Abd al-LaĒĒf Masyhur (1991), *al-IstithmĒr FĒ al-IqtisĒĒ al-*

1.7.5.1 Pendapat fuqahÉ' tentang akad bayÑ al-Énah

Oleh kerana kontrak bayÑ al-Énah ini merupakan kontrak yang menjadi pertikaian di kalangan fuqahÉ' maka, penulis berasakan agak mustahak untuk diperjelaskan mengenai pendapat fuqahÉ' berkenaan bayÑ al-Énah ini agar dapat memberi gambaran secara umum berkenaan kontrak tersebut pada kaca mata Islam.

Imam AbË ×anÉfah menegaskan bahawa transaksi seperti ini adalah tidak sah ('*aqad fÉsid*) jika tidak melibatkan pihak ketiga di antara penjual dan pembeli asal.¹⁸⁶ AbË YusËf pula menyatakan bahawa kontrak ini adalah sah manakala MuÍammad berpendapat ianya adalah sah tetapi makruh.¹⁸⁷

FuqahÉ' Mazhab MÉlikÉ¹⁸⁸ dan Mazhab ×anbalÉ¹⁸⁹ pula tidak mengiktiraf kesahihan kontrak ini.¹⁹⁰ Mereka menegaskan bahawa tujuan pihak yang berakad adalah menjadi penentu sama ada sesuatu akad itu sah ataupun berlawanan dengan kehendak Syarak. Berdasarkan perkara tersebut, tujuan pihak yang berakad melalui bayÑ al-Énah adalah tidak sah dan seterusnya membatalkan akad tersebut. Mereka berpendapat bahawa akad bayÑ al-Énah ini sebagai ÍÉlah untuk menghalalkan ribÉ.¹⁹¹

IslÉmÉ, Kaherah: Maktabah MadbËlÉ, h. 253; AlÍmad SyarbaÍÉ (1981), *al-Mu'jam al-IqtíÍÉd al-IslÉmÉ*, Beirut: DËr al-Jayl, h. 61.

¹⁸⁶ Sila lihat al-ZuhaylÉ (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 3455; Ibn HumÉm (1970), *op. cit.*, j. 6, h. 433; al-ZuíaylÉ (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 922.

¹⁸⁷ al-KÉsÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 426-428; Ibn HumÉm (1970), *op. cit.*, j. 6, h. 433

¹⁸⁸ Ibn Rusyd (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 524; Ibn Rusyd (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 141.

¹⁸⁹ Syams al-DËn AbË 'Abd AllÉh MuÍammad bin AbË Bakr bin Qayyim al-Jawziyyah (1996), *T'ÍÉm al-Muwaqqi Én 'An Rabb al-ÓlamÉn*, j. 1, Beirut: DËr al-Kutub al-Ílmiyyah, h. 218; Ibn QudÉmah (1969), *op. cit.*, j. 4, h. 132.

¹⁹⁰ al-DusÉqÉ (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 31; al-SyawkÉnÉ (t.t), *op. cit.*, j. 5, h. 206.

¹⁹¹ al-ZuhaylÉ (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 3456; Lihat juga al-ZuíaylÉ (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 922.

Manakala fuqahÉ' Mazhab SyÉfi'É¹⁹² dan Dawud al-ÚÉhirÉ¹⁹³ menyatakan jual beli seperti ini adalah sah tetapi makruh kerana cukup rukun *al-ÉjÉb* dan *al-qabÉl* yang kedua-duanya sah. Tidak sepatutnya dibatalkan akad ini kerana tidak diketahui niat yang tidak dinyatakan semasa berlakunya akad tersebut.¹⁹⁴

Hujah golongan Mazhab ×anafÉ, MÉlikÉ dan ×anbalÉ berkenaan akad *bayÑ al-Énah* ini adalah berdasarkan hadith dialog di antara 'Ó'isyah r.a dengan hambanya *Zayd bin Arqam* yang bermaksud:¹⁹⁵

“Hamba (perempuan) / isteri Zayd bin Arqam berkata kepada 'Ó'isyah: Aku menjual seorang hamba kepada Zayd bin Arqam dengan harga lapan ratus dirham secara tangguh, kemudian saya beli semula daripada pembeli dengan harga enam ratus dirham tunai. Maka Ó'isyah berkata “Itulah seburuk-buruknya penjualan dan pembelian engkau. Beritahulah Zayd bahawa dia telah membatalkan jihadnya bersama Rasulullah s.a.w jika dia tidak bertaubat”.

Golongan yang menentang penggunaan *bayÑ al-Énah* juga menggunakan kaedah *sadd al-dharÉ'i*¹⁹⁶. Menurut mereka, pada zahirnya kontrak ini adalah harus, akan tetapi terdapatnya niat yang tidak diharuskan yang merupakan motif utama dalam kontrak tersebut. Seterusnya golongan yang tidak mengharuskan *bayÑ al-Énah* membuat kesimpulan bahawa ianya merupakan medium untuk menghalalkan ribÉ,

¹⁹² Sila lihat AbÉ 'Abd AllÉh MuÍammad bin Idris al-SyÉfi'É (1993), *al-Umm*, j. 3, Beirut: DÉR al-Kutub al-Ílmiyyah, h. 95-96; al-NawÉwÉ (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 85-86; al-SyawkÉnÉ (t.t), *op. cit.*, j. 5, h. 233; al-SyarbÉnÉ (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 27-28.

¹⁹³ AbÉ MuÍammad 'AlÉ bin Sa'Éd bin ×azm (t.t), *op. cit.*, h. 747-757.

¹⁹⁴ MuÍammad bin 'AlÉ bin MuÍammad al-SyawkÉnÉ (1937), *IrsyÉd al-FuíÉl IlÉ TalqÉq al-×aqq Min Ílm al-ÚÍÉl*. Mesir: MuÍáfÉ al-BÉbÉ al-×alabÉ, h. 215-218.

¹⁹⁵ al-SyawkÉnÉ (t.t), *op. cit.*, j. 5, h. 232; 'AlÉ bin Umar al-DÉraqúnÉ (1993), *Sunan al-DÉraqúnÉ*, j. 3, Madinah: DÉR IhyÉ' al-ÚurÉth al-'ArabÉm h. 52. Terdapat juga hadith Ibn 'Umar r.a yang diriwayatkan oleh AbÉ DÉwud yang bermaksud *“Ibn 'Umar berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda, “Apabila kamu berjual beli secara Énah dan mengekori lembu-lembu kamu serta rela dengan bercucuk tanam dan meninggalkan jihad, nescaya Allah swt. akan menimpakan kehinaan (bala) yang tidak akan diangkapNya ke atas kamu sehinggalah kamu kembali kepada agama kamu (bertaubat)”*. Sila lihat AbÉ DÉwud (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 274-275, no. hadith 3462; al-SyawkÉnÉ (t.t), *op. cit.*, j. 5, h. 233.

¹⁹⁶ AbÉ ×anÉfah menolak penggunaan *al-dharÉ'ah* sebagai alasan untuk mengharamkan *bayÑ al-Énah*, tetapi beliau mengharamkan kerana ianya merupakan *'aqd fÉsid* dan terbatal. Sila lihat IbrÉhÉm bin Musa al-SyÉÍibÉ (1975), *al-MuwÉfaqÉt FÉ ÚÍÉl al-SyarÉ'ah*, j. 3, Beirut: DÉR al-Kutub al-Ílmiyyah, h. 306.

sedangkan segala perkara yang digunakan adalah sebagai perantaraan ke arah sesuatu yang diharamkan adalah haram.¹⁹⁷

Mazhab SyÉfi‘Ê menolak penggunaan hadith yang pertama kerana hadith tersebut tidak *thÉbit*. Menurut SyÉfi‘Ê lagi Zayd telah bertindak berlawanan dengan hadith tersebut dan kenyataan berkenaan menunjukkan perbezaan pendapat di kalangan para sahabat sendiri. Kesimpulannya, SyÉfi‘Ê telah menggunakan kaedah *al-qiyÉs* untuk menetapkan hukum hasil daripada pertelingkahan pendapat di antara para sahabat tadi.¹⁹⁸

Selain daripada itu, Mazhab SyÉfi‘Ê menegaskan lagi bahawa *bayÑ al-‘Énah* adalah sah berdasarkan umum ayat al-Qur’an yang bermaksud;

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

“Dan Allah s.w.t menghalalkan jua beli dan mengharamkan ribÉ”

SÉrah al-Baqarah (2): 275

Dalil yang berdasarkan keumuman ayat al-Qur’an al-Karim ini telah disangkal oleh *al-QarÉfÊ* dari fuqahÉ’ Mazhab MÉlikÊ. Menurut beliau, dalil yang berdasarkan ayat al-Qur’an ini sungguh umum (*al-‘am*) sedangkan hadith ‘Ó’isyah r.a yang menjadi pegangan Mazhab MÉlikÊ terhadap pengharaman *bayÑ al-‘Énah* begitu khusus (*al-*

¹⁹⁷ al-ZuíaylÊ, (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 924; al-ZuíaylÊ, (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 3456-3457; Ibn ‘ÓbidÊn (1966), *op. cit.*, j. 5, h. 74-77.

¹⁹⁸ MuÍlafÊ Sa‘Éd al-Khin (1998), *AthÉr al-IkhtilÉf FÊ al-QawÉ‘id al-UÍÉliyyah FÊ IkhtilÉf al-FuqahÉ’*, c. 7. Beirut: DÉR al-RisÉlah, h. 534; al-ZuíaylÊ (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 925; al-ZuhaylÊ (1997), *op. cit.*, j. 2, h. 2457.

khÉî). Oleh yang demikian, perkara yang khusus hendaklah mendahului yang umum sebagaimana yang telah ditetapkan dalam *'ilm al-uÉîl*.¹⁹⁹

Dalam masalah ini *Ibn ×azm*, fuqahÉ' Mazhab al-UÉhirÉ juga menolak penggunaan *al-dharÉ'i* kerana ia merupakan salah satu ijihad yang menggunakan akal fikiran semata-mata. Oleh yang demikian, *Ibn ×azm* sependapat dengan Imam SyÉfi'É kerana tidak menggunakan kaedah *al-dharÉ'i* dan beliau mengharuskan akad *bayÑ al-Énah*.²⁰⁰

Kesimpulannya, kebanyakan ulama' timur tengah mengharamkan penggunaan konsep *bayÑ al-Énah* ini kerana ia merupakan sejenis medium transaksi dalam kegiatan jual beli yang berkaitan dengan rib. Namun di beberapa negara Asia Tenggara pula, kebanyakan ulama' mengharuskannya kerana *bayÑ al-Énah* diaplikasikan sebagai instrumen pengurusan kewangan untuk menyelesaikan masalah dan halangan yang berkaitan dengan undang-undang kewangan dan pembayaran cukai. Ini berkemungkinan besar disebabkan oleh pendapat dan pandangan mereka (negara-negara di Asia Tenggara) lebih dominan dan cenderung kepada pandangan Mazhab SyÉfi'É.²⁰¹

1.7.5.2 Hukum *bayÑ al-Énah*

Secara umumnya, syarat-syarat yang terkandung di dalam akad jual beli juga digunapakai dalam akad *bayÑ al-Énah*. Walau bagaimanapun, terdapat dua syarat tambahan iaitu.²⁰²

¹⁹⁹ al-QarÉfÉ (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 276; al-ZuÁaylÉ (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 925.

²⁰⁰ *Ibn ×azm* (t.t), *op. cit.*, h. 748-757.

²⁰¹ Bank Islam Thailand (ISBT), <http://www.isbt.co.th/th/article/r.php?id=14>, 10 May 2008.

²⁰² Azizi Che Seman (2002), "Peranan Bay al-Inah Dalam Sekuriti Hutang Swasta Islam di Malaysia" (Kertas kerja dibentangkan di Bengkel Ekonomi Islam, Anjuran Akademi Pengajian Islam Kuala Lumpur, pada 22 Jun 2002), h. 4-5.

- i. Barangan *ribÉwÊ* yang berlandaskan matawang tidak boleh dijual beli dengan menggunakan *bayÑ al-Ênah*. Ini kerana di dalam prinsip *bayÑ al-Ênah*, transaksi pertama merupakan bayaran tangguh. Maka bayaran penangguhan berasaskan wang akan membawa kepada ribÉ yang diharamkan Islam.
- ii. Hendaklah berlakunya penyerahan barangan jualan sebelum menjualnya semula kepada penjual asal.

1.7.6 BayÑ al-Dayn

Hutang adalah sebarang harta yang menjadi tanggungan dan perlu dibayar dengan gantian kepada barang yang seumpamanya atau sama nilai dengannya. Ia terbahagi kepada dua iaitu hutang semasa atau hutang bertangguh. Hutang semasa ialah hutang yang mesti dibayar apabila diminta oleh tuannya tanpa wujud sebarang keuzuran yang menghalang seperti papa kedana, masuk waktu solat sehingga selesai menunaikannya, hilang harta atau dengan sebab-sebab keuzuran *syari'e*. Manakala hutang bertangguh pula ialah hutang yang mesti dijelaskan apabila telah tiba masanya dan telah diminta untuk berbuat demikian.²⁰³

BayÑ al-dayn atau hutang adalah satu perkara yang wajib kepada seseorang untuk melangsaikannya. Ia termasuklah hutang yang disifatkan sebagai tanggungan ataupun barangan tertentu yang khusus. Contohnya seperti harga jualan, tukaran kepada pinjaman mahar perkahwinan, bayaran upah selepas mendapat manfaat, gantirugi untuk

²⁰³ ÑAIÊ Aqhar MarwÊrÊd (1990), *Salsalah al-YanÉbilÑ al-Fiqhiyyah "l-Dyan"*, c. 1, Beirut: Muassasah Fiqh al-SyiiÉh, h. 15.

jenayah (*arsyun*), gantirugi kerosakan, bayaran tebus talak (*khulĒ*) dan bayaran pesanan (*musallam fih*) dalam urusan jua beli salam (*bay' al-Salam*).²⁰⁴

BayĒ al-dayn adalah jua beli hutang sama ada kepada orang yang menanggung hutang itu atau kepada orang lain (bukan penghutang). Di dalam setiap kes, ia berlaku sama ada secara tunai atau pun secara tangguh.²⁰⁵

1.7.6.1 Dalil pensyariatian *bayĒ al-dayn*

Terdapat dalil yang menyatakan bagi pengharusan *bayĒ al-dayn*, sama ada daripada al-Qur'an dan juga al-Sunnah Nabi s.a.w. seperti yang berikut:

i. Al-Qur'an:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُبَ
بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ

Maksudnya “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang (yang diberi tempoh) hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan adil (benar)”.

SĒrah al-Baqarah (2): 282

²⁰⁴ Wahbah al-ZuĀylĒ (1996), *al-Fiqh al-IslĒmĒ wa Adillatuhu*, j. 4, Damsyiq: DĒr al-Fikr, h. 432.

²⁰⁵ *Ibid.*

ii. Al-Sunnah:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم من نفس عن
مسلم كرب الدنيا نفس الله عنه كربه من كرب يوم القيامة ومن يسر على
معسر يسر الله عليه في الدنيا والآخرة وال له في عون العبد ما دام العبد في
عون اخيه

Maksudnya : “*Dari abu Hurairah r.a dari Nabi s.a.w bersabda: Barangsiapa yang melepaskan orang mu'min dari sesuatu kesempitan dunia, Allah akan melepaskannya daripada sesuatu yang memudahkan ke atas orang yang di dunia dan di akhirat. Allah sebenarnya sentiasa menolong hambaNya yang sentiasa menolong saudaranya.*”²⁰⁶

1.7.6.3 Jenis-jenis bayÑ al-dayn

Terdapat dua jenis jual beli hutang iaitu:

- 1) Jual beli hutang dengan hutang²⁰⁷
- 2) Jual beli hutang secara tunai

1.7.6.3 Hukum bayÑ al-dayn

Konsep *bayÑ al-dayn* (jual beli hutang) ini telah menjadi tajuk perbincangan ilmiah yang hangat oleh para ulama' dan cendekiawan Islam. Pelbagai hukum telah difatwakan berdasarkan nas dan hujah masing-masing. Di sini, penulis akan huraikan hujah golongan yang mengharuskan konsep ini.

²⁰⁶ al-TirmidhÊ Muñammad bin ÑAbbÊs (t.t), *Sunan al-TirmidhÊ*, j. 4, Beirut: DÊr HÿÊ' al-TurÊth al-ÑArabÊ, h. 327.

²⁰⁷ ÑAlÊ Aqhar MarwÊrÊd (1990), *op. cit.*, h. 15.; al-ZuñaylÊ (1989), *op. cit.*, h. 432.

Jumhur ulama' daripada keempat-empat Imam Mazhab telah mengharuskan jual beli hutang kepada orang yang menanggung hutang atau yang diberi hadiah kepadanya. Ini kerana unsur penegahan daripada sahnya jual beli hutang dengan hutang adalah ketidakupayaan dalam penyerahan.²⁰⁸

Pendapat yang paling zahir dalam Mazhab SyÉfi‘Ê menyatakan bahawa harus jual beli bagi hutang yang tetap²⁰⁹ kepada penghutang mahupun kepada bukan penghutang sebelum berlakunya penerimaan. Ini kerana kemampuan yang zahir untuk penyerahan tidak tertegah dan tidak terhalang. Contohnya harta yang ada pada peminjam.²¹⁰

Sekiranya hutang itu adalah hutang yang tidak tetap dan ia merupakan barangan tempahan dalam jual beli salam, maka ia harus diurusniagakan sebelum penerimaan bersesuaian dengan sabda baginda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:²¹¹

“Tidak mengapa selagi kamu tidak berpisah dan diantara keduanya ada sesuatu”

Oleh kerana dalam keadaan berkenaan, iaitu tidak dikhuatiri *terfasakh* aqadnya jika berlaku kemusnahan barangan tersebut maka ianya adalah seperti barangan selepas berlakunya proses penerimaan.

²⁰⁸ al-Zu‘aylÊ (1996), *op. cit.*, j. 4, h. 433.

²⁰⁹ Iaitu *hutang* yang telah wajib dilunasi dan menjadi milik tuannya tanpa ada autoriti lain yang boleh menggugurkannya. Lihat *Ibid.*

²¹⁰ *Ibid.*

²¹¹ Sila lihat al-Syeikh al-ImÊm bin IsmÊnil (1997), *Subul al-Salam “Syarh BulËgh al-MarÊm*, c. 3, j. 3, Beirut: DÊr al-MaÑrifah, No. 24/823, h. 29.

Mengikut Mazhab *ḥanbalī*, adalah sah apabila sahinya jual beli hutang tetap kepada penghutang seperti pertukaran pinjaman dan mahar kepada isteri selepas berlaku persetujuan.²¹²

Manakala Imam Ahmad berpendapat, harus untuk jual beli hutang kepada penghutang itu sendiri. Ini adalah kerana segala yang menjadi tanggungan mesti diterima oleh penghutang. Akan tetapi apabila ia dijual dengan perkara yang tidak dijual dengannya secara tangguh maka disyaratkan padanya 'semasa dan penerimaan' supaya tidak berlaku riba.²¹³ Menurut al-Syārah pula, sekiranya hutang itu adalah miliknya secara tetap maka harus dijual belikan kepada penghutang sebelum penerimaan kerana ia adalah miliknya secara tetap.²¹⁴

Manakala bagi penjualan hutang kepada pihak ketiga (bukan penghutang), ulama' berpendapat seperti berikut:

Menurut kebanyakan ulama' Mazhab *ḥanafī*, *ḥanbalī* dan Syāfi'ī, penjualan hutang kepada bukan penghutang atau pihak ketiga adalah tidak dibenarkan sama sekali. Pendapat seumpama ini adalah berlandaskan kepada penegasan penjualan *al-kāfī' bi al-kāfī'*.²¹⁵ Penjualan ini adalah dipenuhi dengan unsur *gharār* iaitu menjual sesuatu yang tidak dimilikinya.

Mazhab Mālikī pula berpendapat, harus jual beli hutang kepada bukan penghutang dengan menetapkan lapan syarat sebagai menghindarinya daripada unsur

²¹² *Ibid.*, hlm. 434.

²¹³ Ibn Taymiyyah (t.t), *op. cit.*, j. 29, h. 512.

²¹⁴ Abū Ishāq Ibrahim bin 'Alī al-Syārah (t.t), *al-Mazhab fi fiqh al-Imām as-Syāfi'ī*, Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 263.

²¹⁵ al-Syeikh al-Imām Muḥammad bin 'Alī Muḥammad al-Syawkani (1995), *Nayl al-Awḥār*, j. 5, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, No. 2235, h. 204.

gharÉr, *ribÉ* atau segala perkara yang dilarang oleh syarak. Lapan syarat tadi dirangkumi dalam dua syarat utama iaitu: ²¹⁶

i. Jual beli yang tidak membawa kepada perkara yang ditegah oleh syarak seperti *ribÉ*, penipuan dan sebagainya. Hutang itu semestinya adalah daripada perkara yang harus dijual sebelum berlaku proses penerimaan. Ianya adalah daripada pinjaman serta terdiri daripada barangan bukan makanan, dibeli dengan harga tunai supaya tidak berlaku jual beli hutang dengan hutang, hutang bukan terdiri daripada barangan yang sama kerana dikhuatiri berlaku *ribÉ* dan harganya bukan emas jika hutang tersebut adalah perak sehingga berlakunya jual beli wang dengan wang secara tangguh.

ii. Penghutang mesti hadir pada masa *aqad* untuk mengetahui keadaan hutang dan penghutang memang sedar dengan hutang tersebut supaya dia tidak akan menghindarinya pada kemudian hari nanti, dan tiada permusuhan berlaku di antara pembeli dan penghutang yang akan mewujudkan penderitaan kepada penghutang.

Secara ringkasnya, penegahan ulama' mengenai penjualan hutang kepada pihak ketiga adalah berdasarkan kepada tiga perkara utama iaitu jualan barang yang tidak dapat diserahkan (*bayÑ mÉ'jÉz al-taslÊm*), jualan barang yang tidak dimiliki (*bayÑ mÉ lÉ tamlÊk*) dan jualan barangan *ribÉwi*.

1.7.6 Al-MurÉbaÍah

Instrumen-instrumen jual beli yang telah dibahas oleh para ulama' dalam fiqh

²¹⁶ al-ZuÍaylÊ (1996), *op. cit.*, h. 434-5.

muñÉmalah ternyata banyak. Jumlahnya mencecah sehingga ke puluhan instrumen. Namun, dari sekian jumlah itu, terdapat tiga jenis kaedah jual beli yang telah dikembangkan sebagai sandaran pokok dalam kegiatan pembiayaan modal kerja dan pelaburan dalam sistem perbankan yang berlandaskan syariah Islam. Salah satu daripadanya ialah *bay' al-murÉbaÁah*.

Al-murÉbaÁah didefinisikan sebagai jualan tambahan untung.²¹⁷ *Al-murÉbaÁah* berasal daripada perkataan *al-RibÍ* iaitu dari segi bahasanya bererti pertambahan.²¹⁸ Dalam Kamus *LisÉn al-ÑArab*, perkataan *al-rib Íu* membawa maksud yang sama iaitu pertambahan atau pertumbuhan dalam perniagaan.²¹⁹ Sedangkan definisi *al-murÉbaÁah* secara terminologi dari segi istilah adalah menjual sesuatu barang dengan harga yang serupa iaitu harga asal tetapi ditambah dengan keuntungan.²²⁰

Secara amnya *murÉbaÁah* didefinisikan sebagai jualan komoditi di dalam harga yang telah dibeli oleh penjual, dengan penambahan sebagai keuntungan yang dimaklum oleh kedua-dua pihak (penjual dan pembeli). Ianya adalah kontrak kos-tambah-untung (*a cost-plus-profit contract*).²²¹

Rumusannya, *bayÑ al-murÉbaÁah* adalah jual beli barang pada harga asal dengan tambahan keuntungan yang disepakati.²²² Dalam *bayÑ al-murÉbaÁah*, penjual

²¹⁷ SyarÉf al-DÊn MÊsÉ bin AÍmad bin MÊsÉ bin SalÊm AbÈ al-NajÉ al-xujjÉwÊ al-MaqdÊsÊ (1999), *al-IqnÉ ' Li ÜÉlib al-IntifÉ'*, j. 2, RiyÉl: DÉR al-'Ólam al-Kutub, h. 225-6; AbÈ 'Abd ALLÉh MÉlik bin AnÉS (t.t), *al-Mudawwanah al-KubrÉ*, j. 3, Beirut: DÉR al-ØÉdir. h. 325.

²¹⁸ AbÈ al-FaÍl JamÉl al-DÊn MuÍammad b. Mukarram al-AnÍÉrÊ ibn ManÐÈr (t.t), *LisÉn al-ÑArab*, j. 15, Kaherah : DÉR al-MiÍriyyah, h. 443.

²¹⁹ Ibn ManÐÈr (1954), *LisÉn al-ÑArab*, j. 4, Kaherah: DÉR al-MiÍriyyah li al-Ta'lif wa al-Tarjamah, h. 268.

²²⁰ Ibn JawzÊ MuÍammad bin AÍmad (t.t.), *al-QawÉnin al-Fiqhiyyah*, TP, h. 263.

²²¹ MuÍammad Ibn AÍmad Ibn MuÍammad Ibn Rusyd (1988), *BidÉyah al-Mujtahid wa NihÉyah al-MuqtaÁid*, j. 2, Beirut : DÉR al-QÉlam. h. 216.

²²² *Ibid.*

harus memberitahu harga produk yang ia beli dan menentukan suatu tingkat keuntungan sebagai tambahannya.

Instrumen *bay' al-mur'abah* dapat dilakukan untuk pembelian secara pemesanan dan biasa disebut sebagai *mur'abah* kepada pemesan pembelian. Dalam kitab *al-Umm*, Imam Syafi'i menamai transaksi jenis ini dengan istilah *al-amir bisy-syira* (الإمارة بالشراء).²²³

1.7.7.1 Dalil pensyariaan *mur'abah*

Pensyariaan *mur'abah* tidak dipersoalkan oleh pihak mazhab fiqh kerana ia terkandung di dalam pensyariaan jual beli secara umum.²²⁴ Akan tetapi, tidak ada ayat al-Qur'an atau hadith Rasulullah s.a.w. yang menyebut secara langsung berkenaan *bay' al-mur'abah*. Perkara yang didapati hanyalah mengenai pedoman am tentang kegiatan jual beli, keuntungan, kerugian dan perdagangan.²²⁵ Contoh ayat adalah seperti berikut :

i. Al-Qur'an

الرِّبَا وَحَرَّمَ الْبَيْعَ اللَّهُ وَأَحَلَّ

“Allah menghalalkan jual-beli dan mengharamkan riba”

²²³ Lihat Muhammad Ibn Idris al-Syafi'i (1961), *al-Umm*, Kaherah : Maktabah Kul'iyat al-Azhariyah; Sami Hasan Ahmad Hammud (1982), *Tatwir al-Ahmal al-Masrafiyyah bi-ma Yattafiqu wa al-Syar'ah al-Islamiyyah*, Amman : Matbatu al-Syarq wa Maktabatuha.

²²⁴ al-Kasbi (t.t), *op. cit.*, j. 7, h. 3192; al-Imam M'lik (1323 H), *op. cit.*, j. 4, h. 227; Lihat juga M. Siddiqi, (1988), *op. cit.*, hlm. 49 dan 137; Lihat juga Saleh Nabil (1986), *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law : Riba Gharar and Islamic Banking*, U. K.: Cambridge University Press, h. 95.

²²⁵ Saeed Abdullah (1996), *Islamic Banking and Interest: a Study of the Prohibition of Riba and Its Contemporary Interpretation.*, Leiden: E J Brill, h. 76.; Lihat juga Joni Tamkin bin Borhan (1998), “Bay al-Mur'abah in Islamic Commercial Law”, *Jurnal Syariah*, Bil 6, January 1998, h. 53.

ii. Al – Sunnah :

عن صالح بن صهيب عن ابيه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ثلاث
فيهن البركة البيع إلى اج والمقارضة واخلاط البر بالشعير للبيت لا للبيع

“.....dari Salih bin Suhib dari ayahnya berkata: Rasulullah saw. telah bersabda tiga perkara yang di dalamnya terdapat berkat iaitu : jual-beli secara bertanggung, muqaradah dan mencampurkan gandum dengan bali untuk kegunaan....”²²⁶

1.7.7.2 Rukun-rukun al-murĒbaĀah

Rukun-rukun *al-murĒbaĀah* yang telah ditetapkan para ulama’ adalah seperti:

i. Penjual dan pembeli akad al-murĒbaĀah

Syarat sah bagi penjual dan pembeli hendaklah mereka baligh,²²⁷ berakal dan cerdas (*al-rusyd*). Oleh yang demikian, mereka yang tidak mempunyai tahap kecerdasan yang minimum adalah tidak diharuskan untuk melakukan transaksi jual beli *al-murĒbaĀah*.²²⁸

²²⁶ Ibn MĒjah, MuĀammad bin YazĒd AbĒ Āabd AllĒh (t.t), *Sunan Ibn MĒjah*, no. hadith 2289. j. 18, Beirut: DĒr al Fikr. (Di dalam hadith tersebut ada seorang perawi yang bernama ‘Abd al-Rahim bin Daud, ia merupakan perawi yang *majhĒl* (tidak dikenali). Lihat juga : *TahdhĒb al-KamĒl*, h. 33.

²²⁷ Mazhab SyĒfiĒ mensyaratkan baligh sebagai syarat sah dalam jual beli dan tidak sah sekiranya dilakukan oleh kanak-kanak mumayyiz. Lihat MuĀammad al-ĀahrĒ al-GhamrĒwĒ (1933), *SirĒj al-WahhĒj ĀAlĒ Matan al-MinhĒj Li Syarf al-DĒn YahyĒ al-NawĒwĒ*, Mesir: MuĀallafĒ al-ĀalabĒ, h. 173. Akan tetapi fuqahĒ’ Mazhab ĀanafĒ, MĒlikĒ dan ĀanbalĒ, mereka mengharuskan jual beli yang dilakukan oleh kanak-kanak yang mumayyiz dengan syarat barangan yang diakadkan mempunyai nilai yang rendah dan kecil jumlahnya. Lihat Ibn HumĒm (1970), *op. cit.*, j. 6, h. 248.

²²⁸ Ibn HumĒm (1970), *op. cit.*, j. 6. h. 248.

ii. *ŪigĀlah* akad *al-murĒbaĀlah*

Disyaratkan dalam *ĪgĀlah* akad *al-murĒbaĀlah*, hendaklah terdapatnya unsur-unsur keredhaan di antara penjual dan pembeli serta berlakunya penawaran dan penerimaan dalam majlis akad tersebut. Di samping itu, hendaklah adanya persamaan sama ada lafaz atau makna yang menunjukkan kedua-dua belah pihak melakukan akad jual beli *al-murĒbaĀlah*.²²⁹ Adalah harus sekiranya penjual menyebut keuntungan berdasarkan nisbah atau peratusan.²³⁰

iii. Barangan yang diakadkan

Barang atau harta yang diakadkan perlu dimiliki secara sah oleh penjual serta mempunyai nilai yang harus dibayar oleh pembeli²³¹ dan bukannya daripada barangan *ribĒwi*.²³² Barang yang diakadkan melalui akad *al-murĒbaĀlah* juga mempunyai syarat-syarat yang sama seperti di dalam akad jual beli.²³³

1.7.7.3 Hukum akad *al-murĒbaĀlah*

Akad *al-murĒbaĀlah* merupakan sejenis akad jual beli yang diharamkan dalam *muĀmalah* Islam, maka secara umumnya ia tertakluk kepada rukun-rukun dan syarat-syarat sah jual beli. Akan tetapi, ia juga mempunyai syarat yang khusus iaitu penjual

²²⁹ al-SyarbĒnĒ (1940), *op. cit.*, j. 1, h. 252; xusayn (1996), *op. cit.*, h. 20.

²³⁰ al-GhamrĒwĒ (1933), *op. cit.*, h. 195.

²³¹ Ibn HumĒm (1970), *op. cit.*, j. 6, h. 497; Ibn QudĒmah (1969), *op. cit.*, j. 3, h. 108. al-KĒsĒnĒ, menegaskan hendaklah akad yang pertama merupakan akad yang sah, sekiranya ia merupakan akad *fasid* maka tidak sahlah akad *al-murĒbaĀlah* tersebut. Lihat al-KĒsĒnĒ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 463.

²³² Sekiranya daripada barangan *ribĒwĒ* ianya hendaklah mematuhi syarat-syarat pertukaran barangan *ribĒwĒ*. Lihat al-KĒsĒnĒ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 462-463; Ibn ŅĒbidĒn (1966), *op. cit.*, j. 5, h. 132-133; al-SarkhasĒ (1978), *op. cit.*, j. 13, h. 82.

²³³ al-ZuhaylĒ (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 3360-3361.

hendaklah memaklumkan kepada pembeli harga kos atau harga sebenar²³⁴ dan pembeli bersetuju dengan harga kos tersebut setelah ditambah dengan keuntungan yang diambil penjual itu.²³⁵ Sekiranya berlaku pertengkaran dalam menentukan harga kos, pihak pembeli boleh membatalkan akad tersebut. Barangan yang dibeli oleh penjual yang merupakan barangan harga kos mestilah mematuhi syarat-syarat sah jual beli dari segi syarak.²³⁶

Dari aspek penentuan harga, kebanyakan fuqahÉ' membenarkan semua kos perbelanjaan yang berkaitan dengan barangan dimasukkan ke dalam kiraan keuntungan dan seterusnya hendaklah dimaklumkan kepada pembeli.²³⁷ Selain itu, pembeli juga mempunyai pilihan sama ada hendak meneruskan akad atau membubarkan sekiranya maklumat mengenai harga kos tidak tepat.²³⁸

1.7.7 Al-WakÉlah (Perwakilan)

Prinsip *al-wakÉlah* merupakan satu akad yang membolehkan seseorang itu mewakilkan urusannya kepada orang lain. Keperluan kontrak ini tidak dinafikan lagi kepentingannya memandangkan tidak semua individu berkesempatan dan mempunyai kemampuan untuk melakukan semua urusannya dengan sendiri tanpa meminta bantuan

²³⁴ al-KÉsÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 461-463; al-SyarbÉnÉ (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 78; Ibn QudÉmah (1969), *op. cit.*, j. 4, h. 136; Ibn Rusyd (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 215; al-SyÉrÉzÉ (1976), *op. cit.*, j. 1, h. 383.

²³⁵ al-ZuÍaylÉ (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 3765-3766; al-KÉsÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 461.

²³⁶ Ibn QudÉmah (1969), *op. cit.*, j. 4, h. 141; Ibn Rusyd (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 215. Sekiranya berlaku khianat dalam menentukan harga barangan dalam akad al-murÉbaÍah, maka pembeli mempunyai pilihan sama ada hendak membelinya atau sebalik. al-KÉsÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 469.

²³⁷ al-MarghinÉnÉ (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 56; Ibn Rusyd (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 214.

²³⁸ al-JazÉrÉ (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 253-254; Ibn Rusyd (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 215; al-KasÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 469.

daripada orang lain. Justeru konsep al-wakÉlah ialah melantik seseorang mengambil tempat orang lain bagi melaksanakan sesuatu tugas bagi pihaknya.²³⁹

Al-wakÉlah dari segi bahasa mempunyai dua makna iaitu *al-ÍÉfiÐ* (yang menjaga) dan *at-tafwÉd* (penyerahan kuasa).²⁴⁰ Dari segi istilah pula menurut ulama' fiqh *wakÉlah* didefinisikan sebagai penyerahan sesuatu kerja yang perlu dilakukan dan boleh diwakilkan kepada pihak lain menggunakan lafaz tertentu untuk dilaksanakan semasa hayatnya.²⁴¹

1.7.8.1 Dalil pensyariatan *al-WakÉlah*

Dalil pensyariatan dari al-Qur'an, al-Sunnah dan Ijma' adalah seperti di bawah:

i. Al-Qur'an

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا
إِصْلَاحًا يُوَفِّقُ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا

Maksudnya : “Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami-isteri) maka lantiklah “orang tengah” (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seseorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua “orang tengah” itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami-isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuan-Nya”.

SÉrah al-NisÉ, (4: 35)

²³⁹ MuÍammad Ibn AÍmad al-KhaÍÉb al-SyarbÉnÉ (1978), *MughnÉ al-MuÍÉj*, j. 2, Beirut: DÉR al-Fikr, h. 217.

²⁴⁰ Wahbah al-ZuíaylÉ (1989), *op. cit.*, j. 4, c. 3, h. 150; al-San'ÉnÉ, Muhammad bin IsmÉ'il al-KaÍlÉnÉ (t.t), *Subul al-SalÉm*, j. 3, MiÍr : MaÍba'ah al-Mashhad al-×usainÉ, h. 64; al-JazÉrÉ, 'Abd. Al-RaÍmÉn (1979), *KitÉb al-Fiqh 'AlÉ al-MadhÉhib al-Arba'ah*, j. 3, MiÍr : al-Maktabah al-Tijariyyah, h. 167.

²⁴¹ al-NawÉwÉ, AbÉ ZakariyyÉ YaÍyÉ bin Sharaf (1966), *RaÉlah al-ÚÉlibÉn*, j. 3, Kaherah : al-Maktab al-IslÉmÉ, h. 522.

Firman Allah swt. lagi:

أَذْهَبُوا بِقَمِيصِي هَذَا فَأَلْقُوهُ عَلَىٰ وَجْهِ أَبِي يَأْتِ بَصِيرًا
وَأْتُونِي بِأَهْلِكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: “Pergilah dengan membawa bajuku ini, kemudian letakkan pada muka ayahku supaya dia dapat melihat dan selepas itu bawalah kepadaku keluarga kamu semuanya”.

SĒrah YusĒf (12): 93

ii. Al-Sunnah

Rasulullah s.a.w. pernah mewakilkan ‘Urwah al-BĒriqĒ’,²⁴² untuk membeli seekor kambing yang berharga satu dinar, sebagaimana yang diriwayatkan oleh ImĒm al-BukhĒrĒ.²⁴³

دفع إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم دينا را الأ شتري له شاة فاشتريت له
شاة تين فبعت إحداهما بدينا روجئت بال شاة والدنيا ر إلى النبي صلى الله
عليه و سلم فذكر له ما كان من أمره فقال له بارك الله لك في صفقة
يمينك

Maksudnya: “Bahawa Nabi s.a.w. memberinya (‘Urwah al-BĒriqĒ) satu dinar agar dia memberikan baginda seekor kambing, lalu dengan satu dinar itu dia membeli dua ekor kambing dan kemudian menjual seekor daripada kambing tersebut dengan harga satu dinar, kemudian dia datang kepada Rasulullah s.a.w. dengan satu dinar dan seekor kambing. Maka Nabi Muhammad s.a.w. mendoakan keberkatan terhadap jualannya itu”.

²⁴² Beliau ialah ‘Urwah ibn al-Ja’d atau ‘Urwah ibn AbĒ al-Ja’d. Lihat dalam al-‘AsqalĒnĒ, AĒmad Ibn ‘Ali Hajr al-‘AsqalĒnĒ (1407H), *FatĒ al-BĒrĒ*, j. 7, Kaherah: DĒr al-MatbaĒnah al-Salafiyyah, h. 344.

²⁴³ al-BukhĒrĒ, kitab no. 65 (*al-ManĒqib*), bab 24, hadith no. 3642, lihat dalam *Ibid.*, j.7, hlm. 344.

Di samping itu, dalam kehidupan harian Rasulullah s.a.w. turut mewakilkan kepada orang lain untuk berbagai urusan. Di antaranya adalah membayar hutang, mewakilkan penetapan hutang serta pembayarannya dan sebagainya.²⁴⁴

iii. Al-IjmÉ'

Ulama' telah bersepakat mengenai keharusan *al-wakÉlah* disebabkan keperluan dan kepentingan yang mendorong penggunaan *al-wakÉlah*. Ini kerana, kebiasaannya tidak semua orang mampu melakukan semua urusan dengan sendirinya. Ulama' juga menggalakkannya kerana *al-wakÉlah* merupakan salah satu bentuk pertolongan yang baik seperti mana suruhan Allah swt. supaya bekerjasama dalam perkara yang membawa kepada kebajikan dan taqwa.²⁴⁵

1.7.8.2 Rukun al-WakÉlah

Bagi jumhur ulama' rukun *al-wakÉlah* terbahagi kepada empat iaitu pemberi wakil (*al-Muwakkil*), penerima wakil, perkara yang diwakilkan (*al-Muwakkal fÉhi*) dan lafaz kontrak (*al-ØÉghah*).²⁴⁶

1.7.8.3 Syarat-syarat al-WakÉlah

Bagi mengesahkan perlantikan wakil tersebut, terdapat beberapa syarat tertentu yang diperlukan. Antaranya ialah syarat kepada pemberi wakil (*al-*

²⁴⁴ al-'AsqalÉnÉ, *op.cit.*, j. 7, h. 344.

²⁴⁵ MuñafÉ al-Khin et.al (1996), *al-fiqh al-ManhajÉ 'AlÉ Madhhab al-SyÉfi 'É*, j. 3, Damsyiq: DÉR al-'UlÉm al-InsÉniyyah, h. 76.

²⁴⁶ al-JazÉrÉ, 'Abd. al-RaímÉn (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 168; al-SharbÉnÉ (1958), *op. cit.*, j. 2, h. 217.; Lihat juga al-KhÉn (1996), *op. cit.*, j. 3, h. 316.

Muwakkil),²⁴⁷ penerima wakil (*al-WÉkil*)²⁴⁸ dan syarat kepada perkara-perkara yang menjadi subjek perwakilan (*al-MÉwakkal fÉh*).²⁴⁹

1.7.8.4 Jenis-jenis al-WakÉlah

Al-wakÉlah secara amnya terbahagi kepada dua jenis perwakilan iaitu perwakilan khusus atau terhad dan perwakilan umum atau mutlak.

- i. Perwakilan khas atau khusus (*al-WakÉlah khÉÍah*) bermaksud perlantikan wakil secara khusus bagi menjalankan sesuatu kerja yang ditentukan.²⁵⁰
- ii. Perwakilan am atau umum (*al-WakÉlah al-Émmah*) yang dilantik secara am merupakan perwakilan yang bersifat umum dan wakil berhak melakukan semua kerja bukan hanya untuk urusan tertentu sahaja.²⁵¹

1.7.8.5 Hukum akad dan hak-hak akad *al-WakÉlah*

Hukum akad ialah matlamat daripada akad dan tujuannya atau dalam erti kata lain yang lahir daripada akad tersebut.²⁵²

²⁴⁷ Lihat Sayyid SÉbiq (1994), *Fiqh al-Sunnah*, j. 3, Kaherah: DÉR al-FatÍ Li al-‘L‘lÉm al-‘ArabÉ, h. 233; al-ZuÍaylÉ (1989), *op. cit.*, j. 5, c. 3, h. 76-7; al-SyarbÉnÉ al-KhÉtÉb (1955), *MughnÉ al-MuÍtÉj*, j. 2, Beirut: t.p., h. 217.

²⁴⁸ MuÍlafÉ al-Khin et.al (1996), *op. cit.*, h. 318; Sayyid SÉbiq (1994), *op. cit.*, h. 233; al-KÉsÉnÉ (1986), *BadÉ ‘i‘ al-ÓanÉ ‘i‘ FÉ TartÉb al-SyarÉ ‘i‘*, c. 2, j. 6, Beirut: DÉR al-Kutub al-‘Alamiyyah, h. 20; al-ZuÍaylÉ (1989), *op. cit.*, h. 77.

²⁴⁹ MuÍlafÉ al-Khin et.al (1996), *op. cit.*, h. 319; al-ZuhaylÉ (1989), *op. cit.*, h. 78-79;

²⁵⁰ Lihat al-ZuÍaylÉ (1989), *op. cit.*, c. 3, j. 4, h. 155.; al-KÉsÉnÉ, AlÉ al-DÉn AbÉ Bakr ibn Mas‘Éd (t.t), *BadÉ ‘i‘ al-ÓanÉ ‘i‘ fi Tartib al-SharÉ ‘i‘*, j. 7, Kaherah: Zakariyya ‘AlÉ YÉsuf, h. 3445.

²⁵¹ al-ZuÍaylÉ (1989), *op. cit.*, j. 4, h. 155.; al-KÉsÉnÉ (t.t), *op. cit.*, j. 7, h. 3445.

²⁵² MuÍlafÉ al-Khin et.al (1996), *op. cit.*, h. 331.

FuqahÉ' telah bersepakat bahawa hukum akad *al-wakÉlah* berlaku ke atas pemberi wakil dan bukannya kepada wakil. Ini kerana, wakil adalah perantara dan dia melakukan perkara yang diwakilkan atas nama pemberi wakil dan berakad baginya. Pada hakikatnya, orang yang berakad adalah pemberi wakil. Oleh itu, hukum akad adalah sabit kepada pemberi wakil secara automatik sebaik sahaja selesai dan sah akad daripada pihak wakil.²⁵³

Bukan itu sahaja malah, *fuqahÉ'* juga bersependapat bahawa apabila wakil menyandarkan akad kepada pemberi wakil dalam akad yang sempurna iaitu dengan penawaran (*Éjab*) dan penerimaan (*qabÉl*) seperti jual-beli maka, hak-hak akad berpindah kepada pewakil.²⁵⁴ Contohnya, perwakilan yang berkaitan dengan pernikahan, hak-hak akad tersebut kembali kepada pemberi wakil bukan kepada wakil seperti mahar yang perlu dituntut daripada pemberi wakil.²⁵⁵

Jika wakil menyandarkan akad tersebut kepada dirinya maka, mengikut kaedah umum dalam *tawkÉl* jual beli, hak-hak akad kembali kepada wakil mengikut *jumhÉr*. Justeru dalam hal ini, wakil perlu menyerahkan barang jualan dan benar-benar melaksanakan perkara tersebut serta perlu menerima harga dengan menuntutnya. Selain itu, dia juga perlu berunding berkenaan pemulangan barang-barang yang cacat dan sebagainya.²⁵⁶

²⁵³ MuÍÍafÉ al-Khin et.al (1996), *op. cit.*, h. 331.

²⁵⁴ al-ZuÍaylÉ (1989), *op. cit.*, h. 114.

²⁵⁵ MuÍÍafÉ al-Khin et.al (1996), *op. cit.*, h. 331.

²⁵⁶ al-ZuÍaylÉ (1989), *op. cit.*, h. 114.

1.7.8.6 Penamatan *al-WakÉlah*

Perkara-perkara yang menyebabkan berakhirnya tempoh perlantikan wakil adalah seperti berikut:

i. Pihak pemberi wakil melucutkan perlantikan wakil

Al-wakÉlah berakhir apabila pemberi wakil melucutkan perlantikan wakil tersebut. Sebagaimana yang diketahui, *al-wakÉlah* merupakan sejenis akad yang tidak lazim kerana secara *tabi'inya* ia boleh di *fasakhkan* dengan perlucutan wakil.²⁵⁷

Untuk menentukan sahnya perlucutan ini, *fuqahÉ' Mazhab ×anafÉ* telah menyertakan dua syarat iaitu wakil mengetahui tentang pelucutan itu sama ada dengan kehadiran wakil, secara bertulis mahupun utusan²⁵⁸ dan *al-wakÉlah* tidak bersangkut dengan hak orang lain. Sekiranya ia berkait dengan hak orang lain, maka perlucutan itu tidak sah tanpa kesedaran hak pemilik tersebut.²⁵⁹ Contohnya, wakil suami dalam hal menceraikan isterinya apabila dikehendaki, maka dalam hal ini suami tidak berhak menarik balik perwakilan kecuali dengan reda isteri.²⁶⁰

ii. Wakil melucutkan sendiri perlantikan yang dilakukan oleh pemberi wakil

Dalam hal ini, *fuqahÉ'* mensyaratkan agar pewakil mengetahui perlucutan yang dilakukan oleh pewakil supaya tidak mendatangkan kemudaratan kepadanya.²⁶¹

²⁵⁷ *Ibid.*, h. 124.

²⁵⁸ al-KÉsÉnÉ (t.t), *op. cit.*, h. 3486.

²⁵⁹ *Ibid.*

²⁶⁰ al-ZuÍaylÉ (1989), *op. cit.*, h. 125.

²⁶¹ *Ibid.*, h. 128

iii. Pemberi wakil dan wakil hilang kelayakan untuk melakukan akad al-wak'alah

Hilang kelayakan ini adalah disebabkan kematian atau gila yang kekal mengikut pendapat *jumhūr fuqahÉ'*.²⁶² Antara syarat-syarat *al-wak'alah* ialah hidup dan berakal, maka sekiranya berlaku kematian sama ada pemberi wakil atau wakil maka, akad *al-wak'alah* akan berakhir.²⁶³

iv. Perkara yang diwakilkan itu telah diuruskan oleh pemberi wakil.

Berakhirnya *al-wak'alah* dengan selesainya tugas-tugas atau kerja-kerja yang telah dilakukan oleh pemberi wakil. Maka, dalam hal ini wakil tidak lagi berperanan dalam melakukan tugas yang telah diamanahkan.²⁶⁴

v. Hilang hak milik pemberi wakil terhadap barang wakilan.

Contohnya, pemberi wakil mewakilkan penjual rumah dan kerajaan telah mengeluarkannya. Maka, dalam hal ini akad *al-wak'alah* terbatal.²⁶⁵

1.7.9 Al-Kaf'alah

Al-kaf'alah merupakan satu lagi prinsip syariah yang telah diaplikasikan meratarata institusi kewangan Islam sebagai salah satu instrumen pelaburan Islam secara luas

²⁶² *Ibid.*, h. 126.

²⁶³ Sayyid SÉbiq (1994), *op. cit.*, h. 236.

²⁶⁴ al-Zu'aylÉ (1989), *op. cit.*, h. 126.

²⁶⁵ al-Zu'aylÉ (1989), *Ibid.*, h. 128.

hari ini bagi kontrak di mana satu pihak menjamin untuk menanggung segala pembayaran sekiranya pihak ketiga gagal melaksanakannya.

1.7.9.1 Definisi *al-kafÉlah*²⁶⁶

FuqahÉ' Mazhab ×anafÊ mendefinisikan *al-kafÉlah* sebagai jaminan terhadap sesuatu tanggungan seseorang yang menuntut supaya dijamin tanggungannya sahaja seperti jaminan yang ditanggung oleh penjamin kepada orang yang berhutang maka ianya berubah kepada tanggungan si peminjam dan tidak juga lupus dari tanggungan orang yang menjamin.²⁶⁷ Manakala, fuqahÉ' Mazhab MÉlikÊ, SyÉfi'Ê dan ×anbalÊ mendefinisikannya sebagai jaminan yang diberikan oleh si penjamin kepada orang yang dijamin dalam menunaikan sesuatu hak kepada orang lain iaitu dalam pinjaman maka, hutang-piutang tersebut hendaklah diselesaikan atau dibayar oleh si penjamin dan orang dijamin.²⁶⁸

Kesimpulannya, dalam akad *al-kafÉlah* si penjamin dan orang dijamin perlulah bertanggungjawab dalam menyelesaikan hutang atau perkara-perkara tertentu kerana ia merupakan kontrak berkenaan jaminan dan kepercayaan kepada orang lain.

1.7.9.2 Dalil pensyariatan *al-kafÉlah*

Asalnya pengharusan akad *al-kafÉlah* berdasarkan ayat al-Qur'an, al-Sunnah dan ijmÉ' adalah seperti berikut:

²⁶⁶ Pendefinisian *al-kafÉlah* dari segi bahasa bermaksud jaminan. Ia juga seerti dengan perkataan *al-ÍamÉnah*. Lihat Ibn ManĐËr (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 589-590.

²⁶⁷ Ibn HumÉm (1970), *op. cit.*, j. 7, h. 163; al-KÉsÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 200; Ibn 'ÓbidÊn (1966), *op. cit.*, j. 5, h. 281.

²⁶⁸ al-NawÉwÊ (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 473; Ibn QudÉmah (1969), *op. cit.*, j. 4, h. 399.

i. Al-Qur'an

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:²⁶⁹

وَلَمَنْ جَاءَ بِهِ حَمْلٌ بَعِيرٌ وَأَنَا بِهِ زَعِيمٌ

Maksudnya: “Dan sesiapa memulangkannya akan diberi (benda-benda makanan) sebanyak muatan seekor unta, dan akulah menjamin pemberian itu”

SĒrah YĒsuf (13):72

ii. Al-Sunnah

Menurut al-Sunnah pula, seperti yang diriwayatkan oleh tiga orang sahabat iaitu *AbĒ UmĒmah al-BahĒlĒ*, *AnĒs bin MĒlik* dan *'Abd AllĒh bin 'AbbĒs*.²⁷⁰

iii. Al-IjmĒ'

Sementara itu, *ijmĒn* mensyariatkan harus hukumnya bagi seluruh umat Islam berkenaan akad *al-kafĒlah* bagi mengelakkan kepayahan dan kemudaratan kepada orang yang memberi pinjaman.²⁷¹

1.7.9.3 Jenis akad *al-kafĒlah*

Akad *al-kafĒlah* terbahagi kepada dua jenis iaitu:²⁷²

²⁶⁹ Menurut Ibn 'AbbĒs al-Za'Ēm dalam ayat ini perkataan *al-kafĒl* membawa erti kepada penjamin. Sila lihat Ibn QudĒmah (1969), *op. cit.*, j. 4, h. 400; al-Zu'aylĒ (1997), *op. cit.*, j. 6, h. 4142.

²⁷⁰ AbĒ DĒwud dan al-TirmidhĒ menegaskan hadith merupakan hadith *Īsan* manakala Ibn 'ibbĒn pula mengatakan hadith ini *ĪĀĒĪ*. Sebagaimana maksud hadith tersebut “*Penjamin ialah orang yang membayar denda (bertanggungjawab)*”. Lihat AbĒ DĒwud (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 296-297.

²⁷¹ Ibn ManĒĒr (1999), *op. cit.*, h. 141; Ibn QudĒmah (1969), *op. cit.*, j. 4, h. 400; al-SyarbĒnĒ (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 198; SĒbiq (1987), *op. cit.*, j. 3, h. 296; al-NawawĒ (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 473.

i. Jaminan ke atas diri (*al-kafÉlah bi al-nafs*) iaitu menjamin untuk menghadirkan diri ke atas orang yang tertuduh di mahkamah seperti *al-qilâf*.

ii. Jaminan ke atas hutang (*al-kafÉlah bi al-dayn*) iaitu jaminan ke atas hutang-piutang seperti menjamin pinjaman yang dipinjam oleh seseorang dalam pembayaran semula hutang tersebut atau menjamin pembayaran harta dijual dan sebagainya.

1.7.9.4 Rukun-rukun *al-kafÉlah*²⁷³

Sama seperti prinsip-prinsip mu'Émalah yang lain iaitu para ulama' telah menetapkan rukun-rukun *al-kafÉlah* seperti berikut:

i. ØÊghah akad *al-kafÉlah*

Lafaz *al-ÉjÉb* oleh si peminjam dan *al-qabÉl* oleh orang yang menjamin hendaklah dilafaz dengan terang dan nyata atau secara kiasan yang boleh mengikat akad *al-kafÉlah* tersebut²⁷⁴ seperti “aku jamin hutang engkau yang ada pada Ahmad” dan kedua-dua pihak saling meredhai.²⁷⁵

²⁷² SÉbiq (1987), *op. cit.*, j. 3, h. 297; Ibn Rusyd (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 295; al-ZuÍaylÉ (1977), *op. cit.*, j. 6, h. 4147; Mahsin bin Haji Mansur (1983), *op. cit.*, h. 47.

²⁷³ Rukun-rukun akad *al-kafÉlah* ialah pemjamin, orang yang dijamin, penerima jaminan iaitu orang yang diberi jaminan, barang yang dijamin dan sighth *al-Éjab* dan *al-qabÉl*. Lihat al-SyarbÉnÉ (1997), *op. cit.*, j. 2, h. 198; al-NawÉwÉ (t.t), *op. cit.*, j. 3, h.473; al-ZuÍaylÉ (1977), *op. cit.*, j. 6, h. 4146; Mahsin bin Haji MansÉr (1983), *op. cit.*, h. 47. Manakala Mazhab ×anafÉ menyatakan rukun akad *al-kafÉlah* hanya *al-Éjab* oleh penjamin dan *al-qabÉl* oleh orang yang berhutang. Lihat Ibn HumÉm (1970), *op. cit.*, j. 5, h. 300; al-KÉsÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 200.

²⁷⁴ al-SyarbÉnÉ (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 206; al-ZuÍaylÉ (1977), *op. cit.*, j. 6, h. 4152.

²⁷⁵ Ibn QudÉmah (1969), *op. cit.*, j. 4, h. 400.

ii. Penjamin dan orang yang dijamin

Penjamin mestilah seseorang yang berakal, baligh dan tergolong dalam golongan *ahliyyah al-tabarrĒ'*. Tidak sah akad yang dilakukan oleh kanak-kanak, orang gila dan orang yang tidak merdeka iaitu hamba.²⁷⁶ Akan tetapi, fuqahĒ' Mazhab SyĒfiĒ telah menambah syarat para *al-rusyd* yang cerdik dalam bidang agama dan hal-hal yang berkaitan dengan harta iaitu tidak sah diadakan oleh orang gila, kanak-kanak dan orang yang disekat kerana tidak mampu menguruskan hartanya dengan sendiri.²⁷⁷

Manakala orang yang dijamin mampu untuk menyerahkan kembali secara peribadi atau melalui wakilnya barang yang dipinjam atau hutang kepada orang yang diberi jaminan. Ini merupakan pendapat yang dipelopori oleh fuqahĒ' Mazhab *ġanafĒ*.²⁷⁸ Manakala, jumhur fuqahĒ' menegaskan kesahihan *al-kafĒlah* ke atas orang muflis yang mati dan tidak menjelaskan hutangnya.²⁷⁹ Di samping itu, penjamin juga perlu mengenali orang yang dijaminnya.²⁸⁰ Akan tetapi, menurut Mazhab SyĒfiĒ dan *ġanbalĒ* iaitu tidak mensyaratkan kepada penjamin untuk mengenali orang yang

²⁷⁶ al-KĒsĒnĒ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 605; Ibn 'ĒbidĒn (1996), *op. cit.*, j. 5, h. 284; al-DusĒqĒ (t.t), *op. cit.*, j.3, h. 33; Ibn QudĒmah (1969), *op. cit.*, j. 4, h. 405; al-SyarbĒnĒ (1940), *op. cit.*, j. 1, h. 288; ; al-ZuĒlaylĒ (1977), *op. cit.*, j. 6, h. 4153. Begitu juga mereka yang disekat, maka tidak sah akad *al-kafĒlah* ke atasnya. Lihat al-NawĒwĒ (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 475.

²⁷⁷ al-SyarbĒnĒ (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 198; al-ZuĒlaylĒ (1977), *op. cit.*, j. 6, h. 4153.

²⁷⁸ AbĒ ġanĒfah menyatakan bahawa tidak sah jaminan hutang piutang ke atas orang muflis yang telah mati dan tidak menjelaskan hutangnya. Lihat al-KĒsĒnĒ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 605; Ibn HumĒm (1970), *op. cit.*, j. 7, h. 204. Ibn 'ĒbidĒn menegaskan tidak terbatalnya akad *al-kafĒlah* semasa hayatnya masih hidup dan kemudian mati dalam keadaan muflis dan tidak langsung meninggalkan barangan-barangan merupa harta, malahan segala hutangnya tidak perlu dibayar oleh si mati kecuali ada penjamin semasa hayat si mati masih hidup maka penjamin perlu membayarnya. Lihat Ibn 'ĒbidĒn (1966), *op. cit.*, j. 5, h. 312.

²⁷⁹ al-DusĒqĒ (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 331; Ibn Rusyd (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 294; al-SyrĒzĒ (1976), *op. cit.*, j. 1, h. 447.

²⁸⁰ al-KĒsĒnĒ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 605; Ibn Rusyd (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 294; al-SyarbĒnĒ (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 200.

dijamin dengan menggunakan metode *al-qiyÉs* iaitu keredhaan orang yang dijamin bukannya syarat dalam akad *al-kafÉlah*.²⁸¹

iii. Orang yang diberi jaminan iaitu penerima jaminan

Penjamin mestilah mengetahui orang yang menerima jaminan tersebut, iaitu orang yang memberi hutang kepada si peminjam dikenali atau diketahui oleh si penjamin.²⁸² Berbeza pula bagi pendapat fuqahÉ' Mazhab MÉlikÉ dan ×anbalÉ, mereka mengharuskan akad *al-kafÉlah* yang tidak diketahui oleh orang yang menerima jaminan tersebut.²⁸³ FuqahÉ' Mazhab ×anafÉ juga mensyaratkan penerima jaminan mestilah seorang yang berakal dan hadir semasa termeterainya akad *al-kafÉlah* tersebut.²⁸⁴

iv. Barang atau perkara yang dijamin

Barang atau perkara yang dijamin mestilah ditanggung oleh orang yang dijamin sama ada berupa hutang benda atau perkara, dan ia hendaklah benda atau perkara yang mampu ditunaikan oleh si penjamin. Sekiranya, ia berupa hutang-piutang maka hendaklah hutang tersebut sah dan mengikat.²⁸⁵

²⁸¹ al-SyarbÉnÉ (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 200; al-SyirÉzÉ (1976), *op. cit.*, j. 1, h. 447; Ibn QudÉmah (1969), *op. cit.*, j. 4, h. 400.

²⁸² Mazhab ×anafÉ dan SyÉfi'É berpendapat sekiranya akad *al-kafÉlah* yang tidak dikenali penerimaan jaminannya maka tidak berkesanlah maksud akad *al-kafÉlah* itu sendiri yang bertujuan memberi keyakinan dan kepercayaan kepada seseorang. Di samping itu, penjamin dan orang yang dijamin juga sentiasa berhubung dalam proses pembayaran hutang kepada orang yang menerima jaminan (pemiutang). Lihat al-NawÉwÉ (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 474; al-SyarbÉnÉ (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 200.

²⁸³ al-ZuÍaylÉ (1977), *op. cit.*, j. 6, h. 4156; al-JazÉrÉ (t.t), *op. cit.*, j. 7, h. 201; al-KÉsÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 607.

²⁸⁴ al-KÉsÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 607; Ibn HumÉM (1970), *op. cit.*, j. 7, h. 201; Ibn 'ÓbidÉn (1966), *op. cit.*, j. 5, h. 283.

²⁸⁵ Ibn 'ÓbidÉn (1966), *op. cit.*, j. 5, h. 283; al-DusÉqÉ (t.t), *op. cit.*, j.3, h. 333; al-KÉsÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 607.

1.7.9.5 Hukum akad *al-kafÉlah*

Setelah termeterainya akad *al-kafÉlah*, ia menetapkan hak yang sama di antara penjamin dan orang yang dijamin olehnya. Oleh yang demikian, penerima jaminan berhak menuntut ke atas si penjamin sebagaimana yang dituntutnya ke atas orang yang dijamin dalam akad *al-kafÉlah* yang berkaitan hutang-piutang.²⁸⁶ Sementara itu, jumbuh fuqahÉ' menegaskan bahawa tanggungjawab orang yang dijamin juga dalam akad *al-kafÉlah* tidak akan lupus atau selesai²⁸⁷ hanya dengan jaminan sahaja. Iaitu perkara yang berkaitan dengan hutang-piutang, penerima jaminan berhak menuntut hutang daripada sesiapa yang dikehendakinya sama ada penjamin ataupun orang yang dijamin.²⁸⁸ Selain itu, akad *al-kafÉlah* ini juga menetapkan hak-hak ke atas penjamin boleh menuntut orang yang dijaminnya supaya menjelaskan atau menyelesaikan hutang apabila dituntut sekiranya akad *al-kafÉlah* atas permintaan orang yang menjamin.²⁸⁹

Penamatan akad *al-kafÉlah* berlaku dengan melangsaikan atau menjelaskan semua hutang kepada penerima jaminan sama ada oleh penjamin atau orang yang dijamin. Selain itu, tamatnya akad *al-kafÉlah* dengan perdamaian di antara penerima jaminan dengan si penjamin dan orang yang dijamin. Begitu juga dengan akad *al-kafÉlah* akan tamat sekiranya terfasakhnya atau terbubarinya akad jual beli tersebut.²⁹⁰ Penjamin juga mempunyai hak untuk menarik diri daripada status penjamin tersebut melalui keizinan orang yang dijaminnya.²⁹¹

²⁸⁶ al-KÉsÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 611; al-SyarbÉnÉ (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 208; Ibn QudÉmah (1969), *op. cit.*, j. 4, h. 408-409.

²⁸⁷ Ibn ÓbidÉn (1966), *op. cit.*, j. 5, h. 292; Ibn Rusyd (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 292; al-SyarbÉnÉ (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 208; Ibn QudÉmah (1969), *op. cit.*, j. 4, h. 409.

²⁸⁸ Ibn QudÉmah (1969), *op. cit.*, j. 4, h. 409.

²⁸⁹ al-ZuíaylÉ (1977), *op. cit.*, j. 6, h. 4166-4167.

²⁹⁰ al-KÉsÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 614-615; Ibn QudÉmah (1969), *op. cit.*, j. 4, h. 409; al-ZuíaylÉ (1977), *op. cit.*, j. 6, h. 4166-4167.

²⁹¹ al-SyarbÉnÉ (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 209; al-SyirÉzÉ (1976), *op. cit.*, j. 1, h. 448-449. Manakala Ibn Rusyd, menegaskan keizinan bukannya syarat, malahan si penjamin boleh menarik diri daripada status penjamin tanpa keizinan orang yang dijaminnya. Lihat Ibn Rusyd (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 298.

1.8 Kesimpulan

Dari segi definisi, didapati tidak banyak perbezaan ketara antara pelaburan Islam dengan pelaburan konvensional. Namun begitu, terdapat sedikit kelainan dari segi konsep dan tujuan pelaksanaannya.

Bagi pelaburan konvensional, matlamat asalnya adalah untuk memaksimumkan keuntungan tanpa melihat cara ia dilaksanakan. Akan tetapi pelaburan Islam mempunyai tujuan yang tertentu kerana keuntungan bukanlah matlamat utama di dalam pelaburan Islam. Pelaburan Islam mengambilkira aspek-aspek kebajikan, manfaat kepada agama dan masyarakat. Perkara yang lebih penting ialah untuk mendapatkan keredhaan daripada Allah s.w.t. Secara tidak langsung, aktiviti pelaburan ini akan menjadi satu ibadah terhadap Allah s.w.t dan sebagai wasilah untuk mendapat keberkatanNya.

Dari segi pelaksanaannya pula, pelaburan Islam dibatasi dengan instrumen yang berdasarkan prinsip *muñÉmalah* Islam sebagaimana yang termaktub di dalam al-Qur'an dan hadith Rasulullah s.a.w. Pelaburan Islam mestilah bebas daripada unsur-unsur ribÉ, *gharÉr*, perjudian, penindasan, ketidakpastian dan sebagainya. Justeru, seorang pelabur itu perlu beriman agar aktiviti pelaburan yang dilaksanakannya dapat terhindar daripada perkara-perkara yang tidak baik.

Berbeza dengan pelaburan konvensional yang agak tidak terbatas dan hanya mementingkan keuntungan tanpa mengambilkira aspek kebajikan. Oleh itu, pelaburan konvensional ini banyak mengandungi unsur-unsur negatif yang tidak diterima Islam. Ini adalah kerana kebiasaannya ribÉ, perjudian, penipuan dan sebagainya dapat

memberi keuntungan yang lebih cepat dan besar. Dengan itu, pelabur akan memilih jalan yang lebih banyak mendatangkan keuntungan tanpa memikirkan kesannya.

Kesimpulannya, pelaburan Islam ini lebih menekankan aspek-aspek kerjasama, keadilan dan juga ketaatan kepada Allah s.w.t berserta suruhan dan larangan. Di samping memperolehi keuntungan material, implikasi pelaburan Islam juga merangkumi keuntungan kemasyarakatan (*social*) dan kebajikan umat manusia. Kepentingan agama dan masyarakat harus diutamakan daripada kepentingan individu. Ini bermakna, walaupun sesuatu pelaburan itu mampu memberikan keuntungan yang tinggi tetapi memberi kesan negatif terhadap agama dan masyarakat maka, ia perlu dihindarkan.

BAB II

BAB II

ISBT : KONSEP DAN OPERASINYA

2.1 Pengenalan

Ekonomi adalah sangat penting terhadap sesebuah masyarakat.²⁹² Islam adalah agama yang lengkap merangkumi semua aspek kehidupan umatnya.²⁹³ Oleh yang demikian, masyarakat Islam di Thailand turut mengamalkan dasar syariah Islam di dalam hal-hal perbankan dan kewangan seharian mereka .

Idea tentang perbankan berlandaskan syariah iaitu perbankan tanpa ribÉ atau lebih dikenali sebagai perbankan Islam sebenarnya telah wujud lebih 20 tahun lalu di dalam institusi kewangan di Thailand. Namun, bagi masyarakat umum di sini ia masih perkara baru untuk diterima.²⁹⁴

Latarbelakang kehidupan sesebuah masyarakat itu penting untuk dikenali dengan lebih mendalam agar dapat difahami berkenaan suasana sebenar dan perkara yang berlaku di tengah-tengah masyarakat itu. Oleh yang demikian, sebelum dibicarakan dengan lebih lanjut mengenai penubuhan ISBT yang merupakan bank pertama beroperasi berlandaskan syariah di Thailand, penulis ingin mengambil peluang yang baik ini untuk membincangkan serba sedikit berkenaan kehidupan masyarakat Islam di Thailand yang cukup terkenal dengan keagungan sejarahnya.

²⁹² M. Iqbal Siddiqi (1981), *op. cit.*, h. 1.

²⁹³ Nor Mohamed Yakcop (1996), *op. cit.*, h. 6.

²⁹⁴ Islamic Bank Of Thailand (ISBT),

<http://www.muslimthai.com/main/thai/content.php?page=content&category=45&id=169>, 2 Ogos 2007.

2.2 Masyarakat Islam Dan Sejarah Sistem Kewangannya Di Thailand

Latar belakang masyarakat Islam secara ringkas serta sejarah sistem kewangan Islamnya adalah seperti berikut:

2.2.1 Masyarakat Islam di Thailand

Kebanyakan orang Muslim di Thailand tinggal di kawasan perkampungan dan juga pedalaman. Lebih 80 peratus daripada mereka tinggal di lima wilayah di bahagian selatan Thailand iaitu wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, Satun dan sebahagian daripada wilayah Songkhla. Manakala selebihnya telah membina kehidupan mereka di bahagian timur-laut, utara dan kota Bangkok.²⁹⁵

2.2.1.1 Sejarah masyarakat Islam Pattani Thailand

Masyarakat Islam Thailand mempunyai cerita yang cukup panjang di dalam sejarah negara Thailand. Hubungan mereka dengan masyarakat Thai serta peranan mereka dalam negara itu dapat dilihat sejak dari zaman kerajaan Ayuthaya pada abad ke-13 dahulu. Pada zaman itu, terdapat dua orang bersaudara yang datang dari Parsi iaitu Syeikh Ahmad dan Syeikh Mohammad Said yang turut dikenali sebagai “*Khaek Chao Sen*” (satu cabang mazhab Syi‘ah) telah menetap di kerajaan tersebut serta melakukan kegiatan perdagangan yang luas. Mungkin disebabkan sumbangan mereka terhadap kerajaan serta layanan peribadi mereka kepada raja sangat menyenangkan, Syeikh Ahmad diberi salah satu jawatan penting dan dianugerahkan gelaran “*Pheraya*

²⁹⁵ Surin Pitsuwan (1998), “The Islamic Banking Options in Thailand” *Islamic Banking in Southeast Asia*, Mohamed Ariff et. al (eds), Institute of Southeast Asian Studies, Kuala Lumpur: University Malaya, h. 164; Wayne A. Bougas (1994), *The King of Pattani*, UKM: Institut Alam dan Tamadun Melayu, h. 164.

Syeikh Ahmad Raca Setthi” yang bertanggungjawab terhadap urusan luar dan dalam negeri.²⁹⁶

Dipercayai bahawa Syeikh Ahmad merupakan asal-usul kepada beberapa keluarga Thai yang berpengaruh di Thailand pada hari ini. Namun, disebabkan perkara-perkara yang di luar kawalan, mereka telah menganut agama Buddha. Kini, keturunan ini tersebar di beberapa daerah khususnya di bahagian tengah Thailand.²⁹⁷

Majoriti penduduk Thailand adalah beragama Buddha manakala umat Islam dan penganut agama lain seperti agama Kristian, Hindu, dan Sikh merupakan penduduk minoriti di negara ini.²⁹⁸

Seperti yang telah penulis sebutkan di atas, masyarakat Islam Thailand sebahagian besar tinggal di empat wilayah bahagian selatan iaitu daerah Pattani, Yala, Narathiwat, Satun dan sebahagian daripada wilayah Songkhla. Wilayah-wilayah tersebut dahulunya termasuk di bawah pemerintahan kesultanan Melayu, wilayah kerajaan Pattani Darussalam yang kewujudannya adalah sebagai satu kesinambungan daripada kerajaan Langkasuka yang dipercayai telah wujud sejak abad ke-2 Masehi. Mereka adalah suku kaum Melayu yang hingga kini masih mempertahankan bahasa serta budaya Melayu dalam kehidupan seharian mereka.²⁹⁹

Pada suatu ketika dahulu, empat wilayah dan sebahagian daripada wilayah Songkhla selatan Thailand yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu dikenali

²⁹⁶ Kancanat Momai dan Nantana Kabinkan (1999), “Peranan Umat Islam dalam Kerajaan Ayuthaya dan Thonburi”, hasil kajian tahun 1976, Universiti Kasetsat, (ed.), dalam *Muslim News*, Jun, h. 36.

²⁹⁷ Arong Suthasaana (1993), “Hukum Islam dalam Sistem Politik Thailand”, dalam Suderman Tebba (ed.), *Perkembangan Mutakhir Hukum Islam di Asia Tenggara*, Bandung: Mizan, h. 118.

²⁹⁸ Chulalongkorn University, Faculty of Law (t.t), *Thailand and The Islamic World.*, Bangkok: Chulalongkorn University, h. 7.

²⁹⁹ Wayne A. Bougas (1994), *op. cit.*, h. 6.

sebagai ‘Semenanjung Emas’. Kawasan ini terletak di antara garisan lintang $11^{\circ}42'$ - $5^{\circ}37'$ dan garisan bujur pada 98° - 102° . Keluasan wilayah kerajaan Pattani Darussalam ialah 1,940.4 kilometer persegi, Yala 4,521.1 kilometer persegi, Narathiwat 4,475.5 kilometer persegi dan Satun 2,470 kilometer persegi. Kedudukan geo-politik bagi empat wilayah selatan Thailand adalah bersempadan dengan Malaysia hanya dipagari oleh pergunungan Sankhalakiri.³⁰⁰

Tidak diketahui secara pasti bilakah masyarakat Pattani mula memeluk Islam. Persoalan ini terus diperdebatkan oleh para sarjana, namun masih belum ada kata putus yang tepat untuk menjawab persoalan ini.³⁰¹

Setakat ini, bukti paling awal yang menunjukkan permulaan Islam di Semenanjung Tanah Melayu ditemui pada inskripsi batu bersurat Sungai Tersak, Terengganu. Di situ, Syed Naguib al-Attas menyebut berhubungan dengan tarikhnya iaitu pada hari Jumaat 4 Rejab 702H. bersama 22 Februari 1303M.³⁰²

Namun, ada juga yang mengatakan bahawa masyarakat Pattani mula menerima agama Islam tidak lama setelah berdirinya kerajaan Islam yang pertama di Nusantara, Samudera Pasai. Kenyataan ini dapat diselusuri antara lainnya dalam buku A. Bangnara, “Pattani Dulu dan Sekarang” yang menyatakan bahawa agama Islam telah dianuti oleh

³⁰⁰ Ahmad Omar Capakiya (2002), *Politik dan Perjuangan Masyarakat Islam di Selatan Thailand 1902-2002*, UKM: Bangi, 21.

³⁰¹ Lihat: S.Q.Fatani (1963), *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: Malaysia Social Logical Research Institute LTD, h. 37; Lihat Mohd Zamberi A. Malek (1993), *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*, Malaysia: Hizbi, Shah Alam. h. 22. Buku ini merupakan buku sejarah dan sosio politik Pattani yang pertama kali diterbitkan dalam bahasa Malaysia.

³⁰² S. Naguib al-Attas (1969), *A General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 12; Lihat juga Hamka (1981), *Dari Perbendaharaan Lama*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 18.

masyarakat Pattani lebih daripada 300 tahun sebelum Raja Pattani (*Phaya Tu Naqpa*) secara rasminya memeluk agama Islam pada tahun 1457 Masehi.³⁰³

Mengikut ‘Hikayat Patani’ raja Islam yang pertama iaitu *Phaya Tu Nakpa @ Phaya Tu Antira*³⁰⁴ yang mula membuka negeri Pattani. Bagindalah yang digelar Raja Merkah Dada kerana telah menderitanya penyakit yang menyebabkan kesan-kesan pecah di dadanya. Penyakit tersebut diubati oleh Syeikh Sa‘id Barsisa³⁰⁵ iaitu seorang ulama’ yang juga merupakan tabib dari Pasai yang dikatakan sampai di Pattani pada tahun 1457.³⁰⁶

Kerajaan Melayu Pattani dipercayai mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi negara pada tahun 1457M. KeIslaman Pattani membawa kepada kemunculan kesedaran baru mengenai identiti etnik yang membezakan orang Islam Pattani daripada orang Thai Buddha. Pertukaran Pattani kepada negara Islam melahirkan ikatan akidah Islam di kalangan penduduk tempatan. Islam menjadi satu kesedaran komuniti yang baru dalam semua peringkat tempatan dan wilayah. Malah, Islam juga menjadikan kuasa penyatu penduduk Pattani dalam menghadapi pencerobohan daripada perluasan penjajahan Thai yang dilakukan dari semasa ke semasa sejak abad ke-17.³⁰⁷

Hubungan penduduk Pattani dengan agama Islam bermula dengan kedatangan pedagang-pedagang Arab, Parsi dan India ke Negara tersebut. Pedagang-pedagang ini menduduki pusat perdagangan Pattani pada abad ke-12 dan berkahwin dengan

³⁰³ A. Bangnara (1997), *Patani Dulu dan Sekarang*, Penal Penyelidikan Angkatan Al-Patani, h. 7.

³⁰⁴ Ada kemungkinan juga nama baginda ialah “*Indra*”. Lihat: A. Teeuw and D.K. Wyatt (1970), *The Story of Patani*, The Hague-Mertinus Nijhoff, h. 4.

³⁰⁵ Dalam riwayat lain namanya ialah Syeikh Safyuddin. Ibrahim Shukri (1958), *Sejarah Kerajaan Melayu Patani (SKMK)*, Pasir Putih, Kelantan, h. 33; Lihat juga Wan Kader Che Man, *op. cit.*, h. 57.

³⁰⁶ Haji Abdul Halim Bashah (1994), *Raja Campa & Dinasti Jembal dalam Patani Besar (Patani, Kelantan&Teranganu)*, Malaysia: Pustaka Reka, h. 49.

³⁰⁷ Wan Kadir Che’ Man (1998), “*Melayu Muslim Selatan Thailand*” dalam: *Minoriti Muslim di Thailand*, Farid Mat Zain, Selangor: L. Minda, Bangi, h. 8.

penduduk tempatan yang kemudiannya membentuk asas penting dalam mewujudkan masyarakat Islam.³⁰⁸

Pattani mencapai zaman kegemilangannya pada zaman pemerintahan ratu-ratu yang terdiri daripada Ratu Hijau (1584-1616M.), Ratu Biru (1616-1624M.), Ratu Ungu (1624-1635M.) dan Ratu Kuning (1635-1688M.). Pada waktu itu, jumlah penduduk telah menjadi bertambah pesat dan padat jika dibandingkan dengan negeri-negeri Melayu yang lain di Semenanjung Tanah Melayu. Ia disifatkan sebagai satu pusat perdagangan yang penting bagi pedagang-pedagang Eropah dan Asia. Setelah kematian Ratu Kuning, pemerintahan negeri Pattani diambil alih pula oleh Dinasti Kelantan.³⁰⁹

Zaman kejatuhan Pattani bermula setelah Siam melaksanakan polisi pecah dan perintah (*divide and rule*) ke atasnya. Pattani dibahagikan kepada tujuh wilayah kecil iaitu Patani, Legih, Nongchik, Raman, Saiburi, Yala dan Yakring. Setiap wilayah kecil itu diperintah oleh seorang raja atau putera yang perlantikkannya perlu mendapat persetujuan dari Bangkok. Sebanyak 39 orang raja dan putera pernah memerintah wilayah-wilayah kecil tersebut. Walaupun terdapat beberapa percubaan untuk membebaskan wilayah-wilayah kecil tersebut supaya keluar daripada naungan Siam namun, usaha mereka masih tidak berjaya.³¹⁰

2.2.1.2 Ekonomi masyarakat Islam Pattani Thailand

Kawasan selatan Thailand adalah kawasan yang subur dan kaya dengan sumber-sumber semulajadi dan bahan-bahan mentahnya yang secara amnya menjadi

³⁰⁸ Wayne A. Bougas (1994), *op. cit.*, h. 29.

³⁰⁹ *Ibid*, h. 6.

³¹⁰ Wan Kadir Che Man (1997), "Masa Depan Melayu Patani", dalam *Jurnal Beriga*, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, April-Jun, h. 66.

penyumbang utama hasil pendapatan negara Thailand sendiri serta masyarakat Islam di selatan. Walau bagaimanapun, kekayaan sumber alam semulajadi ini tidak dapat meningkatkan taraf kehidupan masyarakat Islam selatan Thailand khususnya di empat wilayah bersempadan Malaysia kerana tiadanya projek-projek kerajaan dan badan kewangan Islam yang dapat menyumbangannya ke arah kemajuan ekonomi setempat.³¹¹

Justeru, pada akhir dekad lepas kerajaan Thailand telah memberi perhatian berkenaan hal ini lalu memberi kebenaran dan sokongan dalam projek penubuhan institusi kewangan Islam seperti koperasi Islam dan *window Islam* di bank-bank konvensional dan juga memperkenalkan projek-projek mega seperti projek *Southern Sea Boart* yang menjadi jambatan penghubung ekonomi antarabangsa.³¹²

Bukan itu sahaja, malah sebuah projek yang menggegarkan masyarakat Islam di selatan ialah projek Ekonomi Tiga Segi yang dirintiskan oleh Malaysia dan ditubuhkan secara rasmi pada 19 hingga 20 Julai 1993 yang dipersetujui oleh tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand. Projek pembangunan ekonomi tiga segi ini dikenali sebagai “*Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle*” dan ringkasannya ialah IMT-GT. Projek ekonomi tiga segi ini memberi kesempatan kepada golongan etnik Melayu-Muslim daripada ketiga-tiga negara ini untuk bekerjasama terutama dalam bidang perdagangan.³¹³

³¹¹ Lihat Surin Pitsuwan (1998), “The Islamic Banking Options in Thailand” *Islamic Banking in Southeast Asia*, Mohamed Ariff (eds), Institute of Southeast Asian Studies, University Malaya, Kuala Lumpur (Malaysia), h. 164-166.

³¹² Islamic Bank Of Thailand (ISBT), http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/history.htm, 15 Dec 2007; Islamic Bank Of Thailand (2003), *Islamic Bank Of Thailand*, Bangkok: ISBT (Buku yang dicetak khas pada majlis pembukaan Islamic Bank Of Thailand (ISBT) pada 18 Ogos 2003.), h. 36.

³¹³ Ahmad Omar Capakiya (2002), *op. cit.*, h. 42.

2.2.2 Sejarah pergerakan ke arah menubuh institusi kewangan Islam di Thailand

Kemahuan dan keinginan umat Islam di Thailand terutamanya masyarakat Islam di wilayah selatan terhadap penerapan syariah Islam dalam ekonomi seharian mereka sejak sekian lama ditonjolkan serta dapat dilihat daripada gerakan kelab-kelab pelajar Muslim di universiti-universiti terkemuka, organisasi dan pertubuhan-pertubuhan Islam Thailand, ahli-ahli akademik, ahli-ahli perniagaan serta ketua-ketua masjid. Mereka cuba untuk menyebarkan hal-hal yang berkenaan institusi kewangan yang beroperasi berlandaskan syariah Islam. Suatu masa dahulu, usaha mereka ini tidak langsung mendapat sebarang sokongan daripada mana-mana pihak sama ada pihak kerajaan sendiri mahupun pihak swasta. Ketika itu, kerajaan tiada sebarang galakan dan usaha untuk mengadakan undang-undang ke arah untuk menubuhkan institusi kewangan secara Islam. Pihak swasta dan golongan yang berada pula tiada sokongan di kalangan mereka terhadap tabungan malah tidak ramai para cendekiawan yang berpengalaman dengan masalah tersebut menjadi faktor utama halangan untuk menubuhkan bank Islam.³¹⁴

Namun, kemahuan dan cita-cita yang tinggi di kalangan masyarakat Islam di sana terhadap institusi kewangan yang beroperasi secara Islam telah membawa kepada usaha penubuhan institusi-institusi kewangan berlandaskan syariah seperti koperasi dan juga tabungan.³¹⁵

³¹⁴Persatuan Alumni Siswa Thailand di Pakistan dan Koperasi Islam Pattani Berhad, makalah seminar tajuk : Bank Islam dan Penyelesaian Ekonomi Thai, bertempat di Pattani Sport Kelab, pada tanggal 11 Oktober 1998, h. 42-43.

³¹⁵ Surin Pitsuwan (1998), *op. cit.*, h. 166-70.

2.2.2.1 Tabung zakat dan amal Chularajamontri

Tabung zakat dan amal Chularajamontri ialah tabung yang telah dibangunkan oleh Jabatan Chularajamontri di ibu kota Bangkok yang bertujuan untuk mengumpul zakat bagi tujuan amal daripada orang ramai melalui para imam masjid seluruh negara. Namun, ia tidak membawa kepada kejayaan kerana tiada kesefahaman dalam urusan operasi tabung di kalangan ahli-ahli selain tidak mendapat sokongan daripada sebahagian besar imam-imam masjid. Ini kerana kebanyakan imam masjid dan ahli-ahli tabung memberi perhatian terhadap golongan yang memerlukan di dalam sesebuah kawasan wilayah daripada menabung dengan hanya untuk tujuan zakat dan amal. Selain itu, mereka tidak dapat mengambil wang daripada tabung tersebut untuk urusan perniagaan meskipun tabung tersebut mendapat wang sokongan daripada luar negara seperti negara Arab.³¹⁶

2.2.2.2 Koperasi dan kelab kewangan muslim

Kebanyakan institusi kewangan Islam yang tumbuh di Thailand pada peringkat awal merupakan koperasi dan kelab-kelab kewangan secara Islam untuk menjadi tempat simpanan wang dan pusat perniagaan barangan. Institusi-institusi tersebut didirikan di serata pelusuk perkampungan masyarakat Islam Thailand seperti kawasan luar bandar dan juga di ibu kota Bangkok sendiri. Walau bagaimanapun, koperasi-koperasi dan kelab-kelab kewangan tersebut ditubuhkan hanya untuk memenuhi keperluan masyarakat setempat sahaja yang mana pembangunan dan perkembangannya begitu terhad.³¹⁷

³¹⁶ *Ibid.*, h. 166-8.

³¹⁷ Surin Pitsuwan (1998), *op. cit.*, h. 168-9.

2.2.2.3 Tabung haji

Oleh kerana Bank Krungtep (Public) Limited pada suatu ketika dahulu, pernah mendapat jangka manfaat daripada wang simpanan, lalu telah mencetuskan idea untuk membuka akaun simpanan untuk mengerjakan haji khas untuk kemudahan masyarakat Islam di sana. Meskipun akaun haji tersebut adalah berasingan daripada akaun simpanan yang berlandaskan ribÉ, tetapi disebabkan operasi bank tersebut yang masih bergelumang dengan ribÉ telah membawa kepada rasa tidak senang hati di kalangan umat Islam Thailand. Justeru, setelah Malaysia memperkenalkan Tabung Haji dan berjaya dari segi operasinya lalu tercetuslah idea di kalangan umat Islam Thailand untuk menubuhkan Tabung Haji yang sama operasinya seperti Tabung Haji Malaysia.³¹⁸

2.2.2.4 Pertubuhan pelaburan muslim

Oleh sebab kejayaan para buruh Thai yang berkerja di negara-negara Timur Tengah dan peningkatan angka perdagangan di antara Thailand dengan negara-negara Timur Tengah, firma pelaburan dan kewangan Arab telah mula mengembangkan operasinya di Thailand. Pada tahun 1985, firma *Alirajni Commercial Establishment for Exchange* daripada Jeddah, Saudi Arabia telah membuka cawangannya di kota Bangkok. Perkhidmatannya sebagai pelabur dana daripada buruh-buruh Thai dengan pulangan seharian 10 juta Bath. Namun, operasi firma tersebut tidak berjaya kerana kekurangan pengusaha muslim dan kepakaran dalam bidang perniagaan membawa kepada kekurangan daya tarikan dalam projek-projek yang dilaksanakannya.³¹⁹

³¹⁸ *Ibid.*, h. 169-70.

³¹⁹ Ariff Mohamed et. Al (eds) (1998), *Islamic Banking in Southeast Asia.*, h. 166-170.

Boleh dikatakan bahawa institusi kewangan yang mengamalkan sistem *muāmalah* Islam yang pertama kali ditubuhkan di Thailand ialah Koperasi Islam Pattani Berhad³²⁰ yang kini telah ditukarkan kepada firma *Bumiputra Co., Ltd.* Koperasi ini dipelopori oleh seorang tokoh politik Islam Pattani. Beliau adalah seorang wakil rakyat bagi wilayah Pattani pada ketika itu dan sekarang dipilih sebagai senator iaitu Encik Den Tokmeena (Zainal Abidin bin Hj. Sulong) anak kepada tuan guru Haji Sulong al-Fatani.³²¹

Pada 28 Mac sehingga 19 April 1987, beliau bersama-sama ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam Pattani telah mengadakan Seminar Pembangunan Ekonomi dan Masyarakat di Selatan Thai. Seminar ini juga melibatkan tokoh-tokoh agama dan cendekiawan-cendekiawan di sekitar wilayah selatan Thai. Terdapat 2,000 orang turut serta dalam seminar tersebut dan dibahagikan kepada aktiviti kursus dan seminar. Seminar tersebut telah berlangsung selama 21 hari di University Prince of Songkhla, Pattani. Antara pembentang kertas kerja dalam seminar tersebut terdiri daripada pakar-pakar dari Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan juga Jabatan Kemajuan Koperasi Thailand.³²²

Hasil daripada seminar yang berlangsung selama 21 hari tersebut, satu keputusan supaya sebuah koperasi yang mengamalkan sistem kewangan secara Islam akan ditubuhkan sebagai alternatif kepada masyarakat Islam yang dapat menggalakkan perniagaan umat Islam di wilayah-wilayah selatan (Pattani). Sehubungan dengan itu, institusi kewangan yang beroperasi berlandaskan syariah Islam telah ditubuhkan di Thailand pada tarikh 28 Oktober tahun 1987 dan dikenali sebagai Koperasi Islam

³²⁰ Pamphlet Koperasi Islam Pattani Berhad.

³²¹ Den Tokmeena (1998), *Institusi Kewangan Umat Islam*, (ed.) dalam Majalah Koperasi Islam Pattani Berhad, Bil 2, May-Jun, h. 21.

³²² *Ibid.*

Pattani Berhad. Koperasi tersebut didaftarkan mengikut Akta Koperasi, Undang Muamalat Thailand, tahun 1968 di dalam kategori jenis Koperasi Penabungan (*Oom-sab*) dan berada dibawah naungan pengurusan Majlis Agama Islam Wilayah Pattani. Pada peringkat awalnya, ibu pejabat koperasi ini terletak di bangunan Majlis Agama Islam Wilayah Pattani namun, setelah perniagaannya berkembang maju koperasi ini dipindahkan ke bangunan baru yang terletak di Kampung Telubuk, Daerah Muang, Wilayah Pattani pada 18 September 1998. Sehingga kini, koperasi Islam Pattani dapat meluaskan operasinya ke daerah-daerah lain iaitu cawangan Pekan Palas, Daerah Mayo, Wilayah Pattani yang telah mula beroperasi pada tahun 1996. Kini, koperasi yang beroperasi sebagai institusi kewangan berlandaskan syariah pertama bagi masyarakat Islam di selatan Thai telah bertukar kepada satu firma perdagangan iaitu Firma Bumiputra Co., Ltd.³²³

Sehubungan dengan itu, idea penubuhan bank Islam di Thailand bermula apabila kerajaan Thailand bertanggungjawab untuk memajukan lima wilayah sempadan (Satun, Songkhla, Pattani, Narathiwat dan Yala) setelah menandatangani perjanjian projek kerjasama pembangunan ekonomi antara tiga negara Indonesia, Malaysia dan Thailand (Indonesia, Malaysia, Thailand: Growth Triangle atau IMT-GT) pada tahun 1994.³²⁴

2.2.3 Produk perbankan Islam di Thailand

Produk perbankan Islam yang dilaksanakan oleh institusi-institusi kewangan Islam dan bank-bank konvensional di Thailand sebelum ini tidak dapat dinafikan bahawa sedikit sebanyak dapat membantu para pengguna dari segi simpanan, pelaburan,

³²³ *Ibid.*

³²⁴ Islamic Bank of Thailand (ISBT), *Annual Report 2004*. h. 15-16.

pinjaman dan sebagainya namun, masih belum cukup memuaskan. Antara produk perbankan Islam yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan di Thailand ialah:

2.2.3.1 Produk simpanan (*al-wad'iah*)³²⁵

Kebiasaannya, produk jenis simpanan akan dibahagikan kepada tiga jenis akaun mengikut tujuan simpanan tersebut.

i. Akaun semasa

Merupakan akaun simpanan atau tabungan wang yang mesti dikembalikan apabila dikeluarkan oleh pendeposit. Pengeluaran juga dapat dilakukan dengan menggunakan cek. Pihak bank bertanggungjawab sepenuhnya terhadap wang tersebut dan bank tidak akan memberi keuntungan hasil daripada wang simpanan tersebut.

ii. Akaun simpanan am (semasa)³²⁶

Merupakan wang simpanan yang mesti dikembalikan apabila diminta oleh pendeposit. Pengeluaran dapat dilakukan dengan penggunaan buku akaun simpanan dan pihak bank bebas untuk memberi keuntungan atau tidak memberikannya kepada pendeposit.

iii. Akaun simpanan haji³²⁷

Merupakan wang simpanan bertujuan untuk mengerjakan ibadah haji. Pendeposit tidak boleh mengeluarkan wang simpanan dalam akaun tersebut walaupun dalam jumlah yang kecil kerana pendeposit dikehendaki untuk menyimpan wang secara

³²⁵ Persatuan Alumni Siswa Thailand di Pakistan dan Koperasi Islam Pattani Berhad, *op. cit.*, h. 23, 113-120.

³²⁶ *Ibid.*, h. 119.

³²⁷ *Ibid.*, 119-120.

berterusan mengikut jumlah minima yang ditetapkan bank dan apabila sampai jangka masa minima yang ditetapkan bank seperti 1 setengah atau 2 tahun, pihak bank akan menambahkan wang simpanan dalam akaun tersebut sebagai *hibah* kepada pelanggan.

2.2.3.2 Akaun pelaburan (*al-MuîÉrabah*)³²⁸

Wang dilabur dengan menggunakan konsep *muîÉrabah*. Pihak bank akan membahagikan keuntungan apabila sampai tempoh perjanjian mengikut kadar yang telah disepakati bersama ketika kontrak diadakan. Kebiasaannya, kaedah pelaburan adalah melalui akaun simpanan (akaun *muîÉrabah*) atau melalui pembelian bon berjangka masa yang dikeluarkan oleh bank. Bagi bidang pelaburan yang akan diterokai pula adalah bergantung kepada pertimbangan bank dengan syarat tidak akan berkait dengan ribÉ.

2.3 Sejarah Penubuhan Bank Islam Thailand (ISBT)

Seperti institusi-institusi lain ISBT juga ada sejarah penubuhan tersendiri.

2.3.1 Latar belakang

ISBT adalah bank khas yang ditubuhkan mengikut *Akta Islamic Bank Of Thailand* tahun 2002 (B.E. 2545³²⁹) dan berada dibawah pengawalan terus oleh Kementerian Kewangan Thailand.

³²⁸ Persatuan Alumni Siswa Thailand di Pakistan dan Koperasi Islam Pattani Berhad (1998), *op. cit.*, h. 113-115.

³²⁹ Tahun era Buddha yang bermula daripada kematian Buddha, 543 tahun sebelum kedatangan masehi.

ISBT diawasi oleh Lembaga Penasihat Agama (*Advisory Board: Religious Affairs*) atas segala pengurusan perkhidmatan kewangan secara Islam dan bertanggungjawab atas memberi nasihat untuk memastikan semua pengurusan yang berlandaskan prinsip syariah dapat dijalankan dengan lancar dan betul mengikut landasan syariah yang tulen serta dapat memberi perkhidmatan secara Islam kepada semua rakyat Thailand tanpa batasan agama.

2.3.2 Sejarah penubuhan ISBT³³⁰

Idea penubuhan ISBT bermula buat pertama kalinya pada tahun 1994 iaitu apabila kerajaan Thailand menandatangani perjanjian dalam projek kerjasama pembangunan perekonomian tiga segi antara tiga negara iaitu Indonesia, Malaysia dan Thailand (*Indonesia, Malaysia, Thailand: Growth Triangle*).

Dalam perjanjian tersebut, kerajaan Thailand bertanggungjawab membangunkan lima wilayah sempadan di selatan dan dianggap sebagai misi khas bagi kerajaan Thailand supaya menjadikan kawasan (Pattani, Yala, Narathiwat, Satun dan sebahagian daripada Songkhla) tersebut sebagai kawasan perhubungan dalam projek *Growth Triangle* tersebut.³³¹

Oleh kerana rakyat dari ketiga-tiga negara tersebut majoritinya beragama Islam, maka tercetuslah cadangan untuk menubuhkan perbankan yang beroperasi berlandaskan syariah Islam untuk menjadi alternatif khas kepada penduduk Islam Thailand di

³³⁰ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/history.htm, 15 Dec 2007; Islamic Bank Of Thailand (2003), *Islamic Bank Of Thailand*, Bangkok: ISBT (Buku yang dicetak khas pada majlis pembukaan Islamic Bank Of Thailand (ISBT) pada 18 Ogos 2003.), h. 36-37.

³³¹ ISBT (2003), *op. cit.*, h. 36; Bank Islam Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 15-16.

kawasan berkenaan. Lalu kerajaan Thailand telah mengarah Majlis Pembangunan Ekonomi dan Masyarakat Kebangsaan bersama-sama Institusi Ekonomi dan Kewangan, Kementerian Kewangan menjalankan penyelidikan terhadap kemungkinan penubuhan perbankan yang berlandaskan syari'ah Islam di kawasan tersebut.³³²

Setelah selesai menjalankan penyelidikan dan pandangan dari semua aspek maka, dapat dibuat rumusan bahawa kemungkinan penubuhan perbankan Islam di kawasan berkenaan mempunyai peluang yang tinggi. Tambahan pula, adanya pengalaman dan contoh penubuhan bank Islam di negara-negara jiran sekaligus mengambil bahagian dalam projek pembangunan *Growth Triangle* tersebut. Sebagai titik permulaan bagi penubuhan perbankan Islam untuk menjadi realiti mengikut cadangan Kementerian Kewangan Thailand, kerajaan Thailand telah melancarkan beberapa inisiatif seperti berikut.³³³

(1) Kerajaan Thailand telah mempelawa bank-bank konvensional di Thailand untuk membuka jendela perkhidmatan Islam (*Islamic Window*) yang menawarkan semua urusan dan perkhidmatan berdasarkan syariah Islam. *Bank Sri Nakhorn* adalah bank konvensional pertama di Thailand yang memperkenalkan sistem perbankan Islam sebagai salah satu perkhidmatan pada akhir tahun 1997. Namun, bank tersebut tidak dapat bertahan lama kerana telah berdepan dengan masalah krisis kewangan dan terpaksa ditutup setelah memulangkan kembali wang simpanan kepada para pelanggannya.³³⁴

³³² *Ibid.*

³³³ Islamic Bank Of Thailand (2003), *op. cit.*, h. 37.

³³⁴ Persatuan Alumni Siswa Thailand di Pakistan dan Koperasi Islam Pattani Berhad (1998), *op. cit.*, h. 25.

(2) Kerajaan Thailand telah mengarahkan bank-bank kerajaan untuk memperkenalkan perkhidmatan kewangan secara Islam sebagai permulaan kepada penubuhan bank Islam. Sebagai tanda memberi sokongan kepada kerajaan, Bank Oomsin iaitu bank simpanan nasional Thailand telah memperkenalkan sistem perbankan Islam di lima wilayah sempadan yang bermula dengan cawangan daerah Muang wilayah Satoon pada tahun 1998. Kemudian, diikuti dengan cawangan di wilayah Pattani, Yala, Narathiwat serta di daerah Sabayoi dan Hadyai dalam wilayah Songkhla dan di ikuti pula dengan cawangan Nongchok, Bangkok.³³⁵

Selain daripada Bank Oomsin, bank Pertanian dan Koperasi juga telah menubuhkan Tabung Perbankan Islam dan membuka cawangan dalam beberapa kawasan yang penduduknya beragama Islam. Kemudian, pada tahun 2002 Bank Khung Thai telah membuka skim urusan kewangan secara Islam atau sistem perbankan Islam.³³⁶

(3) Untuk menjadikan hasrat penubuhan perbankan Islam beroperasi secara keseluruhan dan sah dari segi undang-undang Thailand, kerajaan Thailand telah mengarahkan Kementerian Kewangan Thailand untuk menyediakan akta Bank Islam Thailand dan diserahkan kepada kabinet supaya dapat dibuat pertimbangan dan kata putus. Pada Oktober tahun 2002, kabinet telah meluluskan akta tersebut.³³⁷

Akhirnya, Bank Islam Thailand ditubuhkan di bawah Akta Islamic Bank

³³⁵ *Ibid.*

³³⁶ *Ibid.*; KTB (Krung Thai Bank), Syariah Banking Services, http://www.ktb-shariahbank.com/About_Us/aboutus.jsp, 26 Disember 2004.

³³⁷ Islamic Bank Of Thailand (2003), *op. cit.*, h. 37.

Of Thailand (ISBT) pada tahun 2002 dengan pengawalan terus oleh Kementerian Kewangan Thailand.³³⁸

Pada permulaanya, ISBT beroperasi sebagai ibu pejabat dan cawangan pertama di daerah Klong Tan, kota Bangkok pada 12 Jun 2003. Selepas itu, lima buah cawangan telah dibuka di daerah Tung Khru wilayah Songkhla diikuti dengan cawangan di wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat. Pada tahun 2004, ISBT telah melangkah setapak lagi dengan menambah dua buah cawangan di daerah Hadyai, wilayah Songkhla dan cawangan Sathorn di ibu kota Bangkok. Pada tahun 2005 pula, ISBT telah membuka cawangan di wilayah Krabi sebagai cawangan terakhir yang menjadikan ISBT memiliki cawangannya sebanyak sembilan buah cawangan pada ketika itu.³³⁹

Pada 9 November 2005, sebuah majlis menandatangani penyerahan hak milik atas pengurusan perkhidmatan kewangan secara Islam antara *Islamic Bank Of Thailand* dan *Khrung Thai Bank (Public) Limited* telah dilancarkan. Ia sebagai salah satu kehendak kerajaan Thailand dalam usaha untuk menyatukan semua perniagaan kewangan secara Islam yang berada di bawah Kementerian Kewangan. Justeru, dengan persetujuan daripada para pemegang saham dalam mesyuarat yang julung-julung kali diadakan pada 26 Oktober 2005 agar ISBT membeli perniagaan pengurusan kewangan berlandaskan syariah daripada *Khrung Thai Bank (Public) Limited*. Ini menjadikan cawangan ISBT telah bertambah daripada sembilan buah cawangan kepada 27 buah cawangan. Bukan itu sahaja, malah perkhidmatan kewangan secara Islam yang lebih selesa ditawarkan dan meliputi kawasan penduduk yang beragama Islam.³⁴⁰

³³⁸ Islamic Bank Of Thailand (2003), *op. cit.*, h. 37.

³³⁹ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 8.

³⁴⁰ *Ibid.*,

Disebabkan permintaan yang tinggi diterima daripada masyarakat Muslim Thailand terhadap penubuhan perbankan Islam maka, pada awalnya *Islamic Bank Of Thailand* telah memfokuskan perkhidmatannya terutama sekali kepada rakyat Thailand yang beragama Islam di sekitar wilayah selatan. Namun, ISBT juga turut mengambil berat berkenaan perkhidmatan kewangan secara Islam yang memenuhi keperluan setiap rakyat tidak kira agamanya sebagai alternatif selain daripada sistem perbankan konvensional yang berlandaskan riba. Justeru itu, ISBT telah meningkatkan taraf produk dan perkhidmatannya agar selaras dengan kehendak pelanggan dari pelbagai golongan. Ini adalah supaya pelanggan dapat menikmati banyak pilihan dengan mengambil kira manfaat pelanggan dan juga pihak bank yang memegang prinsip adil, ambil berat dan penyayang terhadap semua lapisan masyarakat.³⁴¹

ISBT memegang prinsip memberi perkhidmatan urusan kewangan Islam secara keseluruhannya atas dasar adil, berpegang kepada janji dan pengurusan telus yang mana boleh dilihat pada setiap gerakannya. Melalui dasar tersebut, ISBT telah menonjol dengan identiti perbankan berbeza yang membawa alternatif dan kelainan kepada pelanggan bagi masyarakat Thailand tanpa mengira keturunan bangsa dan agama.³⁴²

Pada 9 Oktober 2007, Bank ISBT telah bertukar kepada *State Enterprise* berikutan peningkatan modal berdaftar kepada TBH 3,264.84 juta (berbanding TBH 1,000 juta pada awal penubuhannya) hasil bantuan kerajaan.³⁴³

³⁴¹Bank Islam Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 8.

³⁴²Islamic Bank of Thailand, http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/history.htm, 3 Mac 2005; Persatuan Alumni Siswa Thailand di Pakistan dan Koperasi Islam Pattani Bhd. *op. cit.*, h. 42-43; Bank Islam Thailand (2003), *op. cit.*, h. 55.

³⁴³ Islamic Bank of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 1.

2.4 Objektif Penubuhan ISBT³⁴⁴

Objektif umum penubuhan ISBT adalah sebagai sebuah bank universal yang beroperasi berlandaskan syari'ah Islam dan tidak ada kaitan langsung dengan ribÉ serta mana-mana urusan yang dilarang oleh Islam dan dapat memberi perkhidmatan kepada setiap rakyat Thailand tanpa mengira agama.

2.5 Visi Dan Misi ISBT³⁴⁵

Sama seperti perbadanan lain, ISBT juga mempunyai visi dan misinya yang tersendiri.

2.5.1 Visi³⁴⁶

ISBT mestilah tidak ada ikatan dengan mana-mana urusan yang berlandaskan ribÉ, utuh dan moden. Perkhidmatannya mesti meliputi dan sesuai dengan keperluan pelanggan di bawah pentadbiran dan pengurusan yang cekap dan berkualiti .

Sebagai kepastian bahawa ISBT dapat beroperasi mengikut landasan yang digariskan oleh prinsip Islam, ISBT mempunyai Lembaga Penasihat yang arif yang dapat memberi nasihat dan memastikan bahawa perkhidmatan kewangan secara Islam yang dioperasi oleh ISBT dapat dilaksanakan mengikut landasan syari'ah Islam yang tulen.

³⁴⁴ Islamic Bank of Thailand (ISBT), http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/mission.htm, 3 Mac 2008.

³⁴⁵ Islamic Bank of Thailand (ISBT), http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/vision.htm, 3 Mac 2008; Islamic Bank of Thailand (ISBT), http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/mission.htm, 3 Mac 2008.

³⁴⁶ *Ibid.*

2.5.2 Misi³⁴⁷

1. Memberi perkhidmatan kewangan mengikut prinsip Islam secara keseluruhan kepada semua golongan masyarakat.
2. Memberi galakkan untuk menabung dan menyimpan kepada para pelanggan untuk menggerak dananya dalam kegiatan ekonomi sebagai jentera ke arah meningkatkan pelaburan dan membangunkan ekonomi negara.
3. Untuk menjadi pusat perhubungan perdagangan dan pelaburan antarabangsa.
4. Sebagai perbankan untuk masyarakat dan penduduk tempatan yang menyumbang ke arah pembangunan masyarakat dan negara.

2.6 Rasional Logo ISBT³⁴⁸

Logo ISBT adalah seperti gambar berikut:



³⁴⁷ Islamic Bank of Thailand (ISBT), http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/vision.htm, 3 Mac 2008; Islamic Bank of Thailand (ISBT), http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/mission.htm, 3 Mac 2008.

³⁴⁸ Islamic Bank of Thailand (2003), *op cit.*, h. 55.

Logo Bank Islam Thailand melambangkan identitasnya yang tersendiri iaitu:



Warna hijau: berbentuk kubah berwarna hijau seperti masjid melambangkan rumah ibadat bagi penganut agama Islam yang suci. Ia juga melambangkan keunikan identiti tersendiri serta sebagai tempat yang mengumpulkan nilai-nilai murni Islam, kuasa suci dan keharmonian.



Warna emas: berbentuk lakaran yang berwarna emas adalah corak seni masyarakat Thai yang berlembangkan keharmonian di antara masyarakat Thai seluruh negara dan melambangkan kecermerlangan negara Thailand.



Warna biru: berbentuk tangan yang berwarna biru melambangkan tangan yang sedang berdoa kepada Allah s.w.t. dan sebagai tanda sokongan, tolong-menolong yang merupakan satu amalan murni di dalam Islam.

2.7 Dasar Pengurusan Bank ISBT³⁴⁹

Dasar pengurusan yang baik adalah proses pengurusan yang dapat meningkatkan hubungan di antara ahli jawatankuasa, lembaga pengurusan dan juga pemegang amanah (*stakeholders*) bagi meningkatkan keteguhan daya saing ISBT serta menggalakkan pencapaian pertumbuhan di samping membolehkan ISBT membuat keuntungan jangka masa panjang.

³⁴⁹ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 11.; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 6 dan 14.

Pihak Lembaga Pengurusan ISBT telah menekankan dan mengaturkan beberapa panduan iaitu:

1. Mencipta visi yang memfokuskan peningkatan dana perniagaan jangka masa panjang di bawah rangka akhlak yang baik iaitu utuh, cangih serta menawar perkhidmatan terbaik di bawah pengurusan dan penyeliaan yang baik.

2. Menetapkan peranan dan tanggungjawab Ahli Jawatankuasa, Lembaga Pengurusan iaitu Jawatankuasa Kecil bertanggungjawab dalam menolong Ahli Jawatankuasa dalam hal pengurusan seperti Jawatankuasa Kecil Pengurusan, Jawatankuasa Kecil Bahagian Audit, Jawatankuasa Kecil Bahagian Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Kecil Bahagian Penilaian Pembiayaan, Jawatankuasa Kecil Bahagian Aset dan Hutang, Jawatankuasa Kecil Bahagian Struktur dan Gantirugi. Tanggungjawab utama organisasi adalah prinsip dan keazaman yang jelas kepada semua kakitangan dalam melaksanakan tugas mereka.

3. Tulus dalam menjalankan operasi serta memberi maklumat yang boleh dipercayai berkenaan prestasi kewangan dengan menggunakan khidmat audit yang berkualiti melalui pendedahan yang sempurna, tepat pada masanya dan mudah untuk mengaksesnya.

4. Memberi kesaksamaan kepada semua pemegang amanah (*stakeholders*) berlandaskan hak mengikut undang-undang seperti memberi layanan sama rata terhadap pemegang amanah (*stakeholders*) tidak kira sama ada besar mahupun kecil peranannya dalam urusan membeli tambah saham atau dalam hal peraturan urusan jual beli dan sebagainya.

5. Promosi perniagaan yang beretika iaitu ahli jawatankuasa dan perlembagaan wajib menjalankan tugas dengan ketulusan dan menghindari daripada pertelingkahan dalam mengagihkan kepentingan.

2.8 Maklumat Korporat ISBT

Maklumat korporat ISBT terdiri daripada maklumat berkenaan Lembaga Pengarah dan Lembaga Penasihat.

2.8.1 Lembaga pengarah³⁵⁰

ISBT merupakan institusi kewangan yang beroperasi berlandaskan syariah Islam dan terletak di bawah pentadbiran dan pengurusan dua bahagian lembaga pengarah ISBT iaitu:

2.8.1.1 Lembaga pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas segala pentadbiran dan pengurusan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh ISBT kepada pelanggan bagi memastikan operasi bank tersebut berjalan dengan lancar, jujur dan betul.

Lembaga Pengarah ISBT terdiri daripada:

1. En. Kitti Patpong Pibul : Pengerusi

³⁵⁰ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 16-24.

2. En. Aroon Boonchom : Pengarah
3. En. Noppadol Tehman : Pengarah
4. Assoc. Prof. Dr.Jaran Maluleem : Pengarah
5. En. Krisda Jeenawijarana : Pengarah
6. Assoc.Prof. Sarita Bunnag : Pengarah
7. En. Theera Wittawuthisak : Pengarah
8. Puan Chompoonnut Sumanascranee : Pengarah

2.8.1.2 Lembaga Pengarah Pentadbiran

Lembaga Pengarah Pentadbiran bertanggungjawab atas segala urusan yang berkenaan dengan bahagian pentadbiran ISBT.

Lembaga Pengarah Pentadbiran ISBT terdiri daripada:

1. En. Noppadol Tehman : Ahli Lembaga dan Pemangku Pengerusi
2. Dr. Ratsuvon Pidpayon : Pegawai Tinggi, Timbalan Pengerusi dan Pengarah Bahagian Kewangan dan Operasi
3. En.Pongsthorn Kunanusorn : Pegawai Tinggi, Timbalan Pengerusi dan Pengarah Bahagian Pegawai Pemasaran

2.8.2 Lembaga penasihat

Lembaga Penasihat ISBT pada awal penubuhannya telah dibahagikan kepada dua bahagian³⁵¹ iaitu:

2.8.2.1 Lembaga Penasihat Bahagian Agama (Syariah)³⁵²

Lembaga Penasihat Bahagian Agama (Syariah) bertanggungjawab di atas memberi nasihat terhadap ketulenan syari'ah dalam bidang kewangan Islam dan memastikan segala urusan pentadbiran dan pengurusan bank berjalan mengikut landasan syari'ah yang tulen serta dapat memberi seluruh perkhidmatan secara Islam kepada semua rakyat Thailand tanpa batasan agama. Jawatankuasa Penasihat Bahagian Agama (*Syari'ah*) ISBT terdiri daripada:

- | | |
|---------------------------|-------------|
| 1. Encik Arun Boonchoom | : Pengerusi |
| 2. Assoc.Prof.Ismail Ali | : Penasihat |
| 3. Encik Surakij Hasan | : Penasihat |
| 4. Encik Thongkam Mahamad | : Penasihat |
| 5. Encik Banjong Bingasan | : Penasihat |

2.8.2.2 Lembaga Penasihat Umum³⁵³

Lembaga Penasihat Umum bertanggungjawab atas memberi nasihat umum. Contohnya, berkenaan operasi, perkhidmatan, akaun dan sebagainya.

³⁵¹ Islamic Bank of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 19.

³⁵² Islamic Bank of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 21-22.

³⁵³ Islamic Bank of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 19.

Lembaga Penasihat Umum terdiri daripada:

1. Pengarah Lembaga Kementerian Kewangan : Pengerusi
2. Pengarah Jabatan Ekonomi dan Kewangan : Penasihat
3. Encik Soomchaineuk Hengtrakoon : Penasihat
4. Encik Thirasak Suwannayod : Penasihat
5. Encik Krisada Uthyanin : Penasihat
6. Encik Sulaiman Wongpanich : Penasihat
7. Encik Wichian Nititam : Penasihat
8. Encik Panya Chotitaewan : Penasihat
9. Encik Man Nana : Penasihat
10. Worawee Makudee : Penasihat

2.8.3 Maklumat am³⁵⁴

- | | |
|-----------------------|---|
| - Nama institusi | ISBT |
| - Jenis perniagaan | Bank Khas (<i>Special Financial Institute</i>) |
| - Modal permulaan | TBH1,000 juta bath |
| - Modal setelah bayar | TBH696,860,000 bath |
| | Jumlah saham 69,686,000, harga persaham 10 Bath. |
| - Alamat Ibu Pejabat | M, 21st, 22nd Fl.,
Q.House Asoke Bldg., 66 Sukhumvit 21,
North Klongtoey, Wattana,
Bangkok 10110 |

³⁵⁴ Islamic Bank of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 42.

- Laman web www.isbt.co.th
- Pendaftar saham Bank Negara Thailand (*Bank Of Thailand*)
- Penyemak Akaun Firma KPMG Poomchai Akauntan Ltd.
- Penasihat Bahagian Akaun dan Cukai Firma Bisnes Konsultant Center Ltd.
- Penasihat Undang-undang Firma Pejabat Undang Siam Niti Ltd.
- Cawangan-cawangan³⁵⁵

Pada 31 Desember 2007, ISBT telah mempunyai sebanyak 26 buah cawangan di seluruh negara Thailand (tahun 2006: 28 cawangan).³⁵⁶ Manakala, kakitangan yang bertugas pula seramai 370 orang (tahun 2006: 345 orang).³⁵⁷

2.8.4 Maklumat pemegang saham ISBT³⁵⁸

Pada tarikh 7 November 2008, ISBT telah mempunyai modal berdaftar berjumlah TBH31,230,000,000 yang terbahagi kepada 3,123,000,000 saham berharga TBH10 setiap satu saham.

2.8.4.1 Struktur pemegang saham ISBT pada awal penubuhan

Mengikut akta *Islamic Bank Of Thailand* B.E.2545 (2002) yang telah menetapkan TBH1 ribu juta sebagai jumlah saham keseluruhan yang terbahagi kepada 100 juta saham (*Ordinary Share*) yang bernilai TBH 10 bath setiap saham. Pada 31 Disember 2005, bank ISBT memiliki saham yang telah diagihkan dan telah menerima

³⁵⁵ Lihat Lampiran C.

³⁵⁶ Islamic Bank of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 64.

³⁵⁷ Islamic Bank of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 41.

³⁵⁸ Islamic Bank of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 15.

bayaran sebanyak 69,686,000 saham bernilai TBH696,860,000. Manakala, saham yang belum diagih dan belum diterima bayarannya sebanyak 30,314,000 saham yang bernilai TBH303,140,000. Di bawah adalah beberapa nama pemegang saham utama pada 31 Disember 2005.³⁵⁹

Jadual 2.1 Nama 10 pemegang saham utama pertama pada 31 Disember 2005:

No.	NAMA	JUMLAH SAHAM	PERATUS
1.	Perbadanan Tabung Modal Thai Tawee	10,453,000	14.839 %
2.	Kementerian Kewangan Thailand	9,900,000	14.054%
3.	Perbadanan Tabung Modal untuk SMEs	7,500,000	10.647%
4.	Bank Oom Sin (Bank Simpanan Thailand)	7,000,000	9.937%
5.	Bank Thai Bank Co., (Public) Ltd.	6,000,000	8.517%
6.	The Islamic Bank of Brunei Berhad	5,226,500	7.419%
7.	Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei	5,226,500	7.419%
8.	Tippaya Safety Co., (Public) Ltd.	5,000,000	7.098%
9.	Krung Thai Bank Co., (Public) Ltd.	4,000,000	5.678%
10.	Nakhon Luang Thai Co., (Public) Ltd.	4,000,000	5.678%

Sumber: ISBT, Annual Report 2005, h. 13.

2.9 Corak Operasi ISBT

Sepertimana kebanyakan bank Islam serata dunia, ISBT mempunyai corak operasi tersendiri yang tidak hanya tertumpu kepada pasaran setempat sahaja namun ISBT cuba memperluaskan pasarannya agar dapat memenuhi keperluan masyarakat dan setaraf dengan bank-bank Islam yang sedia ada di samping mempertingkatkan daya saingnya.

³⁵⁹ ISBT, *Annual Report*, h.13.

2.9.1 Perkhidmatan-perkhidmatan ISBT

Perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank ISBT beroperasi di bawah naungan prinsip syariah Islam dengan mengambil kira fakta keadilan yang ada pada nilai-nilai kewangan Islam. Di samping pihak pengurusannya sentiasa sedar bahawa pembangunan ekonomi mesti membangun bersama-sama dengan penuh keadilan dan mampu memberi khidmat dengan sepenuhnya serta berkualiti pada masa akan datang.

Perkhidmatan kewangan secara Islam yang ditawarkan oleh bank ISBT terbahagi kepada tiga kategori besar iaitu:

2.9.1.1 Perkhidmatan produk simpanan

Perkhidmatan produk simpanan ISBT pula terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

i. Akaun simpanan *al-Wad'ah*³⁶⁰

Akaun *al-wad'ah* adalah sejenis simpanan iaitu pihak bank memberi jaminan terhadap wang simpanan pelanggan dengan tiada sebarang pembahagian keuntungan. Pelanggan dapat mengeluarkan wang simpanannya pada bila-bila masa sahaja. Justeru, simpanan *al-wad'ah* di ISBT ini dibahagikan pula kepada tiga jenis iaitu:

(1) Simpanan *wad'ah harian*

Simpanan *wad'ah harian* ini adalah jenis simpanan *al-wad'ah* melalui cek

³⁶⁰ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 27.

dan tiada pulangan keuntungan.

(2) Simpanan *wad'Ānah semasa*

Simpanan *wad'Ānah semasa* merupakan sejenis simpanan di mana para pencarum membenarkan pihak bank menggunakan wang simpanannya. Manakala, pihak bank menjaminkan wang simpanan tersebut dengan tiada sebarang pulangan keuntungan.

(3) Simpanan *al-Haj*

Adalah jenis simpanan untuk mengerjakan haji.

ii. Akaun simpanan *mu'Ārabah*

Akaun simpanan *mu'Ārabah* merupakan sejenis simpanan pelanggan atau pencarum yang membenarkan pihak bank melaburkan wang simpanannya dalam kegiatan perdagangan yang tidak bertentangan dengan Islam. Para pencarum akan mendapat bahagian keuntungan sebagaimana yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak sekiranya perniagaan yang dilaburkan itu membuat keuntungan. Malah, mereka akan turut berkongsi kerugian bersama dengan pihak bank sekiranya perniagaan yang diterajui oleh bank itu mendapat kerugian. Akaun simpanan jenis *mu'Ārabah* yang ditawarkan oleh bank ISBT berbahagi pula kepada 3 mengikut jangka masa dan syarat seperti yang akan dibincangkanseterusnya.³⁶¹

(1) Akaun simpanan *mu'Ārabah*

³⁶¹ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 27.

Akaun simpanan *mu'Érabah* adalah sejenis akaun simpanan jangka masa yang bahagi pula kepada tiga jenis akaun iaitu:

- a) simpanan *mu'Érabah* tiga bulan
- b) simpanan *mu'Érabah* enam bulan
- c) simpanan *mu'Érabah* 12 bulan

(2) Akaun simpanan *al-Ameen*

Akaun simpanan *al-Ameen* adalah sejenis akaun simpanan yang bersyarat dan mempunyai empat jenis iaitu:

- a) simpanan *al-Ameen* enam bulan
- b) simpanan *al-Ameen* 12 bulan
- c) simpanan *al-Ameen* 24 bulan
- d) simpanan *al-Ameen* 36 bulan

(3) Akaun simpanan *mu'Érabah* bebas cukai

Akaun simpanan *mu'Érabah* bebas cukai pula merupakan sebuah perkhidmatan simpanan kewangan ISBT yang dirancang sebagai satu perkhidmatan simpanan baru untuk dilancarkan akan datang.³⁶²

2.9.1.2 Perkhidmatan produk pembiayaan³⁶³

³⁶² Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 27.

³⁶³ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 27-28.

Perkhidmatan pembiayaan yang ditawarkan oleh ISBT pula mempunyai empat buah kategori penting iaitu:

2.9.1.2.1. Pembiayaan untuk kegunaan individu (*Financing for Consumer*) yang merangkumi seperti di bawah.

(1) Pembiayaan untuk kediaman (*House Financing*) yang meliputi pula beberapa perkara berikut:

- a. Pembiayaan untuk membeli kediaman
- b. Pembiayaan untuk membina, membaiki dan menambah kediaman
- c. Pembiayaan untuk menebus kediaman (*Home Refinancing*)

(2) Pembiayaan untuk membeli kenderaan (*Car Financing*)

(3) Pembiayaan untuk membeli barangan kegunaan peribadi (barangan elektrik, komputer, perabot dan lain-lain)

(4) Pembiayaan untuk mengerjakan umrah dan pendidikan visual (*visual education*)

(5) Pembiayaan untuk menyambung pelajaran dalam negara

(6) Pembiayaan untuk menyambung pelajaran di luar negara

(7) Pembiayaan wang tunai untuk modal pusingan

(8) Pembiayaan wang tunai

2.9.1.2.2 Pembiayaan untuk perindustrian dan perdagangan juga turut diambil kira.

(1) Pembiayaan berjangka masa merangkumi perkara-perkara berikut:

- a. Pembiayaan untuk membeli premis kedai
- b. Pembiayaan untuk membeli hartanah
- c. Pembiayaan untuk membeli kilang dan jentera
- d. Pembiayaan untuk membeli saham
- e. Pembiayaan untuk pembinaan
- f. Pembiayaan untuk menebus aset (*Asset Refinancing*)
- g. Pembiayaan untuk membina kilang

(2) Pembiayaan untuk modal pusingan (*Revolving Facilities*) pula meliputi seperti:

- a. Pembiayaan wang pusingan modal (*Working Capital Financing*)
- b. Pembiayaan pengeluaran wang tunai (*Cash Line Financing*)

(3) Pembiayaan untuk membiayai projek hanya satu sahaja iaitu pembiayaan untuk membangunkan projek harta tidak boleh alih (harta melekat)

(4) Pembiayaan pajak, sewa dan beli juga turut merupakan satu kemudahan yang ditawarkan ISBT dalam bentuk seperti berikut:

- a. Pembiayaan pajak, sewa dan beli kenderaan
- b. Pembiayaan pajak, sewa dan beli jentera
- c. Pembiayaan pajak, sewa dan beli peralatan
- d. Pembiayaan pajak, sewa dan beli computer
- e. Pembiayaan pajak, sewa dan beli harta

2.9.1.2.3 Bil-bil dan kontingen (*Bills & Contingents*) pula meliputi perkara-perkara berikut.

- (1) Pembiayaan surat jaminan (*Bank Guarantee*)
- (2) Pembiayaan jaminan bil dan bil aval (*Accepts & Aval Bills*)
- (3) Pembiayaan jaminan membeli bil diskaun (*Discounted Bills*)
- (4) Pembiayaan surat kredit dalam negara (*Domestic Letter of Credit*)

2.9.1.3 Perkhidmatan perdagangan (*Trade Financing Facilities*)

Perkhidmatan dagangan yang ditawarkan oleh ISBT tertumpu kepada sektor luar negara iaitu pihak bank akan menawarkan perkhidmatan kredit untuk sektor import dan eksport bagi tujuan sebagai galakkan kepada para peniaga dalam meluaskan pasarannya ke luar negara. Sebagai contoh peniaga-peniaga produk halal yang menggunakan perkhidmatan bank ISBT akan membolehkannya mendapat lebih kepercayaan daripada negara-negara Islam. Pada tahun 2006, jumlah peniaga produk halal meningkat tinggi dari tahun 2005 dan hal ini merupakan satu perkembangan positif menjadikan produk halal Thailand agar lebih dikenali ramai. Selaras dengan objektif bank ISBT untuk menjadi penghubung dalam usaha meluaskan industri pelaburan antarabangsa melalui kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan untuk mendapatkan akses ke pasaran pelaburan baru seperti Afrika dan juga Timur tengah.³⁶⁴

Sehingga kini, para peniaga produk halal yang menggunakan khidmat dagangan luar negara yang ditawarkan ISBT bagi tujuan eksport adalah merupakan pengeksport makanan laut sejuk beku, ikan tuna dalam tin, beras dan kepingan besi panas (*hot-rolled*

³⁶⁴ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 29; Lihat bersama Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 25; dan juga Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 30.

flat sheets). Manakala, bagi tujuan import pula seperti alat ganti elektronik, besi, ketulan batu dan juga makanan seperti rumpai laut serta daging sejuk beku.³⁶⁵

Selain daripada itu, perkhidmatan lain untuk kemudahan para pelanggan seperti pemindahan wang antarabangsa, pengeluaran draf antarabangsa dan draf untuk kegunaan semasa mengerjakan haji, surat kredit (*letter of credit*), pertukaran mata wang asing dan sebagainya juga ada ditawarkan oleh ISBT.³⁶⁶

2.9.1.4 Pertukaran mata wang asing³⁶⁷

ISBT juga terlibat dalam operasi penukaran mata wang asing yang meliputi:

- (1) Draf bank asing (*Foreign Bank Draft*)
- (2) Cek perjalanan asing (*Foreign Travelers Cheque*)
- (3) Pengiriman wang dalam negara (*Inward Remittance*)
- (4) Pengiriman wang ke luar negara (*Outward Remittance*)³⁶⁸
- (5) Pertukaran mata wang asing (*Foreign Exchange*)
- (6) Pembelian bil asing (*Foreign Clean Bill Purchased –FCP*)
- (7) Pengiriman wang ke luar tanpa dokumen (*Outward Foreign Remittance Bill for Collection-OFBC*)

2.9.1.5 Perkhidmatan lain-lain³⁶⁹

³⁶⁵ *Ibid.*

³⁶⁶ *Ibid.*

³⁶⁷ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 28-29.

³⁶⁸ *Ibid.*, h. 28.

³⁶⁹ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 29.

Bukan itu sahaja, malah ISBT juga turut menawarkan beberapa perkhidmatan lain sebagai kemudahan kepada para pelanggannya.

(1) Perkhidmatan Elektronik yang terbahagi kepada dua jenis.

1.1 Kad ATM Perak (*ATM Silver Card*)

1.2 Kad ATM Emas (*ATM Gold Card*)

(2) Akaun Zakat dan

(3) Perkhidmatan pembelian unit pelaburan Islam (*MFC Islamic Fund*)

2.9.1.6 Perkhidmatan pembiayaan polisi (*Policy Financing*)³⁷⁰

Perkhidmatan pembiayaan polisi di ISBT telah diperkenalkan dengan nama ‘*Microfinance*’ pada tahun 2005. *Microfinance* adalah satu projek ISBT di bawah pengurusan Lembaga Jawatankuasa Tinggi lama (sebelum pertukaran barisan Lembaga Pengurusan Tinggi pada tahun seterusnya) yang khusus untuk membiayai para usahawan di tiga wilayah selatan Thailand (*Pattani, Yala dan Narathiwat*). Ia bertujuan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi di kawasan berkenaan. Namun begitu, projek berkenaan telah dihentikan selepas setahun beroperasi disebabkan oleh prestasi kewangan yang kurang baik pada permulaan pertubuhannya.

2.9.1.7 Perkhidmatan Tabung³⁷¹

ISBT pernah menubuhkan sebuah tabungan yang berlandaskan syariah Islam iaitu *Shariah Compliance Fund* sebagai jentera bagi menggalakkan pihak dalam

³⁷⁰ Temu bual dengan TuansaleenaKubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat induk ISBT, pada 23 April 2008, bertempat di bilik tamu pejabat bank induk ISBT pusat, Bangkok.

³⁷¹ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 29.

mahupun luar negara terutamanya dari negara-negara Islam yang berminat untuk melabur di Thailand tetapi tidak yakin dengan ketulenan landasan syariahnya. Oleh hal yang demikian, pihak ISBT bertindak sebagai orang tengah dalam menggalakkan penabungan modal daripada negara-negara Islam supaya mengambil bahagian dalam proses untuk membangunkan negara Thailand melalui idea *Business Centre* antara pelabur dan pengusaha, pembeli dan penjual. Selain daripada itu, bank ISBT turut mempunyai satu perkhidmatan dalam menyediakan maklumat peniagaan dan penasihat kewangan (*Financial Adviser*) serta khidmat menyediakan sumber modal (*Arranger*) untuk projek-projek kerajaan (*Government Mega Project*) yang mampu memberi kesan positif kepada pembangunan negara, ekonomi serta wilayah-wilayah sempadan selatan.

2.10 Sumber Modal Dan Pendapatan

2.10.1 Sumber modal

ISBT merupakan sebuah bank yang sebahagian besar modalnya daripada kerajaan Thailand. Ia dikawal secara langsung oleh Kementerian Kewangan Thailand. Jumlah modal pendaftaran pada permulaan penubuhan bank ISBT adalah sebanyak TBH 1,000 juta.³⁷²

Hutang³⁷³ adalah salah satu sumber modal ISBT iaitu pada akhir tahun 2005, bank ISBT mempunyai jumlah hutang sebanyak TBH 1018.89 juta. Hutang-hutang berkenaan adalah terdiri daripada hutang perkhidmatan pembiayaan dan sewa beli yang

³⁷² Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 13.

³⁷³ *Hutang* ialah pembiayaan-pembiayaan dan perkhidmatan sewa-beli yang ditawarkan oleh pihak bank kepada pelanggan mengikut syarat-syarat tertentu yang telah disepakati dan bersetujui bersama dan daripada pembelian *Syariah Banking Services* daripada Krung Thai Bank PCL pada 29 Oktober 2005.

berjumlah TBH 107.98 juta yang meningkat daripada tahun 2004 sebanyak TBH 87.29 juta dan hasil pembelian *Syariah Banking Service* daripada Krung Thai Bank PLC yang berjumlah TBH 854.93 juta dan lain-lain yang berjumlah TBH 71.75 juta.³⁷⁴

Sementara itu, simpanan *wad'Ānah*³⁷⁵ dan akaun pelaburan dalam bentuk *mu'Ārabah* juga menjadi sumber modal penting ISBT dalam merealisasikan tujuannya dalam membangunkan ekonomi masyarakat tercapai. Di mana pada akhir tahun 2005 jumlah simpanan ISBT dicatatkan sebanyak TBH 4644.28 juta meningkat dari tahun 2004 sebanyak TBH 2989.83 juta.

2.10.2 Sumber pendapatan

Bagi mengetahui sumber pendapatan ISBT, dapat dirujuki dari Laporan Tahunan 2005.³⁷⁶

1. Pendapatan daripada produk pembiayaan seperti modal pusingan perniagaan, modal tambahan perniagaan dan sebagainya manakala pendapatan daripada produk sewa beli seperti sewa beli rumah, kereta dan sebagainya.
2. Pendapatan daripada perusahaan lain-lain yang dilaksanakan oleh ISBT.
3. Pendapatan daripada pelaburan dalam pasaran saham di mana pada akhir tahun 2005 pendapatannya berjumlah TBH 191.20 juta.

³⁷⁴ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h 8.

³⁷⁵ Simpanan seperti *wad'Ānah*, *mu'Ārabah*.

³⁷⁶ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 13.

4. Pendapatan daripada pembelian *Shariah Banking Service* daripada Krung Thai Bank PLC pada 29 Oktober 2005.
5. Pendapatan daripada jual-beli bil atau bon di bawah penawaran surat kredit (*letter of credit*) daripada bank asing.
6. Pendapatan daripada perkhidmatan simpanan *wad'ÉÑah* dan *mu'Érabah*.
7. Pendapatan daripada kegiatan jual beli mata wang asing.
8. Pendapatan daripada penawaran perkhidmatan penasihat kepada para peniaga.
9. Pendapatan hasil daripada perkhidmatan umum yang dilaksanakan oleh bank ISBT seperti pembiayaan daripada pemindahan wang antara bank, kos urusan simpanan dan pengeluaran wang, kos pengurusan kad ATM dan sebagainya.

2.11 Kesimpulan

ISBT yang ditubuhkan pada tahun 2002 merupakan bank Islam pertama dan satu-satunya di Thailand yang bertujuan untuk menonjolkan kelainan dan sebagai alternatif kepada semua lapisan, kaum dan agama dalam masyarakat Thailand.

Meskipun pada awal penubuhan ISBT masih belum dapat dibuktikan kejayaan dengan jelas kerana baru bertapak di Thailand di mana majoriti masyarakatnya adalah daripada penganut agama Buddha dan dikelilingi oleh bank-bank konvensional yang berlandaskan ribÉ. Namun, ia tidak bererti ISBT yang membawa alternatif berlandasan

syariah Islam tidak boleh berjaya di sana memandangkan permintaan yang tinggi di kalangan masyarakat Islam di Thailand sendiri. Peranan, potensi dan keberkesanan yang cemerlang dalam meningkatkan taraf ekonomi umat Islam dan bukan Islam oleh bank-bank Islam di seluruh dunia yang sudah terbukti di peringkat antarabangsa dilihat sebagai satu bentuk semangat oleh mereka.

Sehubungan dengan itu, dalam bab seterusnya penulis akan memaparkan hasil daripada kajian yang dibuat ke atas asas sistem serta pelaksanaan instrumen pelaburan yang dijalankan oleh ISBT.

BAB III

BAB III

PELAKSANAAN INSTRUMEN PELABURAN ISLAM DI ISLAMIC BANK OF THAILAND (ISBT)

3.1 Pengenalan

Perlaksanaan pelaburan secara Islam dewasa ini bukan sekadar mendapat tempat di kalangan warga korporat sahaja malah telah mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat Islam yang mempunyai dana serta keinginan untuk menceburkan diri dalam bidang pelaburan. Bukan itu sahaja, malah dapat menggalakkan anak-anak muda untuk mula menjadi usahawan muda. Kelangsungan kesedaran ini bukan sekadar atas dasar keuntungan dari segi aset semata-mata, tetapi lebih kepada cita-cita untuk meraih keredhaan Allah s.w.t. yang menyeru agar hamba-hamba-Nya melaksanakan setiap pekerjaan di atas muka bumi ini berlandaskan lunas-lunas yang ditetapkan oleh syariah. Sambutan yang baik turut diterima dari kalangan orang bukan Muslim.³⁷⁷

Semenjak ditubuhkan pada tahun 2002 yang lalu, banyak perubahan yang telah dilakukan oleh ISBT untuk meningkatkan prestasi sebagai satu-satunya Bank Islam di negara Thailand yang majoriti penduduknya adalah penganut agama Buddha.

Tambahan pula, dengan kedudukan aset sebanyak TBH 16,785.50 juta dan jumlah deposit terkumpul sebanyak TBH12,962.73 juta,³⁷⁸ ISBT telah berusaha untuk memanfaatkan perolehan yang ada dengan mempelbagaikan sektor pelaburan sebanyak yang mungkin.

³⁷⁷ Rumusan hasil pembacaan penulis untuk kajian lampau bagi disertasi ini. Sila rujuk kepada rujukan kajian lampau di halaman 11-19.

³⁷⁸ Bank Islam Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 36.

Walau bagaimanapun, terdapat halangan kecil dari segi kefahaman mengenai konsep SPI (Sistem Pelaburan Islam) yang menyebabkan kerajaan Thailand itu sendiri mengambil masa yang lama untuk memajukan prestasi ISBT bagi mencapai satu taraf yang sama dengan Bank Islam seperti di negara jiran lain iaitu Malaysia, Indonesia serta Brunei.

Di samping, perspektif dan fungsi pelaburan ISBT dalam pelaburan jangka panjang dan juga jangka pendek telah diperluaskan skop kegiatannya di dalam bidang pelaburan. Selaras dengan objektif ISBT untuk menjadikan dirinya sebagai perantaraan (*intermediate*) kepada sektor pelaburan Islam Thailand di peringkat antarabangsa, ISBT telah menawarkan pelbagai kemudahan kepada pengusaha import dan eksport makanan halal serta penukaran mata wang asing *euro* dan *dolar*.³⁷⁹

Kini, masyarakat umum Thailand telah mula menerima ISBT sebagai sebuah bank Islam yang produktif dan selamat dari unsur-unsur ribÉ. Keadaan ini terbukti apabila jumlah keseluruhan deposit ISBT mencecah TBH12,962.73 juta dan hanya sebahagian kecil (TBH2,201.11 juta) sahaja adalah deposit simpanan.³⁸⁰

Namun begitu, dalam memenuhi matlamat untuk memperoleh keuntungan yang maksimum ISBT yakin bahawa ia tidak pernah terpesong daripada tujuan asalnya iaitu sebagai sebuah institusi perbankan yang seluruh sistemnya berlandaskan syariah Islam.³⁸¹

³⁷⁹ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 30.

³⁸⁰ *Ibid.*, h. 55.

³⁸¹ Temu bual dengan TuansaleenaKubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, pada 24 April 2008, bertempat di bilik tamu Pejabat Induk ISBT, Bangkok

Dalam bab III ini penulis akan bincangkan tentang pelaksanaan instrumen pelaburan secara Islam di ISBT yang akan meliputi perkara-perkara seperti objektif pelaburan, peranan Lembaga Penasihat Agama, konsep syariah dalam bidang pelaburan yang diamalkan di ISBT, dasar pelaburannya, garis dasar persetujuan perjanjian pelaburan, strategi pengurusan, aktiviti-aktiviti pelaburannya dan prinsip-prinsip syariah yang diaplikasikan oleh ISBT sebagai instrumen pelaburannya yang merupakan teras kepada kajian ini.

3.2 Objektif Pelaburan di Bank Islam Thailand (ISBT)

3.2.1 Objektif umum

Di antara objektif-objektif umum pelaburan yang digariskan oleh ISBT adalah berusaha merebut dan mendapatkan peluang pelaburan yang halal dan berdaya maju di dalam sektor-sektor ekonomi yang selaras dengan identiti sebagai bank Islam serta mempunyai potensi pulangan yang tinggi serta bermanfaat khususnya kepada pendeposit-pendeposit dan pelabur-pelabur ISBT. Di samping itu, ISBT turut mempunyai objektif khusus yang tersendiri.

3.2.2 Objektif khusus³⁸²

- i. Menjadi alternatif terutama kepada masyarakat Islam di Thailand sebagai pelaburan bersistem yang tidak bercanggah dengan hukum syarak di samping memberi kelainan kepada masyarakat bukan Islam di dalam kegiatan pelaburan mereka.

³⁸² Bank Islam Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 3.

- ii. Membantu kerajaan dalam membangunkan ekonomi dan sosial negara secara keseluruhan.
- iii. Melaksanakan strategi bagi mengukuhkan lagi kedudukan sebagai sebuah bank alternatif yang berpotensi melalui pengukuhan pegangan ekuiti ISBT dalam sektor-sektor tertentu yang dapat mencerminkan imej pelaburan alternatifnya.

3.3 Peranan Lembaga Penasihat Agama (*Advisory Board : Religious Affairs*)

Prinsip utama pelaburan ISBT ialah menentukan pelaburan-pelaburannya agar tidak bertentangan dengan hukum syarak. Sehubungan itu, setiap kegiatan pelaburan dan juga produk-produk yang akan dipasarkan ISBT akan merujuk kepada Lembaga Penasihat Agama (*Syariah*) untuk memastikan setiapnya adalah menurut hukum muamalat dan juga syariah yang tulen sebelum dipasarkan.³⁸³

Lembaga Penasihat Agama ISBT dibarisi oleh pakar-pakar ekonomi Islam, ahli ulama' dan ahli akademik yang disegani masyarakat serta berpengalaman luas dalam bidang syariah (sebagaimana telah penulis paparkan dalam bab II).

Mereka adalah barisan ahli LPA yang telah dipilih dan lantik secara khas oleh Lembaga Pengarah ISBT mengikut Akta Bank Islam Thailand (ISBT) B.E.2545 (2002)³⁸⁴ yang menyatakan bahawa:

³⁸³ Temu bual dengan TuansaleenaKubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, pada 23 April 2008, bertempat di bilik tamu Pejabat Induk ISBT, Bangkok.

³⁸⁴ Akta Islamic Bank of Thailand (ISBT) B.E. 2545 (Undang-undang Thailand), 2002, (Akta No. 32, 2002).

Akta 32: “Hendaklah Lembaga Pengarah melantik satu jawatankuasa penasihat sebagai “Lembaga Penasihat Agama (Syariah) Bank Islam Thailand (ISBT)” yang dibarisi ketua dan ahli-ahlinya tidak melebihi daripada empat orang, bertanggungjawab memberi nasihat, cadangan kepada Lembaga Pengarah dalam hal berkenaan prinsip agama (Syariah) yang berkaitan urusan perbankan di ISBT supaya ianya tidak bertentangan dengan Islam”

Fungsi dan tanggungjawab Lembaga Penasihat Agama ISBT³⁸⁵ ialah:

- i. Memberi nasihat mengenai pengendalian operasi perniagaan secara Islam.
- ii. Memastikan kegiatan ISBT berjalan sejajar dengan prinsip Islam dan memastikan tidak wujud unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam. Justeru itu, Lembaga Penasihat Agama ini berkuasa untuk menetapkan garis panduan tertentu bagi menjalankan sistem perbankan Islam di ISBT. Mereka akan membuat rujukan daripada al-Qur’an, al-Hadith, Ijma’, Qias dan lain-lain sumber yang boleh dipercayai dalam memperkenalkan produk *muamalah* yang akan dilaksanakan oleh ISBT.
- iii. Menasihati Lembaga Pengarah mengenai segala urusan yang berkaitan dengan hal ehwal syariah.

Lembaga Penasihat Agama ISBT sememangnya berperanan penting dalam menentukan sesuatu kegiatan perbankan Islam dan juga setiap produk perbankan yang akan dikeluarkan ke pasaran akan dinilai sepenuhnya oleh LPA. Malah, jika sesuatu

³⁸⁵ Temu bual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, pada 25 April 2008, bertempat di bilik tamu Pejabat Induk ISBT, Bangkok.


kegiatan atau produk itu tidak disetujui atau diluluskan oleh LPA kerana beberapa sebab yang munasabah maka, ia akan ditolak sama sekali oleh LPA.³⁸⁶

3.4 Konsep syariah dalam kegiatan pelaburan di ISBT

Sebagai sebuah institusi pelaburan Islam adalah menjadi kepastian kepada ISBT untuk berpegang kepada prinsip-prinsip *syariah* di dalam melaksanakan pelaburannya. ISBT sentiasa berhati-hati sebelum menceburikan diri dalam sesuatu pelaburan. Beberapa proses seperti penyelidikan perlu dilalui sebelum keputusan melabur dibuat. Setiap keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah ISBT perlu mendapat khidmat nasihat daripada LPA (sebagaimana yang telah penulis terangkan di atas). Berdasarkan rajah 3.1 dijelaskan proses dan cara bagaimana sesuatu pelaburan itu dibuat di ISBT.

³⁸⁶ Temu bual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, pada 23 April 2008, bertempat di bilik tamu Pejabat Induk ISBT, Bangkok.

Rajah3.1: Contoh proses dan cara perjalanan sesuatu projek pelaburan yang diamalkan di ISBT.



Sumber : Staff Manual, Bahagian Pembangunan Produk ISBT Pusat, Bangkok.

Di sini menunjukkan segala aktiviti pelaburan ISBT dikawal terus oleh LPA sementara Lembaga Pengarah berperanan meluluskan permohonan selepas mendapat persetujuan oleh Lembaga Penasihat Agama. Ketelitian terhadap setiap kegiatan pelaburan dan juga produk yang dikeluarkan oleh ISBT ini dilakukan adalah untuk memastikan agar setiapnya berada di dalam landasan *muñÉmalah* Islam dan menepati *syariah* tulen.

Namun begitu, kegiatan pelaburan di ISBT lebih menumpu kepada pasaran wang (*money market*)³⁸⁷ iaitu setiap pelaburannya itu disesuaikan dengan masyarakat dan pasaran tempatan di samping mengaplikasikan beberapa prinsip asas *muñÉmalah* Islam seperti *al-muñÉrabah*, *al-murÉbaÁlah*, *al-bayÑ al-Énah*, *al-bayÑ al-dayn*, *al-bayÑ bi-thaman ÉjÉl*, *al-wakÉlah* dan *al-kafÉlah*.

³⁸⁷ Temu bual dengan TuansaleenaKubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, pada 23 April 2008, bertempat di bilik tamu Pejabat Induk ISBT, Bangkok.

Ini kerana, timbulnya persoalan di kalangan masyarakat muslim di Thailand sendiri mengenai ketulenan keoperasian yang berlandaskan *syariah* di ISBT. Justeru, ini adalah satu jaminan bahawa setiap penglibatan dan juga produk ISBT itu memang betul-betul berteraskan prinsip *syariah* tulen.

3.5 Dasar-Dasar Pelaburan ISBT³⁸⁸

Dalam melaksanakan sebarang pelaburan, pihak ISBT mempunyai dasar-dasar yang telah ditetapkan. Justeru, jabatan-jabatan di ISBT seperti Jabatan Perancangan, Jabatan Pembangunan Produk, Jabatan Operasi bertindak sebagai perancang, pembangun dan pelaksana yang mengikuti dasar-dasar yang telah ditentukan sebagai asas sebelum melakukan sebarang pelaburan. Dasar-dasar ini dibuat dengan teliti dan terancang bagi memastikan setiap pelaburan yang dibuat bukan sahaja mendatangkan keuntungan yang tinggi malah, selaras dengan *syariah* Islam juga. Dasar-dasar tersebut adalah seperti yang disebutkan di bawah.

3.5.1 Halal³⁸⁹

Setiap pelaburan yang diteroka akan dipastikan halal dan tidak bertentangan dengan *syariah* Islam. Ini melibatkan sama ada pelaburan yang diteroka sendiri oleh pihak ISBT atau yang dilakukan bersama-sama rakan kongsi. Bagi pelaburan yang

³⁸⁸ Islamic Bank Of Thailand (2003), *op. cit.*, h. 13; Temu bual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, pada 23 April 2008, bertempat di bilik tamu Pejabat Induk ISBT, Bangkok; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), <http://www.isbt.co.th/th/faq/index.php>, 26 April 2008.

³⁸⁹ Islamic Bank Of Thailand (2003), *op. cit.*, h. 13; Temu bual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, pada 23 April 2008, bertempat di bilik tamu pejabat induk ISBT, Bangkok; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), <http://www.isbt.co.th/th/faq/index.php>, 26 April 2008.

diteroka sendiri, segala sumber, sektor dan sekuriti dipastikan halal di sisi syariah. Bagi yang melibatkan rakan kongsi pula akan dipastikan syarikat ekuiti dan syarikat bersekutunya tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan syariah. Ini termasuklah dari segi sumber pembiayaan terbesarnya (tidak terlibat dengan ribÉ) dan aktiviti perniagaan yang diceburi seperti pasaran hutang (*debt instrument*), pasaran ekuiti (*equity investment*). Begitu juga dengan urusan yang dilakukan dalam syarikat-syarikat yang telah dilabur. Bagi memastikan pegangan sahamnya diharuskan oleh Islam, ISBT sentiasa mendapatkan pandangan dan nasihat daripada Lembaga Penasihat Agama ISBT selain kajian-kajian yang dilakukan oleh jabatan-jabatan yang bertanggungjawab dalam hal itu sendiri. Ini bagi memastikan amalan pelaburan yang dijalankan oleh ISBT tidak bertentangan dengan kehendak syariah.

Prinsip halal ini merupakan satu syarat penting di dalam pelaburan ISBT memandangkan ia adalah pemegang amanah umat Islam yang ingin memastikan dana mereka sentiasa suci dan bersih bagi mendapatkan mu'amalah Islam yang suci.

3.5.2 Berisiko rendah³⁹⁰

Bagi memastikan mendapat pulangan yang lebih terjamin dan selamat serta memastikan pelaburan yang dibuat tidak mempunyai risiko yang tinggi, ISBT telah memilih untuk menggunakan sistem Pengurusan Risiko (*Risk Managemant*) sebagai instrumen dalam hal tersebut. Justeru itu, ISBT telah melantik satu jawantankuasa kecil (*Sub-Committee*) bernama Jawantankuasa Kecil Pengurusan Risiko atau JKPR (*Risk Management Sub-Committee*) yang bertanggungjawab menggariskan polisi dan strategi

³⁹⁰ Islamic Bank Of Thailand (2003), *op. cit.*, h. 13; Temu bual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, pada 23 April 2008, bertempat di bilik tamu Pejabat Induk ISBT, Bangkok; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), <http://www.isbt.co.th/th/faq/index.php>, 26 April 2008; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 11-13.

pengurusan risiko sejajar dengan kehendak dan objektif ISBT. Bersama JKPR, ISBT juga telah melantik Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti (*Assets and Liabilities Management Sub-Committee:ALCO*) yang bertanggungjawab menggariskan garis panduan dan strategi pengurusan risiko dalam hal yang berkaitan risiko kecairan (*liquidity risk*), risiko pasaran (*market risk*) dan risiko kadar pulangan (*Rate of return risk*). Garis panduan pengurusan risiko ISBT terbahagi kepada lima seperti yang dinyatakan di bawah.

- i. Risiko dalam hal berkaitan kredit (*Credit Risk*)
- ii. Risiko dalam hal berkaitan operasi (*Operational Risk*)
- iii. Risiko dalam hal berkaitan strategi (*Strategic Risk*)
- iv. Risiko dalam hal berkaitan kecairan (*Liquidity Risk*)
- v. Risiko dalam hal berkaitan pasaran (*Market Risk*)

Ringkasannya, ISBT sentiasa melakukan pelaburan dengan cara selamat (*play safe*). Namun, ini tidak bermakna ISBT tidak berani berdepan dengan risiko. Bahkan, kedudukan ini diambil kerana sebagai pemegang amanah dana umat Islam, ISBT akan memastikan setiap pelaburan yang dibuat tidak mendatangkan komplikasi kepada para penyimpan dan pendeposit.

3.5.3 Pulangan yang tinggi³⁹¹

Di samping memastikan pelaburan yang dibuat berisiko rendah, Jabatan Operasi (*Operation Support Department*) dan Jabatan Perdagangan (*Business Department*) ISBT juga akan memastikan pulangan yang didapati daripada setiap cawangannya adalah tinggi. Ini kerana tugas utama kedua-dua jabatan tersebut adalah bertanggungjawab bagi mengembangkan dan meningkatkan lagi aset lembaga ini. Pulangan yang tinggi ini bukan sahaja penting bagi membiayai hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan ISBT sahaja, tetapi juga sebagai satu imbuhan kepada para pendeposit yang sudi menabung di dalam ISBT.

3.5.4 Rakan kongsi yang berpotensi³⁹²

Oleh kerana ISBT adalah institusi perbankan yang bebas dari segala unsur-unsur yang berkaitan riba, ketegasan dan syarat-syarat yang ketat dalam memilih dan menilai potensi rakan kongsi amat ditekankan.

ISBT mempunyai kriteria-kriteria tertentu dan ketat di dalam menjalinkan sebarang kerjasama dengan syarikat lain. Hanya rakan kongsi yang berpotensi dan mempunyai syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ISBT sahaja yang layak. Ini penting bagi memastikan setiap pelaburan yang disertai oleh ISBT di dalam sebarang

³⁹¹ Islamic Bank Of Thailand (2003), *op. cit.*, h. 13; Temu bual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, pada 23 April 2008, bertempat di bilik tamu Pejabat Induk ISBT, Bangkok; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), <http://www.isbt.co.th/th/faq/index.php>, 26 April 2008; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 11-13.

³⁹² Islamic Bank Of Thailand (2003), *op. cit.*, h. 13; Temu bual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, pada 23 April 2008, bertempat di bilik tamu Pejabat Induk ISBT, Bangkok; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), <http://www.isbt.co.th/th/faq/index.php>, 26 April 2008.

kegiatan pelaburan sama ada syarikat-syarikat bersekutu mahupun ekuitinya dapat menghasikan keuntungan.

3.5.5 Berdaya maju

Setiap projek pelaburan yang ingin diceburi ISBT juga akan dipastikan mempunyai daya maju dan dinamik. ISBT tidak akan menyertai sebarang pelaburan yang tidak berdaya maju dan kurang potensi. Justeru, Jabatan Perdagangan (*Business Department*) akan melakukan kajian-kajian yang terperinci ke atas sesuatu projek yang dirancang dan dicadangkan bagi memastikan ianya berdaya maju.³⁹³

3.6 Garis Dasar Persetujuan Perjanjian Pelaburan di ISBT³⁹⁴

Setiap bank tentunya mempunyai garis dasar tersendiri dalam mengendalikan setiap urusannya begitu juga dengan ISBT dalam mengendalikan pelaburannya juga pasti ada garis dasarnya tersendiri.

i. ISBT akan menggunakan dana simpanan untuk melabur dalam sesuatu pelaburan dan bank sendiri akan bertanggungjawab menjaga serta menguruskan dana simpanan yang dilaburkan itu.

³⁹³ Temu bual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, pada 23 April 2008, bertempat di bilik tamu Pejabat Induk ISBT, Bangkok.

³⁹⁴ Akta Islamic Bank of Thailand (ISBT) B.E. 2545 (Undang-undang Thailand), 2002, h. 5-6; Lihat juga Bank Islam Thailand (2003), *op. cit.*, h. 22-27; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), <http://www.isbt.co.th/th/faq/index.php>, 26 April 2008.

Pihak bank akan bertindak sebagai pihak yang boleh dipercayai dan berhak untuk mendapatkan ganjaran kerana menjalankan tugas itu sebaiknya. Para pendeposit yang menyimpan wangnya ke dalam akaun pelaburan yang ditawarkan ISBT akan mendapat pulangan keuntungan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

ii. ISBT akan menggunakan dana simpanan untuk melabur ke dalam sesuatu pelaburan yang di kendalikan oleh pihak bank sendiri, syarikat-syarikat dan juga institusi kewangan lain.

Dalam kes ini, bank akan membahagikan hasil keuntungan kepada para pendeposit yang menyimpan wangnya ke dalam akaun pelaburan yang ditawarkan bank. Malah, pihak bank akan bertanggungjawab terhadap semua perbelanjaan berkenaan pengurusan dalam segala kerugian sementara para pendeposit pula akan bertanggungjawab ke atas wang pelaburannya.

iii. Dalam kes pelaburan bersama, ISBT akan menggunakan wang kepunyaan ISBT dan juga wang simpanan untuk dilaburkan dalam suatu pelaburan atau projek diyakini akan keuntungannya. Di samping, ISBT bertanggungjawab menjaga dan menguruskan modal pelaburan bagi pihak ISBT dan juga pendeposit. Pelaburan seperti ini kebiasaannya terjadi dalam projek mega yang memerlukan modal yang besar. ISBT akan membuat pelawaaan bagi menarik minat pelabur yang ingin melabur bersama. Berkenaan hal pembahagian keuntungan dan tanggungan kerugian akan mengikut persetujuan oleh kedua-dua pihak yang telah ditetapkan di dalam perjanjian.³⁹⁵

³⁹⁵ *Ibid.*

3.7 Aktiviti-Aktiviti Pelaburan Yang Dijalankan

Aktiviti-aktiviti pelaburan ISBT buat masa ini masih lagi dalam peringkat permulaan jika dibandingkan dengan bank-bank Islam di negara jiran serantau seperti Malaysia, Indonesia, Filipina, Brunei dan sebagainya disebabkan oleh beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan yang akan penulis bincangkan dengan lebih lanjut di dalam bab seterusnya.

Namun, ISBT cuba mempelbagaikan pelaburannya selaras dengan objektif ISBT sendiri mengikut keadaan dan keperluan semasa yang sejajar dengan kehendak kerajaan Thailand. Maka, ISBT telah mengembangkan perkhidmatannya untuk menampung keperluan pelanggan dalam sektor pelaburan dengan menawarkan kemudahan di bahagian eksport dan import serta penukaran mata wang asing. ISBT dilihat telah cuba untuk tidak hanya menumpu kepada satu sektor sahaja, sebaliknya dipelbagaikan (*diversification*).

Ini penting sebagai satu strategi bagi memastikan pulangan yang didapati sentiasa maksimum. Ia juga adalah sebagai satu langkah keselamatan seandainya terdapat salah satu sektor yang tidak mencatatkan keuntungan seperti yang diharapkan atau mengalami kerugian. ISBT masih lagi boleh meraih keuntungan melalui sektor-sektor lain yang diceburinya. Oleh itu, kepelbagaian aktiviti pelaburan adalah saling berkaitan di dalam menjana keuntungan ISBT dan juga sebagai satu sokongan (*backup*) seandainya terdapat salah satu sektor yang merosot prestasinya.³⁹⁶

³⁹⁶ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 29, 43-45.

Jadual 3.1: Aktiviti-aktiviti Pelaburan di ISBT

Pelaburan mengikut sektor	Peratus	Jumlah Pelaburan (Bath) Pada 31 Dec 2007
i) Hartanah dan pembinaan (<i>Real estate and construction</i>)	45.01%	4,957,858,352.40
ii) Pembuatan (<i>Manufacturing</i>)	19.73%	2,171,126,440.12
iii) Perdagangan (<i>Commercial</i>)	16.57%	1,824,313,565.38
iv) Perkhidmatan (<i>Services</i>)	6.06%	667,243,019.64
v) Kegunaan peribadi (<i>Personal consumption</i>)	2.43%	267,815,523.81
vi) Lain-lain (Syarikat equity dan institusi kewangan)	10.20%	1,117,725,931.20
Jumlah keseluruhan	100%	11,006,082,832.55

Sumber: ISBT, *Annual Report 2007*, hlm. 29

3.7.1 Hartanah dan pembinaan (*Real estate and construction*)

Didapati sektor hartanah dan pembinaan di Thailand masih lagi bertahan meskipun dalam keadaan ekonomi yang merosot.³⁹⁷ Sektor pembangunan adalah sangat penting bagi sesebuah negara membangun dan berdaya saing, justeru itu ISBT telah memilih untuk membuat pelaburan terhadap hartanah, perkilangan dan projek perumahan.³⁹⁸

3.7.2 Pembuatan (*Manufacturing*)

Sektor pembuatan adalah salah satu sektor penting di dalam menjana ekonomi negara bagi Thailand. Dari laporan tahunan keluaran Institusi Industri Ekonomi (*The*

³⁹⁷ Lihat The Office of Industrial Economics, http://www.oie.go.th/industrystatus1/r_MayJul43/3.doc, 06 Ogos 2009.

³⁹⁸ Iskamic Bank of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 29-30.

Office of Industrial Economics) secara kasar, sektor pembuatan meningkat naik 7.8 peratus pada tahun 2008 berbanding tahun 2007, manakala tahun 2007 pula meningkat 6.4 peratus berbanding tahun sebelumnya.³⁹⁹ Memandangkan kepentingan sektor ini justeru ISBT telah memilih untuk menceburkan diri dalam beberapa industri pembuatan seperti tekstil, kasut, barang-barang elektrik dan elektronik, besi serta bahan-bahan kimia bagi kegunaan tempatan, industri dan telekomunikasi.

3.7.3 Perdagangan (*Commercial*)

Sektor perdagangan sebagai penjana ekonomi utama Thailand, laporan tahunan OIE menunjukkan sektor perdagangan Thailand meskipun terjejas teruk akibat krisis ekonomi global akan tetapi masih boleh bertahan. Tahun 2008 sektor pengeksportan masih menunjuk peningkatan dengan kadar 21.7 peratus berbanding tahun 2007, manakala perdagangan dengan negara luar meningkat naik 27.7 peratus pada tahun sebelumnya. Tahun 2007, sektor pengeksportan meningkat naik 17.2 peratus berbanding tahun sebelumnya manakala perdagangan dengan negara luar juga meningkat naik 12.5 peratus berbanding tahun sebelum.⁴⁰⁰ Bagi sektor perdagangan, ISBT telah memilih untuk membuat pelaburan di dalam industri makanan halal sepertimana objektifnya untuk menjana ekonomi masyarakat Islam Thailand, selain itu makanan laut sejuk beku, tuna dalam tin, beras, rumpai laut, daging-ayam sejuk beku dan komponen elektronik serta besi mentah yang sememangnya menjadi elemen penting bagi sektor eksport untuk menjana keuntungan kepada Thailand juga turut menjadi pilihan ISBT.⁴⁰¹

³⁹⁹ The Office of Industrial Economics, http://www.oie.go.th/industrystatus1_th.asp, 06 Ogos 2009.

⁴⁰⁰ *Ibid.*

⁴⁰¹ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 30.

3.7.4 Perkhidmatan (*Services*)

Bagi sektor perkhidmatan pula, ISBT yang berperanan sebagai pemegang amanah masyarakat Islam sememangnya tidak lupa untuk mengambil bahagian bagi memenuhi keperluan masyarakat dengan mengadakan perkhidmatan umrah dan haji serta perjalanan visual untuk ditawarkan kepada para pelanggannya.⁴⁰²

3.7.5 Kegunaan peribadi (*Personal consumption*)

Di dalam sektor ini ISBT telah menawarkan para pelanggannya pembiayaan perolehan harta (peribadi) seperti rumah, kereta dan alat komputer sebagai satu usaha bagi memenuhi keperluan pasaran masyarakat tempatan.⁴⁰³

3.7.6 Lain-lain

Selain daripada sektor-sektor pelaburan di atas, bagi menyahut seruan arus pelaburan global, ISBT juga turut menjalankan pelaburan dalam syarikat ekuiti, syarikat pelaburan, perbadanan pengurusan dana serta institusi kewangan lain yang menawarkan pulangan pelaburan yang baik serta terjamin keselamatannya baik dari segi unsur-unsur yang ditegah Islam dan risiko kerugian yang tinggi.⁴⁰⁴

⁴⁰² Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 32.

⁴⁰³ *Ibid.*, 33-34.

⁴⁰⁴ Lihat Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005, 2006 dan 2007*.

3.8 Instrumen-Instrumen Pelaburan Islam di ISBT

Seperti bank-bank Islam di negara lain, pelaksanaan sistem bank ISBT dalam semua aspek perjalanan dan operasinya adalah berlandaskan kepada hukum dan peraturan syariah Islam. Hukum dan peraturan ini kebanyakannya adalah daripada kumpulan hukum dan peraturan ilmu fiqh yang berhubung dengan mu'amalah ekonomi, urusan bank dan kewangan.

Tidak dapat dinafikan bahawa semua ini datang daripada hasil gabungan tenaga dan usaha-usaha ulama' fiqh dan ahli ekonomi. Hukum dan peraturan mula disusun untuk diamalkan dan dilaksanakan melalui bank-bank dan institusi-institusi kewangan Islam yang sedang ditubuhkan di serata negara-negara Islam di seluruh dunia sejak awal penubuhan pertama bank Islam.

Bagi memastikan pelaburan yang dibuat ISBT tidak bercanggah dengan syariah Islam, hukum dan peraturan yang berkenaan selalu dikaji dan diteliti oleh Lembaga Penasihat Agama bank ISBT. LPA kemudian membimbing pihak pengurusan dan pegawai-pegawai ISBT dalam menjalankan tugas mereka untuk menyusun sistem perjalanan dan operasi serta kegiatannya dalam semua aspek.⁴⁰⁵

Prinsip-prinsip syariah Islam telah digunakan sebagai asas instrumen-instrumen pelaburannya. Instrumen-instrumen yang digunakan ini jelas terkandung di dalam terma-terma perjanjian yang dibuat.

⁴⁰⁵ Temu bual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, pada 23 April 2008, bertempat di bilik tamu Pejabat Induk ISBT, Bangkok; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 3.

Setakat ini ISBT telah menawarkan kepada pelanggan-pelanggannya sembilan jenis pelaburan. Kesemua jenis pelaburan masing-masing mempunyai syarat-syarat dan ciri tertentu mengikut prinsip produk syariah itu sendiri. Instrumen-instrumen yang diaplikasikan ISBT dalam bidang pelaburan akan dibincangkan di bawah.

3.8.1 Al-wad'iah

Wad'iah adalah satu perjanjian di antara pihak yang memiliki barang (wang) untuk disimpan barangnya pada pihak yang lain (termasuk bank) untuk tujuan penyimpanan dan dijaga keselamatannya.⁴⁰⁶

Wad'iah tanpa sebarang syarat adalah amanah (*yad am'nah*). Dalam hal ini, pihak yang menyimpan tidak bertanggungjawab ke atas kerosakan atau kehilangan barang tersebut yang bukan disebabkan oleh perbuatan atau kecuaiannya. Sekiranya pihak yang menyimpan meminta keizinan dari pemilik barang itu untuk menggunakannya atau terus menggunakannya tanpa izin, maka *wad'iah* adalah jaminan (*yad lam'nah*). Dalam hal ini, pihak yang menyimpan bertanggungjawab ke atas kerosakan atau kehilangan barang simpanan berkenaan.⁴⁰⁷

Dalam hal *wad'iah* berbentuk jaminan (*yad lam'nah*), semua manfaat dan keuntungan yang diperolehi dari penggunaan barang tersebut adalah menjadi hak pihak yang menyimpan.⁴⁰⁸

⁴⁰⁶ Ibn Qudamah (1981), *op cit.*, hlm. 75. Lihat juga Banchong bin Kasan (2003) "Bank Islam: Prinsip dan Operasi" *Islamic Bank Of Thailand*, ISBT et al., Bangkok: Thailand. h. 22-23; Persatuan Alumni Siswa Thailand di Pakistan dan Koperasi Islam Pattani Bhd. (1998), *op. cit.*, h. 45.

⁴⁰⁷ al-Syawkani (1978), *op. cit.*, h. 296.

⁴⁰⁸ al-Syirbani (1958), *op. cit.*, h. 311.

Di bank ISBT *wad'ĒÑah* diaplikasikan kepada akaun simpanan yang terbahagi kepada tiga jenis.⁴⁰⁹

3.8.1.1 *Wad'ĒÑah* simpanan

Merupakan sejenis akaun simpanan yang memerlukan persetujuan pendeposit untuk menyimpan wang di ISBT dengan tujuan untuk penyimpanan dan dijaga keselamatannya sahaja tetapi tidak membenarkan pihak bank mengambil wang yang disimpannya itu untuk tujuan pelaburan atau lain-lain. Bank ISBT bertindak sebagai pihak yang menyimpan dan akan mengenakan bayaran sebagai upah perkhidmatan urusan penyimpanan dan penjagaan wang itu.⁴¹⁰

3.8.1.2 *Wad'ĒÑah* semasa

Adalah sejenis akaun simpanan semasa yang diberi keizinan oleh pihak penyimpan supaya pihak bank boleh menggunakan wang simpanannya untuk tujuan pelaburan dan dijamin oleh bank untuk memulangkannya tanpa sebarang keuntungan dan pihak penyimpan berhak mengambilnya pada bila-bila masa sahaja. Untuk akaun simpanan *wad'ĒÑah* semasa ini pihak ISBT tidak akan mengenakan sebarang bayaran perkhidmatan terhadap penyimpannya.⁴¹¹

⁴⁰⁹ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *op. cit.*, h. 19-20.

⁴¹⁰ Banchong bin Kasan (2003), *op. cit.*, h. 23.

⁴¹¹ *Ibid.*

3.8.1.3 *Wad'ÉÑah* haji

Adalah sejenis simpanan untuk tujuan mengerjakan umrah dan haji.⁴¹² ISBT menawarkan akaun simpanan *wad'ÉÑah* haji bertujuan mengalakkan penyimpanan di kalangan khasnya umat Islam setempat. Dengan menyimpan / menabung dengan ISBT sekurang-kurangnya penyimpan dapat mengurangkan susut nilai wang simpanan mereka akibat inflasi selain mengerjakan haji adalah salah satu daripada rukun Islam bagi seseorang muslim.

3.8.2 *Al-MusyÉrah*

MusyÉrah adalah satu perjanjian perkongsian di antara dua atau lebih pemilik modal bagi menjalankan sesuatu projek perniagaan atau pelaburan iaitu mereka sama-sama bersetuju menyumbangkan modal dan berkongsi keuntungan atau kerugian. Modal yang disumbangkan hendaklah berupa wang atau harta benda lain yang boleh dinilai dengan wang. Semua modal yang disumbangkan hendaklah dicampurkan supaya semua modal tersebut menjadi hak projek berkenaan dan bukan lagi hak milik perseorangan bagi setiap pemilik modal.⁴¹³

Pengurusan projek berkenaan boleh dilakukan oleh kesemua pemilik modal atau oleh sebilangan dari mereka sahaja. Jika hanya sebilangan sahaja, mereka yang hendak menguruskan projek berkenaan perlu mendapatkan persetujuan pemilik-pemilik modal yang lain untuk berbuat demikian.⁴¹⁴

⁴¹² Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2003*, h. 23.

⁴¹³ Banchong bin Kasan (2003), *op. cit.*, h. 23.

⁴¹⁴ *Ibid.*

Keuntungan adalah dibahagikan antara pemilik-pemilik modal mengikut nisbah yang telah dipersetujui antara mereka terlebih dahulu. Nisbah pembahagian keuntungan antara mereka tidak semestinya mencerminkan nisbah sumbangan modal mereka dalam projek berkenaan. Dalam aspek kerugian jika berlaku hendaklah ditanggung bersama-sama di antara mereka mengikut nisbah sumbangan modal masing-masing.⁴¹⁵

Di bank ISBT, pelaburan melalui instrumen *musyÉrakah* terbahagi kepada dua⁴¹⁶ iaitu:

3.8.2.1 Pelaburan jangka masa panjang dan

3.8.2.2 Pelaburan jangka masa pendek

Melalui prinsip ini, pihak ISBT akan menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan atau firma-firma yang mengundang institusi ini sebagai rakan kongsi. Melalui instrumen *musyÉrakah* juga, ISBT telah menceburi pelaburan dalam pasaran hutang (*debt investment*) dan pasaran ekuiti. Malah, ISBT turut melabur dalam Bank Negara Thailand dan bank-bank lain serta dalam projek-projek jangka pendek yang dikendalikan oleh bank-bank komersial dan begitu juga dalam projek yang berkenaan dengan hartanah dan bangunan. Dengan prinsip *musyÉrakah*, ISBT bersama-sama rakan kongsinya membiayai projek pelaburan yang dibuat dan sebarang keuntungan akan dibahagikan mengikut Pengumuman Pembahagian Keuntungan Pelaburan ISBT. Keuntungan akan diumumkan kepada para pelanggannya setiap bulan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan dimaklumkan juga kepada para pendeposit serta pelabur ISBT

⁴¹⁵ *Ibid.*, h. 25-26.

⁴¹⁶ *Ibid.*

seperti yang telah dipersetujui kedua-dua belah pihak pada awal perjanjiannya tanpa sebarang kadar tetap.⁴¹⁷

3.8.3 Al-Muġġrabah

Muġġrabah di ISBT diaplikasikan sebagai Akaun Pelaburan *Muġġrabah*⁴¹⁸ sahaja. Di sini, masih belum ada pengaplikasian *muġġrabah* terhadap pembiayaan projek yang berasaskannya. Ini difahamkan terjadi kerana masalah kurang kefahaman tentang konsep *muġġrabah* oleh pihak kerajaan Thailand sendiri (Kementerian Kewangan).⁴¹⁹ Akaun Pelaburan *Muġġrabah* di ISBT terbahagi kepada dua kategori iaitu Akaun Pelaburan *Muġġrabah* Am dan Akaun Simpanan al-Ameen.

3.8.3.1 Akaun pelaburan *Muġġrabah* am⁴²⁰ mempunyai ciri-cirinya yang terdiri daripada:

- i. Pelaburan dalam akaun pelaburan *Muġġrabah* merupakan pelaburan yang mesti dikembalikan modalnya kepada pelanggan apabila genap tempoh kontrak.
- ii. Pelaburan yang berupa wang tunai menggunakan buku akaun iaitu bank akan mengeluarkan buku akaun pelaburan *Muġġrabah* sebagai bukti pelaburan tersebut.

⁴¹⁷ Islamic Bank of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 10.

⁴¹⁸ Daripada sumber temubual dengan pegawai pembangunan produk ISBT, prinsip *Muġġrabah* hanya diaplikasikan pada *Akaun Simpanan Muġġrabah* sahaja. Justeru, ISBT tidak ada penglibatan secara langsung dengan pembiayaan secara keseluruhan projek yang berasaskan *Muġġrabah*, ISBT hanya akan menggunakan simpanan itu sebagai sumber kepada produk pelaburannya.

⁴¹⁹ Temubual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah ISBT Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, Bangkok, Pada 25 April 2008, bertempat di Pejabat Induk ISBT di Daerah Wattana, Bangkok.

⁴²⁰ Islamic Bank of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 22-23; Jabatan Pembangunan Produk, ISBT, (t.t), *Staff Manual*. Bangkok: ISBT, h. 23-24.

iii. Modal pelaburan minimum tidak kurang daripada TBH 5,000 (lima ribu Bath) bersamaan dengan RM 500.

iv. Pihak bank tidak mengizinkan pelanggannya menarik balik wang pelaburan sebelum genap tempoh matang perjanjian atau sebelum ada pengumuman pembahagian keuntungan daripada pihak bank kecuali penarikan wang untuk menutup akaun atau membatalkan kontrak tersebut. Dalam hal ini, bank tidak akan membahagikan keuntungan kepada pelanggan.

v. Pihak bank akan mengambilkira hari penyerahan wang pelaburan sebagai hari pertama sehingga sampai hari genap tempoh akaun yang ditetapkan sebagai tarikh pengumuman dan penerimaan hasil pembahagian keuntungan mengikut jenis jangka masa akaun pelaburan iaitu tiga bulan, enam bulan dan 12 bulan.

vi. ISBT telah menawarkan nisbah pembahagian keuntungan kepada pelanggan yang melabur modalnya dalam akaun pelaburan *muĒrabah* iaitu paling minimum adalah 50 peratus (akuan pelaburan *muĒrabah* tiga bulan) daripada jumlah keseluruhan keuntungan setelah dipotong wang tabungan untuk jaminan kerugian dan hutang tidak terbayar (NPL) sebanyak lima peratus dari jumlah keuntungannya. Justeru, tempoh masa pelaburan yang dipilih untuk membuat pelaburan oleh pelanggan akan mempengaruhi dan menentukan kadar pembahagian keuntungan seperti keterangan yang dapat dilihat dalam jadual 3.2.

vii. Pihak bank akan membuat pengumuman pembahagian keuntungan setiap bulan

mengikut kadar peratus yang telah ditetapkan oleh bank yang dipersetujui oleh pendeposit pada awal penyerahan, wang pelaburan dibuat mengikut jenis tempoh masa akaun pelaburan.

Jadual 3.2 : Contoh kadar pembahagian keuntungan mengikut jenis jangka masa akaun pelaburan *MuĒrabah*.

Jenis Deposit	Nisbah keuntungan Pelanggan : Bank	Kadar pulangan (setahun)
Akaun muĒrabah tiga bulan	50 : 50	4.14
Akaun muĒrabah enam bulan	60 : 40	4.39
Akaun muĒrabah 12 bulan	70 : 30	4.69

*Sumber: ISBT Bahagian Pembangunan Produk, Bank Islam Thailand (Islamic Bank of Thailand), Cawangan Pusat, Bangunan Q-House Asok, Asok, Bangkok, Thailand : surat pemberitahuan produk akaun simpanan(saving account services' handbill).*⁴²¹

3.8.3.2 Akaun simpanan al-Ameen⁴²²

Akaun simpanan jenis ini mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan akaun pelaburan *MuĒrabah* am. Perbezaannya hanyalah dari sudut tempoh pembahagian keuntungan dan nisbah keuntungan bagi tempoh masa akaun.

- i. Pelaburan dalam akaun *al-Ameen* merupakan pelaburan yang mesti dikembalikan modalnya kepada pelanggan apabila genap tempoh kontrak.
- ii. Pelaburan yang berupa wang tunai menggunakan buku akaun iaitu bank akan mengeluarkan buku akaun pelaburan *al-Ameen* sebagai bukti pelaburan tersebut.

⁴²¹ Jabatan Pembangunan Produk, ISBT, (t.t), *op. cit.*, h. 21-23.

⁴²² Islamic Bank of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 22-23; Jabatan Pembangunan Produk, ISBT, (t.t), *op. cit.*, h. 23-24.

iii. Modal pelaburan minimum tidak kurang daripada TBH 500,000 (lima ratus ribu bath) bersamaan dengan RM 50,000.

iv. Pelabur dimestikan membuka satu akaun *wad'Ānah* untuk dipindahkan wang

keuntungannya apabila sampai tempoh waktu untuk setiap bulan.

v. Pihak bank tidak mengizinkan pelanggannya menarik balik sebahagian daripada wang pelaburan sebelum sampai tempoh perjanjian mengikut jenis tempoh akaun pelaburan iaitu enam bulan, 12 bulan, 24 bulan dan 36 bulan kecuali penarikan wang untuk menutup akaun atau membatalkan kontrak tersebut. Dalam hal ini, pihak bank akan menarik balik wang pembahagian keuntungan tiap-tiap bulan yang telah dipindahkan ke akaun *wad'Ānah*) dengan cara memotong wang pelaburan dalam akaun *al-Ameen* mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh pihak bank yang dipersetujui oleh pelabur pada awal penyerahan wang pelaburan dibuat.

vi. Bagi akaun pelaburan *al-Ameen*, keuntungan akan dibahagikan setiap bulan mengikut kadar peratusan yang telah ditetapkan oleh bank yang dipersetujui oleh pelabur pada awal penyerahan wang pelaburan dibuat mengikut jenis tempoh masa akaun pelaburan yang akan diumumkan pihak bank pada tarikh 16 haribulan setiap bulan.

vii. ISBT telah menawarkan nisbah pembahagian keuntungan kepada pelanggan yang melabur modalnya dalam Akaun *al-Ameen* paling minimum iaitu 50 peratus (akaun *al-Ameen* enam bulan) daripada jumlah keseluruhan keuntungan setelah

dipotong wang tabungannya sebagai jaminan kerugian dan hutang tak terbayar (NPL) mengikut tempoh akaun dan jumlah wang yang ditabung oleh pelabur.⁴²³ Justeru, tempoh masa pelaburan dan jumlah wang yang dipilih untuk membuat pelaburan oleh pelabur akan mempengaruhi dan menentukan kadar pembahagian keuntungan seperti keterangan yang dapat dilihat dalam jadual 3.3.

Jadual 3.3 : Contoh kadar pembahagian keuntungan mengikut jenis tempoh masa akaun dan jumlah wang yang dilabur dalam akaun *Al-Ameen*.

Jenis Deposit (tempoh masa akaun)	Jumlah wang pelaburan	Nisbah keuntungan Pelanggan : Bank
al-Ameen enam bulan	-TBH500,000 – kurang daripada 5,000,000	50 : 50
	-TBH5,000,000 dan lebih	54 : 46
al-Ameen 12 bulan	-TBH500,000 – kurang daripada 5,000,000	60 : 40
	-TBH5,000,000 dan lebih	64 : 36
al-Ameen 24 bulan	-TBH500,000 – kurang daripada 5,000,000	70 : 30
	-TBH5,000,000 dan lebih	74 : 26
al-Ameen 36 bulan	-TBH500,000 – kurang daripada 5,000,000	80 : 20
	-TBH5,000,000 dan lebih	84 : 16

Sumber : ISBT Bahagian Pembangunan Produk, Bank Islam Thailand (Islamic Bank of Thailand), Cawangan Pusat, Bangunan Q-House Asok, level M, 21,22, Sukhumvit Rd., Wattana District, Bangkok, Thailand : surat pemberitahuan produk akaun al-Ameen (al-Ameen saving account' handbill).

Prinsip *mu'Érabah* yang diaplikasikan oleh ISBT hanya digunapakai dalam bentuk akaun pelaburan (*mu'Érabah am* dan *al-Ameen*) sahaja. Justeru, tidak ada aplikasi *mu'Érabah* terhadap kegiatan pelaburan yang berbentuk penyediaan modal

⁴²³ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 23.; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 22-25.

selaku *rab al-mÉl* kepada pengusaha yang bertindak sebagai *muÉrib* bagi mengusahakan suatu perniagaan atau suatu projek secara keseluruhan⁴²⁴ sebagaimana yang diaplikasikan di kebanyakan bank Islam seluruh dunia. Ini kerana, ISBT merupakan sebuah bank milik kerajaan Thailand dan berada di bawah kawalan penuh Kementerian Kewangan Thailand yang perlu mematuhi garis undang-undang yang telah ditetapkan kerajaan. Buat masa sekarang, Kementerian Kewangan Thailand tidak mengizinkan ISBT untuk membuat sebarang kegiatan yang berbentuk penyediaan modal secara keseluruhan kepada pengusaha.⁴²⁵ Namun demikian, bukan bererti corak pelaburan ISBT akan terbantut di situ sebaliknya ISBT berusaha untuk mencari alternatif lain bagi bergiatkan diri dalam bidang pelaburan di samping menjana keuntungan yang maksimum seterusnya dapat mengembalikan keuntungan yang lumayan kepada para pelanggannya yang akan penulis membincang selanjutnya dalam bab iv kelak.

Bagi perkhidmatan pembiayaan seperti kelengkapan perindustrian untuk perniagaan, pembiayaan rumah, pejabat, tanah, kereta dan lain-lain ISBT telah menyediakannya dalam bentuk produk *al-bayÑ bithaman ÉjÊl*, *al-murÉbaÍah* dan *bayÑ al-ÑInÉh*'. Selain itu sebagai kemudahan bagi sektor import dan eksport seperti surat kredit dan surat jaminan, bil dan kontingen pula diaplikasikan dalam bentuk *bayÑ al-ÑInÉh*, *al-wakÉlah*, *al-kafalÉh* dan *bayÑ al-dayn* yang akan penulis terangkan seterusnya.⁴²⁶

⁴²⁴ Temubual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah ISBT Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, Bangkok, Pada 23 April 2008, bertempat di Pejabat Induk ISBT di Daerah Wattana, Bangkok.

⁴²⁵ Daripada sumber temubual dengan Tuansaleena Kubaha, terdapat kerisauan dari pihak Kementerian Kewangan Thailand tentang risiko yang ISBT bakal menghadapi apabila mengizinkan bergiat dalam menyediakan pelanggan perkhidmatan dalam bentuk tersebut, dan ini difahamkan akibat dari kekaburan fahaman tentang modus operandi pelaburan secara Islam oleh pihak Kementerian Kewangan Thailand meskipun pihak bertanggungjawab telah beberapa kali cuba untuk menjelaskan kepadanya.

⁴²⁶ *Ibid.*; Jabatan Pembangunan Produk, ISBT, (t.t), *op. cit.*, h. 21-23; Bank Islam Thailand (ISBT), http://www.isbt.co.th/th/services/2_financing.php, 15 Dec 2007.

3.8.4 BayÑ bi-Thaman ÓjÊl

BayÑ bithaman ÉjÊl adalah sejenis jualan harga tertangguh iaitu perjanjian jual beli barang tertentu di antara pemilik barang dan pembeli iaitu pemilik barang menyerahkan barang tersebut kepada pembeli dengan serta merta dan pembeli menanggung bayaran harga barang tersebut sehingga suatu tempoh yang tertentu atau membuat bayaran secara ansuran. Tempoh bayaran ansuran serta jumlah bayaran ansuran adalah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak sebelum mengadakan majlis akad.⁴²⁷

Harga dalam jualan tangguh boleh ditetapkan pada paras yang lebih tinggi berbanding dengan paras harga bagi bayaran tunai. Tetapi selepas dipersetujui dan dimeteraikan dalam perjanjian, harga tersebut tidak boleh diubah-ubah lagi.⁴²⁸

Bagi pelanggan yang ingin memperolehi harta tetap sama ada yang tidak bergerak seperti tanah dan rumah ataupun yang bergerak seperti alat jentera, kenderaan, peralatan industri, mesin dan sebagainya, mereka juga boleh berbuat demikian melalui ISBT. ISBT akan membeli barangan berkenaan terlebih dahulu sebelum menjualkannya kembali kepada pengusaha dengan bayaran secara ansuran dan ditambah dengan keuntungan berlandaskan kepada hukum Jualan Harga Tertangguh. Harga yang dibiayai tadi meliputi beberapa perkara seperti :⁴²⁹

- kos sebenar harta yang telah dibayar oleh bank.
- margin keuntungan untuk bank

⁴²⁷ Banchong bin Kasan (2003), *op. cit.*, h. 23.

⁴²⁸ *Ibid.*, h. 23-24.

⁴²⁹ Banchong bin Kasan (2003), *op. cit.*, h. 22-25.

Ini bermakna pihak pelanggan akan menanggung bayaran harga tersebut sehingga suatu tempoh tertentu dan menjelaskan harga tersebut secara ansuran. Kaedah ini juga diaplikasikan oleh ISBT untuk membeli saham-saham hutang dan bon.⁴³⁰

ISBT telah mengaplikasikan prinsip *bayÑ bi-thaman ÉjÊl* dan menawarkannya dalam bentuk produk pembiayaan perolehan harta berasaskan harga tertanggung yang berbahagi kepada dua kategori⁴³¹ iaitu:

3.8.4.1 Pembiayaan memperolehi kediaman (*Home Financing*)

Pembiayaan ini adalah untuk kegunaan sendiri yang berasaskan harga tertanggung (*BayÑ Bithaman AjÊl Financing for Consumer*) dan terbahagi pula kepada tiga bentuk iaitu :

- i. Pembiayaan memperolehi kediaman (*Home Financing*).
- ii. Pembiayaan untuk membangun, membaiki dan meluaskan kediaman.
- iii. Pembiayaan untuk menebus semula kediaman.

Di bawah adalah ciri-cirinya:

(1) Modus operandi ISBT berdasar prinsip *bayÑ bithaman ajÊl*:

Dalam perkhidmatan pembiayaan perolehan harta sama ada untuk kegunaan sendiri ataupun untuk perniagaan yang berasaskan konsep *bayÑ bithaman ajÊl* (jualan harga tertanggung) ini, pihak bank ISBT akan bertindak sebagai pembeli harta yang

⁴³⁰ *Ibid.*

⁴³¹ Bank Islam Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 21-23.

dikehendaki oleh pelanggan. Seterusnya kedua-dua pihak membuat persetujuan mengenai tempoh penangguhan bayaran atau cara pembayaran serta kadar keuntungan. Kemudian, bank akan menjual balik harta tersebut kepada pelanggan dengan harga yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak yang meliputi kos asal harta tersebut oleh bank dan tambahan untung bank.⁴³²

(2) Kriteria-kriteria pelanggan yang ditetapkan oleh ISBT

Sebagai jaminan dan mengurangkan risiko perniagaannya, bank ISBT telah menetapkan syarat-syarat kelayakan pelanggan.

- i. Pelanggan mesti berkerja dan mempunyai pendapatan tetap
- ii. Baligh mengikut undang-undang Thailand⁴³³
- iii. Berumur tidak melebihi 60 tahun bagi pembiayaan memperoleh kediaman untuk penambahan tempoh penangguhan bayaran atau cara bayaran ansuran, dan tidak melebihi 65 tahun bagi pembiayaan memperoleh harta untuk perniagaan.
- iv. Tidak berada dalam senarai hitam berkenaan kewangan⁴³⁴

Berikut jadual 3.4 adalah contoh kadar kiraan keuntungan ISBT bagi pembiayaan memperoleh kediaman.

⁴³² Islamic Bank Of Thailand (ISBT), <http://www.isbt.co.th/th/services/product/home.php>, 3 Mac 2008.

⁴³³ Akta 19 “Seseorang akan menjadi baligh apabila genap umur 20 tahun”. Undang-undang Sivill dan Komersil (Thailand), 1997, (Akta no. 19, 1997).

⁴³⁴ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), <http://www.isbt.co.th/th/services/product/home.php>, 3 Mac 2008.

Jadual 3.4 Contoh kadar kiraan keuntungan ISBT bagi pembiayaan perolehan kediaman.

Kadar kiraan keuntungan ISBT bagi pembiayaan memperolehi kediaman						
Tempoh masa/ pilihan	Kadar keuntungan (peratus) / tahun					
	Tahun pertama	Tahun kedua	Tahun ketiga	Tahun tiga -10	Tahun ke-11-20	Tahun 21-30
1. Kadar pembiayaan lebih dari 90% tidak melebihi 100% daripada harga membeli / harga kira untung	5.50	7.25	8.75	10.25	11.25	12.25
2. Kadar pembiayaan lebih dari 70% tidak melebihi 90% daripada harga membeli / harga kira untung	4.75	6.50	7.75	9.25	10.50	11.50
3. Kadar pembiayaan lebih dari 70% daripada harga membeli / harga kira untung	4.50	6.25	7.25	8.75	10.00	11.00

Sumber : Staff Manual, ISBT Bahagian Pembangunan Produk, Bank Islam Thailand (Islamic Bank of Thailand), Cawangan Pusat, Bangunan Q-House Asok, Bangkok, Thailand.

3.8.4.2 Pembiayaan perolehan harta untuk perniagaan

Pembiayaan perolehan harta untuk perniagaan berasaskan harga tertanggung (*BayÑ Bithamal Ójil Financing for Business*) juga dikenali sebagai pembiayaan jangka masa (*Term Financing Facilities*) terbahagi kepada tiga jenis seperti berikut:

- i. Pembiayaan perolehan premis kedai (*Shop-House Financing*)
- ii. Pembiayaan perolehan hartanah untuk perniagaan (*Land Financing*)
- iii. Pembiayaan perolehan kilang berserta jentera (*Factory & Machine Financing*)

(1) Kriteria-kriteria pelanggan yang ditetapkan oleh ISBT

Bank ISBT telah menetapkan syarat-syarat kelayakan pelanggan bagi pembiayaan jenis untuk menjamin pulangan dan mengurangkan risiko perniagaannya.

- i. Pelanggan adalah pengusaha atau peniaga tidak kurang daripada tiga tahun.
- ii. Perniagaan sendiri atau secara kongsi
- iii. Tidak berada dalam senarai hitam berkenaan kewangan⁴³⁵

Berikut merupakan jadual contoh kadar kiraan keuntungan ISBT bagi produk pembiayaan perolehan harta untuk perniagaan.

Jadual 3.5: Contoh kadar kiraan keuntungan ISBT bagi pembiayaan perolehan harta untuk perniagaan.

Jenis perkhidmatan	Tempoh bayaran tertinggi / mengikut kadar pembiayaan	Syarat-syarat tambahan
Pembiayaan jangka masa	10 tahun	Pembayaran dibuat pada bulan pertama perjajian bagi pembiayaan membina dan membangun harta tidak beralih kecuali pembayaran pokok tidak melebihi 12 bulan
Pembiayaan untuk membangun harta tidak boleh alih (harta melekat)	5 Lima tahun	

Sumber : ISBT Bahagian Pembangunan Produk, Cawangan Pusat, Bangunan Q-House Asok, level M, 21,22, Sukhumvit Rd., Wattana District, Bangkok, Thailand : surat pemberitahuan produk-produk pembiayaan (ISBT Financing Facilities' handbill).

⁴³⁵ ISBT, Bahagian Pembangunan Produk (t.t), *op. cit.*, 21-23.

Jadual 3.5 sambungan

Pembiayaan pusingan	Satu tahun	Boleh memohon untuk melanjutkan kadar jumlah pembiayaan
Bil dan Komitmen (Bill & commitment)	Satu tahun	

Sumber : ISBT Bahagian Pembangunan Produk, Bank Islam Thailand (Islamic Bank of Thailand), Cawangan Pusat, Bangunan Q-House Asok, level M, 21,22, Sukhumvit Rd., Wattana District, Bangkok, Thailand : surat pemberitahuan produk-produk pembiayaan (ISBT Financing Facilities' handbill).

3.8.5 BayÑ al-ÑInÉh (BAI)

ISBT juga mengaplikasikan prinsip *bayÑ al-inÉh* sebagai salah satu instrumen pelaburannya. Bank akan menjual asetnya terlebih dahulu kepada pelanggan secara hutang atau harga tertanggung dan kemudiannya membeli semula aset tadi secara tunai pada harga diskaun dari pelanggan berkenaan.⁴³⁶

Melalui instrumen *BAI* ini, ISBT dapat membantu meringankan beban masalah kewangan pelanggan seperti bayaran pendahuluan rumah atau kenderaan, melabur, melancong, mengubahsuai rumah, menunaikan fardu haji dan terbaru ialah skim pembiayaan kerjaya.⁴³⁷

ISBT telah mengaplikasikan prinsip *bayÑ al-ÑinÉh* dan menawarkannya dalam bentuk produk pembiayaan yang berbahagi kepada lima kategori seperti yang di bincangkan di bawah.

⁴³⁶ Temubual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah ISBT Bahagian Pembangunan Product, Pejabat Induk ISBT, Bangkok, Pada 23 April 2008, bertempat di Pejabat Induk ISBT di Daerah Wattana, Bangkok; ISBT, Bahagian Pembangunan Produk (t.t), *op. cit.*, h. 21-23; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), http://www.isbt.co.th/th/services/2_financing.php, 15 Dec 2007.

⁴³⁷ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), risalah berkenaan BAI.

3.8.5.1 Pembiayaan memperoleh harta untuk kegunaan peribadi (*BayÑ al-ÑInÉh Financing for Consumer*)

Pembiayaan ini merangkumi beberapa perkara seperti yang dinyatakan di bawah iaitu:⁴³⁸

- i. Pembiayaan perolehan kenderaan (*Car Financing*).
- ii. Pembiayaan perolehan harta untuk kegunaan peribadi seperti komputer, alat-alat elektrik, perabot dan lain-lain (*Consumer Financing*).
- iii. Pembiayaan perjalanan (*Tour Financing*) yang terbahagi kepada:
 - (1) Pembiayaan Umrah dan Haji
 - (2) Pembiayaan Pelancongan
 - (3) Pembiayaan Pelancongan Pendidikan (*Education Visual*)
- iv. Pembiayaan Wang Kegunaan Peribadi (*Personal Financing*)

3.8.5.2 Pembiayaan memperoleh harta untuk perniagaan (*BayÑ al-ÑInah Financing for Business*)

Manakala, pembiayaan jenis ini pula meliputi hal-hal seperti berikut:

- i. Pembiayaan untuk pembinaan (*Asset Construction Financing*)
- ii. Pembiayaan untuk membina kilang (*Factory Construction Financing*)
- iii. Pembiayaan untuk menebus balik aset (*Asset Refinance*)

3.8.5.3 Pembiayaan dana pusingan untuk perniagaan (*BayÑ al-ÑInÉh Revolving Facilities*)

- i. Pembiayaan modal pusingan (*Working Capital Financing*)

⁴³⁸ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005-2007*, h. 27-28; ISBT, Bahagian Pembangunan Produk (t.t), *op. cit.*, h. 21-23; Bank Islam Thailand (ISBT), http://www.isbt.co.th/th/services/2_financing.php, 15 Dec 2007.

- ii. Pembiayaan wang tunai (*Cash Line Financing*)
- iii. Pembiayaan membangunkan projek berbentuk harta tidak beralih

3.8.5.4 Pembiayaan untuk pekerjaan (*BayÑ al-ÑInÉh Microfinance*)

Pembiayaan untuk pekerjaan (*BayÑ al-ÑInÉh Microfinance*) yang ditawarkan oleh bank ISBT merupakan pembiayaan polisi (*Policy Financing*) dalam bentuk biayaan pekerjaan ataupun kemahiran hidup. Perkhidmatan pembiayaan polisi ini diperkenalkan kepada masyarakat pada tahun 2005 dengan nama *Microfinance*. *Microfinance* merupakan satu projek ISBT di bawah pengurusan Lembaga Jawatankuasa Tinggi lama yang khusus untuk membiayai para usahawan di tiga wilayah selatan Thailand iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat bagi tujuan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi di kawasan berkenaan. Namun begitu, projek berkenaan telah dihentikan pada tahun berikutnya berikutan prestasi kewangan yang kurang baik pada permulaan tahun penubuhannya.⁴³⁹

3.8.5.5 Perkhidmatan pembiayaan untuk perdagangan luar negara

Selain daripada itu, ISBT juga telah mengaplikasikan prinsip *bayÑ al-ÑinÉh* ini dalam memberi kemudahan kepada pelanggan bagi perdagangan luar negara dan eksport iaitu Pembiayaan Mengeksport Barangan Perdagangan (*Packing Credit*).⁴⁴⁰

Bagi menjamin urusan perniagaan tersebut selamat daripada unsur-unsur ribÉ, mampu menjamin pulangan dan mengurangkan risiko perniagaan, bank ISBT telah

⁴³⁹ Temu bual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, pada 23 April 2008, bertempat di bilik tamu Pejabat Induk ISBT, Bangkok.; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 22.

⁴⁴⁰ ISBT, Bahagian Pembangunan Produk (t.t), *op. cit.*, h. 21-23

menetapkan syarat-syarat dan kriteria-kriteria pelanggan tertentu bagi produk pembiayaan jenis ini.

i. Kriteria-kriteria pelanggan yang ditetapkan oleh ISBT :⁴⁴¹

(1) Pelanggan adalah pengusaha atau peniaga yang tidak kurang daripada tiga tahun pengalaman.

(2) Perniagaan sendiri atau secara perkongsian

(3) Baligh mengikut undang-undang Thailand⁴⁴²

(4) Tidak tersenarai hitam atau mempunyai hutang yang boleh diisytihar muflis.

ii. Kadar kiraan keuntungan dan bayaran :⁴⁴³

(1) Kadar kiraan keuntungan adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh ISBT

(2) Kadar bayaran penyeliaan dan ketetapan harga harta adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh ISBT.

iii. Tempoh masa pembayaran⁴⁴⁴

(1) Tidak melebihi 10 tahun

(2) Pelanggan membuat bayaran setiap bulan dan mengambil kira bulan yang mengadakan perjanjian sebagai bulan pertama membuat bayaran.

⁴⁴¹ ISBT, Bahagian Pembangunan Produk, Surat pemberitahuan produk-produk pembiayaan (*ISBT Financing Facilities' handbill*).


⁴⁴² Undang-undang Sivil dan Komersil (Thailand), 1997, (Akta no. 19, 1997).

⁴⁴³ ISBT, Bahagian Pembangunan Produk, Surat pemberitahuan produk-produk pembiayaan (*ISBT Financing Services' handbill*).

⁴⁴⁴ *Ibid.*

Berikut adalah rajah pernyataan rangka operasi ISBT berlandaskan *BBA* dan *BAI*.

Rajah 3.5 : Contoh pernyataan rangka operasi bank ISBT berlandaskan *BBA* dan *BAI*.



Sumber : ISBT, Buku yang dicetak khas sebagai cenderamata pada hari perlawanan Bank Islam Thailand pada 18 Ogos 2003, hlm. 24.

Penerangan mengenai rajah di atas dinyatakan seperti berikut :

(1) Pelanggan (pembeli) mengadakan persetujuan butiran harta dan harga dengan penjual.

(2) Pihak bank membeli harta yang dikehendaki oleh pelanggan dari penjual dengan harga tunai dan membuat perjanjian harta tersebut dan menjadi hak milik bank.

(3) Bank menjualnya kepada pembeli dengan mengenakan harga untung dari kaedah ansuran.

(4) Pembeli membayar kepada bank secara ansuran.

(5) Memindah hak milik harta kepada pembeli setelah habis membuat pembayaran.

3.8.6 BayÑ al-Dayn

BayÑ al-dayn merupakan satu lagi prinsip syariah Islam yang diaplikasikan oleh ISBT bagi menampung keperluan dan kemudahan pelanggan khususnya masyarakat Islam di Thailand sendiri dalam urusan perniagaan serta perdagangan dalam dan luar negara. Dua mekanisme perkhidmatan yang terdapat di ISBT akan dibincangkan seterusnya.⁴⁴⁵

⁴⁴⁵ ISBT, Bahagian Pembangunan Produk (t.t), *op. cit.*, h. 21-23.

3.8.7.1 Pembiayaan perniagaan berkenaan bil dan kontingen (*Bills & Contingents*)

ISBT akan mengikuti beberapa langkah⁴⁴⁶ menggunakan prinsip *bayÑ al-dayn* sebagai instrumennya berkenaan bil diskaun (*discounted Bills*).

i. Pelanggan (penjual atau pembekal) akan mengeluarkan bil apabila menjual barangnya secara kredit kepada pembeli. Pelanggan perlu menunggu hingga tempoh yang tercatat di dalam bil sebelum dapat menerima bayaran untuk barangan yang dijualnya.

ii. Pelanggan akan menyediakan dokumen berkenaan jual beli tersebut dalam bentuk perjanjian jual beli atau surat kredit. Kemudian, mengemukakannya kepada bank. Bank memproses dan menghantar dokumen yang disediakan oleh pelanggan tadi kepada bank bagi pihak pembeli.

iii. Pelanggan mengeluarkan dokumen baru dalam bentuk bil dan bank membeli dokumen tersebut daripada pelanggan dengan harga diskaun (potongan harga mengikut hukum *bayÑ al-dayn*) yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Kemudian, bank akan segera masukkan bayaran ke akaun pelanggan.

⁴⁴⁶ ISBT, Bahagian Pembangunan Produk (t.t), *op. cit.*, h. 21-23.

iv. Pelanggan membayar balik harga barangan tersebut seperti yang tercatat dalam bil penerimaan mengikut tempoh masa dan cara yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

3.8.7.2 Produk *bayÑ al-dayn* untuk perdagangan

Bagi menggalakkan aktiviti perdagangan yang menggunakan instrumen kewangan Islam, kebanyakan bank Islam mengaplikasikan instrumen *bayÑ al-dayn* ini di dalam kegiatan berikut :

- i. Import dan pembelian dalam negara (*BPSI-pembelian*)
- ii. Eksport dan perjualan dalam negara (*BSSI-penjualan*)

ISBT telah mengaplikasikan *bayÑ al-dayn* dengan menawarkan pelanggan kemudahan untuk sektor eksport sahaja iaitu kaedah pembiayaan untuk membeli bil bagi tujuan eksport (*Foreign Bill Purchased*). Dengan menggunakan prinsip *bayÑ al-dayn*, bank ISBT akan bertindak seperti berikut :⁴⁴⁷

(1) Pelanggan (pengekspor atau pembekal) mengeluarkan bil atau semua dokumen berkenaan barangan yang dieksport atau bekalan tersebut yang kemudiannya diserahkan kepada ISBT.

(2) ISBT membeli bil tersebut daripada pelanggan dengan kadar harga dan cara mengikut persetujuan kedua-dua belah pihak di bawah prinsip *bayÑ al-dayn*.

⁴⁴⁷ ISBT, Bahagian Pembangunan Produk (t.t), *op. cit.*, h. 23.

(3) ISBT akan menghantar dokumen-dokumen tersebut kepada bank bagi pihak pembeli untuk diproses.

(4) Bank bagi pihak pembeli akan memberitahu pembeli tentang dokumen tersebut.

(5) Bank bagi pihak pembeli akan mengeluarkan dokumen dan ISBT akan menerima bayaran daripada bank pihak pembeli.

3.8.7 Al-MurÉbaÁah

Kebanyakan bank Islam akan mengaplikasikan prinsip *murÉbaÁah* dalam urusan biayaan pelanggan bagi perolehan harta tetap sama ada yang tidak beralih seperti tanah dan rumah atau yang boleh beralih seperti alat jentera, kenderaan dan sebagainya. Bank akan menjalankan operasinya berlandaskan hukum Jualan Dengan Tambahan Untung. Berdasarkan prinsip *murÉbaÁah* bank akan membeli harta yang dikehendaki oleh pelanggan kemudian menjual harta tersebut kepada pelanggan dengan harga yang dipersetujui kedua-dua pihak yang meliputi kos asal harta yang dibayar oleh bank dan tambahan keuntungan bank.⁴⁴⁸

Prinsip *murÉbaÁah* telah diaplikasikan oleh ISBT dengan menawarkan pelanggan hanya satu bentuk produk sahaja iaitu pembiayaan untuk mengimport barang perdagangan (*Trust Receipt*). *Trust receipt* atau resit amanah adalah kemudahan

⁴⁴⁸ Abd. Ghafar Ismail et. al (1993), *Bank Perdagangan Di Malaysia Struktur Dan Pengurusan Dana*, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 58-59.

pembiayaan untuk perdagangan dalam dan juga luar negara di bawah prinsip *murÉbaÁah*. Dalam hal ini, ISBT akan bertindak seperti berikut :⁴⁴⁹

- i. ISBT melantik pelanggan sebagai wakilnya untuk membeli barang dagangan yang dikehendaki pelanggan bagi pihak bank.

- ii. Apabila berlaku penyerahan barang dagangan tersebut, bank akan membuat pembayaran harga barangan dagangan tersebut mengikut senarai barangan (*invoice*).

- iii. ISBT akan membeli barang dagangan tersebut daripada pelanggan pada harga mengikut senarai barangan dan menjual balik kepada pelanggan atas bentuk bayaran ansuran dengan keuntungan bank sekali.

- iv. Bentuk bayaran secara ansuran tersebut merupakan hutang kepada pelanggan dalam bentuk bil pertukaran (*Bill of Exchange*) yang akan dikeluarkan pihak bank dengan dipersetujui oleh pelanggan dengan kadar bayaran dan tempoh masa tertentu.

- v. Bank akan memegang resit amanah hingga tempoh tamat pembayaran.

- vi. Pelanggan membuat pembayaran mengikut tempoh masa yang telah dipersetujuinya, apabila selesai membuat pembayaran bank akan menyerahkan resit amanah kepada pelanggan sebagai tamat urusan perniagaannya.

⁴⁴⁹ Banchong bin Kasan (2003), *op. cit.*, h. 23-25.

ISBT telah menetapkan kriteria-kriteria bagi pelanggan yang ingin menggunakan perkhidmatan tersebut seperti berikut:

- i. Pelaburan dalam produk *al-MurÉbaÍÉh* yang ditawarkan oleh ISBT merupakan perkhidmatan kemudahan berbentuk pembiayaan untuk mengimport barangan perdagangan sahaja.
- ii. Pemohon mestilah berkeelayakan sebagai ahli perniagaan tidak kurang daripada tiga tahun, syarikat atau individu yang baligh mengikut undang-undang Thailand, mestilah tidak tersenarai hitam berhubung kewangan atau diisytihar muflis.
- iii. ISBT akan mengambil untung, mengenakan bayaran dan menaksir nilai aset mengikut ketetapan bank.
- vi. Tempoh pembayaran dan kadar bayaran seperti keterangan yang dapat dilihat dalam jadual 3.6⁴⁵⁰

3.8.8 Al-WakÉlah

Seperti bank-bank Islam lain, ISBT juga turut menawarkan kepada pelanggannya satu perkhidmatan pembiayaan untuk perdagangan (*Trade Financing Facilities*) berkenaan dengan import dan eksport.⁴⁵¹

⁴⁵⁰ ISBT, Bahagian Pembangunan Produk , Surat pemberitahuan produk-produk pembiayaan (*ISBT Financing Services' handbill*).

⁴⁵¹ ISBT, Bahagian Pembangunan Produk (t.t), *op. cit.*, h. 23.

Oleh yang demikian, ISBT telah menggunakan prinsip *al-wakÉlah* dalam kedua-dua jenis perkhidmatan pembiayaan tersebut.

3.8.8.1 Perkhidmatan Pembiayaan Berkenaan Import.

- i. Surat Kredit (*Letter of Credit*)
- ii. Bil Pungutan WakÉlah (*Bill for Collection Wakalah*)⁴⁵²

3.8.8.2 Perkhidmatan Pembiayaan Berkenaan Eksport.

- i. Pemindahan Surat Kredit (*Advising of Letter of Credit or Amendment*)
- ii. Pemindahan Surat Kredit (*Advising of Letter of Credit Trans*)
- iii. Pungutan Bil Eksport (*Outward Foreign Bill for Collection*)⁴⁵³

Operasi berkenaan surat kredit berdasarkan instrumen *al-wakÉlah* yang dilaksanakan di ISBT adalah seperti berikut:

- i. Pelanggan memberitahu bank tentang jenis dan sifat-sifat barang yang hendak diimport atau eksport serta syarat-syarat pengeluaran surat kredit atau bil.
- ii. Pelanggan membayar harga barangan tersebut dengan sepenuhnya kepada bank dan bank memasukkannya ke dalam akaun deposit dengan berlandaskan hukum wadÉÑah.
- iii. Bank seterusnya mengeluarkan surat kredit atau bil berkenaan.

⁴⁵² *Ibid.*,

⁴⁵³ ISBT, Bahagian Pembangunan Produk (t.t), *op. cit.*, h. 23-24.

- iv. Apabila bank menerima dokumen-dokumen mengenai perundingan surat kredit atau bil berkenaan, bank menjelaskan bayaran dengan menggunakan wang pelanggan dari akaun deposit yang telah disebutkan.
- v. Bank mengenakan ke atas pelanggan komisyen sebagai upahan dan perbelanjaan bagi pengurusan yang berkaitan dengan kemudahan dan khidmat surat kredit atau bil.
- vi. Bank menyerahkan dokumen-dokumen bersangkutan kepada pelanggan.⁴⁵⁴

3.8.9 Al-KafÉlah

Manakala, bagi prinsip *al-KafÉlah* pula telah diaplikasikan oleh ISBT dalam satu jenis perkhidmatan pembiayaan perdagangan dalam dan juga luar negara.⁴⁵⁵

3.8.9.1 Perkhidmatan pembiayaan perdagangan dalam negara

- i. Surat jaminan bank (*Bank Guarantee*)
- ii. Terima dan bil sokongan (*Accept & Aval Bills*)
- iii. Surat kredit dalam negara (*Domestic Letter of Credit*)

3.8.9.2 Perkhidmatan pembiayaan perdagangan luar negara

Perkhidmatan pembiayaan perdagangan luar negara berdasarkan prinsip *al-KafÉlah* telah diaplikasikan oleh ISBT kepada produk pembiayaan di bahagian import

⁴⁵⁴ ISBT, Bahagian Pembangunan Produk (t.t), *op. cit.*, h. 23-24.

⁴⁵⁵ ISBT, Bahagian Pembangunan Produk (t.t), *op. cit.*, h. 24.

sahaja dan hanya satu produk iaitu perkhidmatan berkenaan surat jaminan berkenaan dengan perkapalan atau surat penghantaran (*Shipping Guarantee or Delivery Order*).

Di ISBT, operasi berkenaan dengan surat jaminan berdasarkan instrumen *al-kafÉlah* yang dijalankan adalah seperti berikut:⁴⁵⁶

- i. Pelanggan membuat permohonan kepada bank supaya bank mengeluarkan surat jaminan terhadap tanggungjawab pelanggan berkenaan kegiatan perkapalan atau surat penghantaran terhadap pihak ketiga.
- ii. Bank mengeluarkan surat jaminan kepada pihak yang ketiga iaitu bank bersetuju menerima tanggungjawab menjelaskan bayaran berkenaan kegiatan perkapalan atau surat penghantaran bagi pihak pelanggan.
- iii. Bank mensyaratkan pelanggan meletakkan sejumlah deposit ke dalam akaun yang akan diterima oleh pihak bank berlandaskan hukum *wadÉÑah*.
- iv. Bank mengenakan bayaran ke atas pelanggan yang berlandaskan hukum upahan dan perbelanjaan pengurusan yang berkaitan dengan kemudahan khidmat ini.
- v. Bank menyerahkan dokumen-dokumen bersangkutan kepada pelanggan.

Berikutnya adalah contoh ketetapan tempoh masa pembayaran dan kadar bayaran pembiayaan dalam negara (*domestic*) yang ditawarkan ISBT.

⁴⁵⁶ *Ibid.*, h. 24-25.

Jadual 3.6 : Contoh ketetapan tempoh masa pembayaran dan kadar bayaran perkhidmatan pembiayaan dalam negara (*domestic*) yang ditawarkan kepada pelanggan oleh ISBT.

Perkhidmatan Jenis Pelaburan (pembiayaan)	Tempoh membuat pembayaran maksimum / tempoh kadar kredit	Syarat tambahan
Pelaburan (pembiayaan) jangka masa	10 tahun	Pembayaran pertama dibuat semasa perjanjian dibuat bagi pembiayaan untuk pembinaan dan pembiayaan projek aset tidak beralih layak untuk bayaran pokok tidak lebih dari 12 bulan atau mengikut persetujuan pihak bank.
Pelaburan (pembiayaan) projek aset tidak beralih	5 tahun	
Pelaburan (pembiayaan) pusingan modal	1 tahun	Boleh memohon untuk menyambungkan jumlah kredit
Bil dan Kontingen (Bills & Contigents)	1 tahun	

Sumber : ISBT Bahagian Pembangunan Produk, Bank Islam Thailand (Islamic Bank of Thailand), Cawangan Pusat, Bangunan Q-House Asok, level M, 21,22, Sukhumvit Rd., Wattana District, Bangkok, Thailand : surat pemberitahuan produk Pelaburan untuk Pembiayaan (Financing Services' handbill).

3.9 Kesimpulan

Meskipun baru beberapa tahun beroperasi, ISBT tidak menyempitkan operasi pelaburannya kepada satu sektor sahaja. Malah, melalui pengaplikasian prinsip-prinsip muÑÉmalah Islam ISBT cuba untuk meluaskan bidang pelaburannya.

Dari tahun ke tahun, ISBT cuba memperkembangkan operasinya mengikut penyesuaian dan keperluan masyarakat dengan melihat kepada keadaan ekonomi semasa agar setaraf dan berdaya saing dengan bank-bank perdagangan lain yang sedia ada.

Sungguhpun masih belum banyak sektor pelaburan yang diterokai namun, ISBT cuba untuk mempelbagaikannya. Usaha-usahanya merangkumi faedah untuk jangka masa panjang dan ada yang hanya mengambil masa yang pendek. Sektor pembuatan, hartanah, pembinaan, makanan halal, import dan eksport adalah perkhidmatan yang merupakan sumber utama pendapatannya. Ini semua dilaksanakan bagi memastikan agensi ini sentiasa mendapat pulangan yang maksimum bagi meningkatkan lagi aset semasanya serta merealisasikan matlamat sebenar. Selain itu, ianya juga sebagai satu langkah keselamatan seandainya terdapat satu sektor yang mengalami kerugian, ISBT masih lagi boleh meraih keuntungan melalui sektor-sektor lain yang diceburinya.

Mungkin ISBT masih belum mampu sebaiknya untuk menjalankan fungsi-fungsi penuh sebagai sebuah institusi kewangan yang menyediakan dana untuk pelabur individu. Namun begitu, ISBT cuba untuk mengaplikasikan prinsip syariah seboleh yang mungkin untuk ditawarkan kepada pelanggan agar dapat menampung keperluan dan memberi sumbangan kepada sektor pelaburan seperti melabur dalam sektor industri makanan halal dan perdagangan dalam dan juga luar negara.

BAB IV

BAB IV

ANALISIS PELAKSANAAN PELABURAN ISLAM DI ISBT: PRESTASI, KESAN DAN MASALAH

4.1 Pengenalan

Sungguhpun baru lima tahun ditubuhkan, kehadiran ISBT sebagai satu-satunya institusi perbankan pelaburan Islam di Thailand dilihat semakin berkembang maju. Dengan sektor pelaburan yang semakin membesar dan diiringi dengan rekod keuntungan yang meningkat dari tahun ke tahun, ISBT semakin gah di persada korporat tanah air dan juga mula dikenali negara luar.

Kejayaan ini bukan sekadar cakap-cakap kosong tetapi dibuktikan dengan prestasi kewangan yang dilampirkan di dalam laporan-laporan tahunannya yang diakui dan disahkan oleh Ketua Audit Negara Thailand.⁴⁵⁷ Prestasi yang membanggakan ini sudah tentu tidak akan tercapai sekiranya tiada penyertaan dan kesungguhan jabatan-jabatan di dalam ISBT sendiri yang menjadi pemangkin ke arah merealisasikan cita-cita ISBT untuk meraih keuntungan yang maksimum serta diredhai Allah s.w.t.

Fenomena ini adalah hasil daripada pengemblengan usaha yang gigih daripada setiap bahagian dan jabatan yang berada di bawah ISBT sama ada pihak pentadbiran, pengurusan, perancangan, kewangan dan operasinya. Setiap bahagian berusaha untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian mereka serta sentiasa memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada sebagai jalan untuk mencapai kejayaan. Hasilnya, ISBT bukan

⁴⁵⁷ Lihat Laporan Kewangan Tahunan ISBT dalam Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 43-60 ; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 39-60; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 34.63.

sahaja dapat mengawal daripada terjadinya kerugian besar malah, keuntungan yang diperolehinya memberikan impak kepada pelbagai pihak khususnya umat Islam sejagat.

Prestasi ISBT dalam pelaburan dan lain-lain aktiviti ekonominya adalah sangat memberangsangkan. Meskipun negara Thailand telah mengalami keadaan kemelesetan ekonomi yang berpunca daripada ketidak stabilan dalam negara seperti ketidak stabilan politik, keadaan di selatan negara dan masalah ekonomi di peringkat global seperti kenaikan harga minyak sejak beberapa tahun lalu serta kemerosotan ekonomi dunia. Namun, dengan pendekatan-pendekatan dan strategi kukuh yang diambilnya ISBT masih tetap mampu meraih keuntungan daripada pelaburan yang dijalankan.

ISBT telah ditubuhkan pada tahun 2003 dan cawangan pertamanya terletak di daerah Klongtan dalam bandar Bangkok ibu negara Thailand dan pada tahun tersebut ekonomi negara Thailand masih dalam keadaan baik dengan kadar pertumbuhan ekonominya tercatat sebagai 6.7 mata berbanding 5.4 mata pada tahun sebelumnya.⁴⁵⁸ Namun, pada tahun berikutnya iaitu 2004, keadaan ekonomi Thailand mula merosot dengan kadar pertumbuhan ekonomi jatuh sebanyak 0.7 mata kepada 6.0 mata. Walau bagaimanapun, ia masih boleh bertahan.⁴⁵⁹ Pada tahun 2005, ekonomi Thailand terpaksa berdepan dengan kemelesatan ekonomi yang agak teruk disebabkan oleh kemarau, tsunami di wilayah-wilayah pesisir Laut Andaman, ketidakstabilan wilayah selatan serta kenaikan harga minyak dunia. Terdapat juga kemungkinan kenaikan kadar ribÉ di dalam pasaran wang Thailand sendiri. Meskipun daripada kajian menunjukkan keadaan ekonomi pada tahun tersebut masih mampu bertahan namun, masih dianggap mengalami kejatuhan berbanding tahun sebelumnya.⁴⁶⁰ Pada tahun 2006, keadaan ekonomi Thailand dikira agak baik sungguhpun Thailand terpaksa menghadapi

⁴⁵⁸ Bank Negara Thailand (2003), *Laporan Ekonomi dan Kewangan Tahun 2003*, h.3.

⁴⁵⁹ Bank Negara Thailand (2004), *Laporan Ekonomi dan Kewangan Tahun 2004*, h.3.

⁴⁶⁰ Bank Negara Thailand (2005), *Laporan Ekonomi dan Kewangan Tahun 2005*, h.3.

berbagai-bagai masalah dalaman seperti kenaikan harga minyak, keadaan huru-hara di selatan negara, banjir berpanjangan di kebanyakan wilayah serta ketidakstabilan politiknya.⁴⁶¹ Pada tahun 2007 pula, keadaan ekonominya juga dikira agak baik biarpun masalah dalamannya masih kusut tetapi oleh kerana pertumbuhan di sektor pembuatan dan eksport telah menyelamatkan ekonominya daripada mengalami kemerosotan.⁴⁶²

Berdasarkan perbincangan yang telah dijelaskan penulis di atas, sebenarnya tidak mudah untuk ISBT muncul dan berdiri kukuh ketika ekonomi negara mengalami kemelesatan dengan membawa bersama-sama sistem yang sememangnya berlainan dan bertentangan dengan sistem yang telah lama digunakan masyarakat umum Thailand sebelum ini. Namun begitu, keuntungan yang diperolehi amatlah membanggakan. Ini kerana keuntungan berkenaan mampu diimbangi institusi tersebut meskipun terdapat juga yang melebihi dari modal yang dikeluarkan. Ringkasnya, sepanjang institusi kewangan yang berlandaskan syariah ini beroperasi tiada kerugian besar yang dicatatkan.⁴⁶³

Ini terbukti dengan merujuk kepada prestasi kewangan dan aset yang menunjukkan kadar peningkatan dari tahun ke tahun.

4.2 Prestasi Kewangan Dan Aset Bank Islam Thailand (ISBT)

Sebagai sebuah institusi perbankan Islam, ISBT mempunyai sumber kewangan yang kukuh walaupun baru beberapa tahun sahaja beroperasi namun telah dapat

⁴⁶¹ Bank Negara Thailand (2006), *Laporan Ekonomi dan Kewangan Tahun 2006*, h.3.

⁴⁶² Bank Negara Thailand (2007), *Laporan Ekonomi dan Kewangan Tahun 2007*, h.3.

⁴⁶³ Lihat huraian risiko rendah dalam analisis berkenaan Kesan dan Faedah Pelaburan Secara Islam, h. 248-249.

meningkatkan prestasi kewangan dan aset pada setiap tahun.

4.2.1 Jumlah peruntukan dan aset

Pada tahun pertama penubuhannya iaitu tahun 2003, Akta Bank Islam Thailand (ISBT) B.E. 2545, telah menetapkan jumlah TBH1,000 juta sebagai modal permulaan untuk ISBT.⁴⁶⁴ Selepas itu, pada 9 November 2005 ISBT telah membeli *Syariah Banking Service* daripada Krung Thai Bank Public Company Limited. Ini menyebabkan pada 31 Desember 2005, ISBT mempunyai jumlah aset keseluruhannya sebanyak TBH6,121.74 juta yang bertambah dari tahun 2004 sebanyak TBH3,864.91 juta.⁴⁶⁵

Oleh kerana prestasi yang baik ditunjukkan ISBT, pada 7 November 2007 ISBT telah bertukar daripada menjadi bank milik swasta kepada bank yang dimiliki kerajaan sepenuhnya dan terletak di bawah Kementerian Kewangan Thailand. Bahkan, menambahkan lagi peruntukkan modal menyebabkan pada tarikh tersebut ISBT mempunyai peruntukkan modal sebanyak TBH31,230 juta⁴⁶⁶ berbanding TBH1,000 juta pada tahun permulaan penubuhannya.

4.2.2 Prestasi simpanan ISBT

Sebagaimana telah penulis menyatakan di atas bahawa ISBT merupakan sebuah perbankan Islam yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh meskipun baru beberapa tahun beroperasi. Ini disebabkan kadar pendeposit yang meningkat dari semasa ke semasa telah memberi kesan terhadap jumlah deposit simpanan yang di

⁴⁶⁴ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2004*, h. 13.

⁴⁶⁵ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2004*, h. 5.

⁴⁶⁶ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 2.

terima. Secara tidak langsung, ia menjadi sumber utama kepada pelaburan ISBT. Keadaan ini menunjukkan wujudnya rantaian di antara jumlah wang deposit dengan sumber modal pelaburan ISBT.

Secara umumnya pendeposit-pendeposit ISBT tidak hanya terdiri daripada umat Islam sahaja malah orang bukan Islam turut menyertai bank ini untuk dua tujuan utama iaitu sebagai simpanan dan juga melabur bagi mendapatkan keuntungan. Di bawah adalah jadual simpanan yang terkumpul pada tahun 2004 hingga 2007.⁴⁶⁷

Jadual 4.1: Jumlah Simpanan Tunai dan Terkumpul ISBT Bagi Tahun 2004 hingga 2007.

Jenis Akaun	2004	2005	2006	2007
	TBH Juta			
Akaun Simpanan al-Wadi'ah	862.75	1,961.92	1,836.38	2,201.11
Akaun Wadi'ah Semasa	120.74	148.85	119.52	111.07
Akaun al-Mu'ārah	670.96	2,533.51	6,258.86	10,650.55
Simpanan Terkumpul	1,654.45	4,644.28	8,214.76	12,962.73

Sumber: Bank Islam Thailand (ISBT), Annual Report tahun 2005 hingga tahun 2007.

Berdasarkan jadual 4.1 di atas, secara keseluruhannya didapati berlaku peningkatan jumlah simpanan tunai dan simpanan terkumpul ISBT semenjak tahun

⁴⁶⁷ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 46.; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 41.; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 36.

yang kedua penubuhan ISBT iaitu 2004. Ini bermakna jumlah simpanan ISBT menunjukkan kadar peningkatan pada setiap tahun. Pada tahun 2004, simpanan terkumpul ISBT berjumlah TBH1,654.45 juta dengan jumlah simpanan untuk tujuan simpanan sebanyak TBH862.75 juta dan simpanan bertujuan pelaburan sebanyak TBH670.95 juta. Pada tahun 2005, jumlah deposit ISBT adalah sebanyak TBH4,644.28 juta yang telah meningkat sebanyak TBH2989.83 juta berbanding TBH1,654.45 juta pada tahun 2004 iaitu tahun sebelumnya.⁴⁶⁸

Kadar ini terus meningkat dari tahun ke tahun menjadikan jumlah simpanan terkumpul pada tahun 2005 meningkat sebanyak 75.87% dengan jumlah simpanan untuk tujuan pelaburan meningkat sebanyak TBH1862.55 juta. Pada tahun 2006, jumlah simpanan terkumpul ISBT adalah sebanyak TBH8,214.76 juta meningkat sebanyak 3,570.48 juta atau 76.88% berbanding tahun 2006.⁴⁶⁹ Dengan ini, menjelang akhir tahun 2007 jumlah deposit terkumpul adalah sebanyak TBH12,962.73 juta meningkat sebanyak TBH4747.97 juta berbanding TBH8,214.76 juta pada tahun sebelumnya dengan jumlah simpanan bagi tujuan pelaburan sebanyak TBH 10,650.55 juta.⁴⁷⁰


Berdasarkan prestasi deposit simpanan yang telah penulis kemukakan di atas dapat dibuat rumusan dalam bentuk graf 4.1 seperti berikut:

⁴⁶⁸ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 46.

⁴⁶⁹ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 41.

⁴⁷⁰ Bank Islam Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, hlm. 36.

Graf 4.1: Menunjukkan Peningkatan Prestasi Jumlah Deposit Di ISBT (2004-2007)



Sumber: ISBT, Annual Report 2005-2007.

Berdasarkan Graf 4.1, tidak dapat dinafikan lagi bahawa secara keseluruhannya jumlah deposit ISBT menunjukkan gerakan peningkatan pada setiap tahun. Dengan deposit simpanan bertujuan pelaburan menunjukkan prestasi yang terbaik iaitu meningkat naik mengiringi simpanan terkumpul semenjak dari tahun 2004 yang merupakan tahun kedua penubuhannya hinggalah kepada tahun 2007. Secara kasarnya, dapat dirumuskan bahawa ISBT berjaya menyakinkan para pendeposit untuk menyimpan bersamanya dan dengan prestasi deposit simpanan *mu'Érabah* yang sangat memberangsangkan serta meningkat dari semasa ke semasa sememangnya memberi kesan terhadap prestasi pelaburan ISBT itu sendiri. Ini kerana pulangan atau keuntungan yang diterima pendeposit itu sendiri telah menjadi tarikan yang dapat menambahkan lagi bilangan para pendeposit untuk menyertai bank ini. Sedikit sebanyak jumlah simpanan *mu'Érabah* mempunyai kaitan secara tidak langsung dengan prestasi

pelaburan di ISBT. Keadaan ini menunjukkan wujudnya rantaian di antara prestasi deposit *mu'Érabah* dengan pelaburan ISBT itu sendiri.⁴⁷¹

Peningkatan ini berlaku selepas ISBT membeli *Syariah Banking Service* daripada Krungthai Bank, PLC. diikuti dengan mengambil langkah membaiki dan menyesuaikan instrumen simpanannya mengikut pasaran di Thailand yang bermula pada November 2005 menyebabkan jumlah deposit di ISBT meningkat setiap tahun operasinya.⁴⁷²

4.2.3 Aset terkumpul pelaburan ISBT

Sejurus selepas pembelian *Syariah Banking Service* daripada Krung Thai Bank Public Company Limited oleh ISBT pada 9 November 2005,⁴⁷³ jumlah keseluruhan aset yang dimiliki ISBT sebanyak TBH6,121.74 juta telah meningkat dari tahun 2004 iaitu TBH3,864.91 juta dalam bentuk wang. Malah, pendapatan yang belum diterima pula tercatat sebanyak TBH3829.46 juta manakala, jumlah pelaburan dalam pasaran saham sebanyak TBH191.02 juta, hartanah, bangunan, peruntukkan penyelenggaraan bangunan dan peralatan pejabat sebanyak TBH257.45 juta. Begitu juga dengan wang tunai sebanyak TBH168.69 juta, aset daripada urusniaga antara institusi kewangan dan pasaran wang sebanyak TBH1,540.59 juta serta aset lain-lain yang berjumlah TBH134.53 juta.⁴⁷⁴

Pada tahun 2006, jumlah aset ISBT yang terkumpul adalah sebanyak TBH8,773.80 juta telah meningkat dari tahun sebelumnya sebanyak TBH2,652.06 juta.

⁴⁷¹ Lihat ISBT, *Annual Report 2005*, h. 46.; ISBT, *Annual Report 2006*, h. 41.; ISBT, *Annual Report 2007*, h. 36.

⁴⁷² Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 25.

⁴⁷³ *Ibid.*, h. 5.

⁴⁷⁴ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 5.

Ianya adalah hasil daripada pengembangan instrumen pelaburannya sendiri yang terdiri daripada wang dan pendapatan belum terima yang dicatatkan sebanyak TBH6,875.12 juta turut meningkat dari tahun sebelumnya iaitu sebanyak TBH3,045.66 juta atau 78.36% dari jumlah keseluruhan asetnya.⁴⁷⁵ Manakala, pasaran sekuriti pula adalah sebanyak TBH389.34 juta atau 4.44% daripada jumlah keseluruhan asset, pelaburan dalam sektor hartanah, pembangunan dan harta beralih sebanyak TBH359.38 juta, wang tunai sebanyak TBH217.80 juta, urusniaga antara institusi kewangan dan pasaran wang sebanyak TBH578.69 juta serta aset lain-lain yang berjumlah TBH353.47 juta.


Sementara pada tahun 2007, jumlah aset yang terkumpul oleh ISBT adalah sebanyak TBH16,785.50 juta telah meningkat dari tahun sebelumnya sebanyak TBH8,011.70 juta yang terdiri daripada wang tunai sebanyak TBH264.65 juta, jumlah urusniaga antara institusi kewangan dan pasaran saham sebanyak TBH1,471.52 juta, jumlah pelaburan sebanyak TBH3,483.70 juta, pendapatan belum terima dicatatkan sebanyak TBH10,878.85 juta, hartanah, bangunan dan harta beralih sebanyak TBH327.27 juta serta lain-lain aset berjumlah TBH359.71 juta. Jumlah pelaburan dalam pasaran saham dan sekuriti pada tahun 2007 adalah sebanyak TBH3,483.70 juta atau 20.75% dari jumlah keseluruhan asetnya, di mana 90.54 % daripada jumlah keseluruhan pelaburannya adalah pelaburan dalam bon jangka masa pendek yang bertujuan untuk meningkatkan kecairan pengurusan kewangannya. Bagi pendapatan belum terima dicatatkan sebanyak TBH10,878.85 juta telah meningkat dari tahun sebelumnya sebanyak TBH4,003.73 juta atau 64.81% dari jumlah keseluruhan asetnya.⁴⁷⁶

Berdasarkan prestasi jumlah aset yang telah penulis kemukakan di atas dapat dibuat rumusan dalam bentuk graf 4.2

⁴⁷⁵ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 5.

⁴⁷⁶ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 9.

Graf 4.2 : Menunjukkan Peningkatan Aset ISBT Antara 2005-2007



Sumber: ISBT, Annual Report 2005-2007.

Jika ditinjau aset terkumpul ISBT antara tahun 2005 hingga 2007 daripada graf yang di atas, didapati jumlah keseluruhan aset ISBT pada tahun 2005 telah menokok naik dari tahun sebelumnya sebanyak TBH3864.91 juta, tahun 2006 sebanyak TBH2652.06 dan tahun 2007 sebanyak TBH8011.70. Sungguhpun kerana penambahan jumlah modal oleh kerajaan Thailand pada akhir tahun 2007 namun, penambahan modal itu adalah berdasarkan penilaian kerajaan Thailand terhadap prestasi yang meningkat naik setiap tahun oleh ISBT itu sendiri. Ini adalah hasil kerja keras dan kesungguhan ISBT untuk memajukan institusi pelaburan yang membawa sistem yang berlainan daripada institusi pelaburan yang sedia ada.⁴⁷⁷

⁴⁷⁷ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 46.; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 41.; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 36.

4.2.4 Kecairan wang tunai (*Cash flow*)

Pada tahun 2005, ISBT mempunyai wang tunai dan perkara-perkara yang bersamaannya sebanyak TBH168.69 juta telah meningkat sebanyak TBH95.73 juta berbanding TBH72.69 juta pada tahun 2004. Peningkatan tersebut berdasarkan jumlah keseluruhan kecairan wang tunai hasil daripada penggunaan wang tunai dalam aktiviti pelaburan pada tahun 2005 sebanyak TBH76.73 juta yang meningkat sebanyak TBH14.58 juta berbanding jumlah keseluruhan kecairan wang tunai hasil daripada penggunaan wang tunai dalam aktiviti pelaburan pada tahun 2004 iaitu sebanyak TBH62.15 juta. Sementara itu, jumlah keseluruhan kecairan wang tunai hasil daripada penggunaannya dalam aktiviti pengurusan dan operasi pada tahun 2005 adalah sebanyak TBH85.51 juta telah menurun sebanyak TBH25.18 berbanding TBH110.69 juta pada tahun 2004.⁴⁷⁸

Pada tahun 2006, ISBT mempunyai wang tunai dan perkara-perkara yang bersamaannya sebanyak TBH217.80 juta telah meningkat sebanyak TBH49.11 juta berbanding jumlah TBH168.69 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan tersebut berdasarkan jumlah keseluruhan kecairan wang tunai hasil daripada wang tunai yang digunapakai dalam aktiviti pelaburan pada tahun 2006 sebanyak TBH499.44 juta berbanding jumlah keseluruhan kecairan wang tunai hasil daripada wang tunai yang digunakan dalam aktiviti pelaburan pada tahun 2005 iaitu sebanyak TBH76.73 juta. Sementara itu, jumlah keseluruhan kecairan wang tunai hasil daripada wang tunai yang digunakan dalam aktiviti pengurusan dan operasi pada tahun 2006 sebanyak TBH1,399.83 juta turut meningkat berbanding jumlah keseluruhan kecairan wang tunai pada tahun 2005 sebanyak TBH85.51 juta. Selain itu, pada tahun 2006 ISBT

⁴⁷⁸ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 6.

mempunyai jumlah keseluruhan kecarian wang tunai hasil daripada wang tunai yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan iaitu sebanyak TBH854.93 juta berdasarkan dari penjualan saham tambahan sebanyak TBH3.66 juta.⁴⁷⁹

Bagi tahun 2007 pula, wang tunai dan perkara-perkara yang bersamaannya berjumlah TBH264.65 juta telah meningkat sebanyak TBH46.85 juta. Peningkatan tersebut adalah berdasarkan jumlah keseluruhan kecairan wang tunai hasil daripada wang tunai yang digunapakai untuk aktiviti pelaburan pada tahun 2007 iaitu sebanyak TBH3,168.03 juta berbanding pada tahun 2006 sebanyak TBH499.44 juta. Sementara jumlah keseluruhan kecairan wang tunai pada tahun 2007 adalah sebanyak TBH84.13 juta berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2007 juga, jumlah kecairan wang tunai hasil daripada wang tunai yang digunapakai dalam aktiviti pelaburan adalah sebanyak TBH3,299.02 juta berbanding pada tahun 2006 iaitu sebanyak TBH3.66 juta.⁴⁸⁰

4.2.5 Liabiliti (*Liability*)

Liabiliti adalah satu sumber kewangan penting ISBT yang terdiri daripada deposit simpanan dan lain-lain hutang. Jumlah keseluruhan deposit simpanan ISBT pada akhir tahun 2005 adalah sebanyak TBH4,644.28 juta meningkat dari tahun sebelumnya sebanyak TBH2,989.83 juta. Peningkatan tersebut berdasarkan daripada pemindahan jumlah deposit simpanan dan lain-lain liabiliti daripada *Syariah Banking Service* yang dibeli daripada Krung Thai Bank, PLC. yang berjumlah TBH1,018.89 juta. Jumlah berkenaan adalah terdiri daripada hutang tercatat (*payments liability upon demand*) sebanyak TBH92.20 juta dan daripada pembelian *Syariah Banking Service*,

⁴⁷⁹ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 6.

⁴⁸⁰ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 6.; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 7.; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 6.

Krung Thai Bank, PLC sebanyak TBH854.93 juta serta lain-lain lagi berjumlah TBH71.75 juta.⁴⁸¹ Pada akhir tahun 2006, jumlah keseluruhan deposit simpanan ISBT adalah sebanyak TBH8,214.76 juta telah meningkat dari tahun sebelumnya sebanyak TBH3,570.48 juta. Peningkatan tersebut berpunca daripada tambahan minat pelanggan untuk menyimpan dana di ISBT. Di samping lain-lain liabiliti sebanyak TBH393.10 juta terdiri daripada urusan antara bank dan pasaran wang sebanyak TBH200.00 juta. Manakala, hutang yang tercatat sebanyak TBH73.21 juta dan lain-lain perkara adalah sebanyak TBH119.89 juta. Pada tahun 2007 pula, ISBT mempunyai jumlah keseluruhan deposit sebanyak TBH12,962.73 juta dan telah meningkat dari tahun sebelumnya sebanyak TBH4,747.97 juta yang disebabkan oleh peningkatan bilangan pelanggan untuk menabung di ISBT. Begitu juga dengan lain-lain liabiliti sebanyak TBH650.31 juta yang terdiri daripada urusan antara bank dan pasaran wang sebanyak TBH330.06 juta, hutang tercatat sebanyak TBH100.81 juta serta lain-lain perkara sebanyak TBH219.44 juta.⁴⁸²

4.2.6 Ekuiti pemegang saham

Pada akhir tahun 2005, jumlah ekuiti pemegang saham ISBT yang berjumlah TBH458.57 juta telah jatuh merudum sebanyak TBH97.09 juta berbanding tahun sebelumnya akibat mengalami kerugian dalam operasi. Walau bagaimanapun, pada tahun yang sama ISBT telah dapat keuntungan hasil berlaku perubahan dalam pasaran saham yang di laburnya sebanyak TBH61.02 juta. Tahun 2006 turut berlaku perkara yang sama mengakibatkan ISBT mengalami kerugian sebanyak TBH165.94 juta malah keuntungan hasil membuat pelaburan dalam pasaran saham juga turut meningkat turun. Namun begitu, pada tahun 2007 ISBT mempunyai jumlah ekuiti pemegang saham

⁴⁸¹ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 6.

⁴⁸² Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 9-10.

sebanyak TBH3,172.46 juta meningkat dari tahun sebelumnya sebanyak TBH3,006.52 juta oleh kerana penambahan jumlah modal sebagai penyediaan pengembangan urusaniaga dan menguatkan daya tahan dirinya.⁴⁸³

4.2.7 Sumber dan penggunaan dana (*Sources and uses of fund*)

Pada akhir tahun 2005, ISBT mempunyai sumber kewangan yang terdiri daripada deposit simpanan sebanyak TBH4,644.28 juta, ekuiti pemegang saham sebanyak TBH458.57 juta iaitu 75.87% dan 7.49% dari jumlah keseluruhan aset serta lain-lain sumber sebanyak TBH1,018.89 juta atau 16.64% dari jumlah keseluruhan asetnya.

Sebahagian besar kegunaan dana ISBT pada tahun 2005 digunakan dalam aktiviti pembiayaan pelanggan sebanyak TBH3,843.82 juta, melabur dalam pasaran ekuiti sebanyak TBH191.02 juta, melabur dalam Bank Negara Thailand dan lain-lain bank sebanyak TBH1,540.59 juta. Bukan itu sahaja malah, turut memegang dalam bentuk wang tunai untuk kegunaan bank sebanyak TBH168.69 juta serta melabur dalam sektor hartanah, bangunan, harta beralih dan lain-lain sebanyak TBH377.62 juta.⁴⁸⁴

Pada tahun 2006, ISBT mempunyai sumber kewangan yang terdiri daripada deposit simpanan sebanyak TBH8,214.76 juta, ekuiti pemegang saham sebanyak TBH165.94 juta dan lain-lain sebanyak TBH393.10 juta atau 93.63%, 1.89% dan 4.48% dari jumlah keseluruhan asetnya.

Manakala tahun 2006 sebahagian besar kegunaan dana ISBT ialah dalam aktiviti pembiayaan kepada pelanggan sebanyak TBH6,903.40 juta, melabur dalam pasaran

⁴⁸³ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 6-7.; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 5-7.; Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 9-10.

⁴⁸⁴ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 6.

ekuiti sebanyak TBH389.34 juta, melabur dalam Bank Negara Thailand dan lain-lain bank sebanyak TBH578.69 juta. Di samping, memegang dalam bentuk wang tunai untuk kegunaan bank sebanyak TBH217.80 juta dan melabur dalam sektor hartanah, bangunan, alat-alat jentera dan lain-lain sebanyak TBH684.57 juta.⁴⁸⁵ Tahun 2007 pula, ISBT mempunyai sumber kewangan yang terdiri daripada deposit simpanan sebanyak TBH12,962.73 juta, ekuiti pemegang saham sebanyak TBH3,172.46 juta dan lain-lain sumber sebanyak TBH650.31 juta atau 77.23%, 18.90% dan 3.87% dari jumlah keseluruhan asetnya manakala sebahagian besar kegunaan dana ISBT digunakan dalam aktiviti pembiayaan pelanggan sebanyak TBH11,006.69 juta, melabur dalam pasaran hutang sebanyak TBH3,154.45 juta, melabur dalam pasaran ekuiti sebanyak TBH329.25 juta, melabur dalam Bank Negara Thailand dan lain-lain bank sebanyak TBH284.03 juta. Di samping itu, bank ISBT turut melabur dalam pelaburan jangka pendek dalam bank-bank perdagangan sebanyak TBH1,187.49 juta, memegang wang tunai untuk kegunaan bank sebanyak TBH264.65 juta dan melabur dalam sektor hartanah, bangunan, alat-alat jentera dan lain-lain sebanyak TBH558.94 juta.⁴⁸⁶

4.2.8 Pengekalan wang tabung (*Maintenance of capital fund*)

Selepas 2 tahun beroperasi, pada akhir tahun 2005 ISBT mempunyai wang tabungan sebanyak TBH397.55 juta.⁴⁸⁷ Pada tahun 2006, ISBT mempunyai jumlah keseluruhan wang tabungan sebanyak TBH140.03 juta namun, menurun sebanyak TBH257.52 juta berbanding tahun sebelumnya yang terdiri daripada wang tabungan peringkat 1 sebanyak TBH131.36 juta dan wang tabungan peringkat 2 sebanyak TBH8.67 juta.⁴⁸⁸ Pada tahun 2007 pula, ISBT mempunyai jumlah keseluruhan wang

⁴⁸⁵ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 6.

⁴⁸⁶ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 10.

⁴⁸⁷ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 6.

⁴⁸⁸ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 6.

tabungan sebanyak TBH3,157.10 juta yang terdiri daripada wang tabungan peringkat 1 sebanyak TBH3,144.19 juta dan wang tabungan peringkat 2 sebanyak TBH12.91 juta.⁴⁸⁹

Berdasarkan prestasi kewangan dan aset ISBT dari tahun 2004 hingga 2007 yang telah dibincangkan di atas sama ada dalam bentuk pembentangan mahupun bentuk graf, secara keseluruhannya ISBT mempunyai prestasi kewangan dan aset yang baik sekali walaupun hanya beberapa tahun sahaja beroperasi. Sungguhpun begitu, pada tahun 2005 ISBT mengalami rizab kerugian sebanyak TBH 158.08 juta mengakibatkan meningkat naik rizab kerugiannya sebanyak TBH 67.61 juta berbanding dengan tahun 2004. Berdasarkan laporan tahunan 2005 ISBT menunjukkan prestasi kewangan tahunan secara keseluruhan yang sangat baik iaitu mencatatkan TBH 8473.74 juta yang terdiri daripada jumlah wang simpanan TBH 4644.28 juta dan jumlah pelaburan serta pendapatan belum terima yang mencatatkan TBH 3829.46 juta pada akhir tahun 2005. Manakala, jumlah aset pada tahun 2005 pula mencatat peningkatan yang cukup besar dengan meraikan jumlah aset secara keseluruhan TBH 6121.74 juta telah meningkat dari tahun sebelumnya sebanyak TBH 3864.91 juta.⁴⁹⁰

Sementara itu, pada tahun 2006 ISBT yang mengalami rizab kerugian sebanyak TBH269.85 juta semakin meningkat sebanyak TBH111.76 juta pada tahun sebelumnya. Keadaan ini berlaku kerana pada tahun 2006, ISBT telah mengambil langkah bersiap-sedia untuk pengembangan urusniaganya pada masa hadapan dengan memajukan sistem-sistemnya seperti sistem teknologi maklumat dan menambah jumlah kakitangannya.

⁴⁸⁹ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 10.

⁴⁹⁰ Lihat ISBT, *Annual Report 2005*, h. 6.; ISBT, *Annual Report 2006*, h. 6.; ISBT, *Annual Report 2007*, h. 10.

Sungguhpun demikian, prestasi kewangan tahun 2006 juga menokok naik apabila jumlah wang simpanannya mencatat di TBH8214.76 juta meningkat sebanyak TBH3570.48 juta berbanding tahun sebelumnya, jumlah pelaburan dan pendapatan belum terima tercatat adalah sebanyak TBH 6875.12 juta yang turut meningkat sebanyak TBH3045.66 juta dan jumlah keseluruhan asetnya sebanyak TBH8773.80 juta juga meningkat sebanyak TBH2652.06 juta.⁴⁹¹

Manakala pada tahun 2007 pula, ISBT yang mengalami rizab kerugian sebanyak TBH286.18 juta semakin meningkat dari tahun 2006 sebanyak TBH16.34 juta. Namun, prestasi kewangan tahunan 2007 juga masih menunjukkan peningkatan dengan meraih jumlah wang simpanan sebanyak TBH12962.73 juta juga meningkat sebanyak TBH4747.97 juta, jumlah pelaburan dan pendapatan belum terima tercatat sebanyak TBH 10878.85 juta turut meningkat sebanyak TBH4003.73 juta dan jumlah aset keseluruhannya sebanyak TBH16785.50 juta juga meningkat sebanyak TBH8011.70 juta.⁴⁹²

Ini menunjukkan meskipun pada tahun 2005 dan 2006 ISBT sedang mengalami rizab kerugian yang meningkat setiap tahun namun, pada tahun 2007 ISBT telah dapat mengurangkan rizab kerugian tersebut.⁴⁹³

Sebaliknya, kerugian yang dialami oleh ISBT bukan berpunca daripada urusanniaga ataupun pelaburan yang dibuat tetapi kerana langkahnya untuk memajukan sistem dan menambah kakitangan sebagai persediaan untuk pengembangan

⁴⁹¹ *Ibid.*

⁴⁹² ISBT, *Annual Report 2007*, h. 10.

⁴⁹³ Lihat ISBT, *Annual Report 2005*, h. 6.; ISBT, *Annual Report 2006*, h. 6.; ISBT, *Annual Report 2007*, h. 10.

perniagaannya. Tambahan pula, kerugian yang dialami ISBT juga tidak dikategorikan sebagai kerugian besar bagi sebuah institusi kewangan⁴⁹⁴.

Hal ini menggambarkan bahawa prestasi kewangan bank ISBT semakin baik dan meningkat setiap tahun terutama apabila Kementerian Kewangan Thailand mengeluarkan hasrat untuk menggabungkan semua jenis skim kewangan yang beroperasi secara berlandaskan syariah di bawah satu bumbung pengurusan sahaja. Lalu, pihak kementerian telah mengarahkan bank ISBT untuk membeli *Syariah Banking Service* daripada Krung Thai Bank PCL pada 29 Oktober 2005.

Berdasarkan perbincangan di atas, penulis dapat merumuskan bahawa prestasi kewangan bank ISBT terus meningkat dan berkembang dari tahun ke tahun hingga mencapai jumlah yang cukup besar. Demikian juga jumlah asetnya yang terus bertambah meskipun mengalami rizab kerugian yang meningkat pada tahun 2005 dan 2006. Dengan peningkatan prestasi kewangan dan asetnya, ISBT dianggap telah berjaya di satu tahap yang baik bagi sebuah bank yang membawakan sistem berlainan selain mendapat sambutan yang cukup memberangsangkan daripada masyarakat seluruh negara.

⁴⁹⁴ Lihat Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005-2006*, h. 5.

4.3 Prestasi Keseluruhan Pelaburan Islam Di ISBT

Berikut merupakan jadual prestasi keseluruhan pelaburan Islam di ISBT.

Jadual 4.2: Prestasi Pelaburan ISBT Pada Tahun 2004 hingga 2007 (TBH Juta)

Jenis Pelaburan	2005 (%)	2006 (%)	2007 (%)
	TBH juta		
Perumahan	1207.43 (31.53%)	3,399.01 (49.24 %)	4,957.86 (45.01%)
Bangunan dan pembinaan	1192.11 (31.13%)	1,316.65 (19.07 %)	2,171.13 (19.73%)
Industri pembuatan	531.52 (13.88%)	1,033.45 (14.97 %)	1,824.31 (16.57%)
Perkhidmatan	501.65 (13.10%)	547.65 (7.93 %)	667.24 (6.06%)
Perdagangan	422.38 (11.03%)	25.75 (0.37 %)	267.82 (2.43%)
Lain-lain	04.97 (0.13%)	580.90 (8.42 %)	1,117.73 (10.20%)
Jumlah keseluruhan	3,829.46 (100%)	6,903.40 (100 %)	11,006.08 (100%)

Sumber: ISBT, Annual Report tahun 2005 hingga tahun 2007.

Berdasarkan jadual 4.2 di atas, didapati bahawa secara keseluruhannya jumlah pelaburan ISBT menunjukkan peningkatan pada setiap tahun. Pada tahun 2005, ISBT mempunyai jumlah keseluruhan pelaburannya sebanyak TBH3,829.46 juta meningkat dari tahun 2004 sebanyak TBH3,173.95 juta atau 484.28%.⁴⁹⁵ Pada tahun 2005 pula, pelaburan dalam sektor perumahan, pembangunan dan pembinaan merupakan pelaburan yang terbanyak berbanding dengan pelaburan lain yang masing-masing menyumbang


⁴⁹⁵ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 27.

sebanyak 31.53% dan 31.13 %. Pada tahun 2006, jumlah keseluruhan pelaburan ISBT adalah TBH6,903.40 juta meningkat sebanyak TBH3,059.58 juta berbanding TBH3,843.82 juta pada tahun 2005 atau 79.60%. Sementara itu, pada tahun 2007 pelaburan ISBT meningkat sebanyak TBH4102.68 juta. Jumlah pelaburan terbanyak adalah pelaburan dalam sektor perumahan yang menyumbang sebanyak 49.24% pada tahun 2006 dan 45.01% pada tahun 2007 sementara pelaburan dalam sektor bangunan dan pembinaan adalah pelaburan kedua terbanyak yang menyumbang sebanyak 19.07% pada tahun 2006 dan sebanyak 19.73% pada tahun 2007. Namun, kadarnya menurun sebanyak 12.06% pada tahun 2006 dan 11.40% pada tahun 2007 berbanding tahun 2005. Selain pelaburan perumahan, pembangunan dan pembinaan, ISBT juga menumpukan pelaburannya dalam sektor pembuatan, perdagangan dan perkhidmatan. Ini kerana ketiga-tiga sektor tersebut adalah sumber pendapatan terbesar bagi negara Thailand iaitu masing-masing menyumbang sebanyak 23.27% dan 25.06% daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang dilakukan. Diikuti dengan pelaburan dalam lain-lain sektor seperti pelancongan, pendidikan dan perubatan yang turut menunjukkan peningkatan pada setiap tahun.⁴⁹⁶

Berdasarkan pembentangan berkenaan prestasi pelaburan yang penulis kemukakan di atas, dapat dibuat rumusan dalam bentuk graf 4.3

⁴⁹⁶ Lihat ISBT, *Annual Report 2005*, h. 23-25.; ISBT, *Annual Report 2006*, h. 19-21.; ISBT, *Annual Report 2007*, h. 20-23.

Graf 4.3: Prestasi Pelaburan ISBT Pada Tahun 2004 hingga 2007



Sumber: ISBT, Annual Report 2005-2007.

Selain menceburi berbagai-bagai sektor pelaburan seperti yang penulis paparkan di atas, ISBT juga turut membuat pelaburan dalam pasaran saham yang terdiri daripada pelaburan jangka pendek serta jangka panjang seperti yang dipaparkan dalam jadual 4.3 di bawah.

Jadual 4.3: Pelaburan ISBT Dalam Pasaran Saham pada tahun 2004 hingga 2007.

Jenis Pelaburan	2004 (TBH juta)	2005 (TBHjuta)	2006 (TBH juta)	2007 (TBH juta)
Pelaburan jangka Pendek	-	-	164.75	3,265.00
Pelaburan Jangka Panjang	65.02	191.02	224.58	218.69
Jumlah Keseluruhan	65.02	191.02	389.40	3,483.70


Sumber: ISBT, Annual Report tahun 2005 hingga tahun 2007.

Berdasarkan kepada jadual di atas, tahun 2004 yang merupakan tahun kedua penubuhan ISBT telah memulakan langkah membuat pelaburan di dalam pelaburan

yang berjangka masa. Pada tahun 2004 dan 2005, pelaburan dalam pasaran saham ISBT hanya tertumpu kepada pelaburan jangka panjang iaitu jumlahnya meningkat sebanyak TBH126.00 juta pada tahun 2005 berbanding TBH65.02 juta pada tahun 2004. Pada tahun 2006, ISBT mula membuat pelaburan dalam pelaburan jangka pendek yang bertujuan untuk meningkatkan kadar kecairan urusniaganya sebanyak TBH164.75 juta. Sementara pelaburan jangka panjang pula meningkat sebanyak TBH33.56 juta berbanding jumlah TBH191.02 juta pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2007, pelaburan jangka panjang ISBT telah berkurang sebanyak TBH5.89 juta berbanding TBH224.58 juta pada tahun 2006. Sementara jumlah pelaburan jangka pendek telah meningkat sebanyak TBH3,100.25 juta.⁴⁹⁷

Berdasarkan jadual 4.3 dan penerangannya di atas, dapat dibuat rumusan dalam bentuk graf seperti di bawah.

Graf 4.4: Prestasi Pelaburan ISBT Dalam Pasaran Saham pada Tahun 2004 hingga 2007



Sumber: ISBT, *Annual Report 2005-2007*.

⁴⁹⁷ Lihat ISBT, *Annual Report 2005*, h. 25-26.; ISBT, *Annual Report 2006*, h. 24.; ISBT, *Annual Report 2007*, h. 21.

Berdasarkan jadual dan graf yang dikemukakan sebelum ini, didapati bahawa secara keseluruhannya pelaburan ISBT yang membawakan sistem berbeza berbanding perbankan pelaburan sedia ada di Thailand telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan sungguhpun baru sahaja beberapa tahun beroperasi.⁴⁹⁸

Berdasarkan jadual di atas juga, didapati tiada kenaikan dan penurunan yang ketara pada aktiviti pelaburan ISBT bermula dari tahun 2004 hingga 2007. Namun begitu, pelaburan dalam sektor perumahan sentiasa berada pada tangga yang tertinggi dan menunjuk peningkatan setiap tahun diikuti dengan pelaburan dalam sektor pembangunan dan pembinaan. Selain itu, pelaburan dalam industri pembuatan, perkhidmatan dan perdagangan juga diberi perhatian oleh ISBT sebagai strategi untuk mengukuhkan kedudukannya kerana ketiga-tiga sektor tersebut merupakan sumber pendapatan ekonomi terbesar negara Thailand.⁴⁹⁹ Selain pelaburan jangka pendek dalam pelaburan pasaran saham, kadarnya telah meningkat tinggi pada tahun kedua pelaburannya sebagai satu lagi strategi ISBT untuk menambahkan kecairan urusniaganya.⁵⁰⁰

Secara keseluruhannya, peningkatan prestasi pelaburan yang baik di ISBT ini sekaligus mencerminkan keberkesanan instrumen pelaburan Islam yang diaplikasikannya selain hasil usaha ISBT sendiri yang gigih dalam merealisasikan pelaburan Islam di dalam perniagaannya.

⁴⁹⁸ *Ibid.*

⁴⁹⁹ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 23.

⁵⁰⁰ Lihat ISBT, *Annual Report 2005*, h. 25-26.; ISBT, *Annual Report 2006*, h. 24.; ISBT, *Annual Report 2007*, h. 21.

4.4 Hasil pendapatan dan perbelanjaan ISBT

Hasil pendapatan keseluruhan yang diperoleh ISBT melalui pelaburan dan aktiviti-aktiviti perbankan semakin menggalakkan walaupun ketika ekonomi negara Thailand merudum yang membawa kepada kejatuhan pasaran saham agak teruk disebabkan oleh keadaan tidak stabil dalam negara seperti ketidaktentuan politik dan keadaan di selatannya. Namun begitu, kemerosotan ekonomi dan kejatuhan pasaran saham negara Thailand tidak menjejaskan keuntungan yang diperoleh ISBT kerana tiada pelaburan yang diceburinya mengalami kemerosotan teruk. Dalam menjalani pelaburan-pelaburannya, ISBT menggunakan sepenuhnya sistem muamalat Islam seperti *al-musyÉrakah*, *al-muÉrabah*, *al-murÉbaÉah*, *BBA*, *BAI*, *al-wakÉlah* dan *al-kafÉlah*. Instrumen-instrumen pelaburan yang diaplikasikan daripada hukum muÉmalah Islam memang termaktub di dalam setiap perjanjian yang dimeterai sama ada dalam syarikat-syarikat yang membuat pelaburan, syarikat ekuiti dan syarikat bersekutu. Manakala, bagi jual beli saham urusanniaga, pengurus tabungan, bon dan sekuriti metode yang menjadi pilihan adalah berdasarkan kaunter yang halal sahaja.⁵⁰¹

4.4.1 Hasil pendapatan

Secara keseluruhannya, hasil pendapatan ISBT terdiri daripada beberapa sumber yang dapat dirujuki dalam jadual 4.4

⁵⁰¹ Lihat ISBT, *Annual Report 2005*, h. 36.; ISBT, *Annual Report 2006*, h. 31.; ISBT, *Annual Report 2007*, h. 32.

Jadual 4.4 : Hasil pendapatan daripada pelbagai sumber ISBT pada tahun 2004 hingga 2007.

Jenis hasil	2004	2005	2006	2007
	TBH juta			
Keuntungan pelaburan bank	20.69	107.98	279.91	635.74
Keuntungan pengurusan tabungan dan urusanniaga	5.67	22.61	127.41	96.19
Keuntungan pengurusan kewangan	4.09	51.15	45.36	107.86
Keuntungan pertukaran mata wang asing	0.87	0.41	6.34	4.29
Keuntungan perkhidmatan kewangan			64.18	-
Keuntungan jualan pelaburan				0.14
Jumlah keseluruhan	31.32	182.15	523.20	844.22

Sumber: Bank Islam Thailand (ISBT), Annual Report tahun 2005 hingga tahun 2007.

Berdasarkan prestasi pendapatan tahun 2005 hingga 2007, hasil keuntungan pelaburan mencatatkan jumlah tertinggi yang meraih sebanyak TBH635.74 juta pada tahun 2007 serta menunjukkan peningkatan berganda setiap tahun berbanding jumlah permulaannya pada tahun 2004 iaitu hanya sebanyak TBH20.69 juta. Prestasi pendapatan hasil pelaburan ini telah meningkat berikutan pertambahan jumlah pelaburan seperti dalam pelaburan jangka pendek yang bertujuan untuk meningkatkan kecairan kewangannya.⁵⁰²

⁵⁰² Lihat *Ibid.*

Keuntungan pengurusan tabungan dan urusniaga serta keuntungan pengurusan kewangan juga mencatatkan kadar hasil yang tinggi dan meningkat naik pada setiap tahun. Meskipun keuntungan pengurusan tabungan dan urusniaga pada tahun 2007 menunjuk kadar penurunan sebanyak TBH31.22 juta berbanding tahun 2006 malah dengan kadar hasil pendapatan keseluruhan ia sesungguhnya menunjukkan peningkatan pada setiap tahun.⁵⁰³

4.4.2 Perbelanjaan

Sementara itu, jumlah keseluruhan perbelanjaan ISBT pada tahun 2005 mencatatkan sebanyak TBH247.25 juta telah menokok naik dari tahun 2004 sebanyak TBH146.12 juta menyebabkan ISBT pada tahun 2005 mengalami jumlah kerugian sebanyak TBH2.27 sesaham meningkat dari tahun 2004 sebanyak TBH0.97. Pada tahun 2006, ISBT mempunyai jumlah keseluruhan perbelanjaan sebanyak TBH471.43 juta iaitu sebahagian besar perbelanjaan tersebut adalah untuk memajukan sistem-sistemnya seperti sistem teknologi maklumat, perbelanjaan bagi meningkatkan daya prestasi kakitangan-kakitangannya serta penambahan kakitangan yang berwibawa sebagai penyediaan pengembangan perniagaan pada masa hadapan. Ini menyebabkan pada tahun 2006, ISBT telah mengalami jumlah keseluruhan kerugian sebanyak TBH269.85 juta dan menurun sebanyak TBH111.76 juta berbanding tahun 2005. Begitu juga dengan kerugian yang dialami iaitu sebanyak TBH3.85 sesaham menurun daripada tahun 2005 sebanyak TBH1.58. Sementara itu, perbelanjaan urusniaga pada tahun 2007 adalah sebanyak TBH618.28 juta telah meningkat dari tahun 2006 sebanyak TBH147.47 juta yang sebahagian perbelanjaan tersebut merupakan perbelanjaan untuk memajukan sistem-sistem dan kakitangan yang merupakan perancangan berterusan

⁵⁰³ Lihat *Ibid.*

sejak dari tahun 2006. Kemudian, pada tahun 2007 ISBT telah mengalami jumlah keseluruhan kerugian sebanyak TBH286.18 juta menurun dari tahun sebelumnya iaitu TBH16.34 juta atau kerugian sesaham sebanyak TBH0.47 yang menunjukkan kadarnya menurun dari tahun sebelumnya sebanyak TBH3.38.⁵⁰⁴

Walau bagaimanapun, hasil daripada pengembangan urusniaga dan kemajuan sistem-sistemnya, ISBT menjangkakan akan mendapat keuntungan mulai akhir tahun 2007.⁵⁰⁵

Peningkatan hasil pendapatan yang mendadak naik setiap tahun meskipun baru beberapa tahun ISBT beroperasi telah mengukuhkan kedudukan ISBT dipersada korporat Thailand yang membawa bersama kelainan sistem selain membuktikan bahawa pelaburan secara Islam dapat dikembangkan walaupun berdiri di tengah-tengah sistem yang berdasarkan ribÉ.

Peningkatan hasil pendapatan ISBT sejak tahun 2004 hingga 2007 secara keseluruhan telah mencerminkan keberkesanan instrumen pelaburan Islam yang diaplikasikan ISBT selain daripada hasil perancangan yang tersusun daripada jabatan-jabatan ISBT dalam usaha meningkatkan taraf dan kedudukan ISBT sebagai sebuah institusi pelaburan yang berjaya.⁵⁰⁶

⁵⁰⁴ Lihat ISBT, *Annual Report 2005*, h. 34.; ISBT, *Annual Report 2006*, h. 40.; ISBT, *Annual Report 2007*, h. 35.

⁵⁰⁵ ISBT, *Annual Report 2007*, h. 35.

⁵⁰⁶ Lihat ISBT, *Annual Report 2005*, h. 34.; ISBT, *Annual Report 2006*, h. 40.; ISBT, *Annual Report 2007*, h. 35.

4.5 Zakat

Mengeluarkan zakat adalah merupakan satu kewajipan kepada setiap umat Islam yang berkemampuan sebagai satu ibadah kepada Allah s.w.t. dan sebagai jalan penyucian diri dan harta. Terdapat banyak ayat al-Qur'an dan hadith yang menyatakan kelebihan mengeluarkan zakat.

Oleh itu, ISBT juga tidak terkecuali daripada melaksanakan tanggungjawab untuk menyempurnakan rukun Islam tersebut sebagai memenuhi tuntutan agama. Setiap tahun sejumlah wang telah diperuntukkan oleh ISBT untuk dizakatkan. Tanggungjawab pengurusan bayaran zakat telah diberikan sepenuhnya kepada Lembaga Penasihat Agama ISBT untuk menguruskan berkenaan bayaran zakat bagi pihak ISBT. Manakala, jumlah zakat yang dikeluarkan adalah bergantung kepada jumlah keseluruhan hasil perniagaan dan simpanan ISBT dalam suatu tempoh tertentu.⁵⁰⁷

Ini bermakna segala hasil ISBT dan simpanan pendeposit telah dizakatkan terlebih dahulu sebelum bonus atau keuntungan diagihkan pada setiap hujung tahun. Keadaan ini sedikit sebanyak memudahkan pendeposit ISBT iaitu mereka tidak perlu memikirkan bagaimana untuk menzakatkan simpanan mereka. Kemudahan ini juga merupakan satu kelebihan ISBT berbanding dengan institusi-institusi kewangan lain yang sedia ada di Thailand.⁵⁰⁸

Selaku badan yang bertanggungjawab untuk menguruskan zakat bagi pihak ISBT, Lembaga Penasihat Agama akan membuat perancangan bayaran zakat tersebut

⁵⁰⁷ Temubual dengan TuansaleenaKubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pjabat Induk ISBT, pada 25 April 2008, bertempat di bilik tamu pejabat induk ISBT, Bangkok.

⁵⁰⁸ Temubual dengan TuansaleenaKubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, pada 25 April 2008, bertempat di bilik tamu pejabat induk ISBT, Bangkok.

iaitu setiap tahun sejumlah wang yang diperuntukkan untuk mengerjakan zakat akan ditempatkan dalam akaun khas ‘Akaun Zakat’.

Berkenaan dengan perancangan membayar zakat, Lembaga Penasihat Agama akan mengambilkira keperluan dan situasi semasa di Thailand sendiri sebagai contoh pada tahun 2006, ISBT telah mengeluarkan zakat melalui pengagihannya sebagai biasiswa kepada 30 pelajar di wilayah selatan Thailand iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat dengan 10 peruntukan setiap wilayah yang berjumlah TBH300,000 iaitu sebanyak TBH10,000 setiap seorang.⁵⁰⁹ Bukan itu sahaja, malah turut memberi sumbangan kepada rumah al-Arqam (Institusi Pembangunan Keupayaan Kesihatan dan Rohani) di wilayah Chacherngsau, bahagian tengah Thailand sebanyak TBH30,000⁵¹⁰ serta memberi sumbangan kepada 71 keluarga mangsa rumah terbakar di kampung Muslim Mittrapap, Bangkok sebanyak TBH113,500.⁵¹¹

Pada tahun 2007 pula, ISBT memberi wang zakat sebagai biasiswa kepada 41 pelajar sekolah agama Mifta ul ulu Midiniyyah sebanyak TBH305,000⁵¹² dan memberi zakat kepada 31 keluarga mangsa rumah terbakar di kampung Muslim Mittrapap, Bangkok sebanyak TBH62,000.⁵¹³ Pada tahun 2008, ISBT memberi zakat sebanyak 85 biasiswa kepada 17 buah sekolah agama Islam yang terpilih berjumlah TBH302,000.⁵¹⁴

⁵⁰⁹ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 28. Lihat Lampiran D-1.

⁵¹⁰ Lihat Lampiran D-2.

⁵¹¹ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2007*, h. 32. Lihat Lampiran D-3.

⁵¹² Lihat Lampiran D-4.

⁵¹³ Lihat Lampiran D-5.

⁵¹⁴ Lihat Lampiran D.

4.6 Analisis Secara Keseluruhan Pelaksanaan Perinsip-prinsip Syariah Islam Yang Diaplikasi ISBT Sebagai Instrumen Pelaburan Islamnya

Secara keseluruhannya, ISBT telah berjaya mengaplikasikan prinsip-prinsip syariah sebagai instrumen pelaburannya. Prinsip-prinsip syariah yang diamalkan ini berteraskan al-Qur'an, al-Hadith, al-Ijmā'ī, al-Qiyas dan sumber-sumber hukum yang disepakati oleh para fuqahā' serta para cendekiawan Islam terkini.

Melalui instrumen deposit perbankan Islam, ISBT telah mengaplikasikan prinsip *al-wad'ānah* sebagai asas dalam menawarkan perkhidmatan simpanan atau tabungan kepada pelanggannya. Ianya bertepatan dengan kehendak syariah dan *mu'āmalah* Islam. Contohnya, kemudahan simpanan *al-wad'ānah yad ī'amānah*, iaitu simpanan bersyarat ini sungguh mudah dalam proses memberi jaminan kepada para pendeposit untuk menabung di ISBT. Setelah termeterainya akad di antara pihak bank dan pendeposit maka berlakunya proses sikap keredhaan antara satu sama lain dalam menjalankan tanggungjawab. Melalui transaksi ini, pihak bank diberi mandat oleh pendeposit untuk menggunakan wang simpanan tersebut untuk diniagakannya (*al-wad'ānah yad ī'amānah*). Oleh yang demikian, pihak bank akan bertanggungjawab ke atas seluruh wang simpanan para pendepositanya.⁵¹⁵ Seterusnya, pihak bank akan memberi bonus keuntungan perniagaan yang diniagakannya dalam bentuk dividen atau sagu hati kepada seluruh pendepositanya berdasarkan prinsip *al-hibah*.⁵¹⁶

⁵¹⁵ Sama seperti pendapat kebanyakan fuqahā' dan cendekiawan Islam yang berpendapat bahawa barang simpanan yang digunakan oleh penyimpan adalah merupakan tanggungjawab pihak penyimpan, ianya perlu dijamin dan diganti sekiranya berlaku kerosakan, kecacatan dan kekurangan. Lihat Fakhr al-Dīn Ṣūthmān bin 'Alī al-Zailā'ī (t.t), *Taybāt al-ḥaqā'iq Syarī' Kunz al-Daqā'iq*, j. 5, Kaherah: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 77-78; Syams al-Dīn al-Saykh Mu'ammad al-Dusūqī (t.t), *Hāsyiyah al-Dusūqī 'Alī al-Syarī al-Kabīr*, j. 3, Kaherah: 'Ōs al-Bēb al-ḥalabī, h. 420-421; Mu'ammad bin Alīmad al-Syarbīnī al-Khatīb (t.t), *Mughnī ilī Ma'rifah al-Ma'āni al-Minhaj*, j. 3, Beirut: Dār al-Fikr, h. 90.

⁵¹⁶ Setelah berlakunya pemberian saguhati atau dividen tahunan kepada pelanggan, pihak bank tidak akan menarik balik pemberian tersebut. Ianya berlandaskan kepada pendapat fuqahā' Mazhab Mēlikī dan fuqahā' Mazhab Syāfi'ī. Lihat al-Dusūqī (t.t), *op. cit.*, j. 4, h. 110; Abū Zakariyā Ya'fī bin Syarf al-Nawāwī (t.t), *Rawāḥ al-Ūlībin*, j. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-Ṣīmiyyah, h. 439.

Bagi prinsip syariah *al-mu'ārah* pula, ianya diaplikasikan ISBT untuk ditawarkan kepada para pelanggannya dalam bentuk produk akaun *Al-Mu'ārah* dan *Al-Ameen* bagi menggantikan akaun simpanan tetap, am, semasa dan serupa dengannya yang berasaskan ribā. Melalui produk akaun pelaburan tersebut, ISBT telah memberi peluang kepada pendeposit (pelabur) untuk melabur sebagai *rab al-m'āl* melalui penabungan dengan berkongsi keuntungan⁵¹⁷ berdasarkan prinsip *mu'ārah*⁵¹⁸ mengikut nisbah yang telah dipersetujui di antara pihak pendeposit (pelabur) dan ISBT.

Manakala, prinsip-prinsip *bay' al-ḥaḥ*, *bay' bithaman 'ajl* dan *bay' al-dayn* telah diaplikasikan ISBT sebagai produk pembiayaan untuk para pelanggannya menggantikan produk pembiayaan berlandaskan ribā di bank-bank konvensional. Tambahan pula, produk jual beli tersebut bersifat tulus dan adil yang sememangnya adalah berdasarkan prinsip *mu'ārah* Islam. Contoh produk adalah dalam bentuk pembiayaan bagi memperolehi kediaman yang diaplikasi ISBT menggunakan prinsip *bay' bithaman 'ajl* sebagai instrumennya iaitu pelanggan mesti mengetahui harga asal kediaman yang dikehendakinya serta diberitahu kadar keuntungan yang dikenakan bank serta jangka masa pembayaran sebelum akad serta proses perjanjian pembiayaan tersebut diteruskan. Jelas menunjukkan bahawa ISBT menjalankan tanggungjawabnya bertepatan dengan yang ditetapkan oleh hukum syarak.⁵¹⁹

Bagi prinsip *musyārah* pula, ISBT telah mengaplikasikannya dalam bentuk pelaburan jangka masa panjang dan jangka masa pendek. ISBT bertindak sebagai

⁵¹⁷ ISBT akan bertindak sebagai agen kepada pendeposit (pelabur) dalam menguruskan segala perkara berkenaan pelaburan yang telah diamanahkan oleh pendeposit (pelabur) berlandaskan prinsip al-wak'alah.

⁵¹⁸ Lihat prinsip *mu'ārah* dalam bab I di dalam disertasi ini.

⁵¹⁹ Temu bual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat induk ISBT, pada 26 April 2008, bertempat di bilik tamu pejabat bank induk ISBT pusat, Bangkok.

pewakil⁵²⁰ dan bukannya penjamin kepada rakan-rakan kongsi yang lain⁵²¹ dalam segala urusan yang dilakukan untuk kepentingan bersama iaitu yang jelas bertepatan dengan kehendak syarak.⁵²² Syarak telah menetapkan bahawa keuntungan hendaklah dibahagikan dalam bentuk peratusan tertentu di antara rakan-rakan kongsi dan bukannya dalam nilai yang tetap.⁵²³ Begitu juga ISBT telah menetapkan kadar keuntungan di antara pelanggan-pelanggan (pelabur) yang melabur dalam produk pelaburan jangka masa dalam bentuk peratusan tertentu yang sememangnya telah disepakati dan dipersetujui oleh semua pihak sebelum termeterai majlis akadnya.

Manakala bagi prinsip *murÉbaÁah*, kebanyakan bank Islam akan mengaplikasikan prinsip ini dalam urusan membiayai pelanggan bagi memperolehi harta tetap, sama ada yang tidak beralih seperti tanah dan rumah atau yang beralih seperti alat jentera, kenderaan dan sebagainya. Bank akan menjalankan operasinya berlandaskan hukum ‘Jualan Dengan Tambahan Untung’. Berdasarkan prinsip *murÉbaÁah*, bank akan membeli harta yang dikehendaki oleh pelanggan dan seterusnya bank akan menjual harta tersebut kepada pelanggan dengan harga yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak meliputi kos asal harta tersebut yang dibayar oleh bank dan tambahan keuntungan bank.⁵²⁴

Di ISBT, prinsip *murÉbaÁah* telah diaplikasikan dalam satu bentuk produk sahaja iaitu pembiayaan untuk mengimport barang perdagangan (*trust receipt*). *Trust receipt* atau resit amanah adalah kemudahan pembiayaan untuk perdagangan dalam dan luar negara di bawah prinsip *murÉbaÁah*. Instrumen *murÉbaÁah* yang dilaksanakan ISBT

⁵²⁰ Ibn HumÉm (1970), *op. cit.*, j. 6, h. 185; al-KasÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 5, h. 77.

⁵²¹ Zayn al-DÉn bin IbrÉhÉm bin Nujaym (t.t), *al-BaÁr al-RÉ’iq SyarÁ Kanz al-DaqÉ’iq*, j. 5, Kaherah: DÉR al-KitÉb al-IslÉmÉ, h. 187.

⁵²² Lihat hukum prinsip al-musyÉrah dalam bab I desertasi ini.

⁵²³ Ibn HumÉm (1970), *op. cit.*, j. 6, h. 183; al-KasÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 5, h. 77; al-ZuhaylÉ (1997), *op. cit.*, j. 5, h. 3901.

⁵²⁴ Abd. Ghafar Ismail et. al (1993), *Bank Perdagangan Di Malaysia Struktur Dan Pengurusan Dana*, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 58-59.

untuk menawarkan pelanggan pembiayaan bertujuan mengimportkan barang perdagangan (*trust receipt*) adalah menepati dengan apa yang dikehendaki hukum syarak. Contohnya, syarak telah menetapkan rukun penjual dan pembeli dalam akad *murÉbaÉlah* mesti baligh,⁵²⁵ begitu juga ISBT yang telah menetap syarat pelanggannya mesti baligh mengikut syarak dan juga undang-undang Thailand.⁵²⁶ Selain itu, syarak telah mengatakan adalah harus sekiranya penjual menyebut keuntungan berdasarkan nisbah atau peratusan.⁵²⁷ Begitu juga dengan perlaksanaannya di ISBT iaitu harga asal barangan, kadar keuntungan, kadar mengenakan pembayaran untuk perkhidmatan, jangka masa pembayaran serta rupa bentuk barangan mestilah dijelaskan dan dinyatakan serta dipersetujui pelanggan terlebih dahulu sebelum membuat perjanjian.

Manakala prinsip *al-wakÉlah* dan *al-kafÉlah* pula, telah diaplikasikan ISBT sebagai instrumen untuk ditawarkan kepada pelanggannya produk di bahagian import dan eksport. Syarak telah menetapkan untuk mengesahkan sesuatu perlantikan wakil itu, beberapa syarat tertentu perlulah ada iaitu syarat kepada pemberi wakil (*al-muwakkil*),⁵²⁸ penerima wakil (*al-wÉkil*)⁵²⁹ serta syarat kepada perkara-perkara yang menjadi subjek perwakilan (*al-mÉwakkal fÉh*).⁵³⁰ Begitu juga dengan ISBT yang telah menetapkan beberapa syarat untuk pelanggan kepada produk tersebut agar memberitahu bank tentang jenis dan sifat-sifat barang yang hendak diimport atau eksport serta syarat-syarat pengeluaran surat kredit atau bil sebagai satu syarat. Selain itu, kos perkhidmatan yang dikenakan ke atas pelanggan berlandaskan hukum upahan⁵³¹ dan perbelanjaan

⁵²⁵ Mazhab SyÉfi‘É mensyaratkan baligh sebagai syarat sah dalam jual beli dan tidak sah sekiranya dilakukan oleh kanak-kanak mumayyiz. Lihat MuÉammad al-ÚahrÉ al-GhamrÉwÉ (1933), *SirÉj al-WahhÉj NAIÉ Matan al-MinhÉj Li Syarf al-DÉn Yahyé al-NawÉwÉ*, Mesir: MuÉlafÉ al-alabÉ, h. 173. Akan tetapi fuqahÉ‘ Mazhab ×anafÉ, MÉlikÉ dan ×anbalÉ, mereka mengharuskan jual beli yang dilakukan oleh kanak-kanak yang mumayyiz dengan syarat barangan yang diadakan mempunyai nilai yang rendah dan kecil jumlahnya. Lihat Ibn HumÉm (1970), *op. cit.*, j. 6, h. 248.

⁵²⁶ Perlembagaan Thailand, Akta 19 “Seseorang akan menjadi baligh apabila berumur 20 tahun”

⁵²⁷ al-GhamrÉwÉ (1933), *op. cit.*, h. 195.

⁵²⁸ Lihat Sayyid SÉbiq (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 233; al-ZuÉaylÉ (1989), *op. cit.*, j. 5, c. 3, h. 76-7; al-SyarbÉnÉ al-KhÉtÉb (1955), *MughnÉ al-MuÉtÉj*, j. 2, Beirut: t.p., h. 217.

⁵²⁹ MuÉlafÉ al-Khin et.al (1996), *op. cit.*, h. 318; Sayyid SÉbiq (1994), *op. cit.*, h. 233; al-KÉsÉnÉ (1986), *BadÉ‘i‘ al-ÓanÉ‘i‘ FÉ TartÉb al-SyarÉ‘i‘*, c. 2, j. 6, Beirut: DÉR al-Kutub al-‘Alamiyyah, h. 20; al-ZuÉaylÉ (1989), *op. cit.*, h. 77.

⁵³⁰ MuÉlafÉ al-Khin et.al (1996), *op. cit.*, h. 319; al-ZuhaylÉ (1989), *op. cit.*, h. 78-79;

⁵³¹ Menurut Imam AbÉ ×anÉfah, sah bayaran upah/sewa yang di bayar pada akhir tempoh sewaan sekiranya penyewa (pelanggan) mensyaratkannya. Begitu juga sekiranya pemberi sewa (bank) mensyaratkan bayarannya secara ansuran dan ianya perlu dibayar oleh si penyewa. Lihat ak-KasÉnÉ (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 62.

pengurusan yang berkaitan dengan kemudahan dan khidmat surat yang dipersetujui kedua-dua pihak sebelum termeterai perjanjiannya telah diambil kira dan tidak dikecualikan.

4.7 Kesan Dan Faedah Pelaburan Secara Islam Di ISBT

Melalui sistem yang dibawa ISBT di tengah-tengah masyarakat yang sudah sehati dengan sistem ribÉ di Thailand semestinya ia memberi beberapa kesan dan faedah pada masa yang sama.⁵³²

4.7.1 Terhindar daripada unsur-unsur yang diharamkan oleh Islam

Sebarang bentuk dan sumber pelaburan yang dibuat oleh ISBT adalah halal. Hal ini dijamin kerana sebelum sesuatu bentuk pelaburan dilaksanakan, ISBT akan memastikan sumber, aktiviti dan operasi yang berkaitan dengannya tidak mengandungi unsur-unsur yang haram dan *syubhah*. Prinsip yang memastikan kehalalan sepenuhnya ini sememangnya menjadi dasar ISBT bagi sebarang bentuk pelaburannya. Walaupun terdapat sektor-sektor pelaburan yang boleh memberikan keuntungan yang lebih lumayan lagi, tetapi seandainya terdapat unsur-unsur yang diharamkan oleh syariat di dalamnya, pasti ISBT sebagai pemegang amanah dana umat Islam tidak akan terlibat di dalamnya. Namun begitu, matlamat mencari keuntungan yang maksimum tetap ada pada organisasi ini, tetapi dibuat berasaskan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Islam.⁵³³

⁵³² *Ibid.*,

⁵³³ Lihat mesej daripada Lembaga Penasihat Agama ISBT dalam Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 2; Temubual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat induk ISBT, pada 25 April 2008, bertempat di bilik tamu pejabat induk ISBT, Bangkok.

4.7.2 Menjamin kesucian dana umat Islam

ISBT sebagai pemegang amanah aset kepunyaan umat Islam menjamin bahawa sebarang aset dan wang dipegangnya sentiasa berada didalam keadaan bersih, suci dan terhindar daripada unsur-unsur yang diharamkan Islam. Keadaan ini dapat dicapai dengan melakukan penyimpanan wang umat Islam di dalam bank yang tidak berasaskan aktiviti ribÉ. Di samping itu, sumber pendapatan yang diperolehi melalui kegiatan pelaburan seperti pelaburan saham juga dipastikan terhasil daripada sumber-sumber yang diharuskan oleh syarak. ISBT akan memastikan saham-saham yang dipegang adalah halal sepenuhnya bagi menjamin kesucian dana umat Islam.⁵³⁴

4.7.3 Sebagai alternatif

Kewujudan ISBT sebagai alternatif selain daripada sistem ribÉ di Thailand telah diterima sebaiknya oleh masyarakat setempat. Hal ini dapat lihat daripada jumlah pelanggan yang meningkat setiap tahun berbanding tahun pertama operasinya.⁵³⁵ Ini terjadi kerana produk-produk pelaburan Islam di ISBT adalah telus dan nyata seperti kos asal, kaedah keuntungan, kos perkhidmatan dan sebagainya.

Sebagai contoh perkhidmatan pembiayaan berkenaan perumahan ISBT yang berdasarkan prinsip *bayÑ bithaman ajÉl* yang membolehkan pelanggan membuat perancangan kewangannya pada jangka masa yang panjang berbeza dengan

⁵³⁴ *Ibid.*

⁵³⁵ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 3.

perkhidmatan pembiayaan bank-bank berdasarkan sistem ribÉ sedia ada di Thailand yang kadar ribÉ tidak tetap dan mengikut perubahan kadar ribÉ pasaran semasa.⁵³⁶

Di sini, dapat penulis simpulkan bahawa menjadi satu kelebihan ISBT berbanding bank-bank lain yang berasaskan sistem ribÉ di Thailand mampu menarik minat pelanggan yang bukan hanya beragama Islam sahaja tetapi lain agama yang sememangnya selaras dengan objektif ISBT iaitu memberi perkhidmatan kepada masyarakat Thailand tanpa mengira latar belakang agama.⁵³⁷ Hal ini sekaligus telah mencerminkan keberkesanan instrumen pelaburan yang diaplikasikan ISBT.

4.7.4 Risiko rendah

ISBT selaku peneraju sektor pelaburan umat Islam di Thailand sentiasa memastikan ia dapat menghasilkan pulangan yang memuaskan. Kejayaan ini sememangnya telah terbukti dengan prestasi kewangan dan aset yang dimiliki ISBT yang sentiasa meningkat setiap tahun.⁵³⁸ Daripada temubual bersama-sama Tuansaleena Kubaha⁵³⁹ yang menegaskan ISBT adalah satu-satunya institusi kewangan Islam beroperasi berlandaskan prinsip mu'amalah Islam dan pelaburan secara Islam yang berada di bawah naungan terus kerajaan Thailand melalui Kementerian Kewangan Thailand.

Semua bidang pelaburan mahupun projek yang diterokai mestilah menepati syarat-syarat yang ditetapkan Kementerian Kewangan Thailand mengikut piawaian

⁵³⁶ Bank Of Thailand (BOT), http://www.bot.or.th/thai/statistics/financialmarkets/interestrates/layouts/application/interest_rate/IN_Rate.aspx, 15 Dec 2008.

⁵³⁷ Islamic Bank of Thailand (ISBT), http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/mission.htm, 3 Mac 2008.

⁵³⁸ Lihat dalam Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005-2007*.

⁵³⁹ Temubual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah ISBT Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat induk ISBT, Bangkok, Pada 25 April 2008, bertempat di Pejabat Induk ISBT di Daerah Wattana, Bangkok.

antarabangsa melalui sistem Pengurusan Risiko (*Risk Management*) dan *Basel Accord II*. Sistem tersebut merupakan di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Kecil Pengurusan Risiko (*Risk Management Sub-Committee*).⁵⁴⁰ ISBT akan membuat penilaian terlebih dahulu ke atas sesuatu perniagaan dan bidang pelaburan yang akan diterokai dan disertainya. Dapat dinyatakan di sini bahawa ISBT mengutamakan keuntungan dan pulangan daripada sesuatu bidang yang telah diterokai dan yang akan diterokainya. Bukti daripada laporan tahunan ISBT sejak tahun 2004-2007,⁵⁴¹ dapat dilihat dengan nyata ISBT tidak pernah mengalami kerugian daripada sesuatu projek mahupun sesuatu bidang pelaburan yang diterokainya.⁵⁴² Malah, keuntungan yang diperolehinya sentiasa meningkat dari tahun ke tahun.⁵⁴³ Ini membuktikan pelaburan secara Islam yang dibuat oleh ISBT boleh dijadikan asas kepada mereka yang ingin meraih keuntungan tanpa menyentuh ribÉ. Sama ada pulangan daripada penyimpanan bertujuan pelaburan atau melalui jualan saham, kedua-duanya telah memberikan sumbangan yang besar ke arah membesarkan lagi jumlah aset yang dimiliki oleh ISBT.

4.7.5 Persaingan positif

ISBT selaku salah sebuah institusi korporat telah mengambil langkah yang tepat dengan melaksanakan pelaburan secara Islam. Ini bukan sahaja memberikan hasil yang memuaskan malah, menjadikannya satu saingan yang dihormati dan bukannya dibenci

⁵⁴⁰ Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 7; *Ibid.*,

⁵⁴¹ Lihat Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005-2007*.

⁵⁴² Kerugian yang dialami ISBT hanya secara kecil-kecilan sahaja yang disebabkan ketidakupayaan untuk membayar balik hutang oleh pelanggan yang mengambil perkhidmatan pembiayaan perolehan harta sendiri yang ditawarkan oleh ISBT seperti ruman, premis kedai, alat jentera dan sebagainya yang berpunca daripada bencana tsunami pada tahun 2004. Temubual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah ISBT Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat induk ISBT, Bangkok, Pada 25 April 2008, bertempat di Pejabat bank induk ISBT di Daerah Wattana, Bangkok; Lihat juga Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005*, h. 2. Selain dari itu oleh kerana ISBT baru beberapa tahun beroperasi di mana banyak perkara yang perlu di baiki untuk meningkat dan menaikan prestasi dan taraf keupayaan operasinya maka peningkatan sistem teknologi maklumat, penambahan kakitangan dan pembukaan cawangan-cawangan baru adalah satu keperluan yang menyebabkan pada tahun 2006 ISBT mengalami kerugian keseluruhan sebanyak TBH 269.85 juta meningkat daripada tahun sebelumnya sebanyak TBH 111.76 juta. Lihat Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2006*, h. 6.

⁵⁴³ Lihat Islamic Bank Of Thailand (ISBT), *Annual Report 2005-2007*, h. 28.

atau ditakuti. Persaingan antara ISBT dengan bank-bank dan firma-firma korporat yang lain berlaku secara harmoni tanpa persaingan yang sengit dan tidak adil dalam mencari peluang pelaburan. Hal ini dibuktikan dengan projek-projek yang dilakukan secara usahasama dengan para pesaingnya iaitu bank-bank dan firma-firma korporat sama ada di dalam mahupun luar negara.⁵⁴⁴

4.7.6 Menyucikan harta ISBT dan umat Islam melalui pembayaran zakat.

Bagi menjamin kesucian harta yang dimiliki dan dana-dana umat Islam yang terletak di bawah jagaan ISBT, bukan sekadar melakukan pelaburan yang halal, malah turut melaksanakan kewajipan membayar zakat. Justeru, ISBT telah membayar zakat secara kolektif bagi semua bentuk pelaburan yang dibuat, aset yang dimiliki dan dana umat Islam yang diamanahkan kepadanya.

Mengikut akta *Islamic Bank Of Thailand* tahun 2002 (B.E. 2545⁵⁴⁵) seksyen 3⁵⁴⁶ diperuntukkan berkenaan akaun zakat yang dilaksanakan oleh ISBT iaitu memberi perkhidmatan untuk membayar zakat mengikut syar'ah Islam kepada orang Muslim sama ada pelanggan ISBT sendiri mahupun orang awam.

Modus operandi bagi perkhidmatan tersebut mengikut seksyen 3 adalah seperti di bawah :

1. ISBT sebagai sebuah media bagi aktiviti menerima pembayaran zakat untuk

⁵⁴⁴ Lihat aktiviti-aktiviti pelaburan Islam yang diterokai ISBT dalam Lampiran E.

⁵⁴⁵ Tahun era Buddha yang bermula daripada kematian Buddha, 543 tahun sebelum kedatangan masehi.

⁵⁴⁶ Akta Islamic Bank of Thailand (Thailand), 2002 (Akta No. 3, 2002).; Faculty of Commerce & Account, Chulalongkorn University, <http://www.oknation.net/blog/print.php?id=129229>, 5 Ogos 2009.

para pendeposit sama ada di bawah prinsip *wad'ÉÑah* mahupun *mul'Érabah* yang dimestikan untuk membayar zakat.

2. ISBT turut menawarkan perkhidmatan bagi pemindahan zakat iaitu apabila si pembayar zakat berkehendak untuk menyerahkan pembayaran zakatnya kepada mereka yang dikehendaknya.

3. Perkhidmatan pembayaran secara terus ke dalam akaun zakat iaitu ISBT akan membayar zakat secara memotong terus daripada keuntungan bagi akaun pemegang saham dan depositor dengan kadar 2.5% setahun.⁵⁴⁷

4.8 Masalah Pelaksanaan Pelaburan Islam Di ISBT

Dengan membawa bersama kelainan daripada sistem-sistem pelaburan yang sedia ada di Thailand maka, sememangnya ISBT perlu menghadapi beberapa masalah.

4.8.1 Kurang kefahaman tentang sistem pelaburan berlandaskan Islam oleh kerajaan Thailand⁵⁴⁸

Masalah yang merupakan penghalang bagi perkembangan pesat ISBT buat masa sekarang adalah kurang kefahaman tentang pelaburan berlandaskan Islam oleh kerajaan Thailand sendiri. Ini kerana ISBT adalah institusi perbankan Islam milik kerajaan

⁵⁴⁷ *Ibid.*

⁵⁴⁸ Temubual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah ISBT Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, Bangkok, Pada 25 April 2008, bertempat di Pejabat Induk ISBT di Daerah Wattana, Bangkok.

Thailand dan terletak dibawah kawalan sepenuhnya Kementerian Kewangan Thailand iaitu setiap perancangan yang dicadang dan dibuat oleh ISBT tidak boleh bertentangan dengan polisi dan peruntukkan yang digariskan oleh Kementerian Kewangan. Contohnya pihak Kementerian tidak membenarkan ISBT membuat pelaburan dengan bertindak menyediakan modal kepada individu yang memerlukan modal untuk mengusahakan sesuatu perniagaan kerana bimbang akan berlaku kerugian, sebaliknya pihak Kementerian lebih selesa ISBT melaburkan dananya ke dalam seperti projek mega milik kerajaan, industri-industri atau syarikat-syarikat yang sudah terbukti namanya dalam menghasilkan keuntungan.

4.8.2 Masalah dengan syarikat bersekutu dan syarikat ekuiti⁵⁴⁹

Pihak ISBT akan sentiasa memantau pelaburan-pelaburan yang dibuat sama ada dalam syarikat-syarikat, bank-bank, pasaran wang, pasaran saham dan ekuiti. Ini bagi memastikan pelaburan yang dibuat di dalam syarikat berkenaan dapat dipastikan kesuciannya. Hal ini dititikberatkan kerana sebagai pemegang amanah dana umat Islam, ISBT perlu memastikan aset umat Islam sentiasa berada di dalam keadaan bersih dan suci sepanjang menyimpan atau melabur di ISBT.

Sebagai contoh ketika ISBT mula-mula menyuntik modalnya ke dalam mana-mana perbadanan adalah kerana operasi perbadanan tersebut jelas tidak bergiat dengan aktiviti yang bertentangan syariah. Akan tetapi, setelah sekian lama ia beroperasi, aktiviti perbadanan berkenaan telah menyimpang jauh kepada yang diharamkan oleh Islam seperti melabur di dalam industri arak maka, ISBT akan bertindak menarik balik

⁵⁴⁹ Temubual dengan Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah ISBT Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, Bangkok, Pada 25 April 2008, bertempat di Pejabat Induk ISBT Daerah Wattana, Bangkok.

modalnya daripada perbadanan tersebut dan tidak akan sesekali terlibat lagi dengan perbadanan berkenaan.

4.8.3 Sistem pelaburan Islam masih kurang diminati dan difahami

Sistem Pelaburan Islam secara keseluruhannya masih lagi kurang difahami dan diminati oleh warga Thailand⁵⁵⁰ terutama sekali penganut Buddha yang menganggap keuntungan yang dibahagikan kepada para pendepositnya tidak berbeza daripada ribÉ di bank-bank konvensional. Justeru, untuk menjalinkan sebarang usahasama dengan firma-firma lain ISBT akan menghadapi masalah seandainya firma-firma berkenaan tidak dapat menerima konsep pelaburan secara Islam. Hal ini terjadi kerana firma berkenaan kurang memahami dan tidak minat untuk menerima sistem pelaburan Islam di dalam operasinya. Justeru, ISBT terpaksa memberikan penjelasan yang lebih lanjut berkenaan kelebihan-kelebihan yang boleh diperolehi melalui sistem pelaburan Islam. Namun begitu, seandainya firma berkenaan tidak menunjukkan minat, ISBT juga tidak berhasrat untuk menjalinkan kerjasama dengan syarikat berkenaan.⁵⁵¹

4.8.4 Pasaran pelaburan Islam masih terhad di Thailand

Pelaburan Islam dewasa ini telah berkembang luas dan pesat malah bank-bank konvensional di Thailand sendiri cuba untuk mengaplikasikan sistem urusan secara Islam melalui tettingkap Islam (*Islamic Window*) di institusinya. Namun begitu, pada hakikatnya masyarakat di Thailand terutama sekali penganut Buddha belum dapat memahami atau tidak berminat untuk mengetahui tentang sistem pelaburan Islam dan

⁵⁵⁰ Daripada sumber temubual dengan TuansaleenaKubaha, daripada pengalaman dan peninjauan melalui pertugasannya sistem pelaburan Islam masih kurang di minati dan difahami orang ramai. Temubual Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah ISBT Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, Bangkok, Pada 25 April 2008, bertempat di Pejabat Induk ISBT di Daerah Wattana, Bangkok.

⁵⁵¹ *Ibid.*

ada di kalangan mereka merasakan keuntungan dari sistem Islam tidak ada bezanya dengan ribÉ seperti dalam sistem konvensional tetapi hanya berbeza dari segi nama sahaja. Ini berlaku kerana kekurangan sumber informasi dan promosi berkenaan sistem muamalat Islam di Thailand selain masih terikat dengan sistem ribÉ yang sedia ada.⁵⁵²

4.8.5 Promosi tentang sistem pelaburan Islam di Thailand masih terhad

Promosi tentang pelaburan Islam untuk sebagai pendedahan kepada masyarakat umum di Thailand masih terhad kerana tidak banyak pendedahan sama ada dalam bentuk seminar, forum dan lain-lain pada peringkat kebangsaan yang dibuat. Kewujudan ISBT yang pertama dan satu-satunya institusi pelaburan Islam pada peringkat kebangsaan merupakan satu bentuk promosi yang sememangnya masih baru di Thailand. Walaupun terdapat institusi pelaburan Islam lain seperti koperasi, tabungan dan lain-lain lagi telah tumbuh di tengah-tengah masyarakat Islam di Thailand dengan pelbagai promosi yang dilancarkan, namun hanya terhad di kalangan masyarakat Islam dan di kawasan berdekatan sahaja. Meskipun di bahagian selatan Thailand terdapat banyak institusi-institusi berlandaskan Islam yang beroperasi, namun tidak banyak usaha promosi untuk menebusi pasaran masyarakat yang bukan Islam. Selain sistem konvensional adalah yang paling selesa oleh masyarakat umum di Thailand.⁵⁵³

⁵⁵² Temubual Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah ISBT Bahagian Pembangunan Produk, Pejabat Induk ISBT, Bangkok, Pada 25 April 2008, bertempat di Pejabat Induk ISBT di Daerah Wattana, Bangkok.

⁵⁵³ Lihat dalam Surin Pitsuwan (1998), *op. cit.*, h. 166-171.

4.9 Kesimpulan

Prestasi pelaburan ISBT dapat dibanggakan apabila dilihat prestasi kewangan dan aset yang kian membesar, jumlah deposit simpanan yang menunjukkan peningkatan setiap tahun, kedudukan kecairan wang tunai yang bagus, kedudukan liabiliti yang baik dan prestasi pelaburan serta hasil pendapatan yang makin berkembang dan lain-lain maka, terserlahlah bahawa institusi ini mampu memantapkan dan mengukuhkan dirinya. Dengan pegangan asetnya yang kian membesar, adalah tidak mustahil ISBT akan terus diberi kepercayaan bukan sekadar sebagai pemegang amanah dana umat Islam, tetapi juga sebagai pengembang aset berkenaan.

ISBT bukan sekadar pencipta sistem urusan projek pelaburan terbaru di Thailand malah, institusi ini mampu mengendali, mengawal dan mengurus setiap pelaburan yang diceburinya dengan begitu baik sekali. Keadaan ini dibuktikan dengan kemampuannya yang dapat mengembangkan dirinya di tengah-tengah sistem ribÉ yang sedang menyusut dengan keadaan ekonomi yang kian menjatuh di Thailand. Semua ini adalah hasil pendekatan dan kedudukan yang diambil olehnya yang bersandarkan informasi fundamental, keadaan pasaran sekitar, kekukuhan pelaburan yang dibuat dan rendah kadar risiko.

Di samping itu, keyakinan institusi ini terhadap kemampuan instrumen pelaburan syariah yang diaplikasikannya di dalam menjana keuntungan yang lumayan juga telah dibuktikan dengan kemampuan menambah pulangan yang tinggi dari tahun ke tahun. Walaupun kemerosotan ekonomi yang melanda negara banyak memberikan kesan negatif kepada banyak syarikat korporat namun, ISBT tetap utuh mempertahankan dan meningkatkan lagi asetnya. Hal ini sudah tentu membuka mata banyak pihak

bahawa sistem pelaburan Islam bukan sahaja menjamin kesucian wang yang dilabur malah, mampu menatijahkan keuntungan dan pulangan yang maksimum walaupun dalam keadaan ekonomi negara tidak menggalakkan.

Selain itu, keuntungan daripada pelaburan merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan aset yang dimiliki oleh ISBT. Hal ini sememangnya tidak dapat dinafikan kerana pendapatan modal dan hasil aktiviti-aktiviti pelaburannya meningkat naik pada kadar yang tinggi pada setiap tahun walaupun baru beberapa tahun beroperasi.

Jabatan Perancangan Urusniaga ISBT juga telah mengambil langkah-langkah penting bagi memastikan pulangan dari keuntungan modal dan pendapatan daripada aktiviti pelaburan yang dibuatnya terus memberikan hasil yang diharapkan. Walaupun ketika kemerosotan ekonomi Amerika dan kenaikan harga minyak namun, pelaburan secara Islam yang dilaksanakan di ISBT masih tetap memberikan satu kadar pulangan yang menguntungkan.

Tidak dinafikan pelaburan yang dibuat oleh ISBT juga menerima impak yang negatif berikutan kejatuhan saham dan indeks komposit dalam pasaran saham, namun kejatuhan pasaran saham secara global tidak memberikan kesan yang serius kepada institusi ini memandangkan sektor-sektor dan sekuriti yang diceburinya telah dipastikan kukuh dan mempunyai rekod dan sejarah prestasi yang mantap.

Meskipun terdapat halangan bersyarat terhadap kebebasan bermuamalat, tetapi ia tidak menjadi penghalang mutlak kepada aktiviti pelaburan Islam ISBT untuk terus

berkembang maju malah ia dijadikan sebagai satu wasilah untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t.

Walaupun keuntungan yang maksimum adalah asas kepada matlamat sesuatu perniagaan, ISBT juga tidak melupakan tanggungjawab terhadap agama dan masyarakat. Setiap aktiviti-aktiviti pelaburan yang dijalankan turut disesuaikan dengan prinsip-prinsip mu'amalah Islam. Kejayaan ISBT ini juga secara langsung dapat membuktikan keberkesanan instrumen pelaburan Islam yang berdasarkan prinsip-prinsip syariah yang diaplikasikannya. Malah, dengan keuntungan yang diperolehi ISBT tidak lupa untuk menunaikan tanggungjawab agama dengan berzakat.

Secara tidak langsung hasil daripada usaha ISBT ini bukan sahaja membantu para pendeposit dalam menambah dan mengembangkan harta yang ada malah ia turut menyumbangkan dan membantu umat Islam lain yang memerlukan. Berpegang kepada prinsip mencari keredhaan Allah inilah yang membezakan ISBT dengan institusi kewangan konvensional yang lain dan menjadikannya tetap unggul pada pandangan masyarakat Islam amnya.

PENUTUP

PENUTUP

Sebagai mengakhiri penulisan disertasi ini, penulis akan membuat rumusan secara keseluruhan hasil kajian yang telah dilakukan. Di samping itu, penulis akan memberikan beberapa cadangan dan saranan yang diharapkan dapat memberi faedah dan sesuai dengan kajian ini.

i. Rumusan

Berdasarkan kajian-kajian yang telah penulis lakukan, terdapat beberapa perkara yang dapat disimpulkan sebagai rumusan iaitu:

1. Pelaburan Islam merupakan suatu alternatif pelaburan yang terbaik untuk dilaksanakan berdasarkan kepada skopnya yang lebih luas dan fleksibel dan sesuai untuk dilaksanakan pada setiap masa dan keadaan. Dalam konteks negara yang semakin maju dan membangun ini, pelaburan Islam mampu mengisi beberapa instrumen pelaburan moden yang telah diguna pakai di persada arena korporat secara global.
2. Sebagai sebuah badan pelaksanaan sistem pelaburan Islam, ISBT telah membuktikan bahawa pelaburan Islam juga mampu bersaing dengan sistem pelaburan konvensional yang sedia ada dengan instrumen pelaburan Islam berkesan mampu menampung keperluan masyarakat tanpa mengira batasan agama yang membawa kepada sifat universal selaras dengan objektifnya. Keadaan ini juga telah membuktikan keberkesanan instrumen-instrumen

pelaburan yang diaplikasikan dengan jayanya oleh ISBT dalam bidang pelaburan dan dilihat dari beberapa aspek iaitu:

- i. Jumlah pelaburan yang semakin bertambah dari masa ke masa dapat dilihat dari peningkatan prestasi kewangan dan aset yang dimiliki sekaligus membuktikan peningkatan prestasi ISBT serta mencerminkan keberkesanan instrumen-instrumen pelaburan yang diaplikasikannya selain wujudnya satu perancangan yang terancang dan sistematik dari pihak pengurusan.
- ii. Jumlah pendeposit yang semakin meningkat turut membuktikan keupayaan ISBT dalam menguruskan simpanan dengan baik dan tidak diragui. Keadaan ini juga membuktikan komitmen dan kepercayaan yang telah diberikan yang tidak hanya oleh masyarakat Islam sahaja tetapi masyarakat yang bukan Islam sebagai pemegang amanah kepada wang-wang simpanan mereka.
- iii. Peningkatan jumlah aset dari tahun ke tahun juga dapat menggambarkan pengembangan ISBT yang kian berkembang di persada korporat dan ekonomi Thailand.
- iv. Peningkatan kadar hasil pendapatan pelaburan setiap tahun juga jelas memperlihatkan aktiviti-aktiviti pelaburan yang dilaksanakan oleh ISBT mampu mendatangkan pulangan yang menguntungkan dari masa ke masa.

- v. Ketiadaan sebarang kerugian dicatatkan hasil daripada pelaburan yang dibuat sepanjang hampir lima tahun beroperasi juga membuktikan prestasi ISBT meskipun, negara Thailand mengalami ketidakstabilan dalaman yang menyebabkan masalah ekonomi dan kejatuhan kadar pertumbuhan ekonomi serta pasaran sahamnya.
3. Dari segi perlaksanaannya pula, ISBT dianggap telah berjaya melaksanakan instrumen pelaburan secara Islam yang bertepatan dengan prinsip-prinsip mu'amalah Islam. Kenyataan ini adalah berasaskan kepada pengurusan yang menekankan keIslaman serta turut memberikan perhatian terhadap sumber-sumber perolehan dan saluran-saluran yang digunakan selain sentiasa menitikberatkan ketulenan prinsip-prinsip syariah yang diaplikasikannya.
 4. Dari sudut kebajikan, pelaburan Islam ini bukan sahaja mampu mendatangkan keuntungan kepada pihak institusi malah, ia turut mendatangkan manfaat kepada masyarakat Islam sama ada secara langsung ataupun tidak. Kebajikan secara langsung ialah hasil pembahagian keuntungan daripada institusi kepada masyarakat Islam yang menyumbang modal manakala kebajikan secara tidak langsung ialah hasil zakat perniagaan yang dikeluarkan kepada pihak-pihak yang memerlukan.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa aspek-aspek perancangan serta usaha yang efisien dan sistematik yang dijalankan di ISBT harus diambil iktibar

dan diberi sokongan supaya pelaburan secara Islam dapat berkembang luas tidak hanya sekadar di kalangan masyarakat Islam sahaja tetapi di kalangan masyarakat bukan Islam juga. Ternyata tidak dapat dinafikan bahawa pelaburan secara Islam adalah pelaburan yang sihat daripada sebarang perkara yang terkutuk seperti riba yang hanya akan membawa bersama ketidakadilan terhadap pengamalannya.

ii. Masalah

Sepanjang kajian yang telah dilakukan penulis dapat melihat beberapa masalah telah dikenalpasti menjadi penghalang kepada keberkesanan pelaksanaan instrumen pelaburan Islam di ISBT. Di antara masalah-masalah tersebut ialah:

1. Masih belum ada bentuk pendedahan tentang pelaburan Islam yang dijalankan oleh ISBT yang mampu memberi kesan luas khususnya kepada masyarakat umum di Thailand dan tidak sekadar masyarakat Islam sahaja. Akibatnya, kebanyakan masyarakat umum Thailand masih tidak dapat memahami berkenaan pelaburan dan sistem pengurusan kewangan secara Islam.
2. Masih belum ada galakan yang memuaskan terhadap pelaburan Islam oleh badan-badan kerajaan malah oleh badan-badan Islam sendiri melalui platform pendedahan seperti seminar, forum atau rancangan TV di peringkat kebangsaan untuk memberi garis panduan kepada pihak-pihak yang berminat dan untuk menarik minat masyarakat umum khususnya terhadap pelaburan Islam. Ini mengakibatkan syarikat-syarikat korporat atau institusi-institusi kewangan

belum mempunyai minat yang kuat terhadap aktiviti-aktiviti pelaburan yang dijalankan di institusi-institusi kewangan Islam di Thailand dan di ISBT khususnya.

3. Tidak terdapat maklumat-maklumat yang jelas berkenaan pelaburan-pelaburan Islam ini disebarkan kepada ahli-ahli ekonomi, pelabur asing mahupun masyarakat umum di Thailand. Sehubungan dengan itu tidak ramai yang mahu mengaktifkan diri dalam pelaburan Islam di Thailand yang di jalankan institusi-institusi kewangan Islam khususnya ISBT.
4. Di Thailand, masalah kekurangan cendekiawan-cendekiawan generasi baru Islam yang mahir terhadap ekonomi Islam dan Syari'ah terutama sekali di kalangan ahli ekonomi moden sekaligus telah membantutkan pendedahan tentang ekonomi Islam dari kalangan cerdik pandai. Keadaan ini sedikit sebanyak telah membawa kepada berlakunya kesamaran penilaian antara pelaburan Islam dan konvensional serta instrumennya. Seterusnya menyebabkan wujudnya salah faham di antara ahli-ahli ekonomi moden dan cendekiawan Islam. Implikasinya pula, tidak ramai ilmuan ekonomi moden yang berminat terhadap prinsip-prinsip syariah Islam walaupun ia bersesuaian dengan aktiviti-aktiviti ekonomi moden.
5. Kurangnya pendedahan terhadap instrumen pelaburan Islam di kalangan masyarakat umum Thailand terutama di institusi-institusi dan syarikat-syarikat korporat. Pendedahan secara lebih meluas perlu dijalankan bagi memastikan masyarakat umum sekurang-kurangnya dapat memahami dan menerima konsep pelaburan Islam ini bagi memudahkan institusi yang beroperasi berlandaskan

muamalah Islam mendapat tempat di persada ekonomi Thailand sama ada di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

6. Masyarakat Islam khasnya perlu diberikan pengetahuan terhadap kepentingan pelaburan Islam agar mereka lebih berminat untuk menceburinya. Sekaligus, akan dapat meningkatkan ekonomi mereka serta membuktikan kemampuan diri di arena korporat Thailand.

Kesimpulan

Kesimpulannya, memandangkan pelaburan Islam ini merupakan satu kaedah bagi meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam maka, satu sistem yang lebih terancang perlu disusun agar ia menjadi suatu elemen yang benar-benar memberikan manfaat kepada umat Islam khususnya. Keterbatasan tidak perlu dijadikan sebagai alasan untuk tidak melaksanakan pelaburan secara Islam. Malah, ia perlu dijadikan sebagai satu pegangan dalam menjalankan kegiatan pelaburan.

Bidang pelaburan yang sekian lama didominasi oleh sistem ekonomi konvensional kini, semakin berubah wajah khasnya di negara-negara Islam. Ini dilakukan dengan cara memasukkan elemen-elemen pelaburan Islam di dalamnya.

ISBT sebagai sebuah institusi pengurusan dana umat Islam di Thailand telah mempamerkan suatu kemampuan mengawal selia dan pada masa yang sama mengembangkan dana berkenaan. Agensi ini terus mendapat kepercayaan tidak hanya umat Islam untuk menandatangani simpanan mereka. Ini sudah terbukti dengan

peningkatan jumlah pendeposit dari tahun ke tahun. Keyakinan ini dapat dibentuk lantaran ketelusan operasi dan aktiviti-aktiviti pelaburan ISBT yang bersandarkan lunas-lunas syariah.

Pelbagai bidang pelaburan diterokai oleh ISBT bagi tujuan meraih keupulangan yang maksimum dan halal untuk dijadikan aset badan berkenaan dan diagihkan kepada para pendeposit dalam bentuk dividen. Antara pelaburan yang diterokai adalah urusanniaga saham, makanan halal, pembuatan, pembangunan, perdagangan, perumahan, pembinaan dan import-eksport. Pelaburan-pelaburan yang dibuat ini pula diselariskan dengan instrumen-instrumen pelaburan Islam yang sedia ada. Seandainya ditawarkan satu pakej pelaburan yang terkandung di dalamnya unsur-unsur yang diharamkan maka, ISBT akan mencari satu alternatif yang selaras dengan Islam bagi menggantikannya jikalau tidak menyingkirkannya.

Sepanjang tahun 2006 hingga 2007, ISBT telah memajukan sistem teknologi maklumat, membangunkan produk dan perkhidmatan serta meningkatkan prestasi kakitangan bagi menyediakan pengembangan operasinya untuk masa hadapan. Di samping itu, ISBT juga turut memajukan strategi corak perkhidmatan dengan menonjolkan dirinya sebagai satu alternatif kepada masyarakat yang bukan Islam dengan menawarkan perkhidmatan yang sesuai dengan kehendak mereka tetapi masih berlandaskan kepada syariah Islam. Contohnya, perkhidmatan berkenaan projek perumahan kerajaan dan juga swasta.

Peningkatan jumlah pelaburan di ISBT juga adalah berdasarkan kejelasan instrumen atau produk yang berasaskan prinsip syariah yang ditawarkan ISBT kepada

pelanggannya yang dilihat semakin mampu memenuhi keperluan masyarakat umum di Thailand.

Menyedari hakikat bahawa pelaburan Islam mampu menjana keuntungan yang maksimum maka, ISBT tidak teragak-agak untuk menjadikan pelaburan ini sebagai sumber pendapatan umumnya. Justeru, pulangan yang diraih hasil keuntungan pelaburan dalam berbagai sektor dan pelaburan saham jangka masa, telah dijadikan asas pelaburan di ISBT. Jikalau diteliti laporan-laporan yang dikeluarkan oleh ISBT setiap tahun, jelas menunjukkan sumbangan pendapatan dari pelaburan terhadap aset keseluruhan ISBT semakin meningkat dari tahun ke tahun. Di dalam melakukan transaksi pasaran saham ini, ISBT juga mengaplikasikan instrumen-instrumen pelaburan Islam agar hasil yang diperolehi mendapat keredhaan Allah s.w.t. yang merupakan salah satu objektif penubuhannya.

Sepertimana yang telah diperakukan oleh Allah s.w.t bahawa agama yang dibawa oleh Rasul-Nya adalah agama yang lengkap dan syumul maka, sistem muāmalah di dalam Islam juga sebenarnya sempurna meskipun terdapat instrumen-instrumen baru dalam sistem ekonomi dan pelaburan moden dewasa ini. Ini menunjuk bahawa Islam adalah agama yang sesuai dan serasi setiap masa dan setiap tempat. Dengan sistem pelaburan Islam dapat dibuktikan bahawa mana-mana produk atau ususniaga yang bertentangan dengan syariah boleh dicari alternatifnya dengan instrumen-instrumen pelaburan Islam.

Kejayaan ISBT dalam merintis media pelaburan Islam ini harus diteruskan.

Sokongan daripada pelbagai pihak amat diperlukan untuk memastikan pelaburan Islam dapat direalisasikan dalam kehidupan khususnya masyarakat Islam dan juga masyarakat umum di Thailand amnya.

iii. Saranan dan Cadangan

Berikut merupakan beberapa saranan dan cadangan yang penulis rasakan sesuai dengan kajian ini.

1. Menambahkan dan mempertingkatkan kefahaman terhadap pelaburan secara Islam kepada pegawai dan kakitangan kerajaan melalui satu platform pendedahan yang berkesan. Contohnya, menganjurkan seminar atau forum bertaraf antarabangsa dengan mengundang pakar-pakar ekonomi Islam, pegawai dan kakitangan institusi kewangan Islam, ahli akademik dan ahli korporat Islam dari dalam dan juga luar negara khasnya dari negara-negara Islam yang telah berjaya menjayakan pelaburan Islam di negaranya.
2. Memperluaskan lagi promosi dan pendedahan tentang pelaburan secara Islam kepada masyarakat umum di Thailand terutamanya di kalangan korporat, ahli-ahli perniagaan, pelajar di institusi pengajian tinggi dan orang awam tanpa mengambilkira latar belakang agama. Dengan ini akan dapat menyakinkan masyarakat umum terhadap pelaburan Islam sekaligus dapat menarik minat masyarakat terhadap pelaburan Islam.

3. Penulis mendapati bahawa ISBT tidak banyak mendedahkan cara-cara sesuatu produk pelaburan Islam itu dijalankan maka, penulis ingin menyarankan ISBT supaya banyak mendedahkan mengenainya kerana ini akan dapat menyakinkan lagi individu berkenaan pelaburan Islam yang dijalankan ISBT.
4. Penulis mencadangkan ISBT untuk menerbitkan buku atau jurnal yang mengandungi informasi berkenaan aktiviti pelaburan Islam kemudian mengagihkan kepada institusi-institusi, jabatan-jabatan, syarikat-syarikat sama ada milik swasta dan juga kerajaan serta institusi pengajian tinggi sebagai memperkenalkan sebuah industri baru yang patut mereka pelajari dan ambil tahu.
5. Bertindak dengan menganjurkan pameran-pameran industri seperti pameran industri halal untuk menarik lebih ramai masyarakat Islam menceburi diri dalam industri pelaburan Islam sekaligus, pendedahan diri sebagai platform yang sesuai untuk industri pelaburan secara Islam.
6. Mempelbagaikan lagi instrumen-instrumen pelaburan Islam yang sedia ada seperti *MusyÉrakah al-Mutaraqisah* komoditi, *al-MurÉbaÁah dar al-Tawarruq* sebagai instrumen pelaburan Islam sepertimana yang diamalkan di Malaysia sebagai contohnya.

BIBLIOGRAFI

BIBLIOGRAFI

1. Al-Qur'an Al-Karim

2. Rujukan Dalam Bahasa Arab

- AbÈ DÉwud, al-ImÈm al-HÈfiz Abi DÉwÈd SulÈyman bin Ash'as al- (t.t), *Sunan AbÈ DÉwud*, j. 3, Beirut: Muassasah 'Abd al-×afÈÐ al-BaĤaĤ.
- AĤmad IrsyÈd, MaĤmÈd 'Abd al-KarÈm (2001), *al-SyÈmÈl fÈ Mu'ÈmalÈt wa ÑAmaliyÈt al-MaĤÈrif al-IslÈmiyah*, al-Aurdun: DÈr al-NafÈ'is.
- AĤmad SyarbaĤÈ (1981), *al-Mu'jam al-IqtiiÈd al-IslÈmÈ*, Beirut: DÈr al-Jayl.
- al-'AllÈmah al-×ÈmmÈm MawlÈnÈ al-Syeikh NizÈm (1991), *al-FatÈwÈ al-Hindiyyah*, j. 3, Beirut: DÈr ØÈdir.
- al-Syeikh al-ImÈm bin IsmÈÑil (1997), *Subul al-Salam "Syarh BulÈgh al-MarÈm*, c.3, j. 3, Beirut: DÈr al-MaÑrifah.
- ÑAIÈ Aqhar MarwÈrÈd (1990), *Salsalah al-YanÈbilÑ al-Fiqhiyyah "Al-Dyan"*, c. 1, Beirut: Muassasah Fiqh al-SyiiÈh.
- AlÈsi, SyihÈb al-DÈn MaĤmÈd al- (t.t), *RÈĤ al-Ma'ÈnÈ fÈ TafsÈr al-Qur'Èn al-'ADÈm wa al-Sab'È al-MathÈnÈ*, jil.4, Beirut: DÈr al-Fikr.
- AmÈrah 'Abd al-LaĤÈf Masyhur (1991), *al-IstithmÈr fÈ al-IqtisÈl al-IslÈmÈ*, Kaherah: Maktabah MadbÈlÈ.
- 'AsqalÈnÈ, al- (1978), *FatĤ BÈrÈ Bi SyarĤ ØaĤÈĤ al-BukhÈrÈ*, j. 9, Kaherah: Maktabah al-KulliyÈt al-Azhariyyah.
- 'AsqalÈnÈ, AĤmad Ibn 'AlÈ ×ajar al- (1407H/1986), *FatĤ al-BÈrÈ*, j. 7, Kaherah: DÈr al-MatbaÑah al-Salafiyyah.
- BadawÈ, 'Abd 'AzÈm (1995), *al-WÈji fÈ Fiqh al-Sunnah wa al-kitÈb al-ÑAzÈz*, c. 1, DÈr Eygpt: Ibn Rajab.
- BayĤaqÈ, AbÈ Bakr AĤmad bin al-×usayn bin 'AlÈ al- (1344H./1923), *Sunan al-KubrÈ*, "KitÈb al-qirÈl", j. 6, India: DÈ' irah al-Ma'Èrif al-NiÐÈmiyah.

- BuhĒtĒ, ManĪĒr bin YĒnus bin IdrĒĪ al- (1982), *KasysyĒf al-QinĒ* ‘an Matn al-IqnĒ’, j. 3, Beirut: DĒr al-Fikr.
- BujayrimĒ, SulaymĒn bin ‘Umar bin MuĪammad al- (1995), *BĒjĒrmi ‘AlĒ al-KhĒĪĒb*, j.3, Beirut: DĒr al-Fikr.
- BukhĒrĒ, al- (1981), *ØalĒĪ BukhĒrĒ*, j. 3, Istanbul: al-Maktabah al-IslĒmiyyah.
- BukhĒrĒ, al-kĒtab no. 65 (*al-ManĒqib*), bab 24, hadith no. 3642.
- DĒraquĪnĒ, ‘AlĒ bin Umar al- (1993), *Sunan al-DĒraquĪnĒ*, j. 3, Madinah: DĒr IhyĒ’ al-ÙurĒth al-‘ArabĒm.
- DĒrdĒr, al- (1989), *al-SharĪ al-ØaghĒr ÑalĒ Aqrab al-MasĒlik ilĒ Madhhab al-ImĒm MĒlik*, j.2, Emiriyah Arab Bersatu: WizĒrah al-‘Adl wa al-ShuÑĒn al-IslĒmiyyah.
- DusĒqĒ, Syams al-DĒn al-Syaykh MuĪammad ‘Arfah al- (t.t), *HĒsyiyah al-DusĒqĒ* ‘AlĒ al-SyarĪ al-KabĒr, j. 3, Kaherah: ‘ØsĒ al-BĒbĒ al-×alabĒ.
- (1998), *HĒsyiyah al-DusĒqĒ* ‘AlĒ al-Syarh al-KabĒr, j. 3, Beirut: DĒr al-Fikr.
- GhamrĒwĒ, MuĪammad al-ÚahrĒ al- (1933), *SirĒj al-WahhĒj ÑAlĒ Matan al-MinhĒj Li Syarf al-DĒn YahyĒ al-NawĒwĒ*, Mesir: MuĪĪafĒ al-alabĒ.
- Ibn ÓbĒdĒn, MuĪammad AmĒn bin ‘Umar al-SyĒhĒr (1994), *Radd al-MuĪtĒr ‘Ala al-Dur’ al-MukhtĒr SyarĪ TanwĒr al-AbĪĒr*, j. 8, Beirut: DĒr al-Kutub al-Ñilmiyyah.
- Ibn ÑAsyĒr, MuĪammad al-TĒhir (t.t), *MaqĒĪid al-SyĒrĒÑah al-IslĒmiyyah*, Tunis: t.p.
- Ibn BadawĒ, ‘Abd al-‘AzĒm (1416H), *al-WĒji fĒ Fiqh al-Sunnah wa al-KitĒb al-AzĒz*, c. 1, Eygpt: DĒr Ibn Rajab.
- Ibn ×ajar (1971), *FatĪ al-Jawad bi SyarĪ al-ØrsyĒd*, j. 1. Kaherah: SyĒrĒkah Maktabah wa MaĪba‘ah MuĪĪafĒ al-BĒbĒ al-×alĒbĒ wa AwlĒdih.
- Ibn ×azm, AbĒ MuĪammad ‘AlĒ bin AlĪmad bin Sa‘Ēd (t.t), *al-MuĪallĒ*, Beirut: DĒr al-Fikr.

- Ibn HumÉm, KamÉl al-DÊn MuÍammad bin ‘Abd al-WaÍÊd al-ØiwÉÎÊ al-Ma‘rËf bi
 (1970), *SyarÍ FatÍ al-QadÊr*, jil. 6, Kaherah: MuÍlafÊ al-BÉBÊ al-×alabÊ.
- Ibn JawzÊ, MuÍammad bin AÍmad (t.t.), *al-QawÉnin al-Fiqhiyyah*, TP.
- Ibn KathÊr, AbË al-FidÉ’ IsmÉ‘il (t.t.), *TafsÊr Ibn KathÊr*, j. 1, Kaherah: ÑIsÉ al-BÉbÊ
 al-×alabÊ.
- Ibn MÉjah, MuÍammad bin YazÊd al-QazwinÊ (1953), *Sunan Ibn MÉjah*, “KitÉb al-
 TijÉrah, bab al-Syarikah Wa al-MuÍÉrabah”, j. 2, Kaherah: IsÉ al-BÉbÊ al-
 ×alabÊ wa AwlÉduh.
 -----(t.t), *Sunan Ibn MÉjah*, no. hadith 2289. J. 18, Beirut: DÉr al Fikr.
- Ibn ManÐËr, AbË al-FaÍl JamÉl al-DÊn MuÍammad b. Mukarram al-AnÍÊrÊ
 (t.t),
LisÉn al-ÑArab, j. 15, Kaherah : al-DÉr al-MiÍriyyah.
 -----(1954), *LisÉn al-ÑArab*, j. 4, Kaherah: al-DÉr al-MiÍriyyah li al-
 Ta’lif wa al-Tarjamah.
 -----(1968), *LisÉn al-‘Arab*, j. 14, Beirut: DÉr ØÉdir li al-ÙabÉ‘ah
 wa
 al-Nashr.
 -----(1968), *LisÉn al-ÑArab*, j. 7, t.t.p., DÉr BayrËt.
 -----(1990), *LisÉn al-‘Arab*, j. 1, Beirut: DÉr al-Fikr.
- Ibn Nujaym, Zayn al-DÊn bin IbrÉhÊm (t.t), *al-BaÍr al-RÉ’iq SyarÍ Kanz
 al-
 DaqÉ’iq*, j. 5, Kaherah: DÉr al-KitÉb al-IslÉmÊ.
 -----(1968), *al-Asybah wa al-NazÉ’ir ‘AlÉ Madhhab AbÊ ×anÊfah al-
 Nu‘mÉn*, KÉherah: Mu’assasah al-×alabÊ wa Syurakah.
 -----(1993), *al-BaÍr al-RÉ’iq SyarÍ Kanz al-DaqÉ’iq*, j. 7, Beirut: DÉr
 al-Ma’rifah.
- Ibn QudÉmah, AbË MuÍammad ‘Abd AllÉh bin AÍmad bin MuÍammad (1969),
al-MughnÊ, j. 5, Cairo: Maktabah al-QÉhirah.
 -----(1981), *al-MughnÊ*. j. 5. Maktabah al-RiyÉÎ al-×adÊthah.
 -----(1994), *al-MughnÊ*, j. 5, Beirut: DÉr al-Fikr.
- Ibn Rusyd, AbË al-WalÊd MuÍammad bin AÍmad (al-Jadd) (t.t), *al-MuqaddimÉt*,
 j. 2, Baghdad: Maktabah al-MuthannÉ.

- (1988), *Bid'iyah al-Mujtahid wa Nih'iyat al-Muqtasid*, j. 2, Beirut: D'Er al-Q'Elam.
- Ibn Taymiyyah, Taqī al-Dīn Abu al Abbās A'Imad ibn 'Abd al-×alīm ibn 'Abd al-Salām Ibn Taymiyyah al-Harrānī, (t.t), *Mukhta'ar al-Fat'aw' al-Mi'riyyah*, Tahqiq ÑAbd al-Maj'Ed Sulaym'En: D'Er al-Kutub al-ÑIlmiyyah.
- Ibr'Éh'Em Anis, et. al. (t.t), *al-Mu'ñjam al-Was'ÉI*, j. 1-2, Beirut: D'Er al-Fikr.
- Isfah'En'Ê, R'Éghib al- (1961), *al-Mufrad'Ét fi Ghar'Eb al-Qur'Én*, Cairo: Mu'Ïaf'É al-B'Éb'Ê al-×alab'Ê.
- Jawziyyah, Syams al-D'En Ab'Ë 'Abd All'Éh Mu'Áammad bin Ab'Ë Bakr bin Qayyim al- (1996), *'I'l'Ém al-Muwaqqi'Én 'An Rabb al-'Ólam'Én*, j. 1, Beirut: D'Er al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jaz'Er'Ê, ÑAbd al-Ra'Ím'En al- (t.t), *al-Fiqh Ñal'É al-Madh'Éhib al-Arba'ah*, Kaherah: al-Maktabah al-Tij'Ériyyah al-Kubr'É.
- (1979), *Kit'Éb al-Fiqh 'Al'É al-Madh'Éhib al-Arba'ah*, j. 3, Mi'Ïr : al-Maktabah al-Tijariyyah.
- K'Émil M'Ës'É (1994), *A'Íkam al-Mu'Émalat*, c. 2. Beirut: Muassasah al-Ris'Élah.
- Kas'En'Ê, Al'É al-D'En Ab'Ë Bakr ibn Mas'Éd al- (t.t), *Bad'É 'i' al-Øan'É'i' fi Tartib al-Shar'É' i'*, j. 7, Kaherah: Zakariyya 'Al'Ê Y'Ësuf.
- (1906), *Bad'Éi'Ñ' al-Øan'É'i'Ñ f'Ê Tart'Éb al-Shar'É'i'Ñ*, j. 6, Kaherah: t.p.
- (1986), *Bad'É'i' al-Øan'É'i' F'Ê Tart'Éb al-Syar'É'i'*, c. 2, j. 6, t.t.p: D'Er al-Kutub al-'Alamiyyah, Beirut.
- (1982), *Bad'É'i'Ñ al-Øan'É'i'Ñ F'Ê Tart'Éb al-Shar'É'i'Ñ*, j. 6, Beirut: D'Er al-Kitab al-'Arabi.
- Khaf'Éf, ÑAli al- (t.t), *al-Shirkah f'Ê al-Fiqh al-Isl'Ém'É*, Cairo: D'Er al-Nashr li-al-J'Ém'Ê Ñat al-Mi'riyyah.
- Kha'Ï'Eb, Mu'Áammad bin A'Ímad al-Syarb'En'Ê al- (t.t), *Mughn'É Il'É Ma'rifah al-Ma'Éni al-Minhaj*, j. 3, Beirut: D'Er al-Fikr.
- (1958), *Mughn'É al-Mu'Ít'Éj Il'É Ma'rifah Ma'Éni Alf'Éz al-Minh'Éj*, j. 2, Kaherah: Mu'Ïaf'É al-B'Éb'Ê al-×alab'Ê.

- KhayyĒĪ, ‘Abd al-‘AzĒZ al- (1988), *al-Syarikat FĒ al-SyarĒ‘ah al-IslĒmiyyah*, c. 3,
j. 1, Beirut: Mu’assasah al-RisĒlah.
- KhĒn, MuĪĪafĒ al- et.al (1996), *al-Fiqh al-ManhajĒ ‘AlĒ Madhhab al-SyĒfi ‘Ē*,
j.
3, Damsyik: DĒr al-‘UlĒm al-InsĒniyyah.
- KhĒn, MuĪĪafĒ Sa‘Ēd al- (1998), *AthĒr al-IkhtilĒf FĒ al-QawĒ‘id al-UĒĒliyyah FĒ
FĒ
IkhtilĒf al-FuqahĒ*, c. 7. Beirut: DĒr al-RisĒlah.
- MĒlik bin AnĒs, AbĒ ‘Abd AllĒh (t.t), *al-Mudawwanah al-KubrĒ*, j. 3, Beirut:
DĒr al-ØĒdir.
- (t.t), *al-MuwaĪĒĒ*, Riwayat Jamal al-DĒn Abd Rahman al-
SuyĒtĒ,
t.t.p.: DĒr al-ØfĒq al-JadĒdah.
- (1323H/1902), *al-Mudawwanah al-KubrĒ*, j. 2, Kaherah: al-Sa‘Ēdah.
- (1931), *ØalĒh al-TirmĒdhĒ*, j. 5, Kaherah: al-MatbĒ‘ah. al-
MiĪrĒyyah
bi al-Azhar.
- (1993), *al-MuwatĒĒ*, “KitĒb al-qirĒĪ”, no. hadith 2429, c. 2, j. 2,
Beirut: Mu’assasah al-RisĒlah.
- MaqdĒsĒ, SyarĒf al-DĒn MĒsĒ bin AĪmad bin MĒsĒ bin SalĒm AbĒ al-NajĒ al-
×ujjĒwĒ
al- (1999), *al-IqnĒ ‘Li ŪĒlib al-IntifĒ*, j. 2, RiyĒĪ: DĒr al-‘Ølam al-Kutub.
- MaqĪĒd, ‘Abd al-RaĪmĒn bin NashĒr al-SaÑdĒ, (TaĪqĒq) Asyraf ‘Abd al-
(1992),
*Bahjah QulĒb al-AbrĒr wa Qurratu UyĒnĒ al-AkhyĒr fi SharĪ JawĒmiÑ al-
AkhhĒr*, c. 2, t.t.p: DĒr al-Jail.
- MardawĒ, ‘AlĒ bin SulaymĒn al- (1956), *al-InĒĒf fi Ma ‘rifah al-RĒjiĪ min al-
Khilaf*, j. 5, TP.
- MuĪammad ×usĒn ×aykal (1963), *×ayĒt MuĪammad*, j. 2, Kaherah: Maktabah al-
NahĪah al-ÑArabiyyah.
- MuĪammad RawĒs al-QalÑah (1997), *MabĒĪitĪ FĒ al-IqtiĒĒd al-IslĒmĒ
Min
UĒĒlĪ al-Fiqhiyyah*, Beirut: DĒr an-Nafa’is.
- MuĪammad ÑUthmĒn SyibĒr (1999), *Mu ‘ĒmalĒt al-MĒliyyah al-Mu ‘ĒĪrah fi
Fiqh al-IslĒmĒ*, c. 3, al-Aurdun: DĒr al-NafĒis.
- MĒsĒ KĒmil (1994), *AĪkam al-Mu ‘Ēmalat*, c. 2. Beirut: Muassasah al-RisĒlah.

- MĒsĒ, Syeikh Muġammad al- (1401H), *Syarikah al-AsykhĒĪ Bayna al-SyarĒ‘ah wa al-QĒnun*, Riyadh: JĒmi‘ah al-ImĒm Muġammad bin Si‘Ēd al-IslĒmiyyah.
- NasĒ‘Ē, AbĒ ‘Abd al-RaġmĒn Aġmad bin ‘AlĒ bin Syu‘ayb al- (1986), *Sunan alNasĒ‘Ē*
Bi SyarĪ al-SuyĒtĒ Wa HĒsyiyah al-SindĒ, j. 7. Beirut: DĒr al-BasyĒ‘ir al-IslĒmiyyah.
- NawĒwĒ, Maġy al-DĒn AbĒ ZakariyĒ YaġyĒ bin Syarf al- (t.t), *Rawġah al-ÙĒlibĒn*, j. 3, Beirut: DĒr al-Kutub al-ŅIlmiyyah.
- (1966), *RaĒġah al-ÙĒlibĒn*, j. 3, Kaherah: al-Maktab al-IslĒmĒ.
- (1995), *al-MajmĒ‘ SyarĪ al-Muhadhdhad*, j. 15, Beirut: DĒr IhyĒ‘ al-TurĒth al-‘ArabĒ.
- QĒdir, al-ImĒm Muġammad ibn AbĒ Bakr ibn ŅAbd al- (1992), *MukhtĒr al-ØiĒĒĪ*,
 Beirut: DĒr al-Fikr.
- QurasyĒ, IsmĒ ‘il bin KathĒr al- (1998), *al-Qur‘Ēn al-‘ADĒm*, j. 4, Kaherah: DĒr al-
 ×adĒth.
- QurġubĒ, Muġammad bin Aġmad bin Muġammad bin Aġmad bin Rusyd al- (t.t),
BidĒyah Ēl-Mujtahid Wa NihĒyah al-Muqtaġid, j. 2, Beirut: DĒr al-Fikr.
- (1936), *JamĒŅ al-AġkĒm al-Qur‘ Ēn*, j. 3, Kaherah: MatbaŅ ah DĒr al-
 Kutub MiġriyyĒh.
- QushayrĒ, Muslim Ibn al-×ajjĒj al- (1994), *ØaĪĒĪ Muslim bi SyarĪ al-ImĒm MuġyĒ al-
 DĒn al-NawawĒ*, Beirut: DĒr al-MaŅrifah.
- Quġb, Sayyid al- (1993), *FĒ ZilĒl al-Qur‘Ēn*, j. 6, Kaherah: DĒr al-SyurĒq.
- RamiĒ, Syams al-DĒn Muġammad bin AbĒ al-‘AbbĒs Aġmad bin ×amzah al- (1984),
NihĒyah al-MuġtĒj Ila SyarĪ al-MinhĒj, j. 5, Beirut: DĒr al-Fikr.
- RasyĒd RiĒĒ, al-Sayyid Muġammad (1986), *al-RibĒ Wa al-MuŅĒmalat fĒ al-IslĒm*,
 Beirut: DĒr Ibn ZaydĒn.
- RasyĒd RiĒĒ, al-Sayyid Muġammad (1999), *TafsĒr al-ManĒr*, j. 10, Beirut: DĒr al-
 Kutub al-‘Ilmiyyah.
- RĒzĒ, AbĒ ŅAbd AllĒh Muhammad bin ‘Umar bin ×usayn Fakhr al- (t.t), *al-Tafsir*

al-KabÊr, j. 7, Teheran: DÊr al-Kutub al-IslÊmiyyah.

RumÊnÊ, Zayd Muhammad al- (1999), *Majallah al-Syariah Wa al-DirÊsÊt al-*

IslÊmiyyah, Kuwait University: Academic Publication council.

SÊbiq, Sayyid al- (1987), *Fiqh al-Sunnah*, c. 8, Beirut: DÊr al-KitÊb al-‘ArabÊ.

----- (1994), *Fiqh al-Sunnah*, j. 3, Kaherah: DÊr al-FatÍ Li al-‘L‘lÊm al-‘ArabÊ.

SañdÊ, ‘Abd al-RaÍmÊn bin NashÊr al- (TaÍqÊq) Asyraf ‘Abd al-MaqÎÊd (1992),

Bahjah QulÊb al-AbrÊr wa Qurratu UyÊnÊ al-AkhyÊr fi SharÍ JawÊmiÑ al-AkhhÊr, c. 2, t.t.p: DÊr al-Jail.

San‘ÊnÊ, MuÍammad IsmÊ‘il al- (t.t), *Subul al-SalÊm SyarÍ BulÊgh al-MarÊm*, j. 3, Kaherah: Maktabah ‘AÍif.

----- (t.t), *Subul al-SalÊm*, j. 3, MiÍr : MaÍba‘ah al-Mashhad al-×usainÊ.

----- (1983), *al-MuÍannaq*, j. 11, al-Majlis al-‘Ilm.

SarakhsÊ, Syams al-DÊn al- (1978), *KitÊb al-MabsÊÍ*, j. 12, Beirut: DÊr al-Mañrifah.

----- (1986), *al-MabsÊÍ*, j. 2, Beirut: DÊr al-Mañ rifah.

----- (1993), *al-MabsÊÍ*, j. 13, Beirut: DÊr al-Kutub al-ÑIlmiyyah.

ShÊrÊzÊ, al- (1958), *al-Muhadhdhab*, j. 1, Mesir: MaÍbaÑah MuÍÍafÊ al-BÊbÊ al-×alÊbÊ.

ØowÊ, MuÍammad Øoleh MuÍammad al- (1990), *Musykilah al-IshtimÊr fÊ al-*

BunÊk al-IslÊmiyyah wa kaifa ‘Ê IijuhÊ al-IslÊm, Cairo: DÊr al-MujtamaÑ wa DÊr al-WafÊ’.

SubkÊ, ÑAIÊ bin ÑAbd al-KÊfi al- (t.t), *Takmilah al-Majmu’ ÑSyarÍ al-Muhadhdhab*, j.

10, Beirut: DÊr al-Fikr.

SuyÊÍÊ, ‘Abd al-RaÍmÊn bin al-KamÊl JalÊl al-DÊn al- (1959), *al-AsybÊh wa al-*

NaÐÊ’ir, j. 2. Kaherah: Syarikah Maktabah wa MaÍba‘ah MuÍafÊ al-BÊbÊ al-×alÊbÊ wa AwlÊdih.

SyÊfi‘Ê, Muhammad Ibn Idris al- (1961), *al-Umm*, Kaherah : Maktabah KulÊyyat

al-Azhariyah.

SyÊfi‘Ê, AbÊ ‘Abd AllÊh MuÍammad bin Idris al- (1993), *al-Umm*, j. 3, Beirut: DÊr al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- SyÉrbÊnÊ, Syams al-DÊn MuÍammad bin MuÍammad al-KhÉtÊb al- (1955), *MughnÊ al-MuÍtÊj*, j. 2, Beirut: t.p.
- (1958), *MughnÊ al-muÍtÊj*, j. 2. Kaherah: MaktÉbah wa MaÍba‘ah MuÍlafÉ al-BÉbÊ al-×alÉbÊ wa AwlÉdih.
- (1978), *MughnÊ al-MuÍtÊj*, j. 2, Beirut: DÉr al-Fikr.
- SyÉÏibÊ, IbrÉhÊm bin Musa al- (1975), *al-MuwÉfaqÉt FÊ UÎËl al-SyarÊ‘ah*, j. 3, Beirut: DÉr al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- SyawkÉni, MuÍammad bin ‘AlÊ bin MuÍammad al- (t.t), *Nayl al-AwiÉr SyarÍ MuntaqÉ al-AkhhÉr Min al-AÍÉlith Sayyid al-AkhyÉr*, KitÉb al-syÉrikah wa al-muÍÉrabah, j. 5, Beirut: DÉr al-Kutub al-ÑIlmiyyah.
- (1937), *IrsyÉd al-FuÍËl IlÉ TalqÊq al-×aqq Min ‘Ilm al-UÎËl*. Mesir: MuÍlafÉ al-BÉbÊ al-×alabÊ.
- (1978), *Nayl al-AwiÉr*, j. 5, Kaherah: Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyyah.
- (1995), *Nayl al-AwiÉr*, j. 5, Beirut: DÉr al-Kutub al-‘Ilmiyyah, no. 2235.
- SyÊrÉzÊ, AbË IshÉq IbrÉhim bin ‘AlÊ al- (t.t), *al-Muhadhdhab fÊ Fiqh Madhhab al-ImÊm as-SyÉfi‘Ê*, Damsyik: DÉr al-Fikri.
- ShÊrÉzÊ, al- (1958), *al-Muhadhdhab*, j. 1, Mesir: MaÍbaÑah MuÍlafÉ al-BÉbÊ al-×alÉbÊ.
- SÉmÊ ×asan AÍmad ×amoud (1982), *TaiwÊr al-AÑmal al-MaÍrafiyyah bima Yattafiqu wa-Syariah al-IslÉmiyyah*, Amman: MaÍÑah al-Syarq wa Maktabatuha.
- TirmidhÊ, MuÍammad bin ÑAbbÉs al- (t.t), *Sunan al-TirmidhÊ*, j. 4, Beirut: DÉr ÍlyÉ‘al-TurÉth al-ÑArabÊ.
- (t.t), *Sunan al-TirmidhÊ*, j. 2, Beirut: DÉr al-Fikr.
- Zaila‘Ê, Fakhr al-DÊn ÑUthmÉn bin ‘AlÊ al- (t.t), *TaybÊn al-×aqÉ‘iq SyarÍ Kunz al-DaqÉ‘iq*, j. 5, Kaherah: DÉr al-KitÉb al‘ArabÊ.
- ZubaydÊ, al- (1306 H), *TÉj al-‘ArËs*, j. 10, Cairo: al-MaÍba‘ah al-Khairiyyah.
- ZarkasyÊ, Syams al-DÊn AbË ‘Abd AllÉh Muhammad bin ‘Abd AllÉh al- (1997),

Syarí al-ZakarsyÊ 'AlÊ Matn al-KhirqÊ, j. 2, Beirut: DÊr Khadar.

ZuÍaylÊ, Wahbah al- (1989), *al-Fiqh al-IslÊmÊ wa AdillatuÍ*, c. 3, j. 4, Damsyik: DÊr al-Fikr.

------(1991), *al-TafsÊr al-MunÊr*, j. 2, Beirut: DÊr al-Fikr.

------(1996), *al-Fiqh al-IslÊmÊ wa Adillatuh*, j. 4, Damsyik: DÊr al-Fikr.

------(1997), *al-Fiqh al-IslÊmÊ wa Adillatuh*, c. 3, j. 3, Damsyik: DÊr al-Fikr.

------(1998), *UÍÊl al-Fiqh al-IslÊmÊ*, j. 2, Damsyiq: DÊr al-Fikr.

3. Rujukan Bahasa Inggeris

Buku dan Kertas Seminar

Abdullah, Saeed (1996), *Islamic Banking and Interest: a Study of the Prohibition of Riba and Its Contemporary Interpretation.*, Leiden: E J Brill.

A. Bougas, Wayne (1994), *The King of Pattani*, UKM: Institut Alam dan Tamadun Melayu.

al-Attas, S. Naguib (1969), *A General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Alhabshi, Syed Othman (1994), "Islamic Thoughts and Investments", (dalam Seminar on Islamic Investment: An Exploratory Action Research, Kuala Lumpur : 2 August 1994), paper 5.

Borhan, Joni Tamkin bin (1998), "Bay al-MurÉbaÍah in Islamic Commercial Law", *Jurnal Syariah*, Bil 6, January 1998.

Chapra, MoÍammad Umer (1993), *Towards A Just Monetary System: Discussion of Money, Banking and Monetary Policy in the Light of Islamic Teachings*. Leicester (U.K.): Islamic Foundations.

Choudhury, Masadul Alam (1986), *Contributions to Islamic Economic Theory: A Study in Social Economics*, London: Mc Millan Press Ltd.

Chulalongkorn University, Faculty of Law (t.t), *Thailand and The Islamic World*, Bangkok: Chulalongkorn University.

Fatini, S.Q. (1963), *Islam Comes to Malaysia*, Malaysia Sociological Research Institute LTD., Singapore.

J. Gitman, Lawrence & D. Joehnk, Michael (2005), *Fundamentals of Investing*, Ed. 9, Boston: Pearson Education, Inc, h. 153

J. Woelfel, Charles et. al (1994), *Ensiklopedia of Banking and Finance*, Vol. 2, USA.: Probus Pub. Co. and Toppar Co. (s) Pte. Ltd.

- Khan, Muhammad Akram (1983), *Issue in Islamic Economics*, Islamic Publications Ltd., Lahore.
- Keynes, John Maynard (1960), *The General Theory of Employment, Investment and Money*, London: Macmillan & Co. Ltd.
- M. Sadeq, Abul Hasan (1992), *Financing Economic Development and Mainstream Approaches*, Longman Malaysia, Selangor.
- Maududi, Abul A'la (1978), *Economic Problem of Man and Its Islamic Solution*, Lahore: Islamic Publication Ltd., h. 56.
- Mirakhor, Abbas (1995), "Theory of an Islamic Financial System", dalam *Encyclopadia of Islamic Banking and Insurance*, London.
- Mohamed, Ariff et. al (eds) (1998), *Islamic Banking in Southeast Asia*. Institute of Southeast Asian Studies, Kuala Lumpur: University Malaya.
- Nabil, Saleh (1986), *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law : Riba Gharar and Islamic Banking*, U.K.: Cambridge University Press.
- Pitsuwan, Surin (1998), "The Islamic Banking Options in Thailand" *Islamic Banking in Southeast Asia*, Mohamed Ariff (eds), Institute of Southeast Asian Studies, University Malaya, Kuala Lumpur (Malaysia).
- Radcliffe, R. C. (1990), *Investment – Concepts, Analysis, Strategy*, University of Florida, United States, Harper Collins Publishers.
- Rahman, Afzalur (1980), *Economic Doctrine of Islam*, Jil. 3, Islamic Publication Ltd.,
- Reilly, Frank K. (1992), *Investments*, Ed. 3, United State: The Dryden Press.
- Siddiqi, Muhammad Nejatullah (1972), *Economic Enterprise in Islam*, Delhi: Markazi Maktaba Islami.
- (1988), *Issue in Islamic Banking*, UK: Islamic Foundation.
- Siddiqi, M. Iqbal (1981), *Model of Islamic Banking*, Lahore: Kazi Publication Ltd.
- Teeuw, A. and Wyatt, D.K. (1970), *The Story of Patani*, The Hague-Mertinus Nijhoff.
- William F., Sharpe (1995), *Risk, Market Sensitivity and Diversification*, Financial Analys Journal, Jan-Feb.

Laporan Tahunan, Surat Pengumuman, Risalah dan Akhbar

Bank Of Thailand (2003), *Laporan Ekonomi dan Kewangan Tahun 2003*.

Bank Of Thailand (2004), *Laporan Ekonomi dan Kewangan Tahun 2004*.

Bank Of Thailand (2005), *Laporan Ekonomi dan Kewangan Tahun 2005*.

Bank Of Thailand (2006), *Laporan Ekonomi dan Kewangan Tahun 2006*.

Bank Of Thailand (2007), *Laporan Ekonomi dan Kewangan Tahun 2007*.

ISBT, *Annual Report 2005*.

ISBT, *Annual Report 2006*.

ISBT, *Annual Report 2007*.

4. Rujukan Dalam Bahasa Melayu

Buku dan Kertas Seminar

Abdul Rahim, Razali bin (1998), "BIMB: Satu Tinjauan Mengenai Operasi Pelaburan Serta Kesannya Kepada Masyarakat Islam" (Latihan ilmiah, Jabatan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi pengajian Islam, UM).

Ab.Ghani, Abdul Mu'min (1997), "Peristilahan Riba: Satu Analisis Hukum", *Jurnal Syariah*, j. 5, Bahagian Pengajian Syariah, APIUM.

Ahmad, Nor Ashikin binti (1998), "Perlaksanaan Sistem Pelaburan Secara Islam: Tumpuan Kajian di Lembaga Tabung Haji, KL" (Latihan ilmiah, Jabatan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM).

Ali, Rosalan Hj. (1993), *Pelaburan Penilaian dan Penerapan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

A. Malek, Mohd Zamberi (1993), *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*, Malaysia: Hizbi, Shah Alam. (Buku ini merupakan buku sejarah dan sosio politik Pattani yang pertama kali diterbitkan dalam bahasa Malaysia).

Antonio, Muhammad Syafi'i (1999), *Bank Syariah*, Jarkata: Tazkia Institute.

Awang, Idris (2001), *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur : Intel Multimedia Publication.

Ayub, Ahmad Mahdzan (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi*, Suatu Pengenalan, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azhari, Muhammad Kamal (1993), *Bank Islam : Teori dan Praktik*, Dewan Bahasa

Pustaka Fajar, Kuala Lumpur.

- Bakar, Mohd Daud (1997), "Aspek-aspek Pembiayaan Projek dalam Amalan Perbankan Islam", *Jurnal Syariah*, j. 5, Bahagian Pengajian Syariah, APIUM.
- Bardai, Barjoyai bin (2001), "Masalah Implimentasi Dan Kaedah Untuk Menggalakkan Pelaburan Beretika di Malaysia", (dibentangkan dalam: Seminar "Pelaburan Beretika Menurut Islam: Satu Cabaran", 13-14 Feb: Kuala Lumpur, paper 10).
- Barnadib, Imam (1982), *Erti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP- IKIP, h. 51.
- Bashah, Haji Abdul Halim (1994), *Raja Campa & Dinasti Jembal dalam Patani Besar (Patani, Kelantan & Terangganu)*, Malaysia: Pustaka Reka.
- Borhan, Joni Tamkin bin, "Falsafah Ekonomi dan Instrumen Muamalah Dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia" dalam, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 13. Jumadil al-Awwal 1422H/Julai 2001.
- Capakiya, Ahmad Omar (2002), *Politik dan Perjuangan Masyarakat Islam di Selatan Thailand 1902-2002*, UKM: Bangi.
- Che Man, Wan Kadir, "Masa Depan Melayu Patani", dalam *Jurnal Beriga*, April Jun 1997.
- (1998), "Melayu Muslim Selatan Thailand" dalam: *Minoriti Muslim di Thailand*, Farid Mat Zain, Selangor: L. Minda, Bangi.
- Che Seman, Azizi (2002), "Peranan Bay al-Inah Dalam Sekuriti Hutang Swasta Islam di Malaysia" (Kertas kerja dibentangkan di Bengkel Ekonomi Islam, Anjuran Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur, pada 22 Jun 2002).
- Dewan Bahasa dan Pustaka (1993), *Kamus Ekonomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (1997), *Kamus Pelaburan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Din, Haron (1996), *Prinsip-prinsip Syariah Dalam Muamalah Dan Pelaburan Islam*: Kertas seminar on Banking Renaissance : Malaysian Aspirations (22 Jul 1996, paper 2), Johor Bahru.
- El-Muhammady, Abdul Halim (2001), *Undang-undang Muamalat dan Aplikasinya Kepada Produk-produk Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Percetakan Bintang.
- Hamka (1981), *Dari Perbendaharaan Lama*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Haron, Sudin (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Hasan, Arphandee (2006), "Perlaksanaan MuĒrabah di Krung Thai Bank Public

Company Limited, Wilayah Yala, Thailand: Analisis Menurut Perspektif Islam” (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM).

Hassan, Osman Rani (1987), *Kamus Istilah Ekonomi*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ibrahim, Ismail (1994), *Pelaburan Dalam Pasaran Sekuriti, Hadapan dan Opsyen*, Kuala Lumpur: DBP.

(1996), *Glosori Pelaburan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Ibrahim Shukri (1958), *Sejarah Kerajaan Melayu Patani (SKMK)*, Pasir Putih, Kelantan.

Imam Barnadib (1982), *Erti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP- IKIP.

Ismail, Abd. Ghafar et. al (1993), *Bank Perdagangan Di Malaysia Struktur Dan Pengurusan Dana*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Issawi, Charles (1962), *Filasafat Islam Tentang Sejarah*, Terj. : Dr.Ali Mukti, Jakarta: Tinta Mas.

Kamin, Kamsuzilawati (2002), “Penglibatan Masyarakat Islam Dalam Aktiviti Pelaburan di BIMB: Satu Kajian di Banting, Selangor” (disertasi, Jabatan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM).

Koentjaraningrat (1991), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, c. 2, Jakarta : PT.Gramedia.

K.S., Jomo (1996), *Alternatif Pelaburan Islam, Prospek Kritis dan Haluan Baru*, Terj. Kuala Lumpur: DBP.

Majid, Mohd. Salleh (2001), “Isu Praktikal mengenai Pelaburan Saham”, (dalam Seminar Pelaburan beretika Menurut Islam : satu cabaran, Kuala Lumpur ,13-14 Feb 2001, paper 2).

Mat Yaman, Fadzilah binti (2000), “Pelaburan dan Tabungan Mengikut Perspektif Islam” (Latihan ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM).

Mohamad, Mahani binti (2000), “Pelaburan: Peranannya Dalam Pertumbuhan Ekonomi Negara” (Latihan ilmiah, Jabatan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM).

Mohamad, Shamsheer dan Md. Nassir, Annuar (2002), *Analisis Pelaburan*, Selangor: UPM.

Mohammad Zaid, Najibah binti (1999), “Bank Kerjasama Rakyat Sebagai Satu Institusi Pelaburan Islam” (Latihan ilmiah, Jabatan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM).

- Mohd. Zabidi, Abdul Azim (2002), “Prinsip-Prinsip Syariah Di Dalam Pelaburan” (Kertas kerja seminar: Syariah Equity Investment and Islamic Indices, 30 Mac 2002, Kuala Lumpur).
- Salleh, Suhaimi (1994), *Menceburi Bidang Pelaburan, Panduan Unggul Untuk Pelabur Islam*. Singapura : Times Book International.
- Samae, Shukri (2006), “Koperasi IBN Affan Pattani: Sejarah dan Peranannya Terhadap Pembangunan Masyarakat Islam Selatan Thailand” (Disertasi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, UM).
- Siamat, Dahlan (1995), *Managemen Lembaga Keuangan*, Jakarta: FEUI, Ed. 2.
- Solomon, Sobri (1988), *Perniagaan Menurut Islam*, Kuala Lumpur, al-Rahmaniah: Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.
- (1989), *Ekonomi Islam : Pengenalan Sistem Dan Kemungkinan*, Petaling Jaya, al-Rahmaniah: Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.
- Suthasaana, Arong (1993), “Hukum Islam dalam Sistem Politik Thailand”, dalam Suderman Tebba (ed.), *Perkembangan Mutakhir Hukum Islam di Asia Tenggara*, Bandung: Mizan.
- Yakcop, Nor Mohamed (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

4. Rujukan Dalam Bahasa Thai

Buku dan Kertas Seminar

- Banchong bin Kasan (2003) “Bank Islam: Prinsip dan Operasi” *Islamic Bank Of Thailand*, ISBT et al., Bangkok: Thailand.
- Bangnara, A. (1997), *Patani Dulu dan Sekarang*, Penal Penyelidikan Angkatan Al-Patani.
- Bank Islam Thailand (2003), *Islamic Bank of Thailand*, Bangkok: ISBT. (Buku yang dicetak khas sebagai cenderamata pada hari perlawanan Bank Islam Thailand pada hb. 18 Ogos 2003).
- Momai, Prof Dr. Kancanat dan Kabinkan, Prof Dr. Nantana (1999), “Peranan umat Islam dalam kerajaan Ayuthaya dan Tunburi”, hasil kajian tahun 1976, Universiti Kasitsat, (ed.), dalam *Muslim News*, Jun.
- Persatuan Alumni Siswa Thailand di Pakistan dan Koperasi Islam Pattani Berhad, makalah seminar tajuk : Bank Islam dan Penyelesaian Ekonomi Thai, bertempat di Pattani Sport Kelab, pada tanggal 11 Oktober 1998.

Tokmeena, Den (1998), *Institusi Kewangan Umat Islam*, (ed.) dalam Majalah Koperasi Islam Pattani Berhad, Bil 2, May-Jun.

Laporan Tahunan, Surat Pengumuman, Risalah dan Akhbar

Akta Islamic Bank of Thailand (ISBT) B.E. 2545 (Undang-undang Thailand), 2002.

Akta Islamic Bank of Thailand (ISBT) B.E. 2545 (Undang-undang Thailand), 2002, (Akta No. 3, 2002).

Akta Islamic Bank of Thailand (ISBT) B.E. 2545 (Undang-undang Thailand), 2002, (Akta No. 32, 2002).

Akta 19 “Seseorang akan menjadi baligh apabila genap umur 20 tahun”. Undang-undang Sivil dan Komersil (Thailand), 1997, (Akta no. 19, 1997).

Bank Negara Thailand (2003), *Laporan Ekonomi dan Kewangan Tahun 2003*.

Bank Negara Thailand (2004), *Laporan Ekonomi dan Kewangan Tahun 2004*.

Bank Negara Thailand (2005), *Laporan Ekonomi dan Kewangan Tahun 2005*.

Bank Negara Thailand (2006), *Laporan Ekonomi dan Kewangan Tahun 2006*.

Bank Negara Thailand (2007), *Laporan Ekonomi dan Kewangan Tahun 2007*.

ISBT, *Annual Report 2005*.

ISBT, *Annual Report 2006*.

ISBT, *Annual Report 2007*.

ISBT, Bahagian Pembangunan Produk, *ISBT Financing Services' handbill*, (t.t), *ISBT Staff Manual*. Bangkok: ISBT.

ISBT, Bahagian Pembangunan Produk, Surat pemberitahuan produk-produk pembiayaan (*ISBT Financing Services' handbill*).

Pemplet Koperasi Islam Pattani Berhad.

Undang-undang Sivil dan Komersil (Thailand), 1997, (Akta no. 19, 1997).

5. Rujukan Laman Web

Bank Of Thailand (BOT),

http://www.bot.or.th/thai/statistics/financialmarkets/interestrates/layouts/application/interest_rate/IN_Rate.aspx, 15 Dec 2008.

KTB (Krung Thai Bank), Shariah banking Services, http://www.ktb-shariahbank.com/About_Us/aboutus.jsp, 26 Disember 2004.

ISBT, http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/history.htm, 3 Mac 2005

ISBT, http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/history.htm, 15 Dec 2007

ISBT, http://www.isbt.co.th/th/services/2_financing.php, 15 Dec 2007.

ISBT, http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/mission.htm, 3 Mac 2008.

ISBT, http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/vision.htm, 3 Mac 2008.

ISBT, <http://www.isbt.co.th/th/services/product/home.php>, 3 Mac 2008.

ISBT, <http://www.isbt.co.th/th/faq/index.php>, 26 April 2008.

ISBT, <http://www.isbt.co.th/th/article/r.php?id=14>, 10 May 2008.

ISBT, http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/mission.htm, 3 Mac 2008.

ISBT, http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/history.htm, 15 Dec 2007.

ISBT, http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/mission.htm, 3 Mac 2008.

ISBT, http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/vision.htm, 3 Mac 2008.

ISBT, http://www.isbt.co.th/th/about_ibt/mission.htm, 3 Mac 2008.

ISBT, <http://www.muslimthai.com/main/thai/content.php?page=content&category=45&id=169>, 2 Ogos 2007.

Faculty of Commerce & Account, Chulalongkorn University,
<http://www.oknation.net/blog/print.php?id=129229>, 5 Ogos 2009.

The Office of Industrial Economics, http://www.oie.go.th/industrystatus1_th.asp, 06 Ogos 2009.

The Office of Industrial Economics,
http://www.oie.go.th/industrystatus1/r_MayJul43/3.doc, 06 Ogos 2009.

6. Rujukan Temubual

Temubual bersama-sama Tuansaleena Kubaha, Timbalan Pengarah Bahagian

Pembangunan Produk, ISBT Pusat, pada tarikh 23 hingga 26 April 2008, bertempat di bilik tamu bank ISBT pusat, Bangkok.

SENARAI RESPONDEN

**SENARAI RESPONDEN
(Temubual)**

TuansaleenaKubaha, Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Produk, pada tanggal 23 Mac 2005, bertempat di bilik tamu ibu pejabat ISBT di daerah Wattana, Bangkok Thailand.

TuansaleenaKubaha, Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Produk, pada tanggal 24 Mac 2005, bertempat di bilik tamu ibu pejabat ISBT di daerah Wattana, Bangkok Thailand.

TuansaleenaKubaha, Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Produk, pada tanggal 25 Mac 2005, bertempat di bilik tamu ibu pejabat ISBT di daerah Wattana, Bangkok Thailand.

TuansaleenaKubaha, Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Produk, pada tanggal 26 Mac 2005, bertempat di bilik tamu ibu pejabat ISBT di daerah Wattana, Bangkok Thailand.


LAMPIRAN

LAMPIRAN

Lampiran A

Gabar bangunan Ibu Pejabat dan peta ISBT, Daerah Wattana, Bangkok Thailand

ธนาคารอิสลามแห่งประเทศไทย ย้ายสำนักงานใหญ่
จากอาคาร ยู เอ็ม ทาวเวอร์ ไปที่อาคารคิวเฮาส์ ตั้งแต่ 18 ส.ค.49 เป็นต้นไป



เพื่ออำนวยความสะดวกให้แก่ลูกค้า และผู้ติดต่องาน ธนาคารอิสลามฯจึงได้ย้ายที่
ทำการ จากเลขที่ 9 อาคาร ยู เอ็ม ทาวเวอร์ ชั้น 28 ไปอยู่ ณ ชั้น M.21และ 22
อาคารคิวเฮาส์ (Q.House) ถ.อโศก เลขที่ 66 ถนนสุขุมวิท 21 แขวงคลองเตยเหนือ
เขตวัฒนา กรุงเทพฯ 10110 ตั้งแต่วันที่ 18 สิงหาคม 2549 เป็นต้นไป

พร้อมกันนี้ หน่วยงานต่างๆที่ปฏิบัติงาน ณ ชั้น 2 อาคารอุทยาน ถ.พัฒนาการ
และอาคารปัญญาภูมิ ถ.สาทร ชั้น 6 และชั้น 1 ได้ย้ายไปปฏิบัติงาน ณ อาคารคิวเฮาส์
ตั้งแต่วันที่ 31 กรกฎาคม 2549

ทั้งนี้ท่านสามารถติดต่อสอบถามได้ที่ โทรศัพท์ 0-2650-6999 โทรสาร 0-2664-3345